



**PENYHATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 42

Isnin

21 Oktober 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 38)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 37)
Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman 38)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 21 Oktober 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan pertanyaan, saya ingin menyatakan selamat kembali ke persidangan Dewan Rakyat hari kesepuluh, minggu ketiga, sesi ketiga Dewan Rakyat yang ke-14. *[Tepuk]*

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berbahas dengan baik, berkualiti tinggi, bersopan, penuh dengan fakta-fakta yang tepat dan elakkan perbahasan yang beremosi, tuding-menuding antara Ahli Dewan yang lain.

Sesungguhnya bahasa yang kita tuturkan mencerminkan keperibadian diri kita yang akan dinilai oleh rakyat. Oleh itu, bertanyalah, mencelahlah, berbahaslah dengan baik demi rakyat, agama, bangsa dan negara.

1. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) apakah mekanisme yang diambil oleh kementerian dalam penganjuran Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) yang dapat menawarkan harga yang murah sehingga 40 ke 50 peratus dari pasaran dan perkembangan ke seluruh negara; dan
- (b) sejauh mana sambutan masyarakat terhadap program sumbangan sumber dan bahan melalui kaunter khas *My Food for Ummah* (MFFU).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya daripada Mersing.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, program Bazar Peduli Rakyat (BPR) ini adalah merupakan usaha daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk kita membantu dan meringankan kos sara hidup rakyat dengan pelbagai pendekatan yang kita rasakan penting untuk rakyat dapat menikmati harga yang lebih murah daripada lima peratus sehingga 30 peratus.

Ahli Yang Berhormat, jualan terus ini adalah merupakan produk makanan yang merupakan produk Agromas seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan produk industri asas tani yang diusahakan oleh FAMA. Jualan terus ikan dan hasil laut, kita ambil pendekatan dan sumber daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan juga NEKMAT dan jualan terus ayam, daging dan telur oleh Lembaga Pertubuhan Peladang yang merupakan kolaborasi ataupun perkongsian pintar tiga agensi di bawah MoA untuk tujuan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jualan komoditi terpilih oleh usahawan akan kita kemukakan ataupun laksanakan di bazar-bazar yang kita tempatkan di jabatan-jabatan kerajaan ataupun premis-premis awam. Oleh sebab itu, tiada sewa, tidak ada kos. Oleh itu, hasil jualan ladang terus oleh usahawan ini dapat kita jual kepada rakyat dengan harga yang begitu murah dan berbeza dengan harga di kedai-kedai ataupun pasar-pasar raya yang tertentu.

Kemudian, kita juga membuat jualan '*happy hour*'. Yang ini, terpulanglah kepada usahawan untuk pada saat dan ketika tertentu dia hendak lelong barangan ini. Ini juga merupakan suatu yang sangat ditunggu oleh rakyat dan usahawan-usahawan ini yang telah merasakan dia telah dapat untung sedikit, dia hendak membuat kebajikan, maka dia lelong atau dia beri percuma kepada pengunjung-pengunjung pada hari tersebut. Maka, ini sudah barang pasti akan dapat untuk menggamit perhatian rakyat.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, telah 17 kali kita adakan di sembilan lokasi, di mana hasil yang kita dapati kita telah dapat menjual dalam lingkungan nilai sebanyak RM705,000 yang merupakan satu pendapatan yang saya rasa memberikan pulangan yang sangat berfaedah kepada rakyat.

Untuk soalan yang kedua, Ahli Yang Berhormat, kita akan mengadakan juga tentang *My Food for Ummah* (MFFU) ini. Ini adalah merupakan *pilot project* ataupun *pioneer project* yang kita mahukan supaya *My Food for Ummah* ini kita akan baiki, kita akan memberikan nilai tambah supaya program Jom Kongsi Rezeki, *Food Bank*, Jelajah Ramadan, FAMA Bersamamu ini akan dapat juga memberikan faedah yang sangat besar kesannya kepada rakyat untuk menikmati harga dan juga kita dapat meringankan beban sara hidup mereka.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya daripada Mersing.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang padat daripada Yang Berhormat Menteri. Dasar ini adalah dasar inovatif di mana ia memberi banyak keuntungan kepada pengguna dan juga pengeluar produk sambil ada unsur-unsur CSR. Akan tetapi, pengeluar produk dan juga pengguna, dia hanya dapat satu hari sahaja akses kepada produk tersebut.

Soalan tambahan saya. Adakah kementerian melalui agensi-agensi, berani untuk menyediakan platform digital di mana Bazar Peduli Rakyat ini atas talian? Jadi, mereka dapat *best buy* tiap-tiap hari. Terima kasih.

■1010

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya dari Mersing. Memang kita dah mendapati pada *happening* itu ataupun pada hari itu, rakyat sangat gembira. Respons daripada rakyat adalah kenapa tidak boleh buat kerap? Saya sedang meneliti tentang dari segi keberhasilan dan *effectiveness* program ini, dengan izin. Maka, kita akan memastikan kita dapat buat secara berkala. Saya tidak boleh berjanji pada hari ini tetapi berdasarkan kepada fakta-fakta, bilangan-bilangan usahawan dan juga nilai yang akan kita lakukan itu, kita akan cuba untuk *schedule*, jadualkan di setiap lokasi ataupun daerah itu kita boleh buat. Paling tidak pun mungkin sebulan sekali.

Untuk menjawab dari segi kenapa kita tidak ambil secara pendekatan digital? Kita sudah ada Agrobazaar Online yang kita sedang menambah baik. Setakat ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, telah wujud lebih kurang 5,028 orang usahawan yang telah berjaya dalam Agrobazaar Online ini. Maka oleh itu, saya melihat masa depan memang digital ekonomi ataupun penggunaan ataupun pembelian dalam talian ini akan menjadi suatu fenomena. Oleh sebab semua kita pernah hari ini ke negara China, jauh pedalaman pun dah tidak pakai *cash*, mereka menggunakan digital ekonomi dengan aplikasi yang begitu canggih untuk mereka memudahkan urusan harian mereka. Terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Menteri. Berkenaan dengan Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) yang disebut menjimatkan satu kos penawaran sehingga 40 ke 500 peratus dan ini adalah satu peluang untuk rakyat. Cuma, persoalan daripada saya, biasanya kos untuk petani untuk mengeluarkan hasil tani ini, kurang lebih hanya memperoleh keuntungan antara 15 hingga 20 peratus sahaja. Jadi, apabila ditawarkan kepada pengguna sampai 40 ke 50 peratus, tentunya ada satu pihak yang akan

menanggung kerugian. Dalam hal ini, apakah pihak kerajaan menyediakan satu pelan berbentuk subsidi ataupun macam mana? Minta penjelasan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya dari Pasir Puteh. Oleh sebab itu kena dengar dengan teliti ya? Saya sebut penawaran itu adalah lagi 5 peratus hingga 30 peratus. Bukan 40 ke 50 peratus. Hanya 5 peratus hingga 30 peratus.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat, minta baca dalam soalan, 40 hingga 50 peratus.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Itu soalan. Itu soalan. Saya jawab dari segi fakta.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tadi Yang Berhormat tidak nafikan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Okey lah. Maknanya, dari segi soalan rasmi saya, saya dah sebut 5 peratus hingga 30 peratus. Oleh sebabnya, saya sebut tadi ini adalah niat suci, niat baik usahawan itu sendiri yang hendak *involve* dalam program ini. Oleh sebab itu, kita hendak buat, kita bagi notis dua minggu dan kita kumpulkan usahawan ini dan dengan secara sukarela. Contohnya, kalau ikan sebagai contoh, pengusaha dah dapat *setup margin* ataupun keuntungannya. Pada hari itu, dia hendak jual ikan kembung dengan harga RM8. Itu terpulang kepada dia. Sedangkan *market* pada hari itu mungkin RM12 ataupun RM10. Jadi, RM2 itu dia rela beri kepada rakyat pada ketika itu.

Demikian juga buah-buahan dan sayur-sayuran. Jadi, saya rasa ini adalah satu tindak balas ataupun respons yang sangat baik. Jadi, usahawan mendapat keuntungan, tetap mendapat keuntungan dan rakyat mendapat satu harga yang lebih murah harga pasaran pada hari itu. Jadi, inilah setakat ini kolaborasi antara FAMA, LPP dan juga LKIM yang saya rasa sepatutnya saya akan terus memperkasakan, perbaiki dan kita tambah nilai pada masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Rakyat itu ramai, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat itu ramai. Kalau setakat 700 ribu sahaja, *is nothing*. Berjuta rakyat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengajukan soalan. Saya mewakili Dewan, mengalu-alukan pelawat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. [*Tepuk*] Selamat datang. Soalan saya nombor dua.

2. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan apakah alasan kementerian meneruskan kilang Lynas di Kuantan dan apakah kesan kepada kesihatan rakyat apabila kilang ini meneruskan operasinya.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan bertarikh 21 Oktober 2019 daripada Yang Berhormat Port Dickson, 24 Oktober daripada Yang Berhormat Bentong, 31 Oktober daripada Yang Berhormat Bentong, 12 November daripada Yang Berhormat Bentong, 27 November daripada Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Bentong, 3 Disember daripada Yang Berhormat Bentong dan Yang Berhormat Merbok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah meluluskan pembaharuan lesen operasi Lynas, selama hanya enam bulan dengan syarat yang lebih ketat daripada kerajaan bagi memastikan operasi Lynas, terutamanya dari segi pengurusan sisa Lynas adalah selamat. Sehingga 24 September 2019, operasi kilang Lynas telah menghasilkan *residue radioactive water leach purification* (WLP) sebanyak 637,581 tan metrik dan buangan terjadual bukan radioaktif (NUF) sebanyak 1,084,203 metrik tan, *which is dry basis*.

Syarat-syarat baharu ini diputuskan susulan keputusan Jemaah Menteri adalah berdasarkan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant dalam laporannya pada November 2018. Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah, Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan *facility cracking and leaching* di luar negara bagi tujuan memindahkan proses tersebut yang kini dijalankan di loji nya di Gebeng, Kuantan.

Kemudahan *cracking and leaching* di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi dalam tempoh empat tahun dari tarikh sah lesen. Selepas kemudahan *cracking and leaching* mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan *residue radioactive* yang melebihi satu becquerel per gram di lojinya di Gebeng, Kuantan. Dengan syarat ini, kerajaan hendak memastikan bahawa penghasilan *residue radioactive* oleh operasi Lynas dihentikan dalam masa hadapan.

Lynas hendaklah mengenal pasti tapak spesifik untuk pembinaan kemudahan pelupusan kekal, *permanent disposal facility* (PDF) dan hendaklah mengemukakan kebenaran secara bertulis daripada mana-mana kerajaan negeri bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF atau mengemukakan kebenaran rasmi secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk membawa keluar *residue WLP* ke negara

tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, syarat PDF akan memastikan bahawa pengurusan sisa radioaktif WLP adalah ketat dalam jangka panjang, berbanding dengan penstoran sisa radioaktif WLP yang sebelum ini dibenarkan oleh kerajaan lama dalam tapak penstoran sementara *residue storage facility* (RSF).

Lynas hendaklah menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan, *research and development* (R&D) berkaitan penggunaan semula *residue radioactive* WLP sebagai *condisoil* dalam bidang pertanian dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai cagaran tambahan sehingga kemudahan *cracking and leaching* di luar negara mula beroperasi.

Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom secara tetap melakukan pemeriksaan berkala ke atas premis Lynas. Di samping itu, kerajaan turut menjalankan pensampelan alam sekitar sebagai langkah verifikasi. Merujuk seksyen 22(1), Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), sekiranya pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat lesen, kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom boleh membatalkan atau menggantung selama tempoh yang difikirkan patut terhadap mana-mana lesen yang dikeluarkan, termasuk lesen kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd. Sekian, terima kasih.

■1020

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi rombongan daripada Terengganu diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan. *[Tepuk]*

Pertamanya, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila Lynas diteruskan, ianya jelas menunjukkan bahawa tuduhan kepada Kerajaan Barisan Nasional dulu adalah tuduhan yang bohong ataupun fitnah semata-mata. Ini kerana akhirnya kerajaan hari ini meneruskan Lynas tersebut. Kalau dulu, Ahli Parlimen Kuantan menangis teresak-esak mengenangkan nasib rakyat di Kuantan, lakonan menggoreng ikan dan sebagainya. Akhirnya, bila menang sahaja teruskan Lynas, bermakna Lynas adalah selamat. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan soalan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih kerana mengiktiraf apa yang dilakukan oleh kerajaan dahulu. Soalan, beberapa syarat telah pun diberikan. Antaranya, memproses di luar negara dan sebagainya. Australia telah pun membuat keputusan bahawa mereka tidak akan menerima sisa daripada kilang nadir bumi di Kuantan ini. Saya percaya negara-negara lain juga menolak untuk menerima sisa

daripada kilang Lynas ini. Setakat hari ini, apa yang dilakukan oleh kilang ini adalah menanam sisa-sisa itu di negara kita. Saya difahamkan ada kajian tentang sisa nadir bumi ini boleh dijadikan komponen baja untuk dijadikan baja. Kenapa kita hendak mengeksport sisa ini sedangkan ianya boleh dijadikan sebagai baja dan sebagainya?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Kita memperincikan semua aspek dan segala cadangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bera. Sebenarnya dalam syarat awal, memang ada R&D untuk perindustrian dan pertanian tetapi kita lihat juga tidak ada kesan-kesan positif tentang pengkomersialan baja ini. Akan tetapi, kita mengambil maklum tentang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bera. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian, satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya teruskan kepada pertanyaan. Ya, saya beri pertanyaan yang kedua, Yang Berhormat Bentong. Paling banyak tanya. Tambah soalan, silakan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Dear* Yang Berhormat Menteri, syarat untuk mengemukakan lokasi PDF sepatutnya dipatuhi sebelum lesen operasi Lynas diluluskan. *This is international best practice. [Tepuk]* Ini juga satu *requirement* di Australia juga tetapi AELB beri kelonggaran dan beri Lynas tempoh 10 bulan dari tarikh pengeluaran TOL untuk mematuhi syarat ini. *Failing which TOL* akan dibatalkan tetapi Lynas langsung tidak peduli. AELB juga tidak jalankan tugas malah lesen Lynas telah diperbaharui dua kali sejak itu. Dua bulan yang lalu, Menteri sekali lagi memperbaharui lesen Lynas selama enam bulan dengan menetapkan syarat yang sama seperti tujuh tahun yang lalu. Jadi, boleh Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan iaitu:

- (i) mengapa tiada tindakan diambil terhadap Lynas dan AELB untuk pelanggaran syarat yang jelas ini? dan
- (ii) bilakah *dateline* untuk Lynas dikeluarkan semua sisa radioaktif WLP dari tapak kilang memandangkan AELB telah menyatakan bahawa ia perlu disegerakan disebabkan ancaman banjir besar?

Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Ingin saya maklum kepada Ahli Yang Berhormat, pada peringkat lesen kendalian sementara TOL, syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom adalah Lynas untuk mengemukakan dokumen perancangan pelan dan lokasi bagi pembinaan kemudahan pelupusan PDF dalam tempoh 10 bulan. Lesen TOL

dikeluarkan di mana syarat tersebut hanya berkaitan penyediaan dokumen perancangan dan bukan keperluan kepada Lynas untuk membina PDF pada masa tersebut.

Ingin juga saya tekankan di sini, di mana kita telah pun mengenakan syarat yang lebih ketat berbanding dengan kerajaan yang lama, ya. Saya ingin ulang balik antara syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan fasiliti *cracking and leaching* di luar negara bagi tujuan memindahkan proses tersebut yang kini dijalankan di lojinya di Gebeng, Kuantan. Kemudahan *cracking and leaching* di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi dalam tempoh empat tahun dari tarikh sah lesen tersebut. Dengan syarat ini, kita mahu pastikan bahawa penghasilan *residue* radioaktif oleh operasi Lynas dihentikan pada masa akan datang. Selebihnya saya akan jawab jawapan secara bertulis.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon satu lagi soalan kerana isu ini penting sangat. Saya mohon satu lagi, Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi ruang Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Kilang Lynas beroperasi lebih kurang dalam tujuh tahun ke lapan tahun, pelbagai isu. Bila kita letakkan *residue* ini sebagai sisa, *confirm* tidak ada sebuah negara di dunia yang sanggup terima sisa. Syarat yang diletakkan itu, *confirm* bahawa Lynas tidak akan mampu melaksanakan. Pertembungan di antara pakar-pakar atom dengan pencinta alam yang berjuang ini, saya fikir perlu diberi perhatian.

Soalan saya, sejak operasi sampai ke hari ini, berapa orang pekerja yang disyaki terkesan dengan radioaktif? Ini kerana kita berjuang, tiba-tiba pekerja mengatakan bahawa kami tidak ada kes, tidak ada masalah pun. Jadi, kita harus buktikan sejauh mana radioaktif ini betul-betul membahayakan kepada penduduk sebab pekerja mengadu bahawa mereka tidak ada seorang pun yang disyaki terlibat dengan sisa radioaktif. Mohon penjelasan.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan. Oleh sebab itu, kita mengemukakan syarat untuk Lynas, mengemukakan perancangan pembinaan kemudahan fasiliti *cracking and leaching* di luar negara untuk tujuan membina proses tersebut. Sehingga kini, di tangan saya sekarang tidak ada maklumat yang terperinci tentang itu tetapi setakat ini kita tidak ada menerima maklumat yang berkenaan.

Saya kira kita di peringkat MESTECC yang penting adalah cara kita untuk mengendalikan, bagaimana kita *deal* dengan *wastes* ini dan juga timbunan sisa

radioaktif perlulah dikendalikan dengan syarat yang telah pun kita tetapkan. Selebihnya maklumat tentang kesan kesihatan, mungkin kita boleh mendapatkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan untuk kita dapatkan informasi yang lebih holistik dan terperinci untuk itu. Terima kasih.

3. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta Menteri Pendidikan menyatakan statistik berkenaan dengan deposit SSPN-i pada tahun 2019 berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Bagaimana dana SSPN-i ini dilaburkan semula untuk memastikan satu pulangan yang baik kepada para pendeposit?

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi deposit SSPN-i bagi tempoh bulan Januari sehingga September 2019 adalah sebanyak RM475.6 juta berbanding sebanyak RM400.7 juta untuk tempoh yang sama bagi tahun 2018 dan RM263.3 juta untuk tahun 2017. Pada masa yang sama, PTPTN juga mempunyai produk SSPN-i Plus yang dilancarkan pada tahun 2015.

Prestasi deposit SSPN-i Plus juga menunjukkan trend peningkatan. Bagi tempoh bulan Januari sehingga September 2019 adalah sebanyak RM106 juta berbanding dengan RM86 juta untuk tempoh yang sama bagi tahun 2018 dan RM31.6 juta untuk tahun 2017. Pada masa kini, instrumen pelaburan yang dibolehkan untuk PTPTN melabur adalah berbentuk pelaburan jangka pendek dan sederhana di pasaran wang tempatan sahaja. Berdasarkan prestasi pelaburan sedia ada, PTPTN berupaya untuk menyediakan kadar dividen sebanyak empat peratus atau lebih setahun secara konsisten kepada pendeposit untuk tempoh lima tahun terkini iaitu tahun 2014 hingga tahun 2018. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada tahun 2003, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan RM1 bilion sebagai insentif geran sepadan ataupun *matching grant*. Menurut laporan, setakat ini hanya RM2.5 juta telah diberikan kepada pendeposit yang layak dan terdapat satu baki sebanyak RM997.5 juta.

■1030

Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan mekanisme pelaksanaan geran sepadan ini. Sebab mengapa hanya sebanyak RM2.5 juta telah diberikan dan sama ada kementerian mempunyai cadangan untuk meluaskan skop kelayakan pendeposit untuk membolehkan lebih ramai yang mendapat manfaat?

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, jikalau disedari, geran sepadan yang disebutkan itu berlaku pada tahun 2003. Jadi maksudnya berlaku tempoh yang panjang sehingga kerajaan yang baharu mengambil alih dan kita pun menyedari bahawa terdapatnya geran padanan tersebut yang tidak digunakan sepenuhnya.

Maka, bagi pihak PTPTN mereka sedang merangka mekanisme yang lebih efektif dan lebih efisien terhadap penggunaan geran sepadan tersebut dan akan diumumkan pada waktu hadapan apabila sampai waktunya. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan. Saya ingin meminta kementerian mengatakan apakah status pendidikan percuma untuk pelajar sepertimana yang dijanjikan di dalam manifesto dan apakah bantuan kepada ibu bapa golongan B40 yang tidak kerap memasukkan duit di dalam SSPN-i kerana masalah kewangan?

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, pendidikan percuma kalau kita lihat di peringkat persekolahan memang tidak dikenakan bayaran yuran kepada anak-anak sekolah. Itu dikira percuma. Apa yang dibincangkan secara pendidikan percuma ialah di peringkat universiti yang mana, di samping subsidi yang diberikan oleh kerajaan tetapi masih terdapat yuran yang minimum masih lagi dibayar oleh pelajar. Ini masih lagi dalam peringkat penelitian terakhir kita untuk melihat mekanisme yang terbaik. Di waktu ini, kerajaan terpaksa meletakkan prioriti terhadap pembayaran hutang yang begitu banyak ditinggalkan. *Insyah-Allah* dalam tempoh dua tahun ke tiga tahun hadapan, kita akan cuba memastikan bahawa janji yang telah disebutkan itu akan boleh ditunaikan.

Berkaitan dengan pelajar B40, kita ketahui bahawa terdapat banyak insentif yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar B40 sama ada di dalam inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ataupun daripada kementerian-kementerian lain, seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan lain-lain lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan faktor kemunculan paus Orca (paus pembunuh) di perairan Kerteh berhampiran dengan Pelantar Dulang Petronas dan adakah kehadiran paus ini akan mengancam sumber perikanan negara jika perairan tersebut berkembang menjadi laluan paus-paus ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Paus Orca ataupun mungkin orang ganu kata, “paus oca”, lebih dikenali sebagai *killer whale* merupakan spesies terbesar dalam keluarga ikan lumba-lumba dan kebiasaannya ditemui di kawasan dingin seperti Lautan Artik.

Paus ini merupakan pemangsa dalam rantai pemakanan ekosistem lautan dan kebiasaannya memburu dengan memakan ikan, sotong, penyu, burung laut dan lain-lain. Berdasarkan laporan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) yang berada di Rantau Panjang, spesies yang muncul di perairan Terengganu pada 16 Julai 2019, dikenali sebagai sub-spesies Paus Pilot Sirip Pendek. Spesies tersebut sentiasa bergerak dalam kumpulan populasi antara sepuluh ekor sehingga 50 ekor, dipercayai menjadikan Laut China Selatan sebagai laluan migrasi ekor musim sotong pada ketika itu. Ini kajian yang kita peroleh.

Paus Orca ini dilindungi di bawah seksyen 27, Akta Perikanan 1985 dan hanya satu kematian dijumpai pada tahun 2003 di pantai Sarawak. Mengikut kepada kajian kita, ia tidak mengganggu ekosistem, tidak berbahaya kepada nelayan dan penduduk setempat. Akan tetapi, kita akan memantau kejadian ini atau insiden ini dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebarang isu ancaman kepada sumber perikanan negara adalah isu yang serius. Oleh sebab itu, sama ada ia berupa ekor perubahan (*climate change*) atau gangguan fizikal, pencerobohan nelayan asing adalah kerugian kepada negara.

Bagaimana dengan faktor lain yang menyumbang kepada ketirisan sumber perikanan negara? Mohon nyatakan anggaran angka kerugian setahun kepada negara akibat ketirisan sumber perikanan oleh ancaman pencerobohan nelayan asing? Apakah langkah-langkah yang lebih signifikan yang boleh diambil di dalam meningkatkan lagi keberkesanan Ops NAGA? Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya Yang Berhormat Kuala Terengganu. Jadi soalan itu sudah – tidak apa saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Rashid Hasnon]: Lari sikit.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tidak apa, saya jawab. Okey, haiwan...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya perlukan angka kerugian setahun akibat ketirisan. Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Okey. Betul, haiwan kalau makan kelapa kah, dia makan tidak banyak. Orang ambil banyak. Itu biasalah ya. Jadi, pencerobohan Vietnam ini dan kapal asing kita telah ambil satu tindakan yang tegas. Operasi NAGA

telah pun diumumkan, kita teruskan, komited tiga agensi kementerian yang penting iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan.

Kita sedang meningkatkan aset-aset yang perlu. Saya akan mencadangkan kepada Kabinet hasil lawatan kita baru-baru ini, menenggelamkan lebih kurang lima kapal asing ini. Kita dapati KM Pekan tidak cukup, kita perlu ada *mothership*. Kita perlu kapal induk yang mudah lagi untuk kita beroperasi. Anggaran betul, ketirisan ataupun nilai yang hilang lebih kurang berjumlah RM5 bilion untuk satu tahun. Oleh itu, saya bertanggungjawab dan kita mesti bertanggungjawab supaya aset-aset ini ditingkatkan, penguatkuasaan dikuatkuasakan lagi. Saya juga mengharapkan nelayan-nelayan tempatan juga akan menjadi mata dan telinga kerajaan untuk kita membanteras khususnya nelayan asing yang menceroboh perairan kita. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Yang Berhormat Menteri menyebut tadi, aset-aset akan ditambah semua. Yang Berhormat Menteri sedar kah hendak bina satu aset itu mengambil masa dua tahun. Jadi, saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah tempoh aset yang hendak ditambah itu dapat disediakan? Bukan Yang Berhormat Menteri tetapi semua Menteri jawab begitu. Aset akan ditambah, aset akan ditambah. Akan tetapi, tempoh untuk tambah itu bila? Bila hendak tambah? Oleh sebab, aset yang ada sekarang sudah berumur dan saya tahu setengahnya sudah berumur 50 tahun dan terpaksa dilupuskan.

Akan tetapi, yang kata hendak tambah aset ini, bila? Sebab ini jawapan bukan menyeronokkan dekat orang, bagi jawapan yang lebih spesifik. Kalau tidak boleh Yang Berhormat Menteri, boleh tidak kita sewa aset daripada lain untuk digunakan bagi tujuan penguatkuasaan? Jadi, jawapan ini minta lebih spesifik sikit supaya rakyat pun puas hati. Rakyat tidak puas hati sekarang ini.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, 60 tahun negara kita merdeka. Bertukar kerajaan baru sekali. Akan tetapi, aset yang ada itulah. Yang paling baik adalah KM Pekan. Itu pun dihadiahkan oleh Kerajaan Jepun. Jadi, kita harus bergerak ke hadapan. Saya faham. *Insyah-Allah*, sekiranya ekonomi kita dapat dipulihkan dengan baik, saya rasa aset-aset ini dapat kita berikan dalam tempoh yang terdekat. Itu komitmen kerajaan. Kita tidak boleh tengok lautan kita, laut kita kapal asing masuk dan mengaut hasil laut kita. Akan tetapi, yang ada setakat itu. Mungkin Menteri-menteri sebelum ini pun tengok perkara itu, bukan tidak tengok. Saya tidak nafikan.

Akan tetapi, keperluan menambah aset ini adalah satu keperluan kerajaan dan ia bergantung kepada ekonomi kerajaan. Oleh itu, kita komited untuk mempertingkatkan aset ini demi negara. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Soalan saya tadi ialah apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menyewa aset daripada agensi lain untuk tujuan penguatkuasaan? Akan tetapi, untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang dikatakan kapal yang elok itu bukan KM Pekan, ada dua, KM Arau dan KM Pekan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Untuk pertanyaan jawab lisan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Batu Kawan.

■ **1040**

5. Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan individu di Malaysia yang tiada sijil lahir, pemegang kad pengenalan merah dan MyKad, mengikut pecahan jantina, umur dan etnik serta berapakah permohonan kewarganegaraan yang telah dimasukkan, bilangan yang dalam proses, bilangan yang sudah lulus serta yang ditolak dari tahun 2014 sehingga kini dan apakah langkah kementerian untuk mencegah sindiket penjualan MyKad yang ditumpaskan baru-baru ini yang dipercayai telah beroperasi selama 3 atau 4 tahun ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan lima soalan lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan permohonan kewarganegaraan dan kes penjualan kad pengenalan kepada warga asing.

Yang Berhormat yang bertanya adalah Yang Berhormat Parit bertarikh 6 November 2019, Yang Berhormat Kuala Terengganu bertarikh 18 November 2019, Yang Berhormat Gerik bertarikh 18 November 2019, Yang Berhormat Tapah bertarikh 18 November 2019 dan Yang Berhormat Ketereh bertarikh 27 November 2019.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara hanya menyimpan rekod bagi individu yang mendaftar di Jabatan Pendaftaran Negara bagi urusan kelahiran dan kematian, kad pengenalan, kewarganegaraan dan perkahwinan dan perceraian bagi yang bukan beragama Islam.

Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara tidak merekodkan individu yang tidak memiliki sijil kelahiran. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2014 sehingga 30 September 2019, sebanyak 264,192 orang memegang kad

pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR). Perincian kepada pemegang MyPR mengikut jantina dan umur adalah seperti mana berikut:

Jantina	Bilangan (orang)
Lelaki	166,116
Wanita	98,076

Julat umur adalah seperti berikut:

Julat Umur	Bilangan (orang)
12 sehingga 20 tahun	2,865
21 sehingga 59 tahun	162,856
60 tahun dan ke atas	98,471

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, status etnik dan keturunan bagi pemegang MyPR adalah ditentukan mengikut negara asal pemohon. Berdasarkan pasport dan juga permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Justeru, bagi tempoh yang sama etnik pemegang MyPR mengikut pecahan tiga negara asal yang tertinggi adalah seperti berikut:

Negara	Bilangan (orang)
Indonesia	135,701
Filipina	38,131
Republik India	10,283

Manakala bagi tempoh dari tahun 2014 sehingga 30 September 2019, sebanyak 81,133 orang permohonan kewarganegaraan telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 13,151 permohonan telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia manakala 57,236 permohonan sedang diproses, dan 10,746 permohonan tidak diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengeluaran kad pengenalan pula, dari tahun 2014 sehingga 30 September 2019, sebanyak 23,034,903 orang memegang kad pengenalan

warganegara Malaysia. Perincian pemegang MyKad mengikut jantina, umur dan etnik adalah seperti mana berikut:

Jantina	Bilangan (orang)
Lelaki	11,543,827
Wanita	11,491,076

Julat mengikut umur adalah seperti berikut:

Julat Umur	Bilangan (orang)
12 sehingga 20 tahun	4,137,879
21 sehingga 59 tahun	15,500,729
60 tahun dan ke atas	3,396,295

Mengikut etnik Melayu, mengikut etnik – Tuan Yang di-Pertua, minta masa sedikit sebab banyak soalan hendak dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bersedia bagi panjang sedikit.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih, datang daripada jauh Tuan Yang di-Pertua daripada Sabah. Untuk Melayu pula, 12,259,417 orang. Untuk kaum Cina 6,066,328 orang, lain-lain etnik 3,019,023 orang dan India 1,690,135 orang. Manakala bagi tempoh dari tahun 2017 sehingga 3 Oktober 2019 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, jumlah pengeluaran MyKad kali pertama 12 tahun di seluruh negara mengikut tahun adalah seperti mana berikut:

Tahun	Jumlah (keping)
2017	461,147
2018	460,559
2019	323,583

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa kerangka perundangan sedia ada berkaitan dengan kewarganegaraan iaitu berdasarkan kepada Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* dengan izin, serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan anak, peraturan imigresen, dan lain-lain adalah cukup berkesan dalam memastikan tadbir urus yang saksama dan teratur.

Sehubungan dengan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk mewujudkan perundangan baharu atau meminda Perlembagaan Persekutuan. Kementerian Dalam

Negeri telah memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard ataupun SOP permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(a) Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur di bawah 21 tahun.

SOP berkenaan yang akan dilaksanakan bermula tahun hadapan mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak serta tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan. Inilah sebenarnya sebelum ini disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana kalau boleh setiap penolakan itu perlu ada sebab-sebabnya.

Manakala bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon adalah diteliti secara *case by case* mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan *of course* kita di peringkat kementerian ini, khususnya di bawah Jabatan Pendaftaran Negara akan cuba secepat yang mungkin, sedaya yang mungkin bagi memastikan agar permohonan ini dapat kita mempercepatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules 1964* serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memandang serius kes penjualan kad pengenalan kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk menyiasat secara menyeluruh agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa.

Berhubung dengan penambahbaikan Jabatan Pendaftaran Negara, satu mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 18 September 2019 dan memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi mengemas kini sistem penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara termasuk memperketat prosedur pengendalian standard sedia ada JPN seperti berikut:

- (i) kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan

Kematian tahun 1957, Akta 299. Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian tahun 1951 (Sarawak Cap. 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123) kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN Putrajaya sebagai ahli panel;

- (i) meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di Jabatan Pendaftaran Negeri termasuk terhadap vendor yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang ditetapkan;
- (ii) menambahbaikkan aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada sistem atasan;
- (iii) menukar penempatan pegawai JPN secara pusingan atau *rotation* dengan izin, bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua tahun untuk minimumkan salah guna kuasa;
- (iv) menyemak dan mengemas kini data rekod kelahiran kematian dan kad pengenalan di bawah pangkalan sistem JPN bagi mengelakkan penyalahgunaan atau penyelewengan; dan
- (v) untuk jangka masa panjang, JPN meneliti cadangan agar diwujudkan bank data ataupun DNA atau kaedah-kaedah biometrik lain untuk dimasukkan dalam sijil kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.

■1050

Berhubung dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kes penjualan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak PDRM telah diberikan kuasa sepenuhnya untuk menyiasat secara menyeluruh kes ini agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa.

Sehubungan dengan itu, buat masa ini, saya ulang sekali lagi, buat masa ini tiada keperluan untuk menubuhkan RCI berasingan bagi menyiasat kes berkenaan, tetapi *in the future* kita tidak tahu, bergantung kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya mengalu-alukan kunjungan daripada Tudan Methodist Church, Miri dalam Dewan Rakyat ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga agak panjang dan ada dua bahagian. Saya mohon sedikit masa untuk saya menyampaikan soalan tambahan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selama 30 saat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang diwarisi haruslah dipuji. Namun ingin saya bertanya di sini, selain daripada SOP baharu untuk memproses dan meluluskan permohonan kewarganegaraan, satu KPI adalah amat perlu untuk memastikan SOP diikuti. Apakah KPI yang telah ditetapkan? Bilakah kes-kes permohonan di bawah Perkara 15(1)(a) di mana bapa seorang warganegara dan ibu bukan seorang warganegara diluluskan? Bilakah kerajaan akan meminda Perkara 14 dalam Perlembagaan Persekutuan untuk *foreign spouses*?

Kedua, adalah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, setakat ini berapakah bilangan yang telah ditahan di bawah sindiket penjualan MyKad palsu ini? Apakah nasib mereka yang betul-betul telah menggunakan laluan ini atau proses ini untuk memohon kewarganegaraan dengan harapan mendapat kewarganegaraan menerusi cara yang betul, apakah nasib mereka? Kita faham ramai daripada mereka adalah warga asing tetapi ada yang betul-betul menjadi mangsa kepada sindiket ini. Mohon jawapan daripada kementerian.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Soalan dia ada tiga Tuan Yang di-Pertua, ada tiga. Jadi, selepas ini sudah tidak ada lagilah soalan tambahan lain. *[Dewan ketawa]*

Okey, berkenaan dengan soalan pertama tadi, KPI. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan, Ketua Setiausaha Kementerian pun telah memanggil satu mesyuarat yang terbentuk satu *task force* di kementerian ini untuk kita kemas kini untuk kita bincangkan tentang perkara-perkara yang perlu kita tambah baik khususnya dalam sistem yang kita guna pakai pada hari ini.

Yang Berhormat Batu Kawan sebut tadi, bahawa sistem yang kita guna pakai ini pun sebenarnya merupakan sistem yang telah kita guna pakai sejak sekian lama daripada kerajaan terdahulu hinggalah pada hari ini tidak pernah diubah. Oleh sebab itulah, pada hari Kementerian Dalam Negeri melalui Ketua Setiausaha Kementerian telah memanggil dan mewujudkan satu *task force* untuk kita meneliti setiap perkara-

perkara yang perlu kita tambah baik dan dari segi KPI itu, *insya-Allah* kita akan ambil pandangan daripada Yang Berhormat dan kita akan masukkan itu dan pastikan agar apa juga penambahbaikan nanti, kita akan mengambil kira tentang KPI yang telah disebutkan tadi.

Berkenaan dengan *foreign spouses* tadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini JPN memproses anak kepada wanita warganegara berkahwin dengan warga asing tersebut di bawah perkara 15(2). Akan tetapi Jabatan Pendaftaran Negara akan mengambil cadangan untuk penguatkuasaan undang-undang di bawah Perkara 14(1) tersebut, JPN perlu mengkaji cadangan tersebut dengan lebih lanjut. Jadi, *insya-Allah* kita akan kajilah apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, kita akan ambil maklum tentang perkara itu.

Berkenaan dengan kes tangkapan yang telah dibuat oleh PDRM berkenaan dengan isu yang berlaku di Pulau Pinang. Setakat ini ada 20 tangkapan telah dibuat dan enam telah pun didakwa. Bakinya masih dalam siasatan kita dan *I'm quite sure, given time there will be more* kita akan tangkap dan sebab itu saya sebutkan tadi, kita berikan kepada pihak polis untuk meneruskan siasatan ini tanpa gangguan daripada mana-mana pihak dan *insya-Allah* saya yakin hasil daripada siasatan ini kita akan lihat nanti sama ada—sebagaimana yang ditanya tadi ada keperluan atau tidak RCI itu akan nanti dilihat kepada hasil siasatan yang telah dibuat oleh pihak PDRM. Itu sahaja, sudah jawab semua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baling, Baling.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, mohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tengok siapa yang ada dalam senarai yang lebih awal bertanya serentak.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Parit ada? Yang Berhormat Parit. Sila Yang Berhormat Parit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baling kah? Yang Berhormat Parit?

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, mohon, Libaran?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Selepas ini Kuala Krai ya.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ada situ. Secara ringkas saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah terdapat sebarang tindakan serta usaha oleh pihak kementerian untuk mengenal pasti dan membatalkan kad pengenalan individu yang membeli melalui sindiket penjualan kad pengenalan yang baru-baru ini?

Adakah terdapat sebarang cadangan oleh pihak kerajaan untuk menguatkuasakan lagi undang-undang yang sedia ada, seperti meningkatkan denda dan hukuman bagi kes penjualan kad pengenalan supaya kes seperti ini tidak akan berulang lagi. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, *of course*, mana-mana kes khususnya yang berkenaan dengan di Pulau Pinang baru-baru ini, semua kad pengenalan yang kita tangkap itu kita batalkan serta-merta, termasuk juga kes-kes lain yang sebelum ini sebenarnya. Mana-mana kes yang kita dapati, JPN dapati bahawa kad pengenalan yang diperolehi bukan melalui proses yang betul, sebenarnya kita akan *blacklist* serta-merta ataupun tarik balik serta-merta tanpa kompromi.

Dari segi kes itu tadi, untuk maklumat ya, *of course* kita mengambil serius kepada insiden seumpama ini. *In fact*, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun telah menyatakan bahawa pesalah-pesalah ataupun sindiket yang memberikan kad pengenalan ini kepada warga asing ini, dia bukan melalui proses yang betul, perlu diambil tindakan yang cukup berat. Jadi, itulah komitmen kita dan kita tidak akan kompromi terhadap perkara itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya telah berikan ruang masa yang panjang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, ini fasal maruah negara, ini fasal maruah negara penting ini Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana lagi budiman. Saya hendak tanya sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Isu kedaulatan negara, Isu kedaulatan negara.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada perkara dari Sarawak ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini berkaitan dengan jual maruah negara ini, apa salah bertambah? Bagilah tambah sedikit sahaja saya hendak tanya, saya sudah bangun daripada awal tadi sudah.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya merayu untuk Sarawak ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tambah sedikit, saya merayu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin meneruskan pada pertanyaan jawab-jawab lisan yang seterusnya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Oleh sebab perkara ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin meneruskan pada pertanyaan jawab lisan seterusnya...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini jual maruah negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad, Parit Sulong.

6. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan bagaimana Modul Keibubapaan Datuk Nenek yang baru dilancarkan baru-baru ini boleh beri manfaat dan faedah kepada generasi muda dan berapakah anggaran kos yang terlibat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua kementerian menyedari akan pentingnya peranan datuk nenek dalam sistem sokongan institusi keluarga. Datuk nenek sebagai warga emas merupakan aset negara kerana mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman yang ada pada mereka.

Justeru, kementerian kami melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia,...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Nenek lagi penting daripada maruah negara, bagus! *[Dewan riuh]*

Puan Hannah Yeoh: Soalan... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling, ini soalan jawab lisan, saya tidak beri kebenaran. Sila.

Puan Hannah Yeoh: Saya kira semua wakil rakyat mempunyai kepentingan dalam soalan yang mereka tanya, tidak ada isu datuk nenek kurang penting dengan maruah negara. *[Dewan tepuk]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jual IC lagi penting Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Soalan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jual IC lebih penting, kena faham.

Puan Hannah Yeoh: Soalan ini ditanya oleh...

[Pembesar suara dimatikan].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling berdiri tanpa kebenaran *Speaker*, dua kali sudah, teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hannah Yeoh: KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia telah melancarkan Modul Keibubapaan Datuk Nenek pada 24 Ogos 2019, bertempat di Aman Sentral Alor Setar, Kedah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Modul ini bertujuan membantu datuk dan nenek untuk memberi sokongan nilai kekeluargaan kepada generasi cucu cicit mereka. Sebenarnya latar belakang kursus ini ataupun program ini dibangkitkan dalam sidang Parlimen yang lepas, tahun 2013 oleh NGO warga emas yang menggesa LPPKN untuk mengadakan modul seperti ini.

Modul Keibubapaan Datuk Nenek ini memberi fokus kepada peranan datuk nenek sebagai tunggak nilai keluarga dalam sebuah keluarga serta sistem sokongan yang menjadi rujukan, tempat cucu bermanja dan penerusan intergenerasi. Objektif utama modul ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peranan datuk nenek dalam menjamin kesejahteraan keluarga.

Pengisian modul ini dilaksanakan secara bengkel interaktif separuh hari atau satu hari yang menyentuh memahami peranan datuk nenek dan memperkasa potensi diri secara aktif dan produktif, amalan dan cara gaya keibubapaan datuk nenek serta

meningkatkan kesejahteraan warga emas dan kesepaduan antara generasi, komunikasi dengan cucu mereka.

■1100

Modul ini dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) JKM serta NGO warga emas. Diharap lebih banyak NGO akan tampil mengikuti modul ini bersama LPPKN. Sehingga tahun ini, sebanyak 15 program telah dilaksanakan di mana seramai 437 orang warga emas telah mendapat manfaat ini. Modul Keibubapaan Datuk Nenek ini memperkenalkan transformasi konsep dan peranan datuk nenek dalam alaf baharu. Berdasarkan daripada penilaian pra dan pasca program mendapati para peserta amat berpuas hati dan berasa gembira dan menyatakan modul ini dapat membantu mereka memahami dan berkomunikasi dengan anak cucu mereka.

Dalam hal berkaitan kos, pelaksanaan program ini memerlukan kos yang minimum dan hanya melibatkan makan minum sahaja kerana melibatkan pusat aktiviti warga emas sedia ada. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengalu-alukan jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walau bagaimanapun, ada beberapa ataupun ada soalan tambahan yang saya hendak utarakan iaitu selain daripada apa yang telah diterangkan dan dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apakah usaha-usaha lain yang dilakukan dalam mengatasi masalah terutamanya *generation gap* dengan izin, yang saya kira ini adalah satu cabaran yang serius dalam menjayakan modul ini. Apakah kementerian juga ada membuat satu kajian untuk mengukur tahap keupayaan pelaksanaan modul ini dan sama ada ia juga berhasil dalam membendung gejala negatif di kalangan generasi muda. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat. Program ini masih di peringkat awal pelaksanaan dan sedang dipantau oleh LPPKN. Cuma untuk program *inter-generasi*, LPPKN mempunyai program seperti ini. JKM juga sekarang sedang memperbanyakkan lagi program dan aktiviti *inter-generasi* supaya cucu dengan datuk dan nenek mereka semua memahami tugas ataupun tanggungjawab masing-masing. Data kajian yang kita ada buat setakat ini didapati dalam *Fifth Malaysian Population and Family Survey 2014* sehingga Julai 2016, secara tradisinya sekarang, tanggungjawab yang dipikul oleh warga emas meliputi lima jenis.

Sebanyak 44 peratus daripada mereka berkongsi masalah dengan anak mereka, membantu anak mereka. Sebanyak 37 peratus menyediakan bantuan makanan kepada anak mereka, sebanyak 36 peratus membantu menjaga cucu dan ahli keluarga,

sebanyak 28.6 peratus memberikan bantuan kewangan kepada ahli keluarga dan sebanyak 25.4 peratus menemani ahli keluarga ke serata tempat. Jadi, kalau kita lihat data ini, sememangnya warga emas masih sangat bergantung pada ahli keluarga mereka.

Kita sedang dalam penelitian satu akta untuk warga emas untuk melihat bagaimana kita boleh memperketatkan lagi perlindungan kepada warga emas kerana kebanyakan daripada penderaan sekarang berbentuk *financial* atau kewangan. *Financial abuse* dalam kalangan warga emas sangat tinggi. Jadi untuk menjaga warga emas ini, kita perlu mulakan dengan modul ini dahulu dan kita sekarang sedang memantau perjalanan modul ini. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya ingin tanya sama ada kerajaan bercadang untuk menggubal apa-apa undang-undang untuk memastikan bahawa warga emas ini wajib dijaga oleh anak-anak mereka kerana kita lihat trend sejak kebelakangan ini adalah warga emas sering kali dibiarkan di pusat-pusat jagaan dan sumbangan kewangan yang dihulurkan oleh keluarga kepada pusat jagaan ini juga mungkin tidak mencukupi. Kita juga pernah lihat ada juga warga emas-warga emas yang terpaksa memulakan tindakan undang-undang untuk menuntut bayaran wang ihsan daripada anak-anak mereka sendiri.

So, saya ingin tanya sama ada selain daripada menubuhkan pusat-pusat ini, pihak kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang untuk memastikan bahawa anak-anak akan sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan dan kewangan yang diperlukan oleh ibu bapa mereka khususnya warga emas di negara ini. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Seperti yang saya telah jawab tadi, kementerian kita dalam peringkat mengkaji kesesuaian untuk memperkenalkan satu akta warga emas untuk melindungi mereka. Berdasarkan statistik JKM sedia ada, sehingga Mac tahun ini terdapat 621 orang ataupun 28 peratus daripada keseluruhan 2,193 penghuni di institusi warga emas JKM iaitu di Rumah Seri Kenangan, Rumah Ehsan dan Desa Bina Diri yang merupakan pesakit mental dan ini termasuk masalah kemurungan.

Jadi, peratusan yang kita sekarang ada adalah kebanyakan warga emas kita mempunyai masalah kesunyian dan kita perlu sebagai *policy maker*, perbanyakkan lagi program *inter-generasi* seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi. Ini kerana memang kalau kekurangan interaksi sesama ahli keluarga, generasi muda, cucu, anak dengan warga emas akan mendatangkan pelbagai lagi masalah sosial di kalangan warga emas. Statistik yang kita juga ada adalah aktiviti yang mereka lakukan sekarang ini tak banyak.

Jadi, kita sekarang sedang perbanyakkan lagi pusat aktiviti warga emas dan status terkini adalah kita mempunyai sejumlah 88 sedia ada, sebanyak 47 tambahan baru untuk tahun ini dan jumlah besar adalah sebanyak 135 buah dan kita sedang bekerjasama dengan semua Wakil Rakyat Parlimen untuk menubuhkan lebih banyak. Sasaran kita adalah sejumlah 222 pusat aktiviti warga emas untuk mengatasi masalah kegiatan yang tidak mencukupi untuk warga emas. Terima kasih.

[Soalan No. 7 – YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan) tidak hadir]

8. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah pencegahan penjualan '*Ghost Smoke*' dalam negara khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah rendah.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selaku kementerian yang bertanggungjawab melindungi hak-hak pengguna menyedari akan kebimbangan ibu bapa berhubung penjualan gula-gula '*Ghost Smoke*' di kalangan pelajar sekolah. Oleh yang demikian, kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mencegah penjualan gula-gula '*Ghost Smoke*' dalam negara. Antaranya adalah:

- (i) menggerakkan anggota penguat kuasa di seluruh negara untuk menjalankan penguatkuasaan dan pemeriksaan ke atas premis yang berpotensi menjual gula-gula '*Ghost Smoke*';
- (ii) membuat hebahan dan publisiti bagi setiap operasi yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dan amaran kepada para peniaga yang lain supaya tidak menjual gula-gula berkenaan dan;
- (iii) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui perkongsian maklumat risikan dan sebagainya

Tuan Yang di-Pertua, pada 24 Julai 2019, Kementerian Kesihatan telah pun mengeluarkan arahan untuk mengharamkan penjualan gula-gula '*Ghost Smoke*'. Arahan itu pun dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan. Saya merasakan bahawa terlalu bimbang apabila produk-produk seperti '*Ghost Smoke*' ini boleh berada

di pasaran dan dibeli oleh golongan muda. Saya difahamkan bahawa sebelum ini ada satu cadangan berkenaan Indeks Persekitaran Makanan Kebangsaan bagi memastikan pengawalan terhadap kualiti makanan dan minuman termasuklah pengiklanan produk terbabit khusus kepada kanak-kanak.

Soalan saya, apakah status indeks tersebut ketika ini dan apakah kerajaan ataupun kementerian berhasrat untuk memperluaskan indeks berkenaan kepada produk '*Ghost Smoke*' atau sebagainya yang mempunyai kesan dan mudarat jangka panjang khususnya kepada para pelajar ataupun kanak-kanak. Seterusnya, isu ini adalah merupakan isu yang melibatkan kanak-kanak yang terlalu muda. Saya pohon statistik daripada kerajaan berkenaan dengan masalah yang sedang dihadapi ini. Terima kasih.

■1110

Tuan Chong Chieng Jen: Berkenaan dengan indeks status kebelakangan ini, oleh kerana dia ada sedikit terkeluar daripada soalan asal, oleh itu, saya akan bekalkan maklumat selepas ini.

Berkenaan dengan isu *ghost smoke* ini, satu kajian makmal telah dibuat oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan menemui bahawa tidak ada apa-apa bahan kimia yang dipercayai boleh memudaratkan pengguna. Walau bagaimanapun, oleh kerana gula-gula *Ghost Smoke* ini semasa mereka makan akan mengeluarkan asap serupa merokok, oleh itu Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan arahan untuk mengharamkan penjualan *Ghost Smoke* dan penguat kuasa kita telah beroperasi dengan segera. Setakat ini, tidak ada lagi mana-mana pihak atau peruncit-peruncit yang menjual gula-gula *Ghost Smoke* ini di dalam pasaran dalam negara.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah jawab sudah tadi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Jawab tetapi keliru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada soalan tambahan kedua?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mungkin teks yang sudah *ready* itu yang dia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi tambahan. Sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Maksud saya, saya sangat faham bahawa Indeks Persekitaran Makanan Kebangsaan, sepertimana yang dicadangkan, memang tidak memasukkan pengawalan terhadap *Ghost Smoke* ini. Jadi, atas keseriusan kerajaan untuk mengatasi masalah ini, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk memasukkan, mengkategorikan *Ghost Smoke* ini ke dalam indeks persekitaran makanan yang telah ada itu? Sekian.

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua, saya telah ulas sudah. Itu *ghost smoke* ini, ia telah diharamkan. So, setakat ini, tidak ada lagi peruncit-peruncit yang menjual gula-gula *Ghost Smoke* itu. Mengenai apakah status indeks yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya akan bekalkan maklumat dan status yang terkini selepas sesi soalan ini.

10. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah pelancong dari luar negara yang telah masuk ke dalam negara tetapi masih belum keluar yang telah direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia terutama rakyat asing yang datang dari Tanah Besar China, Hong Kong, Taiwan, India, Pakistan dan Bangladesh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang berat isu penjumlahan pendatang asing tanpa izin yang tinggi di negara ini. Ini termasuklah warganegara asing yang berada di Malaysia melebihi had tempoh yang dibenarkan. Isu ini, jika tidak ditangani secara berhemah, boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi mahupun politik negara.

Berdepan realiti ini, Kementerian Dalam Negeri melalui agensi-agensi di bawahnya sentiasa melaksanakan operasi-operasi bersepadu yang melibatkan perkongsian sumber dan maklumat risikan bagi menangani isu pendatang asing tanpa izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 13,279 operasi telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan seramai 39,178 orang PATI dan 978 orang majikan pada tahun 2019 iaitu dari 1 Januari sehingga 26 September 2019. Daripada jumlah keseluruhan tangkapan PATI tersebut, seramai 6,101 orang telah melakukan kesalahan tinggal di negara ini melebihi tempoh pas ataupun permit yang dikeluarkan kepada mereka di bawah seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat secara khusus, jumlah tangkapan PATI bagi tahun 2019 mengikut pecahan warganegara yang dipohon adalah seperti berikut.

Warganegara	Bilangan (Orang)
Bangladesh	707
India	409
China	165
Pakistan	156

Dari segi statistik yang lengkapnya, mungkin saya boleh beri secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua, kerana terlalu panjang. Sekian, terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya. Pintu sempadan kita rasakan tidak begitu ketat dijaga. Apakah kerajaan bersedia berbelanja besar bagi sistem psikometri bagi memastikan pelancong yang masuk boleh dikesan semasa masuk dan keluar?

Begitu juga, apakah tindakan kerajaan bagi pelancong yang minta derma? Sebenarnya dia tidak ada duit. Apakah tindakan kerajaan dan kemungkinan mereka ini pula hendak dapatkan IC merah, sanggup berkahwin dengan orang tempatan. Apa tindakan daripada Kementerian Dalam Negeri? Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan soalan tambahan sebentar tadi, saya setuju dengan Yang Berhormat yang menyatakan tadi bahawa perlunya kos ataupun bajet disediakan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kita dapat mengawal rapat pintu-pintu di sempadan kita ataupun sempadan kita. Akan tetapi, sebagaimana kita pun sedia maklum, bahawa kekangan kewangan yang mengakibatkan Kementerian Dalam Negeri tidak dapat melaksanakan perkara ini secara drastik.

Walau bagaimanapun, saya yakin apabila kedudukan kewangan kita sudah pulih *insya-Allah*, saya berharap agar kerajaan dapat menambah dengan begitu banyak bajet agar kita dapat mengawal selia pintu-pintu masuk di negara kita.

Apa yang disebutkan juga tadi ialah berkenaan dengan adakah kita ingin berbelanja tentang sistem untuk skrin mereka-mereka yang masuk ke negara kita. *Of course*, inilah antara elemen-elemen yang sebenarnya kita sekarang bangunkan melalui sistem MyIMMs yang akan, *insya-Allah*, diimplementasikan apabila sistem ini siap kelak.

Untuk makluman juga, kita telah diluluskan untuk tahun 2020 sebanyak RM50 juta untuk pemasangan CCTV di sekitar persempadanan negara kita. Kalau tengok berita pada hari ini pun, kita nampak apa yang diumumkan oleh Tan Sri IGP, kita telah

nampak penyeludupan barang masuk melalui pintu utara kita dan kita tangkap melalui rakaman CCTV. Jadi inilah di antara perkara-perkara yang kita perlukan. *Insyah-Allah*, saya yakin dan percaya apabila kedudukan kewangan negara sudah pulih, *insyah-Allah* kerajaan akan mempertimbangkan untuk menambah bajet agar Kementerian Dalam Negeri dapat mengawal selia pintu-pintu masuk kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Memandangkan pendatang asing tanpa izin ini mereka datang ke Malaysia bukan sahaja mereka bekerja tanpa permit tetapi sekarang apa yang berlaku ialah ada pendatang asing tanpa izin ini mereka berniaga, malah ada pula yang lebih serius iaitu mereka sekarang menjadi pengusaha di mana mereka membuka kilang. Mereka ialah majikan, mereka memiliki kilang tersebut dan membuat perniagaan. Ini telah menjejaskan peluang perniagaan tempatan.

Apakah tindakan daripada kementerian? Adakah tindakan-tindakan telah diambil dan apakah yang akan dilakukan oleh kementerian? Ini amat serius. Ia sedang berlaku terutamanya di bandar-bandar besar di mana saya pernah lihat kilang-kilang tersebut, apabila masuk ke dalam, semuanya ialah pendatang asing tanpa izin. Mereka merupakan bos kilang tersebut dan mereka menawarkan harga yang lebih murah. Ini telah menjejaskan pekilang-pekilang tempatan. Soalan saya. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka, sahabat saya. Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut.

Ya, kita mengakui. Oleh sebab itulah untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi pun, kita melakukan banyak operasi-operasi Jabatan Imigresen Malaysia yang telah kita lakukan. Malah, tangkapan juga terlalu banyak hinggan untuk makluman, pusat penampungan depot tahanan Imigresen kita sudah—umum pun tahu, sudah penuh melebihi kapasiti yang ada.

Jadi sebab itulah, *of course*, kita akan mengalu-alukan maklumat daripada orang ramai khususnya bagi memastikan agar jika mereka mengetahui ada pihak-pihak ataupun warga asing yang berniaga dengan menggunakan ataupun kaedah yang salah, maklumkan kepada kita. Untuk makluman, saya sendiri pun ikut bersama-sama pegawai Imigresen ini turun ke bawah untuk melakukan operasi-operasi.

■1120

Itu pun waktu ketika kaki belum patahlah. Kaki sudah patah ini, cuti dahulu. Akan tetapi *insyah-Allah* kalau kaki sudah okey, kita akan melakukan balik operasi. Saya akan turut serta dalam memastikan operasi-operasi Jabatan Imigresen Malaysia ini dapat kita lakukan dengan begitu kerap lagi. Sekian, terima kasih.

11. Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah usaha kementerian dalam meringankan kos sara hidup golongan petani dan peladang, terutamanya di pedalaman Sabah dan adakah kementerian bercadang untuk meneruskan Program Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:

Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih soalan daripada rakan saya, Yang Berhormat Tenom. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya Yang Berhormat Tenom, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) tidak boleh berdiri bersendirian dalam mendepani isu kos sara hidup ini.

Maka, beberapa kementerian yang terlibat, termasuklah sekretariat KPDNHEP iaitulah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), kita telah mengadakan pelbagai perancangan untuk kita berupaya mengurangkan kos sara hidup rakyat. Di pihak MoA, sebagaimana yang saya perelaskan sebahagiannya daripada pagi tadi melalui Bazar Peduli Rakyat, kita akan memperkukuh program-program seperti Program Sumber Kekayaan Baru (SKB) menerusi Program Pembangunan Industri Ruminan seperti kelapa, durian, nanas dan jagung (bijian).

Saya ingin berkongsi bahawa kita telah mampu untuk bergerak sedikit ke hadapan, di mana pelbagai usaha dilakukan untuk mengeksport durian kita, Premium Musang King. Kita sedang berusaha untuk membawa masuk *jackfruit* kita, buah nangka kita yang madu dan nanas kita MD2 dan juga *variety* Josapine dan lain-lain yang sedang mendapat pasaran yang kukuh di negara besar China dan juga di Timur Tengah.

Akan tetapi masih bekalan tidak cukup. Maka, ruang itu akan kita gunakan sepenuhnya untuk menggalakkan usahawan-usahawan muda kita, terutamanya untuk menanam lebih banyak buah-buahan tropika yang mampu kita eksport ke luar negara dan memenuhi pasaran tempatan. Demikian juga pembangunan industri hiliran dengan kita akan menggalakkan usahawan muda. Kita sudah ada syarikat-syarikat *anchor* seperti Holstein Milk Company Sdn. Bhd. di Muadzam dan juga yang bakal tumbuh banyak *private sectors* yang akan masuk dan juga Projek Pertanian Rakyat. Kita ada Program Rezeki Tani, Rezeki Nelayan dan Rezeki Ternak yang sedang kita fokuskan untuk kumpulan sasar B40.

Untuk Program Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP), saya meneliti dokumen yang mana Unit Perancang Ekonomi pada waktu itu telah menamatkan peruntukan itu dan tidak memasukkannya dalam RMKe-11. Saya teliti dan ada di antaranya telah berlakulah apa yang dikatakan salah guna dan seumpamanya.

Apabila kami mengambil alih kerajaan, maka berdasarkan kepada rekod UPEN, ia tidak diteruskan dan tidak dimasukkan dalam RMKe-12.

Oleh itu, untuk masa hadapan, saya bersedia untuk meneliti kembali program ini. Sekiranya kita dapat memfokuskan dan dapat untuk kita *profilekan* kembali segala dokumen itu, maka saya rasa untuk faedah rakyat, tidak ada sebab untuk saya *review* kembali tentang Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen ini. Terima kasih.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan dan menzahirkan ucapan terima kasih daripada petani dan peladang Tenom atas kesudian Yang Berhormat Menteri hadir ke kawasan saya pada 13 September yang lalu. Saya juga ingin mengalu-alukan bagi pihak Dewan Rakyat, pelawat daripada DAP Muar, Melaka dan Johor. [*Tepuk*]

Soalan tambahan saya, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian agar bantuan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu sampai kepada sasaran? Juga saya mendengar tadi, Program MPPP ini tidak diteruskan sebab ada salah guna kuasa. Akan tetapi memandangkan program ini sebenarnya ia memberikan banyak kebaikan kepada para petani, bolehkah program ini diteruskan?

Namun, saya cadangkan agar pelaksanaannya diubah iaitu diberikan kepada kawasan Parlimen yang mana pendapatan ekonomi utama di kawasan Parlimen tersebut melebihi 70 peratus adalah berasaskan kepada pertanian.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas soalan tambahan itu. Yang Berhormat Tenom, sewaktu dalam lawatan saya dan kita tidak banyak berbeza dari segi melihat keperluan rakyat tempatan itu diberikan penumpuan. Yang Berhormat mungkin setuju, PPK kawasan Tenom itu telah menampakkan satu kejayaan. Saya ucap tahniah dan boleh mengeluarkan golongan usahawan dan juga peserta-peserta yang sangat efektif.

Kita akan fokus Yang Berhormat untuk kita memberikan lebih banyak Program Rezeki Tani, Rezeki Ternak di kawasan Yang Berhormat. Baki RM4.5 juta daripada baki RM44 juta daripada program itu yang telah dimasukkan dalam industri agromakanan, saya yakin yang itu dahulu, baki itu yang *insya-Allah* kalau ada permohonan daripada kawasan Yang Berhormat, kita boleh mempertimbangkan untuk membantu. Saya sudah sebut tadi, saya akan *review* balik keseluruhan program itu.

Kita buat penambahbaikan dan sekiranya apa yang saya nyatakan tadi, ia berkesan untuk kita bantu, saya tidak keberatan untuk memohon supaya dalam bajet tahun hadapan ataupun RMK seterusnya dimasukkan kembali bantuan ini. Terima kasih.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Kos sara hidup petani, mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri, dengan kos benih padi di kawasan Parlimen saya, Jerai dan juga seluruh negeri Kedah yang semakin meningkat sekarang dan ada masalah kekurangan benih akibat saya tidak tahu monopoli atau apa. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya Yang Berhormat Jerai, saya telah menerima laporan itu dalam minggu lepas. Minggu ini saya telah meminta KSU dan seluruh jentera kementerian untuk memastikan semua benih itu sampai menjelang hujung minggu ini, *insya-Allah*.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Untuk kita mengurangkan kos sara hidup petani ini, kita akan memastikan bahawa dari segi perolehan, dari segi mutu padi itu, benih padi itu akan terus saya pantau. Saya telah pun membuat tindakan untuk menyiasat semua pembekal-pembekal benih padi sah ini. Kita telah pun kategorikan mereka dan merekodkan prestasi mereka. *Insya-Allah* perkara ini akan saya perbaiki dan saya pandang serius. Terima kasih.

12. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kedudukan Malaysia di dalam tangga kedudukan '*Global Competitive Index*' dan apakah usaha '*Invest Malaysia*' untuk graduan tenaga mahir yang berkemahiran tinggi di negara ini supaya dapat memenuhi permintaan syarikat multinasional yang memerlukan mereka untuk menyumbang kepada usaha kerajaan menaikkan tangga kedudukan GCI.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita dimaklumkan bahawa di bawah *World Economic Forum* melalui laporan terkini *Global Competitive Business Report 2019* menobatkan Malaysia sebagai ekonomi yang ke-27 paling berdaya saing di kalangan 141 ekonomi di dunia. Di rantau Asia pula, Malaysia mendahului negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei, kecuali Singapura.

Laporan ini menilai faktor-faktor yang membolehkan sesebuah negara mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran dalam jangka panjang melalui 12 teras daya saing iaitu infrastruktur, institusi, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kestabilan ekonomi mikro, kesihatan, pendidikan dan kemahiran,

pasaran barangan, pasaran buruh, sistem kewangan, saiz pasaran, *dynamism* perniagaan dan keupayaan inovasi yang kesemuanya melibatkan 103 indikator.

Tuan Yang di-Pertua, bagi teras pendidikan dan kemahiran di bawah Laporan GCR 2019, Malaysia berada di kedudukan 30 di antara 141 ekonomi. Salah satu indikator utama dan yang penting yang dinilai menerusi teras ini adalah set kemahiran graduan ataupun *skill set of graduates*, dengan izin, yang mana Malaysia berada di tempat ke-17 daripada senarai 131 indikator bagi pengukuran Laporan GCR.

■1130

Indicator ini mengukur sejauh mana pelajar lepasan pendidikan menengah dan universiti mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh pihak peniaga. Malahan, *indicator* utama lain seperti latihan kakitangan, kemahiran digital, pencarian pekerja mahir dan kualiti latihan vokasional juga turut memainkan peranan yang tidak kurang penting di mana Malaysia berada di kedudukan masing-masing. Kelapan, ke-10, ke-11 dan ke-12.

Seiring dengan usaha untuk meningkatkan tenaga mahir di Malaysia, MITI menerusi pelbagai agensi di bawahnya, giat melaksanakan program-program yang mampu menyumbang kepada usaha ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bagi maksud ini sebagai contoh, *InvestKL* telah memperkenalkan program Bakat Global Malaysia bagi melahirkan bakat-bakat atau tenaga mahir tempatan yang mampu meningkatkan kebolehpasaran (*marketability*) dan memenuhi kehendak syarikat-syarikat multinasional yang melabur di Malaysia.

Program Bakat Global Malaysia menghubungkan syarikat multinasional yang mempunyai *sub* hab serantau ataupun *regional hub* dengan izin, dalam pelbagai sektor strategik dengan universiti-universiti di Malaysia. Malahan, program ini turut memperhebatkan aktiviti sedia ada yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi seperti dua tahun universiti dan dua tahun industri. *CEO at faculty* yang melibatkan ketua pegawai eksekutif, syarikat-syarikat ternama di Malaysia dan di mana mereka dilantik sebagai profesor jemputan di universiti dan juga program-program latihan di ibu pejabat syarikat multinasional. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma saya dapati dalam laporan *Global Competitiveness Index Report* ini, Yang Berhormat beritahu kita nombor ke-27. Sebenarnya kita jatuh daripada tangga ke-25 tahun 2018 kepada tangga ke-27 tahun 2019. Kejatuhan dua mata dan *Invest Malaysia* sebenarnya letak di bawah Kementerian Yang Berhormat.

Saya hendak tanya berkenaan dengan kadar upah. Adakah pihak kerajaan ingin mengadakan langkah perlindungan terhadap upah pekerja Malaysia yang lebih rendah berbanding dengan pekerja negara penanda aras. Contoh Yang Berhormat sebut *skill set of graduate*. Kita bandingkan dengan *Switzerland* contoh, kalau *Invest Malaysia* bawa pelabur ke dalam negara, adakah upah mereka di sini sama dengan upah mereka di negara penanda aras?

Dr. Ong Kian Ming: Untuk makluman Yang Berhormat, bukan *Invest Malaysia*, *Invest Kuala Lumpur (InvestKL)*. Untuk maklumat Yang Berhormat, mereka *InvestKL* adalah untuk menarik lebih banyak pelabur multinasional untuk datang ke Kuala Lumpur ataupun *greater Klang Valley area* untuk menubuhkan *principal hub* mereka.

Ya, memang saya tidak menafikan bahawa kedudukan Malaysia telah jatuh daripada tangga ke-25 pada tahun 2018, ke tahap ke-27 pada tahun 2019 tetapi pada pandangan saya, kita mesti lihat tangga Malaysia dalam *Global Competitiveness Report* ini dalam segi jangka masa panjang kerana kerajaan baharu masih lagi perlu masa untuk mempertingkatkan lagi prestasi. Ada juga kemungkinan bahawa *surveys* yang digunakan dalam 103 *indicator* ini belum lagi boleh mendapatkan maklumat yang terkini ataupun *measurement* yang terkini tentang program-program kerajaan untuk misalnya, *increase transparency*, mengurangkan *corruption* dan sebagainya. Saya yakin dalam masa dua ke tiga tahun lagi memang kedudukan Malaysia dalam *Global Competitiveness Report* ini akan naik lebih daripada 27 terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dengan jawapan yang diberi cuma persoalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah sejauh manakah kerajaan mengimbangi kebenaran kelulusan ataupun kelulusan pas pekerjaan ekspatriat (Kategori III), yang gajinya RM3,000 hingga RM5,000 sebulan yang mana ia akan menjadi saingan kepada graduan-graduan cemerlang untuk mendapatkan kerja dan gaji tersebut? Apakah ia tidak mengganggu peluang ataupun pendapatan daripada anak negeri sendiri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ong Kian Ming: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan itu adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia dan bukan di bawah MITI. Jadi, saya berikan soalan itu kepada Kementerian Sumber Manusia terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Soalan tambahan saya, saya ucapkan tahniah kepada kementerian di atas segala usaha yang diumumkan berkaitan dengan rangkuman bawah *InvestKL*. Akan tetapi, menurut laporan Jabatan Statistik Negara termasuklah Bank Negara Malaysia, peratusan bagi graduan

berkemahiran tinggi dari tahun 2002 hingga tahun 2010 adalah pada tahap 45 peratus jatuh kepada 37 peratus sahaja tahun 2011 hingga tahun 2017.

Jadi apakah usaha MITI dengan kerjasama bersama kementerian lain untuk memastikan bila syarikat multinasional datang ke Malaysia, ia boleh mendapatkan pekerja berkemahiran tinggi yang telah jatuh baru-baru ini. Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa soalan ini boleh dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan tadi di mana saya rasa upah yang diberikan kepada graduan kita ini oleh multinasional memang lebih tinggi berbanding dengan syarikat-syarikat tempatan ataupun syarikat yang ada di negeri lain. Jadi, untuk memberi *skill set* yang mencukupi, pihak MITI akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Sumber Manusia untuk mempertingkatkan lagi *training* untuk Industri 4.0 yang memang memerlukan *skill set* yang diperlukan oleh syarikat multinasional dan dengan itu kita boleh juga memberi upah yang lebih tinggi. Mungkin tidak setakat Switzerland tetapi saya rasa lebih tinggi berbanding dengan industri-industri lain di Malaysia. Terima kasih.

14. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejak setahun lalu, iaitu dalam tempoh Jun 2018 hingga Ogos 2019. Jelaskan berapa banyak unit serta nilai dalam mata wang Ringgit Malaysia jualan kereta jenama Proton yang telah dieksport ke negara asing?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya satu lagi tanggungjawab untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat Kapit. Bagi lapan bulan pertama tahun ini, Proton telah mencatat jumlah jualan kenderaan sebanyak 61,235 unit, peningkatan sebanyak 36 peratus berbanding dengan tempoh sama tahun 2018.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysia Automotive Association*, jualan kenderaan jenama Proton telah menduduki tempat kedua bagi segmen jualan kenderaan penumpang dari Januari hingga ke Ogos 2019. Peningkatan jumlah jualan ini didorong faktor pengeluaran X70 bermula pada tahun 2018. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah beli satu X70 untuk menunjukkan sokongan saya kepada Proton dan kepada X70 serta pembaharuan semula model sedia seperti Saga, Ixora, Iriz dan Persona pada tahun 2019.

Bagi tempoh Jun 2018 hingga Ogos 2019, Proton telah mengeksport sebanyak 1,635 unit kenderaan Proton terutama bagi model Gen.2, Preve dan Persona dengan nilai eksport bernilai RM55.1 juta. Pasaran eksport utama adalah Brunei, Mauritius, Jordan, Pakistan, Iraq, Zimbabwe dan Mesir. Sekian, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan angka-angka yang telah diberikan tadi adalah cukup memberangsangkan. Peningkatan 36 peratus dan sebagainya. Jadi, soalan saya ekoran itu, adakah pasaran terkini ataupun prestasi terkini ini boleh berterusan dan boleh membawa Proton atau syarikat Proton ini kepada tahap *profitability*? Jadi, mulai sekarang ya. Apa cerita terkini dengan cadangan untuk pengeluaran kereta Malaysia ketiga? Sekian terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Untuk prestasi Proton dari segi penjualan dalam negeri, saya memang yakin bahawa ia boleh bertambah lebih baik oleh kerana beberapa sebab.

■1140

Sebab yang pertama ialah oleh kerana *Industry Linkage Programme* yang telah diperkenalkan di bawah MITI akan memberi perangsang dan juga insentif kepada Proton untuk membuat lebih banyak aktiviti CKD di Malaysia seperti model X70 dan juga model yang baharu yang akan diperkenalkan iaitu X50. Pada masa yang sama X50, X70 ini memang, X70 memang telah mendapat sambutan yang baik dan X50, saya yakin juga akan mendapat sambutan yang baik oleh kerana *price point* dia berbeza dengan X70. Pada masa yang sama saya juga yakin kepada *business model* yang telah diperkenalkan oleh Proton bersama dengan dengan *shareholder* iaitu Geely di mana strategi untuk mengeksport menggunakan kereta Proton kepada negara *right hand drive* seperti Pakistan dan Indonesia dan juga lain-lain negara di Asia Tengah akan memberi satu pasaran yang lebih besar berbanding dengan sebelum ini.

Untuk kereta ketiga saya rasa tidak sesuai untuk menjawab buat masa sekarang kerana tidak melibatkan soalan berkenaan dengan Proton. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Apakah yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional terlebih dahulu telah diperakui oleh Kerajaan PH, bahawa Geely adalah rakan *partner* yang terbaik walaupun mereka menghentam sebelum ini ya. Apa jadi dengan Bandar Proton di Tanjung Malim, setakat mana perkembangan. Setakat mana perkembangan pekerja-pekerja Proton, adakah mereka mendapat segala yang mereka harapkan sebelum ini di bawah perjanjian antara Proton dan Geely. Satu lagi saya baru dapat maklumat daripada Yang Berhormat Kinabatangan, Menteri-menteri Sabah ini dia membeli Mercedes, dia tidak membeli Proton. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Untuk maklumat Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat

Pontian, Yang Berhormat Menteri MITI, iaitu Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking telah membeli satu X70. Jadi Yang Berhormat Menteri Sabah..

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Negeri Sabah, negeri Sabah.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Yang Berhormat Menteri MITI pun menunjukkan keyakinan terhadap Proton.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Maksud saya Yang Berhormat Menteri-menteri negeri Sabah. Exco Negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Untuk Proton City, saya hendak jelaskan kepada bekas Timbalan Menteri MITI. Sekarang Proton City sedang membuat program supaya *Industry Linkage Programme* ini boleh melibatkan lebih ramai vendor untuk pembuatan X70 di Malaysia dan pada masa yang sama ada pelan juga untuk *roll out* lebih banyak model lagi dengan kerjasama Geely. Saya rasa ini memang boleh memberi manfaat kepada Proton dan seluruh juga *supply chain* yang melibatkan syarikat Malaysia yang memang akan mendapatkan manfaat dari segi vendor *development chain*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan. Usul ya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.43 pagi

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ramai yang hendak berbahas ya, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 22 Oktober 2019.”

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” [**17 Oktober 2019**]

Tuan Yang di-Pertua: Setakat ini 51 orang Yang Berhormat telah berbahas. Pembahas yang terakhir ialah Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang, Kota Samaharan. Jadi seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan, mengikut senarai yang ada pada saya. Selepas itu Yang Berhormat Arau. Dengan gembira saya umumkan Yang Berhormat Arau lepas ini.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Batu Kawan.

11.44 pg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk Batu Kawan membahas Belanjawan 2020. Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak belanjawan yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan...

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit sahaja.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...dalam beberapa tahun ini, Belanjawan 2020 adalah yang banyak memberikan penekanan sistem sokongan untuk membuka ruang untuk menambah baik standard sosioekonomi golongan wanita dan anak muda. Saya berharap suatu hari nanti rakyat Malaysia tidak kira kaum atau agama, jantina, tua atau muda, OKU atau bukan dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri supaya mereka dapat menjana sumber pendapatan untuk kemampanan, keluarga, komuniti, masyarakat dan negara dan untuk menjunjung prinsip keadilan sosial dan kebajikan. Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin mengucapkan syabas di atas usaha kerajaan untuk menetapkan cuti bersalin 90 hari khas untuk golongan ibu dan untuk kemaslahatan dan kesejahteraan keluarga.

90 hari ini adalah untuk ibu dan ayah menikmati *bonding time* di antara bayi, adik-beradik mereka yang lain dan untuk ibu menyesuaikan diri dengan bayi mereka dan juga untuk menyediakan mereka untuk berkhidmat kembali ke alam pekerjaan. Saranan kerajaan hanya akan tinggal saranan sahaja tanpa apa-apa penguatkuasaan jika tidak terikat dengan mana-mana undang-undang. Maka adalah perlu suatu pindaan Rang Undang-undang kepada Akta Pekerjaan dan Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak. Saya akur bahawa...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...mantan Perdana Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan. Awal ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ... Yang Berhormat Pekan – Sekejap lagi, saya habiskan ini. Yang Berhormat Pekan juga pernah mengumumkannya. Namun disebabkan ketiadaan iltizam politik, maka ianya bagai menanam tebu di bibir dan tinggal kata-kata kencang sahaja. Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia serta kementerian yang berkaitan menyediakan platform untuk dialog di antara pihak majikan dan pihak kementerian serta MTUC agar satu kata sepakat dapat dicapai dan selepas setahun maka pindaan rang undang-undang boleh bermula.

Menurut *International Labour Organization* lebih 120 negara mengamalkan 90 hari cuti bersalin dan 31 negara menetapkan kurang dari 90 hari cuti bersalin. Jadi kepada Yang Berhormat yang selalu mengumumkan membawa point bahawa lebih 120 negara mengamalkan cukai GST, mengapa Malaysia perlu. Saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut akan menyokong usaha murni ini untuk isteri, anak dan ahli keluarga kita supaya mereka juga akan menikmati cuti bersalin 90 hari di Malaysia.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan, silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih. Yang Berhormat Setiawangsa prihatin tentang isu ini. Jadi Yang Berhormat Setiawangsa ingin bangkitkan adakah Yang Berhormat setuju bahawa mungkin kerajaan boleh mulakan misalnya di Kementerian Pendidikan. Kerana sekarang peruntukan guru ganti adalah sangat sedikit di mana banyak guru adalah wanita dan bila mereka bercuti sehingga 3 bulan sedia ada, peruntukan misalnya di wilayah Keramat, Pejabat Pendidikan Wilayah Keramat, 60 buah sekolah, hanyalah RM20 ribu setahun. Jadi adakah Yang Berhormat setuju agar peruntukan ini ditambah untuk melaksanakan dasar ini sebaik mungkin.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Saya setuju dan saya harap kementerian dapat jawab. Ada negara yang mana majikan perlu membayar gaji ibu atau melalui sosial sekuriti. Perkara-perkara ini perlu diselaraskan sebelum pindaan berlaku. Juga sebagai kerajaan kita perlu berlaku adil kepada kaum wanita dan juga pihak majikan. Syarikat yang tidak dapat *hit target* keuntungan mereka akan sukar membayar gaji pekerja mereka, maka batasan ini juga perlu diambil kira. Namun demikian, saya menyokong penuh dengan cadangan 90 hari cuti bersalin.

Tuan Yang di-Pertua dalam nada yang sama, saya ingin menyeru kepada Kementerian Sumber Manusia dan pihak kerajaan agar memasukkan semula peruntukan Anti Diskriminasi terhadap *job seekers* yang amat memerlukan perlindungan ini supaya tidak menjadi mangsa diskriminasi sebelum mendapat kerja pun. Beribu pemohon wanita, anak muda dan golongan OKU yang cuba untuk mencari kerja akan berhadapan dengan situasi menjadi mangsa diskriminasi pada saat awal memohon kerja dan tidak akan mendapat perlindungan dari segi undang-undang walaupun tiada apa-apa kekangan undang-undang atau *legal restrictions* untuk melakukannya.

Bagaimana akan kita mencapai #Malaysia@Kerja yang meliputi watan kerja, wanita kerja dan graduan kerja apabila impian mereka dicantas begitu saja jika diberikan perlindungan pada peringkat awalnya. Walaupun kerajaan sedang meneliti pindaan kepada Akta Pekerja 1955 untuk memastikan tiada diskriminasi terdapat mana-mana golongan, contohnya wanita hamil, wanita yang bertudung, orang Asli atau orang Sabah dan Sarawak dan pelbagai faktor yang lain. Selain daripada etnik, bahasa, warna kulit, agama dan ketetapan fizikal, namun *job seekers* perlu diberikan perlindungan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan konsultasi kerajaan dengan MTUC, dengan NGO-NGO wanita, *Womens Aid Organization*, *JAC*, *ABIM* dan *WCC* dan *PDTC*, maka satu keputusan untuk memasukkan peruntukan ini dapat ditetapkan tanpa apa-

apa keraguan. Pada masa yang sama ingin saya bangkitkan juga isu diskriminasi terhadap golongan yang HIV positif atau penghidap AIDS.

■1150

Apakah usaha kerajaan untuk memastikan golongan ini tidak terpinggir dan tidak di diskriminasi di atas sikap kurang mengambil tahu mengenai virus HIV, dan bagaimana ianya didedahkan daripada seorang ke seorang?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada KDN akan isu kemasukan paderi-paderi, pastor-pastor bagi gereja-gereja atau konvensyen-konvensyen, sami-sami dari kuil Hindu dan *Granthi* dari Gurdwara. Baru-baru ini pemimpin rumah-rumah ibadat ini menghadapi kesukaran untuk memasuki negara dan pelbagai alasan telah diberikan. Saya faham akan isu keselamatan dan tidak sama sekali mempertikaikannya tetapi sebab yang diberikan biasanya sangat lemah dan *flimsy* oleh Jabatan Imigresen. Saya berharap KDN akan mengambil maklum dan membenarkan mereka dengan semua dokumentasi lengkap untuk masuk tanpa gangguan daripada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu-isu polisi-polisi baharu berkenaan pengambilan pekerja asing.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maaf saya kekurangan masa, 9 minit sahaja ada lagi. Boleh bangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat nanti.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *[Ketawa]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Pengambilan pekerja asing masuk ke negara kita dalam arena pembinaan, F&B, restoran-restoran, dalam perniagaan pengayaan rambut- *barber shop*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat, saya tidak cukup masa. Mungkin Yang Berhormat boleh bahas nanti... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Para penjahit baju- *tailors* dan sebagainya. Baru-baru ini beberapa polisi telah ditetapkan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu Kawan tidak berani.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...Oleh satu jawatankuasa yang dianggotai KDN, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian KPDNHEP dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan industri kita ke atas tenaga buruh asing adalah satu usaha yang murni. Namun masalahnya adalah banyak warganegara

Malaysia tidak mahu bekerja di sana di atas sebab-sebab yang logik, munasabah dan rasional. Seorang warganegara kemungkinan besar atau kesemua mereka perlu menjaga keluarga mereka berbanding dengan pekerja asing yang berkongsi bilik dan rumah, kos makan minum mereka, potongan gaji tidaklah sebesar tanggungan warganegara. Levi tanggungan jika pekerja sakit atau lari dari premis semua akan ditanggung oleh majikan.

Maka menggunakan perkiraan yang mudah dan masa yang sama apabila bersebang dengan pengusaha-pengusaha daripada kedai *barber shop*, daripada restoran dan juga penjahit atau *tailor*, mereka menyatakan perkara yang sama, banyak kedai-kedai kecil gulung tikar. Maka saya ingin tanya apakah usaha untuk kerajaan untuk menyelaraskan polisi-polisi baharu sebagai contoh dengan nisbah tenaga kerja warganegara kepada pekerja asing 1:3, adakah polisi ini akan disemak semula untuk membantu peniaga-peniaga kecil, pengusaha restoran-restoran, penggayaan rambut dan juga penjahit- *tailors*, untuk memastikan mereka terus memberikan perkhidmatan dan perniagaan mereka tidak akan ditamatkan begitu sahaja.

Pada masa yang sama saya ingin bertanya adakah kerajaan akan membenarkan pelarian UNHCR bekerja untuk mereka berdikari supaya mereka tidak dapat atau tidak perlu menerima *handout* daripada kerajaan. Saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian akan isu ini dan mempertimbangkan agar mereka diberikan peluang untuk bekerja dalam sektor-sektor yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, susulan daripada pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan kelulusan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...Penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Negeri Perak dengan kos RM500 juta...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...Ingin saya bertanya berapa ramai kah pekerja yang tercedera yang telah mendapat manfaat dari program ini dan telah kembali semula ke alam pekerjaan? Berapa ramai kah pesakit yang telah dirawat dan adakah akan wujud peluang pekerjaan di pusat rehabilitasi tersebut. Adakah kementerian juga akan memperkenalkan satu pusat di Pulau Pinang terutama di Batu Kawan. Jika tidak, maka saya ingin sarankan untuk pihak kementerian untuk menimbanginya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Pakatan Harapan di atas kesungguhan untuk melindungi integriti PDRM,

imigresen dan SPRM di atas pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Undang-undang JPM, Yang Berhormat Menteri KDN, Ketua Polis Negara dan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar bahawa PH lah yang juga tidak hormat pada polis.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ini *floor* saya, Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, sila duduk. Tidak diberi laluan sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa Yang Berhormat kata PH tidak hormat pada polis.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tolonglah pakcik. Tolonglah, Yang Berhormat pakcik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Boleh jawab selepas ini, Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Pesuruhjaya SPRM di atas sambutan untuk menggunakan kamera badan atau *body camera* untuk melindungi integriti anggota-anggota penguat kuasa kita. Dalam satu lawatan saya ke *Charing Cross Police Station* di London, saya mendapati bahawa anggota polis di sana menggunakan *body camera* apabila menjalankan tugas mereka. Peranti atau *body camera* tersebut akan dibawa balik ke balai polis dan akan dimuat turun pada masa yang sama tanpa apa-apa peluang untuk *temper* atau edit video tersebut.

Saya telah membangkitkan isu ini dari zaman pemerintahan Barisan Nasional sehinggalah Kerajaan Pakatan Harapan dan syabas saya ucapkan di atas komitmen kerajaan ini untuk melaksanakannya. Selaras dengan pengumuman itu Yang Berhormat Menteri Undang-undang juga telah mengumumkan RM73 juta akan diperuntukkan untuk memasang CCTV dalam semua lokap di seluruh negara. Syabas Yang Berhormat Menteri JPM dan KDN di atas tindakan proaktif yang juga akan melindungi integriti anggota polis yang berhemah, berdedikasi dan berani dan mendakwa anggota polis yang memburukkan nama PDRM.

Namun ingin saya mohon di sini agar balai-balai kita juga dilengkapi dengan kemudahan yang standard dan bertaraf tinggi untuk memudahkan anggota polis melaksanakan tanggungjawab mereka. Umpamanya kereta-kereta yang digunakan oleh anggota-anggota kita ini ada yang 20 tahun usianya dan banyak yang tidak selamat digunakan oleh anggota kita. Saya bercadang kepada kementerian agar lebih

peruntukan diberikan untuk menggantikan kereta-kereta lama ini dengan kereta yang lebih lasak dan laju untuk memberkas penjenayah secepat mungkin.

Pada masa yang sama, saya merayu agar bukan sahaja kemudahan peralatan diganti atau ditambah baik tetapi kuarters anggota polis dinaiktarafkan mengikut spesifikasi keadaan semasa dan bukanlah *one-bedroom flat* mengikut spesifikasi zaman dahulu. Saya merayu juga agar kebajikan serta skim penggajian anggota polis dan anggota bomba disemak semula. Saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan melakukan apa yang betul, *to do the right thing* bagi Balai-balai Bomba di seluruh negara dan untuk menyemak semula pemberian peruntukan elaun kritikal bagi mereka. Mereka ini saya tidak perlu mengingatkan kerajaan dan semua Yang Berhormat di sini pengorbanan anggota bomba yang tidak pernah berkata tidak kepada apa-apa panggilan yang mereka terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh isu *Industrial Revolution 4.0* dan berkaitan dengan isu Richard Huckle seorang penjenayah seksual yang telah dibunuh di London. Saya mengaitkan isu ini dengan teknologi yang telah digunakan oleh anggota polis daripada Australia yang telah memberikan anggota polis di sini, kerajaan di sini pada masa itu *tip-off* mengenai kegiatan ataupun apa yang Richard Huckle lakukan dalam *dark web* tersebut. Maka saya ingin mencadangkan supaya KDN dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia melabur dalam teknologi sedemikian. Bersama dengan latihan kepakaran daripada pihak berkuasa Australia atau UK atau negara lain untuk menangkap pedofilia seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun hadapan adalah Tahun Melawat Malaysia 2020 dan Malaysia akan menganggarkan kemasukan lebih 20 juta pelancong yang ingin melihat keindahan negara. Tiada jaminan daripada 20 juta pelancong itu ada peratusnya yang pasti penjenayah seksual atau pedofilia. Maka saya ingin tahu apakah usaha-usaha kerajaan terutama sekali KDN, KPWKM, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Sumber Manusia untuk menangani segala jenis jenayah terhadap kanak-kanak kita melalui usaha praktikal yang boleh digunakan sebelum kita berhadapan dengan lebih 20 juta pelancong yang akan masuk negara kita.

Dalam nafas yang sama juga, saya ingin bertanya adakah wujud peruntukan khas untuk Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) bagi Suruhanjaya Kanak-kanak dalam usaha kerajaan untuk melindungi hak kanak-kanak?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di sini juga dalam isu pembayaran gaji guru dari *Malaysian Pre-School Organization* dalam tadika sekolah-sekolah Tamil. Fasa

satu pembayaran gaji telah bermula namun tiada apa-apa berita mengenai pembayaran gaji fasa kedua yang telah tertunggak dari peruntukan MITHRA. Maka saya ingin bertanya apakah usaha kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku atau berulang kembali?

Tuan Yang di-Pertua, sudah enam tahun saya memohon untuk satu hospital kerajaan di Parlimen Batu Kawan di Daerah SPS. Tahun hadapan unjuran penduduk di SPS akan menjadi 200,000.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan, minta laluan sedikit.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat, sedikit sahaja, 1 minit sahaja. Mungkin dalam ucapan Yang Berhormat boleh.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sedikit sahaja. Ya, ya, berkaitan dengan gaji.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maaf, Yang Berhormat. Saya habiskan kalau ada masa saya bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, biaslah. Yang Berhormat, kira sama-sama kaum sahaja.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Walaupun tidak diumumkan akan pembinaan sebuah hospital baharu di Batu Kawan, saya benar-benar berharap wujud isi tersirat akan pembinaan hospital kerajaan baharu di Batu Kawan. Dalam nada yang sama ingin saya mendapatkan ketetapan rancangan untuk menaik taraf jalan-jalan di Parlimen Batu Kawan.

Tuan Yang di-Pertua, di Coimbatore, negara India wujud *Sri Ramakrishna College of Art and Science for Women*, satu institusi pengajian tinggi bagi kaum wanita dengan pengalaman selama 28 tahun. Dengan kewujudan jabatan-jabatan seperti Jabatan Perdagangan, Sains Komputer, Biokimia, Perniagaan, Mikrobiologi dan sebagainya saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pelajaran membuat satu lawatan sambil belajar ke Coimbatore iaitu negeri berpendidikan dan keusahawanan untuk merancang untuk menubuhkan sebuah kolej universiti yang pertama khas untuk wanita di negara Malaysia... [Tepuk]

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kenyataan Serina Abdul Rahman dari *ISEAS Yusof Ishak Institute* di Singapura berhubung kadar kemiskinan di negara.

■1200

Isu-isu yang telah dibangkitkan adalah jurang sistem penyampaian maklumat dari agensi kerajaan dan penerimaan atau *feedback* daripada masyarakat setempat yang semakin dalam dan semakin besar. Maka maklumat atau bantuan termasuk program-program untuk membantu golongan yang memerlukannya tidak dapat sampai atau ditangani dengan sempurna. Maka saya ingin ingatkan mana-mana pihak yang menyatakan rakyat Malaysia ini malas atau anak muda malas atau wanita malas. Persepsi ini haruslah di tempias dengan usaha dan kerjasama oleh semua pihak untuk memastikan keadaan sosial dan keadilan sosial dicapai.

Pada masa yang sama, budaya berbisa ketinggalan rejim kerajaan sebelum ini haruslah dirobohkan sama sekali untuk memberi laluan, untuk membina semula negara Malaysia sebagai sebuah negara baharu, sebagai sebuah Malaysia baharu yang menitikberatkan nilai-nilai demokrasi, keadilan, amanah dan warisan Malaysia yang perlu dimartabatkan selalu. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, Batu Kawan menyokong Belanjawan 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Izin laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Izin laluan sebentar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis, sudah habis.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Sekejap. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa khabar...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengalu-alukan kedatangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kepada petani...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Saya hendak mengalu-alukan kedatangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Nelayan...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Saya hendak mengalu-alukan kedatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa, masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Penternak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Arau.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Sekejap. Okey, saya hendak mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar Perakaunan Semester 3, UiTM Lendu Alor Gajah, universiti saya mengajar dulu. Diketuai oleh Puan Mimi Sofiah Ahmad Mustafa, pensyarah undang-undang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

12.01 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, *Assalammualaikum*, jangan lupa undi Barisan ya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya juga meraikan kawan-kawan daripada petani, nelayan, penternak, polis, tentera, penjawat awam, peniaga dan juga semua pihak yang sedang memerhati ucapan ini dengan hebatnya.

Tuan Yang di-Pertua, lima minit yang pertama saya minta tidak diganggu sebab ini hendak baca sahaja ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggu ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kawan-kawan saya pun mungkin hendak ganggu, jangan ganggu sekarang ini. Ini yang pertama ya.

Pertama sekali, saya ada enam perkara yang saya hendak timbul, fasal biji benih. Saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, padi dalam Malaysia ini, padi yang tercantik ialah padi Perlis sebab dia berkapur. Jadi, bila dibuat benih ia akan menjadi padi yang cantik dan hasilnya tinggi. Jadi sekarang ini Perlis tidak ada loji benih padi, jadi kita jalankan sebuah loji benih padi.

Saya hendak bagi tahu Menteri bahawa benih padi ini dikeluarkan berdasarkan kuota. Jadi, kuota ini dibagi kepada orang tertentu, mereka telah jual kuota ini dua tahun lebih awal menyebabkan sekarang ini kekurangan benih berlaku dan kalau adapun benih yang dijual ialah harganya mahal dan kita bimbang, bila dia jual harga mahal nanti, bila dia orang dapat subsidi mungkin subsidi itu tidak dibagi kepada petani, diambil oleh penjual. Sekarang ini harga di pintu kilang adalah RM28 tetapi di pasaran sekarang ini RM40, RM50 dan sebagainya

Keduanya, saya minta supaya dipertimbangkan projek Muda II dan juga ARBD 2 yang tertangguh. Masa Kerajaan Barisan dulu buat, *mai* kerajaan ini ditangguhkan. Jadi, saya hendak komen sikit Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sekarang ini semua ini cakap seolah-olahnya kami ditinggalkan reba, ditinggalkan masalah macam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang bercakap itu kalau tokoh korporat tidak apa juga, ahli perniagaan yang hebat tidak apa juga, pernah jadi pegawai tinggi kah tidak apa juga. Ini tidak ada pengalaman, jadi kerani pun tidak pernah, lepas itu kononnya kami hendak selesaikan masalah. Masalah apa? Masalah diri *hang* pun tidak boleh, kelulusan pun ditipu dan sebagainya. *[Ketawa]* Bagaimana orang, macam Tuan Yang di-Pertua, bekas hakim hendak cakap fasal undang-undang, *alright*. Ini ada pengalaman apa, kami sekarang tinggal reba, kami hendak selesaikan masalah. Fasal apa...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Arau *syok* sendirilah *you*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan kacau saya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau... *[Tidak Jelas]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Cap ayamlah, cap ayam, cap ayam.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: ...Hendak jadi Perdana Menteri 22 tahun, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up*, siapa cakap ini? minta kebenaran. *[Ketawa]* Ketiga ialah Tuan Yang di-Pertua, baru-baru MSM telah jual tanah di Perlis kepada syarikat di *Singapore* dengan harga '30 sen' satu hektar. Tuan Yang di-Pertua, ini zaman dahulukala tidak apalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Zaman moden ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...Pergi cari tanah yang harganya RM13,000 seekar. Orang Perlis...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu runding terus, tender terbuka?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Boleh beli, orang Perlis boleh beli Tuan Yang di-Pertua, Kalau sekiranya diberi peluang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, Jelutong minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan, lima minit yang pertama, jangan. Jangan dulu, lepas ini lawan, kita lawan, tidak ada masalah. Ini, orang Perlis ini boleh beli seorang 10 ekar boleh beli, tidak payah 30 sen, 50 sen seekar pun orang Perlis sanggup beli. Tanah di sebelah kah? Harganya RM10 sekaki, tiba-tiba yang dijual— syarikat *Singapore*. Itulah tanah Perlis yang terbesar yang ada. Satu perenam daripada Perlis, itulah tanahnya. Jadi ini sesuatu yang malu yang cukup besar. Saya

minta kerajaan negeri tolong cari jalan supaya dijual kepada orang Perlis, 50 sen sekaki, bukan 30 sen.

Kemudian yang keduanya ini, Sungai Kim Kim. Saya bagi tahu dekat dua tiga Menteri, saya kata bagilah pampasan kepada orang yang terkena gas itu. Dia kata, “*Tidak akan bagi, tidak kena...*”, saya tidak mahu cakap Menteri mana, cakap dekat luar. Sombong, samseng. Saya hendak bagi tahu, kalau kamu tidak reti buat kerja, saya hendak tunjuk cara buat kerja. Sekarang ini semua yang terlibat dengan bencana diberi bantuan oleh NADMA. NADMA bagi bantuan RM500 ataupun mungkin RM1,000 kepada orang yang ditimpa bencana termasuklah banjir, kebakaran, ribut, kita bagi bantuan di bawah NADMA. Ambil peruntukan tersebut bagi pampasan kepada mangsa...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Arau.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...di Sungai Kim Kim.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Arau.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Fakta.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selepas lima minit, selepas lima minit.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: NADMA ada bagi pampasan baru-baru ini di Pasir Gudang.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, fakta itu kurang *clear* ya. Okey, kemudian yang ketiganya ialah fasal elaun bomba. Itu mestilah— kita menyokong dan orang yang memperkenalkan elaun bomba ini adalah Kerajaan Barisan Nasional. Kita umum dalam bulan April, selepas itu ditangguhkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perkenalkan itu lain, bayar itu lain.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tidak ada dalam belanjawan.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak bagi tahu dimasukkan dalam belanjawan, Belanjawan 2019. Saya hendak bagi tahu sekarang ini kita lulus tidak apalah, tetapi menggunakan nama Yang di-Pertuan Agong kerana menghormati Yang di-Pertuan Agong, ini tidak hormat Yang di-Pertuan Agong. Kalau hormat Yang di-Pertuan Agong, patutnya dibuat tahun 2019 lagi, kenapa dibuat tahun 2020? Ini tidak hormat Yang di-Pertuan Agong. Kononnya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...Menghormati Yang di-Pertuan Agong, sebabnya itu ialah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Lima minit sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Memberi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin mencelah, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak boleh, sekejap lagi ini, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sudah lima minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekejap, sikit lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian, saya minta elaun ini dibagi kepada semua termasuk APM dan lain-lain lagi kerana APM adalah agensi yang menjaga banjir.

Berikutnya ialah kad siswa. Kad siswa mula-mula dibagi RM250, lepas itu dibagi RM100, tahun ini diam. Inilah saya hendak bagi tahu siswa, dulu kamu semua menyokong PH sekarang beralihlah menyokong kami, kami akan bagi balik RM250 sebagaimana yang pernah kami bagi. Ini ialah kita percaya kepada kaki kencing, ini masalahnya. *[Ketawa]*

Keduanya kita lihat bahawa kementerian tidak bagi perhatian kepada kemudahan sukan. Tidak sebut dalam belanjawan tentang sukan. Kita kena bagi pengiktirafan kepada sukan sebab sukan ini boleh menjalinkan hubungan erat sesama kaum. Kemudian saya juga mencadangkan supaya bantuan kepada Majlis Belia diberi terutamanya pada belia negeri dan juga daerah.

Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Lenggong, Lenggong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat semua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian, Pontian.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Hendak sentuh, hendak *support* itu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sikit sahaja Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali, ini sebelum masuk yang penghabisan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Arau, sikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya juga minta supaya *Inland Port* di Padang Besar dibuat tender terbuka, bukan dibagi macam itu pada seseorang. Kita bagi kepada beberapa operator. Itulah yang terakhir untuk yang ketujuh, yang ini boleh mencelah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Allah SWT berfirman dalam al-Quran. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maksudnya, "*Kalau kamu bersyukur, Allah tambah nikmat, kalau kamu kufur dan ingkar azab Allah amat pedih*". Saya bersyukur sebab bajet ini mempertimbangkan kepada nelayan sebanyak RM250. Akan tetapi soalnya sekarang ini bajet ini tidak memberi perhatian kepada semua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bila hendak bagi ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini dibagi RM250, dulu kami bagi RM300. Jadi, ini menunjukkan bahawa bajet ini, bajet tadi kita bersyukur bagi juga sikit tetapi bajet ini ada beberapa jenama yang akan diberikan.

Pertama, bajet ini ialah bajet rasis. Penduduk di Malaysia ini, tolong dengar semua wahai rakyat Malaysia semua, tolong dengar sini. Penduduk di Malaysia ini 70 peratus bumiputera.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Letih bangun, Yang Berhormat Arau tidak bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebanyak 70 peratus bumiputera. Sejumlah 22.8 peratus orang Cina, 6.9 peratus orang India, yang lain, lainlah. Itu dia. Dari segi agama, orang Islam 62 peratus, orang Buddha 19.8 peratus, Kristian 9.2 peratus, Hindu 6.3 peratus, Yang Berhormat Jelutong ya.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lain-lain...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...1.3 peratus...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi tidak ada agama ada 1.7 peratus.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bagilah ini, bagi ini.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian dulu ya, silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Setujukah Yang Berhormat Arau jika SPRM menyiasat semua penjualan harta-harta negara termasuk tanah Perlis kerana tidak ada satu pun penjualan-penjualan yang berpuluh bilion itu yang dibuat secara tender terbuka. Semua runding terus. Setuju atau tidak, SPR siasat tentang perkara ini?

■1210

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sekali lah Yang Berhormat Arau, sekali.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, dipersilakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sekali.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cepat, cepat. *Last one, last one.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, okey. Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya lah, ini fasal kelapa sawit. Yang Berhormat Arau pun mungkin ada juga kebun kelapa sawit dan segalanya. Ini bila India, dia mula hendak berhenti beli kelapa sawit Malaysia ini, jadinya macam mana ini? Apa hendak jadi ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama, saya setuju 1,000 peratus. Kedua, setuju 1,000 peratus. Kedua-duanya masuk dalam ucapan saya, bagi puak-puak itu menjawab. Ini termasuk Yang Berhormat Jelutong, mungkin boleh jawab dalam perbahasan nanti fasal kenapa India tak nak beli sawit kita padahal rakyat India di sini ada satu, enam...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya warganegara Malaysia. Untuk makluman, saya warganegara Malaysia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tolong masuk dalam otak Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Okey... *[Disampuk]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau, setujukah Yang Berhormat Arau, adakah Yang Berhormat Arau ingin mencadangkan kepada kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau belum beri laluan lagi. Diberi laluan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...untuk menghantar Yang Berhormat Jelutong mewakili Malaysia, berunding dengan Kerajaan India berhubung dengan sawit ini? *[Dewan ketawa]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Itu saya setuju.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Setuju! Setuju! Saya setuju! Hantar Yang Berhormat Jelutong lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong ini...

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Setuju, setuju.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...tidak faham saya bercakap. Kamu kata kepada saya, kamu kena belajar sedikit bahasa itu. Ini bahasa tersirat dan tersurat. Mereka hendak lantik Yang Berhormat pergi jadi wakil, untuk bincang dengan Kerajaan India...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: *Ambassador*, duta khas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...sebagai duta khas sebab Yang Berhormat yang bertaraf sami ya dari segi cara kehidupan. Boleh pergi ke sana, duta khas. Cuba fikir. Orang fikir baik, Yang Berhormat Jelutong selalu fikir jahat. Sampai satu Malaysia saya jumpa, di mana-mana tempat saya jumpa, Yang Berhormat Dato', jangan lupa hentam Yang Berhormat Jelutong. Akan tetapi, saya tidak mahu hentam. Saya orang baik. *[Ketawa]*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong, duta khas, duta khas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak beritahu Yang Berhormat, sekarang ini kalau kita hendak buat belanjawan, kita kena buat belanjawan ikut kaum. Kita tidak boleh buat belanjawan tanpa memikirkan tentang kepentingan kaum. Saya bagi contoh Yang Berhormat, pada tahun 2019, peruntukan yang diberi ialah bumiputera RM555 juta, Cina RM80 juta dan India RM50 juta. Akan tetapi tahun 2020, Cina RM100 juta, bumiputera RM455 juta dan India RM20 juta. Mana boleh kurang kepada kaum India? Mereka sangat memerlukan bantuan. Daripada RM50 juta, tinggal RM20 juta. Dalam PH sendiri, MP India diketepikan tetapi MP lain diberi keutamaan. Cuba tengok beberapa orang Ahli Parlimen orang India, tidak diberi apa-apa jawatan, kesian. Jadi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan, jangan. Tidak boleh lagi. Jadi, kita minta...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No. Itu fakta tidak betul Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak pertikai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Fakta itu tidak betul, tolong perbetulkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Saya tidak pertikai peruntukan kepada orang Cina dinaikkan dari RM80 juta ke RM100 juta, tidak pertikai sebab cara orang bumiputera, cara kami berjuang ialah siapa yang dapat, kita sokong. Akan tetapi kita minta...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, baca bajet mana Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...kenapa dikurangkan kepada orang India? Orang India perlu diberi pembelaan. Kenapa dikurangkan kepada bumiputera, daripada RM555 juta kepada RM455 juta.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Arau, isu Perlembagaan. Yang Berhormat Arau, isu Perlembagaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, sewajarnya kita kena bagi peruntukan berdasarkan kaum. Orang Cina dapat RM100 juta, *fine*. Akan tetapi kalau ikut sini, sepatutnya bumiputera patut dapat RM600 juta lebih, orang India RM50 juta, okey. Kita bagi keadilan macam itu. Kalau tidak, kita nampak sangat rasis.

Dari segi pendidikan Yang Berhormat...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita lihat sekolah kebangsaan, kita lihat... [Disampuk]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan paksa kita guna peraturan lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tidak payah lah peraturan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu kena bahas berdasarkan fakta Yang Berhormat. Bajet mana ini? Mana ini? Butir-butir daripada mana? Muka surat mana dalam bajet? Tolong beritahu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Ini dasar lah Yang Berhormat Jelutong. Dasar boleh cakap fasal apa-apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kali ini saya hendak kata Yang Berhormat bodoh tahu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini perbincangan Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini bahagian dasar lah, dasar lah. Adoi! Yang Berhormat Jelutong, ini peringkat dasar lah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini perbincangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia ganggu saya hendak bagi saya habis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No. Saya minta penjelasan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini peringkat dasar lah Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ini ucapan dasar. Ucapan dasar tidak apa. Belasah semua.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Dasar tidak perlu butiran lah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Polisi, segalanya pun boleh.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Belum jawatankuasa lah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jawatankuasa baru detil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong sila duduk.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Mengelirukan Dewan. Dia main tembak sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dari segi pendidikan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau Yang Berhormat pandai sangat, rujuk muka surat mana? Muka surat mana kalau Yang Berhormat Arau pandai?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tunggu lah di peringkat jawatankuasa.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti. Mungkin kita tidak boleh terima perbahasan dari pihak sebelah. Akan tetapi, setiap pihak mempunyai hak untuk berbahas. Jadi, kita biarkan di situ sahaja.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Arau, "YB" bermakna "Yang Berhormat" bermakna "Yang Bodoh". Jadi, tidak dibenarkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tarik balik "yang bodoh" ya. Okey, dengar ini... *[Disampuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, saya akui Yang Berhormat Arau ini pandai. Saya hanya minta muka surat mana butir-butir yang dirujuk tadi. Ada tidak? Boleh jawab tidak?

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, rasanya terangkan Yang Berhormat Jelutong fasal dasar.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini di peringkat dasar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini dasar Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Dia tidak faham dasar dalam belanjawan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dasar, apa sahaja boleh cakap. Yang Berhormat orang baharu...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan perbahasan. Teruskan perbahasan. Kita ikut peraturan. Berkali-kali saya dan Timbalan Yang di-Pertua telah berkata, ikut peraturan. Apabila seseorang itu bercakap, kalau tidak diberi laluan, jangan bercakap. Jangan berbahas kecuali diberikan laluan. Kalau tidak, tidak dapat kita kawal dengan rapi. Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak beri laluan. Yang Berhormat, bantuan yang diberi kepada sekolah-sekolah mubaligh, sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah kebangsaan, saya setuju. Saya setuju, tidak ada masalah. Kita sokong, tetapi kena bagi biar sama. Jangan bila kita bagi kepada sekolah kebangsaan—kita lihat kalau berdasarkan kepada jumlah sekolah, kita hanya dapat dalam RM30,000. Akan tetapi sekolah-sekolah lain, sesetengahnya dapat sampai RM200,000. Kita hendak keadilan supaya semua sekolah diberi yang sama.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian kita lihat dalam bajet ini Yang Berhormat, dia sebut kesaksamaan...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Segamat minta laluan boleh? Boleh Segamat minta laluan? Boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih. Saya dengar ucapan Yang Berhormat Arau tadi mengenai khususnya keprihatinan kepada masyarakat India itu saya alu-alukan walaupun di peringkat dasar. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Arau, *sin tax* ataupun cukai haram ini hampir lebih kurang RM6 bilion hingga RM7 bilion dikutip daripada *gambling* ataupun perjudian dan minuman arak, khususnya yang dibayar oleh masyarakat bukan Islam. Yang Berhormat Arau bersetuju tidak, kalau 10 peratus daripada cukai haram yang dikutip ini diberikan kembali kepada masyarakat ini untuk menyelesaikan masalah mereka, masalah sosial, masalah gengsterisme dan juga sebagainya? Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini boleh dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak ada masalah tentang perkara itu. Akan tetapi tajuk bajet ini, dia sebut perkataan "*kesaksamaan*". Komunis! Dia patut sebut "*keadilan*". [*Dewan ketawa*] You boleh tengok tajuk bajet ini ialah dia sebut perkataan "*kesaksamaan*", sepatutnya dia sebut "*keadilan*"...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Komunis!

Puan Kasthuraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ini bahaya ketum. Ini bahaya ketum.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita bukan hendak cari kesaksamaan, ini bukan sama rata, sama rasa pak. Ini ialah keadilan. Orang B40 kena diberi keadilan. Kalau kita beri sama rata, sama rasa, jadi yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin. Tajuk ini saya ingat Yang Amat Berhormat Langkawi tidak *check* betul-betul. Tajuk bajet ini sendiri sudah menampakkan ciri-ciri yang kurang baik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saksama dalam kamus bukan maksud sama rata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, masa sudah habis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian... [*Disampuk*]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan tidak bincang dengan Yang Amat Berhormat Langkawi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Kedua, terakhir ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah habis. Satu minit lagi, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *No*, Tuan Yang di-Pertua. Saya diganggu dengan teruknya. Tidak boleh macam itu Tuan Yang di-Pertua ya. [*Dewan ketawa*] Berikutnya ialah orang muda ini, graduan. Sebanyak RM500 dengan RM300, RM500 bagi dekat dia melalui EPF, RM300 dibagi kepada majikan. Saya hendak tanya yang pertama, majikan tempohnya bila? Adakah yang telah bagi kerja sekarang mereka boleh *apply* ataupun bermula pada tahun 2020? Nombor satu. Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju disebut perkataan "*majikan*". Majikan mana yang hendak berkorban hendak tolong graduan? Kita hendak kerajaan jadi majikan dan kerajaan bayar RM800 kepada graduan. Itu baru nampak keadilan. Akan tetapi ini cara bagi ini, kesaksamaan lah, berbaur komunis sedikit.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Akhir.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali ialah berhubung dengan— kita tengok DAP nampaknya memberi pemikiran bahawa sikap biadab itu boleh dibenarkan. Jadi, lepas ini saya akan bawa telur busuk, saya akan baling kepada mana-mana pihak yang saya tidak suka, tidak boleh marah sebab biadab di universiti boleh, di sini pun boleh lah. Jadi, kita jangan bagi...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Budaya biadab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...budaya biadab ini bukan budaya rakyat Malaysia. Malah, budak ini dibagi pula siaran TV, masuk TV oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia. Jadi, DAP nampaknya memberi perlindungan kepada perbuatan biadab, perbuatan ganas...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kenyataan ini ditarik balik. Tolong lah, jangan sangkut paut dengan kita lah, *please*.

■1220

Tuan Yang di-Pertua: Itu memang menyalahi peraturan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Saya minta ditarik balik, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sila tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita hendak *check* sama ada LTTE ini ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan keterlaluannya, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik, Yang Berhormat.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tidak ada kena mengena dengan DAP lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO lagi biadab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa DAP bagi perlindungan...
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik "*biadab*", Yang Berhormat. Yang Berhormat, tarik balik "*biadab*" itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. "*Biadab*" bukan DAP tetapi budak itu.

Seorang Ahli: Budaya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Budaya itu, Yang Berhormat. Bukan pada DAP. Dia memberi perlindungan kepada budaya itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Suruh dia tarik balik. Dia kata "*UMNO biadab*" tadi. Suruh dia tarik balik "*UMNO biadab*". Dia sebut tadi. Suruh Yang Berhormat Jelutong tarik balik.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, baiklah. Masa sudah tamat. Sila duduk.
[Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya buat penutup ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia bukan kata DAP biadab. Yang Berhormat Jelutong cakap "*UMNO biadap*" tadi, suruh tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya minta Yang Amat Berhormat Langkawi—oh, bukan—saya hendak berkata Yang Berhormat Port Dickson. Yang Amat Berhormat Langkawi, perhatikan balik bajet ini. Saya berterima kasih sebab Yang Amat Berhormat Langkawi kata, kalau sekiranya ramai rakyat yang tidak bersetuju dengan belanjawan ini, belanjawan ini akan dikaji semula. Kaji semula! Sebab, bajet ini nampaknya ada

pemikiran perkauman, ada perkara-perkara yang tidak diberikan perhatian dan kita lihat bajet ini tidak menolong orang-orang yang miskin, susah dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu. Ada? Di belakang ya.

12.21 tgh.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya ruang. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan dalam pembentangan belanjawan yang menghampiri kepada satu pencapaian yang baik dan ia juga telah menghampiri sasaran Manifesto Harapan.

Dalam menuju ke era negara digital, kita adalah tunjang negara. Kita adalah penggalas bagi mengerakkan negara agar menjadi sebuah negara yang proaktif dan produktif. Kefahaman rakyat haruslah selari dengan agenda yang ingin dituju.

Inisiatif bagi membawa Malaysia ke arah negara digital adalah satu tindakan yang harus dipuji. Hari ini kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan penggunaan e-dompet. Setiap pengguna e-dompet akan menerima kredit bernilai RM30. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat memperkukuhkan ekonomi negara dan menstabilkan ekonomi kerana risiko wang kertas yang berada di luar negara dan cetakan wang kertas baharu dapat dikurangkan. Peratusan ekonomi untuk ekonomi merudum dapat diatasi secara berperingkat dengan kewujudan e-dompet.

Menyentuh kepada isu Skim Perumahan Belia ataupun *Rent-To-Own*. Ia adalah satu inisiatif untuk menggalakkan belia untuk melabur dengan cara yang betul. Akan tetapi, kerisauan saya adalah pemaju akan mengambil kesempatan hanya untuk menjual produk mereka yang tidak terjual.

Kepesatan pembangunan baharu akan berlaku tanpa mengambil peduli kualiti, dengan izin, *finishing* bagi sesebuah rumah. Selain daripada itu, peningkatan produk akan melebihi nilai permintaan. Apabila perkara ini berlaku, pelabur asing di dalam sektor perumahan akan berkurangan kerana statistik akan menunjukkan peningkatan nilai rumah tidak terjual. Secara tidak langsung, ekonomi akan tergugat. Pada ketika itu, fenomena baharu akan berlaku di mana rumah-rumah tersebut akan dijual kepada bukan warganegara dan kepadatan orang luar akan bertambah. Saya melihat adalah harus untuk kita menyediakan lebih banyak rumah mampu milik untuk mengurangkan bebanan sewaan yang terlalu tinggi dan secara tidak langsung, ia akan mengurangkan peratusan miskin bandar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyentuh soal miskin bandar, kita harus melihat kepada punca. Ia bermula daripada pelbagai faktor dan faktor utama daripada penghijrahan masyarakat luar bandar ke bandar. Walaupun pendapatan yang diterima di bandar tidak dikategorikan sebagai pendapatan rendah, namun begitu, pendapatan tidak seimbang dengan komitmen mereka. Perkara ini mampu mempengaruhi kadar inflasi.

Di antara faktor lain, persaingan mendadak berlaku apabila rakyat Malaysia harus bersaing dengan bukan warganegara. Kadangkala saya hairan, bagaimana pendatang asing tanpa izin dan pemegang kad UNHCR mampu bekerja dan yang paling mengejutkan ialah apabila mereka boleh berniaga. Lihat sahaja di Pasar Borong Selayang dan Plaza Low Yat, kebanyakan warganegara tidak mampu memiliki perniagaan sendiri. Ini terjadi kerana ada di antara mereka, warga asing, menggunakan permit kerja dan ada juga yang menjalankan perniagaan secara haram. Perkara ini berlaku kerana adanya sistem *ali baba* iaitu perniagaan warganegara yang dipajakkan kepada warga asing. Dari satu sudut lain, warga asing gemar untuk mengahwini rakyat Malaysia. Ini kerana untuk memudahkan urusan perniagaan mereka.

Saya melihat adalah harus Malaysia menyediakan penempatan bagi pemegang kad UNHCR. Pihak UNHCR harus membiayai perbelanjaan makanan mereka manakala kita pula harus memberi perkhidmatan pendidikan kepada pemegang kad UNHCR kerana kita juga salah sebuah negara yang bekerjasama dengan *United Nations*.

Pendatang asing tanpa izin harus dihapuskan secara *total*. Kepentingan kita adalah untuk memperkasakan rakyat, bukan memberi keistimewaan kepada pendatang asing tanpa izin. Dengan cara ini, persaingan pekerjaan dan peratusan miskin bandar dapat dikurangkan selain daripada meningkatkan pelaburan di dalam pelbagai industri di kawasan luar bandar bagi mengurangkan penghijrahan berlaku.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan penghargaan buat Kementerian Kewangan kerana memberi peruntukan kepada MITRA untuk pembangunan masyarakat berbangsa India. Dalam usaha MITRA untuk memperdayakan masyarakat berbangsa India, saya melihat adalah wajar bagi MITRA untuk membuka sebuah institusi seperti MARA untuk membantu belia berbangsa India untuk mendapatkan hak pendidikan. Saya melihat pelajar India kadangkala terpaksa mengharapkan kuota-kuota daripada institusi lain. Saya yakin dan percaya apabila wujudnya produk MARA seperti UiTM di dalam versi MITRA, anak-anak berbangsa India tidak perlu mengharapkan kuota daripada institusi lain dan dengan langkah ini, keharmonian dan perpaduan negara dapat kita pertahankan. Sebagai perkongsian,

peruntukan dalam nilai yang sama mampu mewujudkan pelajar Permata ketika zaman rejim dahulu. Kenapa tidak MITRA?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2011, sistem bacaan bekalan air di kawasan perumahan di bawah penyelenggaraan DBKL menghadapi masalah. Masalah ini berlanjutan sehingga tahun 2016 di mana pada tahun 2016, baik pulih sistem bacaan air telah dijalankan. Sekitar tahun 2018, bil tunggakan telah dikeluarkan oleh DBKL dan adalah tidak adil bagi penduduk untuk membayar tunggakan hampir enam tahun oleh kerana kesilapan DBKL lakukan.

Saya juga merasai ketidakadilan berlaku terhadap kerajaan baharu kerana kami tidak pasti apa yang sebenarnya berlaku pada pemerintahan kerajaan terdahulu. Mengapa perlu mengambil masa selama lima tahun untuk baik pulih sistem dan mengapa perlu mengambil masa selama dua tahun lagi untuk pengutipan dibuat?

Saya mohon agar Menteri mengambil perhatian dan pastikan tunggakan ini ditanggung sepenuhnya oleh DBKL. Pada tahun 2017, penduduk yang membeli rumah PPR ini, semasa mereka beli, tiada tunggakan daripada penyelenggaraan DBKL, tetapi tahun 2018, ada juga tunggakan hampir RM5,000. So, saya rasa tidak adil. Jumlah tunggakan yang didapati di seluruh Kuala Lumpur adalah RM8.6 juta. Saya anggar DBKL tanggung sepenuhnya.

Sebanyak RM30 juta diperuntukkan bagi menyediakan lebih banyak taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di bangunan kerajaan, hospital dan sekolah. Di sini saya ingin mencadangkan untuk memperbanyakkan juga taska di kawasan perumahan PPR kerana kebanyakan mereka terdiri daripada golongan B40. Dengan wujudnya ini, ibu bapa mampu menyahut seruan kerajaan untuk menghantar anak-anak di pusat asuhan yang berdaftar dengan JKM. Kewujudan taska ini mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Ibu bapa pula mampu bekerja dengan hati yang senang kerana tenaga pengajar terdiri daripada tenaga pengajar yang diiktiraf oleh kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh isu kolam takungan banjir di mana peruntukan akan diberikan sebanyak RM150 juta pada tahun 2020.

■1230

Melihat kepada perkara ini, saya ingin menjadikan rujukan bahawa kolam Nyangyiang yang terletak di kawasan saya tidak diselenggarakan dengan baik oleh JPS. Kolam takungan ini kini telah menyerupai pusat pelupusan sampah. Pada ketika ini, sampah telah menutupi sebahagian daripada permukaan kolam takungan. Oleh kerana perkara ini, kerisauan saya bermula terbangkit. Pelbagai persoalan keluar di fikiran saya, bagaimana kesihatan penduduk sekitar, mereka adalah pengundi saya. Mereka telah

mempertaruhkan undi mereka untuk saya. Saya ingin tegaskan di sini bahawa saya akan memperjuangkan nasib mereka. Saya dilaporkan bahawa di antara penyumbang kepada sampah ini datang daripada pasar berhampiran. Pengurusan pasar telah gagal, pengurusan JPS juga dilihat terlalu lemah. Saya memohon agar semua pihak yang berkaitan harus bertanggungjawab. Di kawasan pasar, DBKL harus memastikan pihak pengurusan menguruskan dengan baik. Di kawasan kolam takungan, JPS harus menyelenggarakan dengan baik. Jika perlu dijalankan baik pulih kawasan takungan tersebut, sila jalankan. Oleh kerana ini, secara langsung kesihatan penduduk terganggu oleh kerana pencemaran bau dan pembiakan nyamuk aedes.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pembiakan nyamuk aedes. Hari ini DBKL menggunakan produk jenama Aqua Resigen untuk kegunaannya penyemburan *fogging*, dengan izin. Di antara kandungan yang digunakan di dalam Aqua Resigen adalah *permethrin* dan *piperonyl butoxide*. Kedua-dua kandungan ini telah disahkan oleh *American Cancer Society* sebagai bahan penyebab kanser. Di Malaysia, KKM telah memberikan kebenaran kepada DBKL untuk menggunakan produk ini, malahan produk ini juga telah digunakan untuk *indoor fogging*, dengan izin. Saya memohon KKM dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk mengkaji semula penggunaannya. Sebagai maklumat tambahan, di California syarikat yang mengeluarkan produk Aqua Resigen telah di saman berbilion Dollar oleh kerana membahayakan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian di dalam isu membentuk perpaduan di dalam sukan. Merujuk kepada SUKMA, kita mempunyai 16 sukan wajib dan hanya 3 daripada sukan wajib berbentuk sukan seni mempertahankan diri. Sukan tersebut adalah karate, pencak silat dan wusyu. Di sini kita dapat melihat bahawa karate adalah sukan seni mempertahankan diri yang berasal dari negara Jepun, pencak silat adalah tradisi masyarakat bangsa Melayu, manakala wusyu adalah tradisi bangsa Cina.

Di sini saya ingin merakamkan rasa terkilan apabila sukan silambam tidak dimasukkan dalam senarai sukan wajib SUKMA. Saya melihat adalah wajib bagi kementerian untuk mengkaji semula tentang sukan silambam agar dimasukkan ke dalam senarai sukan wajib untuk sukan SUKMA. Adalah tidak adil rasanya apabila sukan silambam ibarat dianaktirikan oleh SUKMA. Saya juga memohon jasa baik kementerian untuk memperhalus perkara ini agar semua jenis sukan mempertahankan diri yang melambangkan keutuhan bangsa Malaysia di martabatkan bersama.

Saya juga memberi cadangan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya mempertingkatkan *kiosk* bagi membuka peluang pekerjaan golongan belia dan juga golongan B40 di setiap kawasan PPR supaya ekonomi penduduk tempatan juga

mempertingkatkan. Batu mengakhiri dengan ucapan terima kasih dan memohon untuk menyokong Belanjawan 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat. Silakan.

12.34 tgh.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, bismillaahi rahmaani rahiim, [Berselawat].* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2020 seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan selaku Menteri Kewangan pada Jumaat 11 Oktober yang lalu. Dengan tema memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama, semestinya ia satu bajet yang sangat-sangat dinantikan oleh seluruh rakyat di dalam negara ini. Walau dari wilayah mana mereka berada dan kelompok mana mereka tergolong. Bajet 2020 adalah merupakan bajet yang cukup penting dan signifikan kepada kelangsungan pembangunan negara. Ia merupakan bajet terakhir Rancangan Malaysia Kesebelas, bajet terakhir kepada Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-4 dan juga merupakan bajet pemula kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Dalam urusan negara yang sepenting ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu ucapan pembentangan bajet negara sejak 2 tahun ini tidak dimulakan dengan *bismillah*. Walaupun kepada setengah pihak, saya dengar, walaupun kepada setengah pihak ia tidak penting tetapi kepada sebahagian besar daripada rakyat Malaysia yang mengharapkan keberkatan daripada bajet ini sesuai dengan Malaysia, Islam adalah agama Persekutuan, urusan terpenting negara ini tidak dimulakan dengan *bismillah*.

Lebih mendukacitakan juga Tuan Yang di-Pertua, apabila pembentangan bajet ini dibuat oleh seorang Menteri yang gagal memahami istilah-istilah yang mudah sehingga menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Saya sebut gagal memahami istilah itu adalah atas dasar sangka baik, sangka baik saya terhadap Menteri Kewangan. Mungkin lebih tepat untuk dinyatakan, Menteri cuba berbohong kepada masyarakat kepada rakyat negara ini. Di mana apabila Menteri ditanya, apabila Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Parlimen ini bertanyakan tentang isu royalti kepada Kerajaan Negeri Kelantan, maka Yang Berhormat Menteri, walaupun beliau tidak menjawab di Parlimen ini, beliau menjawab di luar sana, kononnya royalti telah dibayar. Pada permulaannya dia sebut royalti telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan, lalu apabila terus

diasak oleh masyarakat ramai, beliau kata, kita tak kisah apa-apa istilah. Tuan Yang di-Pertua, istilah royalti dan wang ihsan adalah merupakan istilah yang cukup berbeza. Royalti adalah merupakan satu jumlah yang boleh di *quantify*, boleh dijumlahkan kerana ia menyebut lima peratus terhadap pengeluaran hasil petroleum. Manakala wang ihsan adalah merupakan jumlah yang mengharap kepada ihsan kepimpinan. Jadi, itu adalah merupakan dua istilah yang cukup berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, royalti kepada Kerajaan Kelantan adalah merupakan perkara yang diperuntukkan dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan dimaktubkan di dalam perjanjian tiga pihak di antara kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga Petronas. Maka, ia adalah merupakan satu perkara yang mesti ditunaikan oleh pihak yang bertanggungjawab, pihak yang menandatangani perjanjian. Namun sehingga ke hari ini, ia masih belum dilaksanakan, belum dibayar. Walaupun Menteri cuba bermain dengan kata-kata dan istilah. Lebih mendukacitakan, ada pihak yang keliru, keliru tahap Bagan. Kononnya dalam perjanjian itu tidak dinyatakan royalti, yang dinyatakan ialah bayaran tunai. Tuan Yang di-Pertua, bayaran tunai seperti mana yang diperuntukkan dalam (Akta 144) Akta Kemajuan Petroleum itu adalah merupakan bayaran kerana Kerajaan Kelantan melepaskan hak. Melepaskan hak untuk mencari gali, mengeksploit, mengeksplorasi, memproses, memperdagang dan sebagainya diserahkan kepada Petronas. Kemudian sebagai pulangnya, sebagai gantinya Petronas mestilah membayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan dalam bentuk tunai dua kali setahun. Walaupun tidak disebut royalti, kalau dirujuk kepada kamus bahasa Melayunya mengeja dengan R.O.Y.A.L.T.I., kamus bahasa Inggerisnya dieja dengan R.O.Y.A.L.T.Y. Jadi, kekeliruan apakah ini sebenarnya sehinggakan timbul perbahasan-perbahasan kononnya tidak ada janji bayar royalti dan sebagainya, yang ada hanyalah bayaran tunai?

Kerajaan Negeri Kelantan berhak untuk menuntut royalti sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 kemudian dimaktubkan dalam perjanjian tiga pihak tadi, di antara kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga Petronas.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pihak kerajaan hari ini berasa tidak yakin dengan tuntutan daripada Kerajaan Negeri Kelantan itu tentang royalti, maka boleh terus rujuk kepada Peguam Negara hari ini. Merujuk kepada Peguam Negara hari ini. Saya mengenai Peguam Negara hari ini semasa saya menganggotai Exco Kerajaan Negeri Kelantan di mana Peguam Negara hari ini adalah peguam yang membantu ataupun

yang mewakili Kerajaan Negeri Kelantan untuk menuntut royalti daripada Kerajaan Persekutuan, daripada Petronas. *Sorry*, daripada Petronas.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Setiu minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu minta laluan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sekejap, sekejap. Saya bagi nanti. Tuan Yang di-Pertua, jadi— Peguam Negara itu dalam kenyataannya disebut dengan jelas. Tidak ada sebab kenapa Kerajaan Negeri Kelantan tidak akan mendapat royalti ini melainkan hanyalah alasan politik. Jadi, kalau hari ini kerajaan yang ada, kerajaan baharu ini merasakan sangsi terhadap hak Kerajaan Negeri Kelantan terhadap tuntutan royalti petroleum ini, maka rujuk kepada Peguam Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah sekalian. Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat Menteri ini pula cuba memperkecilkan Kerajaan Negeri Kelantan. Kononnya telah diberi, kononnya Kerajaan Negeri Kelantan memohon pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan. Untuk pengetahuan Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Kelantan itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kejap, duduk Yang Berhormat Jelutong. Saya akan bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta tarik balik perkataan 'memperkecilkan'. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi penjelasan. Jangan guna istilah memperkecilkan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya akan terus sebut 'memperkecilkan'. Duduk Yang Berhormat Jelutong.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ikut peraturan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya akan bagi peluang kepada Yang Berhormat Jelutong. Minta Tuan Yang di-Pertua bagi masa lebih sikit, saya akan bagi peluang kepada Yang Berhormat Jelutong.

Apa yang dituntut dan yang dipinta oleh Kerajaan Negeri Kelantan itu adalah merupakan premium yang sepatutnya dibayar oleh Kerajaan Persekutuan terhadap negeri Kelantan. Ada premium-premium tertentu yang tertunggak yang sepatutnya Kerajaan Persekutuan bayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Akan tetapi, buat masa ini mungkin atas beberapa alasan belum dibayar. Maka, Kerajaan Negeri Kelantan memohon untuk mendapat pendahuluan daripada premium yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan itu.

Itu yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan tetapi diperkecilkan oleh Yang Berhormat Menteri, kononnya Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa memohon bantuan daripada Kerajaan Persekutuan walaupun tidak ada salahnya. Dalam semangat Persekutuan ini, tidak ada salahnya sesebuah negeri memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Namun, itulah yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih mendukacitakan juga apabila dalam bajet ini rakyat negeri Kelantan, tidak ada projek-projek di negeri Kelantan yang disebut dalam ucapan bajet ini kecuali disebut satulah. Pembinaan sebuah sekolah di Tumpat walaupun sehingga ke hari ini, saya cuba cari di kawasan mana sekolah di Tumpat itu, belum ada selesai dari segi tanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila disoal oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pimpinan Pakatan Harapan, baik Yang Berhormat Timbalan Menteri mahupun Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa tidak disebut dalam bajet, bukan bermakna tidak ada. Itu disebut oleh pimpinan Pakatan Harapan. Saya pun percaya walaupun tidak disebut dalam bajet, saya juga meyakini ia boleh ada. Akan tetapi, saya meyakini bahawa kiranya ada projek-projek yang besar yang signifikan kepada rakyat negeri Kelantan, sudah tentu ia disebut. Kenapa perlu disebut sebuah sekolah, kalau ada projek-projek lain yang lebih besar yang patutnya disebut.

Dalam hal ini, kalau kita tengok bagaimana di negeri-negeri lain, dalam setiap strategi yang ada dalam strategi bajet ini disebut baik lebuhrayanya, baik pusat-pusat perdagangan dan sebagainya. Bajet kerajaan ini disebut dengan begitu ketara tetapi tidak disebut di negeri Kelantan. Kalau ada perancangan-perancangan yang besar, sepatutnya kerajaan boleh sebut dan tentu kerajaan sebut. Saya mewakili rakyat negeri Kelantan meminta supaya kerajaan, supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam menggulung perbahasan bajet ini, senaraikan projek-projek yang akan dilaksanakan di negeri Kelantan dalam tahun 2020 ini. Senaraikan, masanya masih ada...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Masa– sekejap Yang Berhormat Pontian. Masanya masih ada, senaraikan apa projek. Ini kerana pada hari ini sehingga ke saat ini apabila kita tanya, okey tidak disebut dalam bajet tetapi apa peruntukan yang ada? Maka, pemimpin-pemimpin daripada Pakatan Harapan mengulangi projek-projek yang telah lama disebut dalam bajet-bajet yang sebelum daripada ini tetapi tidak dilaksanakan.

Disebutnya pembesaran lapangan kapal terbang, disebutkan Jambatan Palembang, disebutkan Lebuhraya Pantai Timur, disebutkan beberapa projek yang

sudah banyak kali disebut dalam bajet dan di luar sana namun tidak dilaksanakan. Lalu pada kali ini apabila ditanya kenapa tidak disebut, maka jawapan yang diberi walaupun tidak disebut tetapi boleh dilaksanakan. Sedangkan banyak perkara yang sepatutnya diletakkan token dan sebagainya tetapi tidak diletakkan. Bagaimana pelaksanaan boleh dilakukan kalau langsung tidak ada token dan peruntukan yang dibentangkan dalam bajet pada kali ini. Okey, sila Yang Berhormat Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan sudah menarik kes mahkamah berhubung tentang kes royalti ini. Ia dijanjikan jika ditarik kes mahkamah, maka Kerajaan Pusat akan bayar royalti. Itu soalan pertama.

Kedua, saya difahamkan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah meluluskan supaya Kelantan diberi royalti tetapi kenapa sekarang masih tidak diberi?

Ketiga, lima peratus daripada pengeluaran atau lima peratus daripada keuntungan? Sedangkan janji dalam *Buku Harapan*, 20 peratus daripada pengeluaran. Apa pandangan Yang Berhormat Tumpat?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Tumpat, Setiu.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tumpat, Kota Melaka.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Minta laluan tentang royalti juga.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya hendak bagi dekat Yang Berhormat Kota Melaka nanti, nanti. Lepas ini, saya bagi dekat Yang Berhormat Kota Melaka. Saya memang nak soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu boleh Yang Berhormat Tumpat? Okey, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tumpat, persoalan saya ada satu kenyataan daripada seorang pemimpin Pakatan Harapan di Kelantan yang mengatakan bahawa tidak disebut royalti dalam Perjanjian 1975 tadi, cuma disebut bayaran tunai. Akan tetapi, pemimpin yang sama juga pernah memperjuangkan royalti untuk Kelantan melalui sokongan daripada sebuah NGO yang dikenali sebagai 'R'. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa sudah diberi royalti kepada Kelantan, saya hendak tahu berapa jumlah? Oleh sebab saya sudah dimaklumkan hanya belas juta sahaja.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya hendak cuba jawab persoalan yang pertama.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu hendak celah juga ini. Kuala Terengganu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya bagi masa nanti.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, ya. Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan yang pertama tadi, saya sudah sebut dari segi istilah yang disebut kononnya tidak ada royalti dalam perjanjian. Itu keliru tahap '*bagan*', tahap kronik, kritikal. Tahap '*gaban*', *sorry*. Keliru tahap '*gaban*'.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bagan itu Yang Berhormat Menteri Kewangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Sorry*. Oleh sebab *duk* tengah tumpu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tumpat, boleh bagi laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Masa hampir habis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Berkenaan dengan soalan daripada Pontian tadi, Yang Berhormat daripada Pontian berhubung dengan penarikan balik saman dan sebagainya memang itu adalah usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan, lalu ditarik balik. Namun, sehingga ke hari ini maknanya tidak ada lagi tindakan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membayar royalti tersebut. Soalan-soalan lain seharusnya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, soalan daripada Yang Berhormat Pontian tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya ada soalan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Dalam ringkas...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya ada 20 poin lagi. Yang Berhormat Jelutong, sekejap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Satu saja.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tumpat boleh setuju dengan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya pun hendak soalan Yang Berhormat Jelutong ini.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tumpat boleh setuju dengan Yang Berhormat Kota Melaka, bahawa sungguhpun kita barangkali pendirian politik kita berlainan tetapi kita tidak harus memupuk perasaan benci di masyarakat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ya, betul, betul. Sangat setuju. Yang Berhormat Kota Melaka...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Barangkali Yang Berhormat Tumpat boleh jelaskan kepada rakyat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya boleh jelaskan. Saya boleh jelaskan, ya.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Bagaimana dahulu Barisan Nasional membayar wang ihsan kepada Kerajaan Negeri Kelantan berbanding dengan hari ini kerajaan Pakatan Harapan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Bagaimana wang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah faham apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka. Saya minta supaya Yang Berhormat Kota Melaka duduk.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kalau dahulu Barisan Nasional bagi kepada agensi Kerajaan Persekutuan tetapi hari ini Kerajaan Pakatan Harapan bayar terus wang itu terus kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Itu beza antara Barisan Nasional dengan Pakatan Harapan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Berbeza.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Sungguhpun hari ini kita berbeza pendirian tetapi itu bukan caranya memupuk kebencian pada rakyat Kelantan. Itu bukan caranya Yang Berhormat Tumpat. *[Dewan riuh]* Itu bukan caranya memupuk kebencian rakyat Kelantan.

■1250

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Betul, betul Yang Berhormat Kota Melaka, betul. Betul Yang Berhormat Kota Melaka. Tidak apa, duduk, duduk.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Itu bukan caranya Kelantan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Betul Yang Berhormat Kota Melaka, betul.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Itu bukan caranya Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Betul Yang Berhormat Kota Melaka. Kalau Yang Berhormat Kota Melaka boleh...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kita seharusnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...praktiskan dalam kehidupan Yang Berhormat Kota Melaka, selesai Malaysia.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: ...buat dasar dan polisi yang baik untuk rakyat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak ada masalah Malaysia ini kalau Yang Berhormat Kota Melaka boleh...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Bukannya pupuk kebencian rakyat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...mengekal kata-kata...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, masa sudah tamat. Okey Yang Berhormat Kota Melaka, sila duduk. Yang Berhormat Baling. Okey, silakan Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka itu menunjukkan satu kekeliruan— *gaban*?

Beberapa Ahli: *Gaban, gaban!*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tahap yang paling *gaban*.

Seorang Ahli: Yang kronik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Hari ini kita berbincang tentang Bajet 2020.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tumpat, apabila kita kritik orang lain...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bajet 2020 yang mentadbir negara kita hari ini...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung. Sila gulung.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya diganggu. Saya diganggu. Saya ada dalam 15 poin lagi yang saya hendak sebut.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah beritahu 15 minit sahaja. Sebanyak 15 poin dan 15 minit, satu poin satu minit. Ya, silakan. Masa sudah tamat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat, ucapkan terima kasih kepada Pakatan Harapan dan duduk kalau terima wang ihsan.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Silakan. Yang Berhormat Tumpat, gulung.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, memang banyak poin yang hendak saya sebut tetapi saya diganggu dengan begitu kuat sekali. Satu poin sahaja disebut minta Yang Berhormat Menteri senaraikan projek-projek yang dikatakan ada itu bagi memberikan kelapangan kepada rakyat negeri Kelantan untuk dilaksanakan di negeri Kelantan pada tahun 2020. Jangan ulang tentang lapangan terbang. Jangan ulang tentang pelabuhan. Jangan ulang tentang Lebuh raya Pantai Timur yang belum pernah sampai. Projek untuk tahun 2020, minta Yang Berhormat Menteri senaraikan.

Banyak saya hendak sebut ini fasal isu SPRM, fasal isu BMF, fasal isu penggabungan perbankan-perbankan Islam, yang Bank Pembangunan, Exim dan sebagainya. Di mana merupakan strategi kalau Yang Berhormat Kota Melaka sebut tadi rasis dan sebagainya, saya tetap menyatakan isu ataupun usaha-usaha penggabungan ini yang disebut penggabungan akan dibuat tetapi seterusnya menubuhkan jawatankuasa...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah sebut perkataan rasis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...menubuhkan jawatankuasa...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Sila menggulung.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Apa gunanya jawatankuasa ditubuhkan...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Itulah masalah...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah beri peluang banyak kali suruh menggulung. Tidak adil bagi pembahas-pembahas yang sedang menunggu kalau Yang Berhormat Tumpat mengambil 20 minit atau 25 minit, sila duduklah kalau begitu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak, tidak. Apa gunanya penubuhan jawatankuasa sedangkan keputusan telah dibuat untuk menggabungkan bank-bank ini. Sepatutnya tubuhkan jawatankuasa, bincang dahulu jawatankuasa barulah ada cadangan untuk menggabungkan ataupun...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat, sila duduk. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Kita mesti menepati masa yang diperuntukkan, ramai lagi pembahas dalam senarai.

12.53 tgh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi pihak Kerajaan Pakatan Harapan pada dua minggu yang lepas. Belanjawan 2020 ini dianggap sebagai satu belanjawan yang cukup penting sebab ia adalah belanjawan kedua daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pakatan Harapan selepas Pilihan Raya Umum ke-14.

Tahun lepas hanya kerajaan yang baharu. Sebelum pembentangan belanjawan, hanya mempunyai beberapa bulan sahaja pentadbiran tetapi kali ini mempunyai setahun. Belanjawan 2020 juga dianggap penting sebab ia sebagai tahun kelima untuk RMKe-11 iaitu tahun hadapan dan sebelum kita meneruskan kesinambungan kepada RMKe-12 yang akan bermula pada tahun 2021. Ia juga merupakan belanjawan pertama di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Saya telah meneliti teks ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya mendapati ada beberapa perkara yang boleh diketengahkan serta yang menyentuh kepentingan rakyat. Walaupun secara keseluruhannya, Belanjawan 2020 tersebut memberikan peluang dan juga mengambil kira kepentingan semua pihak, seluruh rakyat Malaysia tidak kira di bandar, di desa atau di luar bandar, yang kaya, yang lebih kurang kaya ataupun yang memerlukan bantuan dan tidak kira M40 ataupun B40. Apa yang saya nampak, semuanya telah diberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

bahawa semua rakyat diberikan pertimbangan dan telah/akan mendapat sesuatu daripada belanjawan kali ini.

Perkara pertama yang saya hendak puji kerajaan adalah berkenaan dengan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk meneruskan SST dan tidak akan mengembalikan GST. Fakta dan statistik menunjukkan kadar inflasi pada separuh pertama tahun ini hanya setakat 0.2 peratus iaitu yang paling rendah sejak tahun 2007. Kita kena ingat, tahun 2007 itu masih SST belum GST. Sejak GST, kadar inflasi melonjak. Jangkaan untuk tahun ini kadar inflasi tahunan hanya di bawah satu peratus. Jadi, adalah cukup tepat sekali apabila kerajaan memberikan komitmen untuk tidak akan mengembalikan GST.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun saya tertarik dengan perbincangan dan belum sampai waktu makan tengah hari, saya pasti semua masih lagi berada di sini untuk mendengar perbincangan. Akan tetapi kita lihat, berbincang tentang SST dan GST ini. Ini adalah topik yang begitu penting melibatkan rakyat Malaysia. Akan tetapi walaupun belum sampai waktu makan tengah hari, kita lihat tidak ada seorang pun ahli Barisan Nasional yang ada untuk mendengar perbincangan. So, ini adalah sesuatu yang begitu mendukacitakan.

Seorang Ahli: Sibuk makan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di mana rakyat dapat lihat bahawa apabila kita berbincang tentang satu isu yang melibatkan rakyat, tidak ada seorang pun— oh! Ada seorang. Ada seorang sahaja daripada wakil Barisan Nasional yang ada.

Seorang Ahli: Okey, hebat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Jelutong ini saya tidak tahu apa yang dicelah. *[Ketawa]*

Okey, saya teruskan berkenaan dengan pelaburan. Teras pertama di bawah Belanjawan 2020 memacu pertumbuhan dalam ekonomi dan era digital. Saya anggap ia sesuatu yang sangat penting sebab tanggungjawab kita bersama. Bukan setakat kerajaan tetapi semua Ahli Dewan dalam Dewan yang mulia ini dan juga masyarakat

termasuk pihak swasta untuk sama-sama kita memacu pembangunan ekonomi. Tanpa pembangunan ekonomi yang mampan, komprehensif dan kesinambungan pertumbuhan ekonomi, negara tidak akan maju dan kita akan sentiasa di takuk lama.

Kita tidak akan maju ke hadapan dan rakyat kita tidak akan mendapat pembelaan yang sewajarnya. Jadi, tidak ada gunanya kalau kita hanya seperti rakan-rakan di sebelah sana yang hanya pandai mengetengahkan perkara-perkara yang berkenaan dengan rasis sahaja. Lebih baik kita memacu pertumbuhan ekonomi negara kita yang akhirnya akan menguntungkan semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang dan juga kaum.

Strategi pertama, menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama destinasi pelaburan. Saya rasa Kerajaan Pakatan Harapan sejak tahun lepas telah mula melakukannya. Usaha ini memang wajar dan memang patut diteruskan untuk tahun-tahun akan datang. Daripada fakta iaitu separuh pertama tahun ini sahaja pelaburan terus asing (FDI) telah meningkat hampir seratus peratus iaitu di bawah setengah tahun pertama yang masih di bawah kerajaan lama, rejim lama pada separuh pertama tahun lepas, FDI yang kita terima telah diluluskan adalah RM25.1 bilion. Tahun ini— separuh pertama tahun ini ia melonjak kepada RM49.5 bilion. Satu lonjakan hampir seratus peratus yang jelas membuktikan bahawa pelabur asing yakin dengan ketelusan dan juga komitmen tinggi daripada Kerajaan Persekutuan, Pakatan Harapan.

Kalau FDI kita boleh melonjak dengan tinggi, saya ingin mengambil peluang pada hari ini menyeru kepada pelabur, peniaga, usahawan, korporat tempatan supaya meningkatkan pelaburan dalam negara. Oleh sebab kalau FDI kita tinggi, ia tanda pelabur asing, korporat besar dari seluruh negara yakin dengan kerajaan. Kita sebagai rakyat Malaysia, kita sebagai usahawan yang bertapak di bumi Malaysia, kenapa kita tidak yakin dengan Kerajaan Pakatan Harapan yang kita ada?

Jadi, saya mohon kepada para pengusaha tempatan, pelabur tempatan supaya menambahkan DDI di Malaysia dan saya juga menyambut baik penubuhan jawatankuasa bersama di antara MOF dengan MITI iaitu Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan. Saya percaya dengan adanya jawatankuasa di antara dua kementerian ini, ia sudah pastinya akan melonjakkan pelaburan, baik FDI mahupun DDI di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cadangkan Yang Berhormat teruskan pada pukul 2.30 petang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan masa baki lapan minit 13 saat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sebelum saya tangguhkan, saya ingin menyenaraikan pembahas-pembahas lain. Selepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Nibong Tebal. Kemudian Yang Berhormat Tanah Merah– bukan, maaf salah. Selepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Hulu Rajang. Selepas itu Yang Berhormat Nibong Tebal. Seterusnya Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Akan ditambah kalau ada masa. Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, majlis Mesyuarat bersidang semula. Yang Berhormat Rasah dijemput. Masa tinggal 8 minit 13 saat, sila.

2.32 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung perbincangan saya tadi. Tadi sebelum berhenti tadi, saya ada sebut berkenaan dengan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI). Cuma saya berharap dengan adanya pakej galakan pelaburan istimewa yang berjumlah RM1 bilion setahun untuk masa lima tahun akan datang bermula tahun depan, saya harap satunya saya menyambut baik langkah kerajaan dengan pakej galakan pelaburan ini. Jadi saya harap yang akan dapat tarik bukan sahaja FDI akan tetapi DDI sendiri sebagaimana yang telah saya kupas tadi.

Cuma saya harap kita kena pastikan kita mengalu-alukan pelaburan. Negara hendak membangun, kita hendak menjana ekonomi ke hadapan memang wajib kita tarik pelabur. Cuma kita harap pelaburan yang berteknologi tinggi bersesuaian dengan teknologi 5G yang kita galakkan, yang kreatif, inovatif, yang mesra alam.

Jangan lupa, kita terhadap rejim lepas yang telah membawa Lynas masuk ke Malaysia dan ia satu pengajaran, satu yang tak patut diulangi oleh kerajaan. Walaupun kita galakkan pelaburan tetapi jenis yang menjejaskan alam sekitar yang mendatangkan

masalah kepada alam sekitar kita, kita patut pastikan ia ditegah sama sekali. Sambil itu saya juga berharap pakej RM1 bilion ini dapat membantu IKS dan seterusnya boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan itu yang kita harapkan.

Strategi kelima ketika pembentangan Belanjawan 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa menggariskan- ia bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Saya menyambut baik langkah kerajaan untuk mewujudkan Malaysia Kerja iaitu di bawah beberapa inisiatif yang masing-masing sebanyak RM500 kepada pekerja melalui caruman KWSP dan sebanyak RM300 kepada majikan.

Saya percaya dan saya harap dengan langkah pakej begini, ia dapat menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia dapat kembali kepada pekerjaan masing-masing untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan seterusnya bukan sahaja dapat merangsang ekonomi tempatan kita, menggalakkan rakyat kita supaya lebih banyak terlibat dengan pekerjaan masing-masing. Ia juga dapat mengurangkan aliran keluar wang ke negara pekerja asing tersebut.

Cuma satu saya hendak tanyakan di sini, disebutkan bahawa gaji minimum untuk tahun depan untuk kawasan bandar sahaja adalah RM1,200. Saya hendak tanya kenapa kawasan bandar sahaja? Saya mohon penjelasan daripada kerajaan sebab kalau ikutkan bandar kah luar bandar kah kita sepatutnya sama-sama bergerak ke hadapan. Saya menyambut baik kenaikan sebanyak RM100 daripada tahun ini RM1,100 sebab komitmen, janji daripada Pakatan Harapan sendiri yang telah menggariskan bahawa dalam masa lima tahun kita akan mencapai sasaran RM1,500 gaji minimum.

Walaupun ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba untuk menabur fitnah bahawa kita gagal mencapai *target* RM1,500 dalam tahun ini. Ia sebenarnya adalah sasaran *target* lima tahun dan memang elok diletakkan setiap tahun sampai RM100. Jadi, betul lah lima tahun itu kita akan mencapai sasaran RM1,500. Cuma saya hendak tanya, kenapa untuk bandar sahaja?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan berkenaan dengan sektor pendidikan di bawah Strategi ke-7 yang digariskan oleh Belanjawan 2020. Saya menyambut baik peruntukan untuk Kementerian Pendidikan telah naik daripada RM60.2 bilion kepada RM64.1 bilion. Saya anggap penambahan tersebut sangat penting. Ia selaras dengan komitmen kerajaan untuk memberikan infra kemudahan yang lebih baik untuk sektor pendidikan yang mana kita tahu sektor pendidikan inilah yang akan

melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu dan seterusnya dapat membantu negara maju ke hadapan.

Saya menyambut baik peruntukan penyelenggaraan dan naik taraf sekolah-sekolah daripada tahun 2019 berjumlah RM652 juta kepada RM735 juta. Antara kenaikan yang drastik yang saya nampak yang patut diberikan pujian adalah peruntukan untuk sekolah kebangsaan, naik daripada RM250 juta kepada RM300 juta sebab ada keperluan. Begitu juga saya menyambut baik sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) yang dahulunya RM15 juta naik kepada RM20 juta, begitu juga dengan sekolah menengah persendirian Cina, naik daripada RM12 juta kepada RM15 juta. Saya anggap ini menunjukkan komitmen kerajaan yang memberikan sokongan dan dokongan kepada pendidikan dan juga ilmu agar rakyat Malaysia tanpa mengira apa aliran pendidikannya sama-sama mendapat limpahan daripada peruntukan belanjawan pada kali ini.

Saya juga mohon di sini supaya di kawasan saya sendiri kawasan Parlimen Rasah dapat diwujudkan sebuah sekolah SJKT, khasnya di kawasan Rasah Jaya ataupun Thivy Jaya. Saya mohon penjelasan daripada kementerian sebab pada dua tiga tahun dahulu ketika rejim kerajaan yang dahulu pernah ada majlis pecah tanah untuk sekolah tersebut. Akan tetapi sehingga hari ini, masih tak nampak apa-apa pembinaan dan dikatakan tanah yang terlibat dengan pecah tanah tersebut bukan tanah milik kerajaan, ia tanah yang dimiliki oleh pihak lain. Jadi, memang ada keperluan di kawasan Rasah Jaya dan Thivy Jaya untuk pembinaan SJKT tersebut.

Saya juga menyambut baik peruntukan kerajaan RM23 juta untuk kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) yang saya anggap bahawa ia bersesuaian dengan komitmen atau pun falsafah pendidikan kita iaitu *zero reject* iaitu tiada rakyat Malaysia yang kelainan upaya yang tercicir daripada pendidikan. Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan semua rakyat Malaysia diberikan pendidikan yang sewajarnya.

Saya juga ambil kesempatan pada petang ini memuji pihak kerajaan kerana peruntukan untuk Kementerian Kesihatan juga meningkat dan Kementerian Kesihatan sekali lagi menjadi kementerian yang menerima peruntukan kedua terbesar. Antara yang saya anggap sangat baik dan sangat bersesuaian adalah peruntukan sebanyak RM60 juta untuk memberikan vaksin pneumococcal kepada semua kanak-kanak. Saya anggap ini sebagai satu komitmen yang jelas daripada kerajaan yang mahu memastikan semua kanak-kanak kita mendapat vaksin yang sewajarnya.

Oleh kerana sebelum ini, vaksin ini hanya terdapat di hospital swasta dengan bayaran yang agak mahal. Satu suntikan dalam RM300 ke RM400 yang menyebabkan

ramai kanak-kanak kita tidak mendapat penjagaan dari segi ini dan saya anggap ia sebagai satu yang menunjukkan komitmen daripada kerajaan.

■1440

Saya juga menyambut baik mySalam yang telah meluaskan skop penyakitnya daripada 36 jenis penyakit kepada perlindungan kepada 45 jenis penyakit. Ia menunjukkan komitmen yang sangat jelas daripada pihak kerajaan dan juga lebih ramai penduduk Malaysia, rakyat Malaysia daripada umur 55 tahun dilanjutkan kepada umur 65 tahun. Lebih 1.5 juta penduduk tambahan akan mendapat perlindungan di bawah mySalam. Saya anggap ia sesuatu yang wajar diberikan pujian dan langkah-langkah sebegini lah yang kita hendak.

Selain itu, di bawah meningkatkan ekosistem pengangkutan awam pula, saya menyambut baik langkah kerajaan untuk mengurangkan pengguna jalan raya—Tuan Yang di-Pertua, saya minta dua, tiga minit yang terakhir. Saya menyambut baik langkah kerajaan untuk mengurangkan pengguna jalan raya khususnya beban tol iaitu ketika membentangkan Belanjawan 2020, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa pengurangan 18 peratus secara purata untuk semua pengguna Lebuhraya PLUS merupakan satu yang dianggap sangat baik, satu berita yang boleh memanfaatkan semua rakyat Malaysia.

Ia bukan kelompok tertentu sahaja, tetapi semua rakyat Malaysia yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan dan ia juga selaras dengan komitmen daripada Pakatan Harapan yang mana kami janjikan dalam *Buku Harapan* bahawa tol akan dihapuskan secara berperingkat-peringkat bukan serta-merta yang seperti mana yang diuar-uarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jadi, saya mohon pihak yang sengaja menabur fitnah dan tohmahan yang tidak benar tersebut supaya baca *Buku Harapan* itu dengan teliti, memahami maksud setiap perkataan dan setiap ayat yang terdapat dalam *Buku Harapan* tersebut iaitu komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan untuk memansuhkan kutipan tol secara berperingkat. Di samping, kami akan mengadakan rundingan dengan pemegang konsesi lebuhraya yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara terakhir yang saya hendak sebutkan di sini. Satu, berkenaan dengan perumahan. Saya menyambut baik langkah kerajaan untuk meneruskan kempen pemilikan rumah (HOC) iaitu enam bulan yang pertama tahun ini disambung dengan enam bulan yang kedua tahun ini dan saya berharap sekiranya kempen ini boleh mendatangkan satu lonjakan, satu pemangkin kepada industri perumahan negara, apa salahnya kita boleh teruskannya untuk tahun hadapan supaya

mereka yang— rakyat Malaysia yang tidak memiliki rumah yang akan membeli rumah pertama boleh mendapat manfaat daripada kempen ini yang saya percaya dia akan — kalau industri perumahan tersebut maju ke hadapan, banyak industri sampingan akan turut maju dan ia akan dapat merangsang ekonomi, khususnya ekonomi domestik yang kita ada.

Ini sebab saya nampak daripada *figure* yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, sasaran untuk HOC adalah RM3 bilion tetapi setakat ini sudah mencapai RM13.4 bilion. Satu lonjakan, satu pencapaian yang jauh lebih baik daripada yang kita jangkakan. Saya juga menyambut baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat masih panjang lebar tetapi masa amat cemburu. Sila menggulung.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa memang sudah tamat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey. Satu minit yang terakhir. Jadi, saya juga menyambut baik langkah untuk mengurangkan harga siling untuk kondominium dan pangsapuri di bandar daripada RM1 juta kepada RM600 ribu untuk warga asing yang mana ia hanya melibatkan unit-unit kondominium pangsapuri yang telah siap dibina, yang gagal dijual sebelum ini.

Bagi saya ia akan dapat merangsang ekonomi tempatan dan ia tidak seperti yang dikatakan oleh pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab yang kata kita jual hak kita kepada warga asing dan sebagainya. Tidak. Sebab ia hanya melibatkan unit pangsapuri dan kondominium yang mana geran strata sahaja, strata *title*. Ia bukanlah geran yang bertapak dan bertanah.

Jadi, saya harap pihak-pihak yang cuba menabur fitnah supaya tidak meneruskan dengan fitnah, sebab ini satu langkah yang bertujuan untuk membantu aliran wang masuk dari asing ke negara kita yang akhirnya akan menjana dan menguntungkan negara kita tanpa menjual maruah dan juga kedaulatan negara ini kepada warga asing. Jadi, saya mohon pihak-pihak yang terlibat supaya pandang perkara ini secara *reasonable*. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf sebab terlebih dua tiga minit.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dah habis kah? Yang Berhormat Rasah, dah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Rajang. Selepas itu, Yang Berhormat Nibong Tebal.

2.45 ptg.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang *handsome* pada tengah hari ini. *[Ketawa]*

Bajet 2020 nampaknya megah,

janji PRU 2014 masih belum tahu,

luka di tangan nampak berdarah Tuan Yang di-Pertua,

luka di hati rakyat Sarawak siapa yang tahu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini dalam sejarah saya memulakan ucapan perbahasan saya dengan serangkap pantun yang ingin membawa kita semua melihat betapa sedih dan kecewanya rakyat Sarawak akan pembentangan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan minggu lepas. Setelah saya meneliti secara mendalam agihan bajet pada minggu lepas, saya mendapati sangat tidak adil pengagihan bajet yang untuk negeri Sarawak. Di mana jika hendak dibandingkan dengan saiz dan keluasannya berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Jangan kita lupa akan secara membawa kewujudan Malaysia pada hari ini berpaksikan kepada perjanjian MA63 di mana ianya perlu dihormati dan dipatuhi oleh kerajaan yang ada hari ini. Banyak projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu, ini menjadi tanda tanya di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan Tuan Yang di-Pertua. Seharusnya semua projek-projek yang berteraskan rakyat ini perlu diteruskan bagi memastikan kebajikan dan hak Sarawak yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan kita Tuan Yang di-Pertua.

Belanjawan ini mempunyai kekurangan begitu ketara kerana pengagihan peruntukan tidak seimbang di antara negeri Sarawak dan negeri Sabah. Sabah dan Sarawak menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM9.6 bilion. Namun ia meliputi lapan peratus daripada dana pembangunan dalam Belanjawan 2020. Sarawak memperoleh RM4.5 bilion, manakala Sarawak pula RM5.1 bilion. *Manifesto Pakatan Harapan* menjanjikan tiga peratus dana pembangunan akan diagihkan kepada Sarawak dan Sabah tetapi hanya lapan peratus Tuan Yang di-Pertua. Manakah 30 peratus Tuan Yang di-Pertua? Di manakah berlaku keadilan yang sentiasa diperjuangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Hanya "*indah khabar dari rupa*" Tuan Yang di-Pertua.

Suka saya ingatkan kepada perhatian semua Ahli Dewan bahawa MA63 merupakan singkatan yang digunakan secara meluas di Sabah dan Sarawak. Pada Perjanjian Malaysia yang telah dimeterai di London pada 9 Julai 1963. Umum mengetahui Sarawak merupakan sebuah negeri yang sangat kaya dengan sumber hasil seperti minyak dan gas. Namun, kekayaan hasil bumi Sarawak dinikmati oleh rakyat Sarawak? Tidak. Mercu kebanggaan negara semuanya berpusat di Semenanjung Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Bak kata pepatah Melayu, "*kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan*" Tuan Yang di-Pertua. Begitulah ungkapan saya sebagai anak jati Sarawak berkaitan terhadap senario yang berlaku sekarang.

Pada penggal 2017, mantan Perdana Menteri Yang Berhormat Pekan berjanji akan kuasa autonomi Sarawak dikembalikan semula kepada rakyat Sarawak. Namun, BN kalah pada PRU ke-14 Tuan Yang di-Pertua. Apa daya kami sebagai rakyat Sarawak. Apabila menyentuh mengenai semakan semula geran untuk Sarawak dan Sabah mengikut Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, kita menyambut baik hasrat kerajaan sekarang menaikkan geran kepada Sarawak dan Sabah.

Namun, adakah sudah dibincangkan? Diperincikan? diluluskan pada peringkat jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan? Tuan Yang di-Pertua. Perkara seperti ini perlu dibincangkan dengan peringkat jawatankuasa teknikal kerana kadar pemberian khas diterima Sarawak hanya RM64 juta sedangkan Sabah memperoleh RM168 juta Tuan Yang di-Pertua. Jangan *dilump sum* sahaja Tuan Yang di-Pertua. Mesti ada formulanya Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Boleh kah saya celah satu minit? Sedikit sahaja. Satu soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat terharu dengan ucapan Yang Berhormat. Saya ingin tahu apa pandangan Yang Berhormat, kenapakah Kerajaan Pakatan Harapan hari ini meletakkan perbezaan yang begitu ketara antara Sabah dan Sarawak? Apakah punca sebenarnya mereka bertindak demikian? Apa pandangan Yang Berhormat?

■1450

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Bagi saya, kalau mereka ini betul-betul melaksanakan perjanjian itu, mereka akan lama memegang tampuk kerajaan ini. Akan tetapi, mereka tidak tahu mereka adalah kerajaan yang mempunyai kuasa. Jadi, saya minta dan saya mohon, ucapan Yang Berhormat Rantau Panjang tadi disimpan di dalam ucapan saya. Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang, pandangan yang begitu serius.

Pendidikan. Sebanyak RM783 juta diperuntukkan bagi sekolah daif terutama di negeri Sarawak dan Sabah. Sabah memerlukan sebanyak RM1 bilion untuk membaik pulih sekolah daif seluruh negeri, di mana Kerajaan Pusat sudah bersetuju, Tuan Yang di-Pertua dan meminta Kerajaan Negeri Sarawak membayar pendahuluan sebanyak RM350 juta. Kita sudah bayar, Tuan Yang di-Pertua. Tanda tanya saya, mana RM1 bilion? Isu anak-anak dan pendidikan jangan dipolitikkan, Tuan Yang di-Pertua. Usahlah kita merasa rugi kerana dari bidang pendidikan lahirnya modal insan yang berkualiti untuk mentadbir negara ini di suatu ketika nanti. Jangan sampai, "*sayang rugi membeli tali, timba air setitik tak dapat-dapat*", ataupun "*murah di mulut, mahal di timbangan*".

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak Sarawak tidak layak menerima pendidikan yang sama taraf dengan Semenanjung? Adakah hal pendidikan mereka dinafikan Tuan Yang di-Pertua? Sekarang saya terus kepada sektor kesihatan.

Di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, 30...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Boleh bagi laluan sekejap? Sebelum masuk tajuk lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bagan Datuk

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM1 bilion kepada Sarawak dan Sabah untuk menaikkan taraf dan memperbaiki sekolah daif ini merupakan satu komitmen Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi, apa yang telah dilakukan sekarang ini di mana peruntukan itu hanya diberikan sedikit sahaja. Bukan sahaja itu, saya lihat Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak *Development* Bank sedia untuk mendahulukan wang berkenaan.

Akan tetapi, ini tidak jelas sekarang ini. Ini memperlihatkan bahawa soal pendidikan juga dipolitikkan di Sarawak. Saya amat bersedih dengan apa yang berlaku di Sarawak dan Sabah.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk. Saya tahu pada masa Kerajaan Barisan Nasional dahulu, Yang Berhormat Bagan Datuk yang telah memberikan peruntukan itu. Bersetuju. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk. Saya mohon sebanyak RM30.6 bilion ini diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan. Saya mohon supaya Hospital Kapit diberikan peruntukan untuk membina hospital yang baharu Tuan Yang di-Pertua.

Bahagian Kapit mempunyai populasi lebih sekitar 120,000 orang. Kapasiti Hospital Kapit hanya sekitar 134 buah katil sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Mohon tambah

juga mesin dialisis daripada 15 unit mesin kepada 30 unit mesin, Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak RM5 juta untuk klinik bergerak di luar bandar adalah tidak mencukupi kerana kos logistik di kawasan pedalaman adalah sangat tinggi. Saya mohon hidupkan semula klinik bot ekspres bergerak di Sungai Batang Rajang lagi, Tuan Yang di-Pertua supaya lebih banyak rakyat mendapat manfaat. Slogan kementerian perkhidmatan yang lebih baik, tetapi kuarters kediaman kakitangan kementerian sudah sangat uzur di kawasan saya dan kawasan Kapit, Tuan Yang di-Pertua. Tolong Kementerian Kesihatan tengok dan juga melawat Kapit dan pergi ke Hulu Rajang juga.

Komunikasi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia ke atas pengurangan harga jalur lebar sebanyak 49 peratus dan peningkatan kelajuan jalur lebar sehingga tiga kali ganda adalah satu pencapaian di mana Malaysia dipuji oleh Bank Dunia, itu saya puji dengan Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, kami rakyat Sarawak hanya mampu melihat dari jauh Tuan Yang di-Pertua, bukan 5G yang kami minta, kalau boleh 3G pun jadilah Tuan Yang di-Pertua.

Pembangunan belia dan sukan, Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan sesebuah negara bergantung betapa hebatnya anak-anak muda sesuatu negara itu diberikan perhatian. Saya merakamkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana berjaya keluar dari kebiasaannya dengan izin, *you do business unusual* dengan menekankan konsep sukan e-*Sport* kepada golongan anak muda kita. Saya menyambut baik perkara seperti ini yang bakal memberikan peluang kepada anak muda kita untuk bertanding di peringkat antarabangsa dan menyerlahkan potensi diri mereka.

Namun, di sebalik keghairahan kita untuk mengejar cita-cita dan impian kita, kita lupa akan prasarana asas seperti kemudahan internet, harus dipertingkatkan di kawasan luar bandar. Apa gunanya kalau ada RM20 juta untuk sukan e-*Sport* namun, kawasan luar bandar seperti kawasan saya internet bergerak macam kura-kura, Tuan Yang di-Pertua. *Slow and steady*. Saya menyeru agar pihak Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia bekerjasama dalam mengatasi masalah ini agar anak-anak muda kita dari kampung dan di negeri Sarawak juga menjadi johan dalam dunia suatu hari nanti, Tuan Yang di-Pertua.

SME, Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak RM445 juta diperuntukkan kepada bumiputera, sebanyak RM100 juta kepada masyarakat Cina, serta sebanyak RM20 juta kepada masyarakat kaum India. Dalam angka berjumlah RM445 juta, berapakah khas untuk kaum Iban, kaum Bidayuh, Kaum Dayak-Bidayuh, kaum orang Ulu dan lain-lain? Anak-anak Sarawak yang mempunyai potensi mereka dalam sektor PKS dan mampu

bergerak jika diberikan peluang Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya terus kepada KPLB.

Sebanyak RM1 bilion disediakan untuk pembinaan jalan luar bandar tetapi Sarawak hanya mendapat sebanyak RM224 juta sahaja. Sedangkan, Tuan Yang di-Pertua, Sarawak negeri yang terbesar di Malaysia, mana cukup Tuan Yang di-Pertua. Rakan-rakan saya di sebelah sana iaitu Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Lubok Antu, tolong bangkitkan bersama kita, rakyat Sarawak. Gunakan kuasa kamu sebagai kerajaan sekarang. Jangan bertelagah diri sendiri dalam Dewan ini. Kita bersama-samalah kawan-kawan dari Sarawak, untuk negeri kita yang tercinta.

Komoditi, Tuan Yang di-Pertua. Saya seorang petani. Rakan-rakan saya sebagai peladang kecil di luar bandar pada minggu yang lalu, mengeluh kerana harga sawit begitu rendah sekali. Jadi, saya mohon kepada Kementerian Industri Utama *please* dengarlah, buat yang terbaik untuk anak-anak dan peladang-peladang kecil kita. Tuan Yang di-Pertua, MPKK. Bagi pendapat saya, MPKK tidak perlu wujud dan jika Kerajaan Pusat berhasrat untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri, saya mohon Tuan Yang di-Pertua, agar kerjasama dengan kerajaan negeri adalah telus dan ikhlas. Janganlah gunakan ini sebagai *divide and conquer*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Boleh memecahbelahkan kaum dan penduduk rumah panjang kita. *We are small community* di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Sekiranya tujuan yang baik, mengapakah perlu MPKK sedangkan JKK telah pun wujud? Di mana rasionalnya? Wujudnya dua nakhoda di dalam sebuah kapal, apa lagi tiada penanda skop tugas antara dua institusi itu. Bukanlah berlakunya penindasan tugas...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching minta pencelahan.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Hulu Rajang, Puncak Borneo minta penjelasan boleh?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh pencelahan sedikit?

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo minta penjelasan, sikit sahaja.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Tengok, saya banyak lagi ini Tuan Yang di-Pertua. Nanti Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Bandar Kuching kita ada masa. Tolong dengarlah. Kamu adalah kerajaan. Saya tahu kedua-dua ini boleh menjadi Yang Berhormat Menteri nanti.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sikit sahaja?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Hendak tanya sahaja, minta penjelasan.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Kalau mahu jadi Yang Berhormat Menteri, baik-baik dalam Dewan ini.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Hendak minta penjelasan.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Okey, saya mahu habiskan Tuan Yang di-Pertua. Tunggu saya. Jam sudah masa itu. Tolong Yang Berhormat Puncak Borneo, jangan takut. Kamu seorang Bidayuh, saya ingat tidak ada Bidayuh dalam kementerian ini. Saya dengan Yang Berhormat Kapit sokong kalau Yang Berhormat Puncak Borneo mahu jadi Yang Berhormat Menteri.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, NCR *land*. Saya menyokong dan bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Batang Sadong berkenaan dengan pemberian peruntukan untuk mengukur tanah adat bumiputera Sarawak yang kini *Native Territorial Domain* (NTD)— Pemakai Menoa dan Pulau Galau. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2010 hasil kerja penyukatan tanah-tanah menyeluruh serta cepat telah diperkenalkan. Ekoran daripada inisiatif baru ini, terbukti memberikan keuntungan pada penuntut-penuntut tanah hak bumiputera. Kerajaan negeri melalui agensi yang telah berjaya menyukat seluas 886,625 hektar atau 2,190,896 hektar tanah semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2000. Ini merupakan satu kejayaan dan kalau boleh tolonglah kawan-kawan saya di sebelah sana, kita ini orang Dayak di negeri Sarawak.

■1500

Sekarang di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini telah rancak menyukat seksyen 18, Tuan Yang di-Pertua, seluas 4,000 ekar di Sungai Majau telah dijalankan dengan baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa ini cemburu sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung, Yang Berhormat.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Gulung sekejap, Tuan Yang di-Pertua. *Kasi* saya— tadi sudah Yang Berhormat Rasah pun sudah macam itu.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya ini, izinkan saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, menekankan bahawa hak Sarawak dan imuniti Sarawak dalam perjanjian MA63 tidak seharusnya dipandang remeh oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Kami barisan GPS tidak akan berdiam diri sekiranya kedaulatan wilayah kami dicabar dan diceroboh. Pengorbanan nenek moyang kami demi mempertahankan bumi

Sarawak ini telah wujud selama MA63. Maka kini sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat Pakatan Harapan bagi memastikan semua permasalahan rakyat dapat ditangani dan diatasi segera kerana kerajaan negeri di bawah kepimpinan Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg—

Saya selaku wakil rakyat dari Parti Gabungan Sarawak ingin menyatakan dengan tangan— dalam menegur sebarang kesalahan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Semoga perjalanan ini menjadi permulaan baharu untuk rakyat negeri Sarawak.

Pengubat hati wajah si dia,

senyum mesra penenang sang jiwa,

Parlimen Hulu Rajang sebulat berkata,

menyampaikan keluhan rakyat jelata negeri Sarawak yang tercinta.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nibong Tebal. Selepas itu Yang Berhormat Gerik.

3.01 ptg.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 Kerajaan Pakatan Harapan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 11 Oktober 2019.

Saya menyokong usul ini kerana inti pati dan ciri-ciri belanjawan ini menzahirkan kesungguhan Kerajaan Pakatan Harapan untuk membangun ekonomi negara dan menjaga kepentingan rakyat jelata bagi menjamin kestabilan politik supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama.

Secara keseluruhannya, kerajaan memperuntukkan RM299 bilion untuk belanjawan tahun 2020 dengan pecahan RM731.1 bilion atau lebih kurang 57.9 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan RM58 bilion untuk pembangunan atau lebih kurang 19.4 peratus yang dirangka bertemakan *Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama*. Tema ini dirangka untuk memenuhi

komitmen kerajaan memenuhi matlamat Wawasan 2020 dengan memberi nafas baharu berteraskan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 ini adalah belanjawan berorientasikan pertumbuhan. Justeru, teras pertama belanjawan ini adalah perancangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk memacukan pertumbuhan ekonomi dalam ekonomi baharu dan era digital. Kita menyambut baik usaha kerajaan untuk merancang pertumbuhan ekonomi bagi membesarkan lagi kek ekonomi supaya hasilnya dapat dinikmati semua lapisan masyarakat secara saksama dan adil. Saya akan sentuh beberapa perkara mengenai strategi yang dirangka oleh kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan seterusnya diharapkan dapat mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama.

Menarik pelaburan asing dan mempertingkatkan pelaburan domestik. Kita menyambut baik strategi dan usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama destinasi pelaburan. Kerajaan perlu mengekalkan rekod trend peningkatan kemasukan pelaburan asing seperti mana yang dicatatkan dalam tahun 2018 dan bagi tempoh separuh pertama tahun 2019 iaitu dalam tahun 2018, jumlah FDI dicatatkan sebanyak RM80.1 bilion, meningkat sebanyak 47 peratus daripada kemasukan FDI tahun 2017 yang dicatat sebanyak RM54.4 bilion. Manakala bagi separuh tahun pertama tahun 2019, FDI mencatat peningkatan sebanyak 97 peratus kepada RM49.5 bilion daripada RM25.1 bilion dalam tempoh yang sama bagi tahun lepas iaitu tahun 2018. Ini menunjukkan trend yang cukup memberangsangkan bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan FDI ke dalam negara sudah tentu dipengaruhi beberapa faktor. Di antaranya seperti jenis, bentuk dan kemudahan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan, kemudahan dan kecekapan infrastruktur dan keberadaan dan keupayaan tenaga kerja yang mahir serta faktor kestabilan politik.

Dalam hal ini, saya minta kementerian memperincikan beberapa langkah yang diambil untuk memastikan keberkesanan dasar ini seperti Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) iaitu fungsi, peranan, keanggotaan jawatankuasa serta *roadmap* ataupun hala tuju tugas ataupun program-program yang dirangka.

Begitu juga dengan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada MITI yang diperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi melaksanakan tugas pemantau supaya pelaburan direalisasikan selepas ia diluluskan.

Saya juga menyambut baik usaha kerajaan untuk mentransformasikan industri dan perniagaan tempatan khususnya PKS. Ini kerana sumbangan mereka merangsang pertumbuhan ekonomi negara tidak boleh dipertikaikan. Segala bentuk insentif yang

ditawarkan kepada pelabur asing perlu dipertimbangkan juga kepada mereka. Malah, PKS perlu diperkukuhkan.

Di samping mentransformasikan PKS, saya ingin mencadangkan agar kerajaan turut memperkasakan agensi-agensi pembangunan wilayah dan persekutuan. Semenjak merdeka dalam tahun 1957 dan khususnya selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB), pelbagai agensi pembangunan diwujudkan untuk tangani isu-isu kemiskinan dan kesenjangan, *poverty and inequality*, dengan izin, bagi mencapai matlamat besar iaitu perpaduan negara. Malangnya, sehingga hari ini, selepas berpuluh-puluh tahun merdeka dan dilaksanakan program-program ini, isu-isu kemiskinan dan kesenjangan masih menghantui negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh agensi yang boleh diperkasakan yang diwujudkan untuk tujuan ini adalah seperti MADA, KADA dan LADA di Kedah, KESEDAR di Kelantan, KETENGAH di Terengganu, PERDA di Pulau Pinang dan KEJORA di Johor. Agensi-agensi ini perlu dinilai semula peranan, fungsi, skop dan tugas dan tata kelola urus tadbir mereka. Peruntukan yang mencukupi perlu diberikan supaya ia dapat melaksanakan program-program dengan lebih lancar lagi. Pelabur-pelabur asing dan juga tempatan perlu diberi galakan dan insentif untuk bekerjasama sebagai rakan kongsi, umpamanya dalam perniagaan dengan agensi-agensi ini. Agensi-agensi ini mesti diterajui oleh mereka-mereka yang berwawasan, berintegriti dan berkebolehan. Begitu juga dengan agensi-agensi pembangunan persekutuan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, LKIM, LPP dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan agensi-agensi pembangunan ini perlu diperkasakan, diberi tanggungjawab khusus seperti menceburi dalam industri padi, penternakan, perikanan, pembuatan dan perkilangan, perkhidmatan dan pemakanan, sebagai contoh dan dipantau dengan berkesan oleh kementerian-kementerian yang dipertanggungjawabkan kepada mereka yang turut membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang hasilnya dapat dinikmati bersama sepertimana yang dihajati oleh WKB.

■1510

Dari perspektif ini Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak, jarang-jarang bersetuju dengan dia. Meminta kerajaan mempertimbangkan secara serius, menggalakkan juga pelabur-pelabur asing dan tempatan beroperasi di kawasan-kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya, apakah status pendirian kerajaan untuk membandarkan kawasan-kawasan luar bandar?

Kehadiran industri-industri yang beroperasi di luar bandar dipercayai boleh bertindak sebagai *game changer*, dengan izin, untuk mentransformasikan taraf sosioekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar. Apakah juga status cadangan pembangunan usahawan– Status cadangan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Apakah juga status cadangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk memajukan ataupun membangunkan kawasan-kawasan ataupun daerah-daerah yang telah dikenal pasti sebagai miskin di seluruh negara.

Oleh kerana di suatu ketika dahulu, pihak kementerian telah mengenal pasti beberapa daerah di beberapa negeri sebagai daerah-daerah sasar untuk dilaksanakan program-program membasmi kemiskinan khususnya. Pembangunan usahawan, khususnya usahawan mikro dengan fokus kepada usaha-usaha memperkukuhkan akses kepada pembiayaan perniagaan, ini merupakan strategi ketiga teras pertama Belanjawan 2020. Saya ingin menyentuh perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui Dasar Usahawan Negara telah menggariskan dengan jelas visi, objektif serta strategi bagi membangunkan bidang keusahawanan yang mantap.

Dalam perbahasan ini, saya ingin fokus kepada usaha-usaha membangun usahawan-usahawan kecil atau usahawan mikro. Usahawan-usahawan mikro, peniaga-peniaga kecil turut juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara. Keduanya, saya percaya dan yakin program-program membangunkan usahawan-usahawan mikro didapati berjaya mempertingkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi golongan ini. Terutama sekali dalam memerangi isu kemiskinan dan melebarkan kelas menengah bagi membentuk atau mencapai matlamat wawasan kemakmuran bersama seperti mana tema Belanjawan 2020 ini iaitu, “*Memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama*”.

Pandangan ini Tuan Yang di-Pertua, turut disokong oleh kajian-kajian impak program-program makro kredit di merata tempat, malah di seluruh dunia yang mengakui kenyataan ini. Malah, kejayaan Amanah Ikhtiar Negara dan juga TEKUN di negara kita turut menyokong dapatan ini. Saya sendiri berpengalaman terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN di suatu ketika dahulu iaitu semasa program-program ini mula dilaksanakan dan sekarang ini berpeluang berkhidmat hijrah program makro kredit Kerajaan Negeri Selangor.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Nibong Tebal, boleh? Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian minta laluan.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Boleh, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Nibong Tebal memang ada pengalaman, terutama memulakan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga dengan Yang Berhormat Jeli ketika kita di Kementerian Pembangunan Usahawan. Pada pengalaman Yang Berhormat, kenapa ada pembayaran NPL yang agak tinggi dengan TEKUN ini? Adakah yang lebih penting ialah ilmu keusahawanan atau model pusingan itu yang lebih penting? Ilmu keusahawanan yang menyebabkan mereka boleh berdaya saing ataupun modal makro kredit yang disebut oleh Yang Berhormat tadi? Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya akan sentuh sedikit tentang perkara itu sebentar lagi. Akan tetapi saya percaya NPL yang dialami oleh TEKUN dan cabaran yang besar yang dihadapi dalam usaha-usaha melaksanakan program ini ialah berkenaan dengan kredit disiplin di kalangan usahawan-usahawan yang kita berikan ini. Itu pertama. Kedua, kita dapati sekarang ini terjejas teruk, terutamanya dalam usaha-usaha kerajaan untuk memperkenalkan digital ekonomi dan ini melibatkan usaha-usaha yang terlibat teruk...

[Ahli Yang Berhormat Nibong Tebal rebah secara tiba-tiba]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat. Sila berikan pertolongan cemas kepada Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau ada doktor, tolong!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Minta pegawai perubatan, sila masuk ke dalam Dewan untuk memberikan bantuan cemas kepada Yang Berhormat Nibong Tebal. Setiausaha Dewan, minta pegawai perubatan! Sila, segera! Sini mana-mana Ahli Dewan yang menjadi doktor, sila bantu. Yang Berhormat Bandar Kuching, sila.

Yang Berhormat, memandangkan keadaan Yang Berhormat Nibong Tebal, saya tangguhkan Dewan lima minit di bawah Perkara 12(2).

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 3.18 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.29 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat bersidang semula. Sebelum kita teruskan perbahasan, marilah kita berdoa supaya Yang Berhormat Nibong Tebal kembali sihat dan cergas. Dapat melaksanakan amanah sebagai wakil rakyat dan saya juga nasihatkan kepada seluruh anggota Dewan, pastikan cukup tidur, minum air, jangan bahas panjang-panjang sampai larut malam. *[Ketawa]*

Kesihatan kita wajib jaga bersama kerana ini bukan insiden pertama. Dulu Yang Berhormat Sepang dan hari ini rakan kita Yang Berhormat Nibong Tebal. Semoga dapat cepat sembuh, sihat sentiasa.

Okey, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik. Masa 15 minit, jangan panjang-panjang. Sila.

■1530

3.30 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 11 Oktober 2019 bertemakan, "*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama*". Dikatakan juga bahawa tema ini menjurus kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Negara kita telah melalui beberapa fasa peralihan daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan industri dan perdagangan. Dari Rancangan Malaysia pertama, kita kini sudah hampir ke penghujung Rancangan Malaysia Ke-11 dan sedang merangka Rancangan Malaysia Ke-12.

Dari Dasar Ekonomi Baru, kita beralih ke Wawasan 2020 dan kini diambang Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sepanjang tempoh itu, rakyat dalam golongan B40 terus ternanti-nanti. Bilakah nasib mereka benar-benar terbela serta terlepas daripada kehidupan duka lara yang diwarnai oleh himpitan kos sara hidup dan masa depan yang tidak menentu. Dalam masa yang sama, rakyat yang berduka lara itu dikatakan pemalas. Maka, itu mereka tidak boleh maju.

Saya paparkan sedikit kehidupan pekebun kecil getah. Rata-rata di kampung, mereka menoreh tiga ekar. Satu ekar boleh dapat dalam RM40 dengan kadar sekilo getah RM2.50. Akan tetapi, bukan sepanjang bulan boleh menoreh. Kalau musim tengkujuh, bayangkan kalau RM40 satu ekar, tiga ekar baru RM120 dibahagikan dua

pula dengan tauke kebun. Mereka cuba menambah pendapatan, kerja sampingan dibuat sebelah petang, tetapi tidak wujud peluang pekerjaan sambilan di kampung.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Mencelah*] Yang Berhormat Gerik, boleh tanya?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi, Yang Berhormat Gerik jangan emosi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan berapi-api.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan berapi-api, tenang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tenang.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gerik, sedar kah Yang Berhormat bahawa kementerian seolah-olah tidak ada halangan tuju. Bagaimana hendak mengangkat martabat penoreh-penoreh getah ini? Sebab tidak ada arah. Apa yang saya dapat lihat daripada dulu sampai sekarang, tidak ada satu anjakan yang boleh memartabatkan penoreh-penoreh getah ini. Mereka sentiasa hidup kais pagi makan pagi. Apakah Yang Berhormat ada cadangan untuk diketengahkan kepada kerajaan untuk menyelesaikan secara *total* masalah yang dihadapi? Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya rasa kerajaan pada hari ini kena berani. Letakkan harga lantai RM5 sekilo, ini boleh sedikit sebanyak menyelesaikan masalah penoreh getah. Saya tidak dapat bayangkan apakah corak dan kehidupan keluarga penoreh getah mengikut Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Dapat kah mereka boleh berkongsi kemakmuran seperti yang dilaungkan kita di dalam Parlimen ini. Pekebun kecil sawit dengan harga sebuah tandan segar, BTS sawit di sekitar RM250. Pendapatan pekebun kecil yang mengusahakan empat ekar kebun sawit, pastinya tidak cukup untuk menyara keluarga setelah ditolak upah kait, tambang lori, input-input lain seperti baja, pendapatan purata golongan ini di bawah RM1,000.

Ringkasnya mereka hidup dalam kemiskinan. Nelayan, bagi golongan nelayan terutama nelayan kecil-kecilan. Mereka menyabung nyawa untuk menyara hidup, menyara diri dan keluarga. Antara pukut atau bubu di perahu dengan ikan di lautan dalam, hanya nasib dan kemahiran yang menjadi penentu. Terdapat juga faktor cuaca dan ombak bergelora. Di samping itu, kerakusan orang tengah turut mencengkam. Pesawah padi yang menghasilkan makanan untuk mengisi perut rakyat Malaysia lebih dikenali sebagai lubuk kemiskinan. Itulah hakikatnya, walaupun pelik tetapi benar.

Apabila berlaku peralihan kerajaan kepada PH sejak 17 bulan yang lalu, warga pesawah meletakkan harapan yang amat tinggi semoga penderitaan dan permasalahan

mereka akan turut beralih kepada yang lebih baik. Menokok kepada harapan itu ialah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang direka cipta oleh Kerajaan PH. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 17 bulan PH menerajui kerajaan, tidak nampak penambahbaikan yang ketara bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Malah, masalah bekalan benih pun terus menerus melanda mereka.

Di samping itu, masalah penggredan mutu padi, harga padi, bekalan baja dan lain-lain input terus menghantui mereka. Cengkaman orang tengah juga masih menekan. Dalam masa yang sama, mereka diberi maklum bahawa Kerajaan PH sedar dan akan melaksanakan program ke arah kemakmuran bersama. Tidak salah kalau para pesawah bersikap sinis terhadap wawasan seumpama ini kerana mereka tidak nampak apa yang bakal menjadi pencetus dan pemacu penambahbaikan kehidupan mereka. Yang kian dirasai ialah himpitan kos sara hidup akibat kenaikan harga barang dan duka lara disebabkan penyusutan pendapatan.

Bagi penoreh getah, jual sekilo getah belum cukup untuk beli sekilo gula. Bagi pekebun kecil sawit, harga sepuluh kilo sawit belum cukup untuk membeli sekilo ikan kembung. Pada masa yang sama, telinga mereka disumbat dengan laungan Kerajaan PH mengenai Wawasan Kemakmuran Bersama melalui pendekatan yang inklusif dan tempoh yang disasarkan tahun 2030 iaitu sepuluh tahun daripada sekarang.

Dalam sembang santai saya dengan masyarakat kampung, mereka bertanya apakah maksud kemakmuran bersama dan pendekatan inklusif dalam kata ringkas saya jawab, "*kita sama-sama menikmati kemakmuran*" dan maksud inklusif ialah secara terangkum tanpa meminggirkan mana-mana pihak. Saya mendapat respons yang sinis dari mereka yang berbunyi, "*indah khabar dari rupa, hidup kami terus tidak terbelah, yang terangkum ialah pihak yang kaya dan pihak yang berkuasa, yang rangkum habis. Manakala kami hidup kais makan pagi dalam serba kekurangan.*"

Saya berpendapat ada tiga kategori kemiskinan iaitu golongan miskin tegar, golongan miskin, golongan mudah miskin. Dalam usaha kita membasmi kemiskinan, tumpuan kita selalunya kepada golongan miskin tegar dan golongan miskin. Kealpaan sering berlaku dalam menangani golongan mudah miskin, sekali gus memerangkap golongan tersebut dalam sangkar kemiskinan. Golongan ini bukan kecil bilangannya. Sebagai contoh, golongan makan gaji yang berjawatan rendah. Apabila bersara kalau ada pencen, pendapatan mereka sudah tinggal separuh.

Misalnya anggota tentera, polis dan lain-lain anggota perkhidmatan awam berjawatan rendah. Kebanyakan mereka menerima bayaran pencen bulanan pada kadar kira-kira separuh daripada gaji asal mereka. Golongan mudah miskin ini tiba-tiba

jatuh miskin bila bersara, dalam masa yang sama, perlu menanggung anak-anak yang masih bersekolah. Ansuran pinjaman kereta atau motosikal. Kos sewa rumah atau ansuran pinjaman rumah dan berdepan dengan bebanan kos sara hidup yang kian meningkat kerana kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Adakah kemakmuran yang bersama yang dimaksudkan dalam Wawasan 2030 ini akan terus menerus dalam bentuk yang dikatakan dedak seperti bagi BSH dan sebagainya. Saya berpendapat, usaha untuk meningkatkan taraf hidup golongan terkebawah, B40 ini seharusnya memberi tumpuan kepada tiga perkara asas. Peluang yang berkualiti, pendapatan yang berkualiti, kehidupan yang berkualiti.

Saya tertanya-tanya, apakah peluang-peluang yang berkualiti yang terdapat dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dirangka oleh kerajaan untuk pekebun kecil getah dan sawit, nelayan, pesawah padi dan lain-lain golongan bawahan. Apakah kualiti yang ditawarkan kepada pekebun kecil untuk melepaskan diri dari duka lara kehidupan yang dialami sekarang? Apakah punca pendapatan berkualiti untuk mereka supaya boleh menjalani kehidupan yang berkualiti dalam konteks kemakmuran bersama?

■1540

Saya amat khuatir kalau berlaku seperti bidalan Melayu, “*10 jong berlalu, anjing masih bercawat ekor*” ataupun “*kokoknya berderai-derai, punggung si ayam jantan masih bergelumang dengan tahi*”. Pengajaran pahit yang dilalui rakyat dari janji-janji manis dalam *Manifesto Pakatan Harapan* yang dimungkiri dengan sendirinya melahirkan krisis keyakinan terhadap kerajaan. Justeru, sekarang ini ramai di kalangan rakyat yang tidak sabar menunggu PRU-15 untuk mereka menghukum yang menipu rakyat melalui janji-janji manis dalam *Manifesto Pakatan Harapan* pada PRU-14. [Tepuk]

Rakyat di luar bandar yang majoritinya Melayu dan bumiputera amat menderita sekarang ini. Usah kita cuba nafikan hakikat ini. Dalam masa yang sama, mereka mendapat perkhbaran bahawa kerajaan menyediakan bajet yang besar untuk dibelanjakan pada tahun 2020. Angka 2020 ini penuh mendodoikan rakyat yang duka lara dengan impian negara berstatus maju apabila mereka akan terbela.

Impian manis ini kini bertukar menjadi mimpi, igauan ngeri. Semenjak rakyat berikan mandat kepada Kerajaan Pakatan Harapan, dua bajet tahunan telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Bajet 2019 banyak terisi dengan pelbagai cemuhan terhadap kerajaan dahulu. Lantas rakyat sedia menunggu langkah pembetulan dan penambahbaikan demi kelangsungan hasrat membela nasib rakyat yang memerlukan pembelaan sejati dan lestari. Kini sudah 17 bulan untuk mandat

berpindah daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan. Soal dimungkirkan sudah menjadi siulan di bibir rakyat.

Turut membimbangkan rakyat ialah peningkatan ketara hutang negara. Malah terdapat fenomena korek lubang, kambus lubang iaitu raih hutang baru untuk bayar hutang lama. Rakyat semakin cerdik memerhatikan gejala yang tidak sihat ini. Lantas tertanya-tanya tahap kewibawaan Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan kewangan negara. Dalam Bajet 2020, rakyat nampak angka besar, berbilion ringgit untuk dibelanjakan. Dari angka besar itu, rakyat buat bandingan, apa dan berapa yang benar-benar mengisi agenda melepaskan duka lara rakyat.

Saya juga ingin menyentuh soal bajet RM30 juta untuk meningkatkan keupayaan alam sekitar. Sejauh manakah kerajaan menyelesaikan masalah pencemaran sisa di Sungai Kim Kim. Sering berlaku pengulangan, terpaksa ditutup sekolah. Begitu juga dengan masalah jerebu. Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang kerajaan buat untuk memastikan negara di seluruh negara ini terus terasa aman dan stabil.

Begitu juga isu pencemaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mewujudkan pulau-pulau. Soal buat di Pulau Pinang tetapi menjejaskan utara Perak, menjejaskan di negeri Kedah dan juga menjejaskan nelayan-nelayan di Pulau Pinang. Begitu juga saya ingin bertanya berkenaan dengan peruntukan RM48 juta untuk tanam semula balak yang mana dikatakan negeri Perak dan Kelantan yang terlibat.

Saya yakin, kalau dibuat dengan sistem yang baik, pembalakan boleh dikeluarkan. Pokok-pokok masih ada. Maka kita mengharapkan supaya wang dan peruntukan RM48 juta tadi dapat digunakan sebaik mungkin untuk memastikan tanam semula pembalakan terutama di negeri Perak khususnya kawasan saya di hulu Perak, di Gerik supaya dapat dijayakan. Begitu juga ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Gerik, oleh kerana balak ini telah disumbang cerita dengan begitu besar di negara ini dan punca pelbagai masalah ini adalah kerana pembalakan. Apakah Yang Berhormat hendak cadang supaya pembalakan di Malaysia diharamkan serta-merta?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya tidak setuju kerana balak tetap juga akan mati mengikut masanya. Lebih baik kita buat cara pembalakan yang terbaik, boleh ada hasil kepada kerajaan sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Saya dari dulu mempunyai pendirian yang sama, balak teruskan tetapi mesti diurus dengan baik. Itu pada saya. Begitu juga saya hendak sentuh tentang kepupusan harimau belang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sedikit, sedikit. Yang Berhormat, sedikit ya. Saya hendak maklum kepada Yang Berhormat di Malaysia ini balak tua sudah habis. Tinggal balak muda yang mereka sedang ambil. Jadi dengan itu kita kena haramkan mungkin 20 tahun lagi kita boleh membalak semula. Pandangan Yang Berhormat.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Di Kalabakan masih banyak balak.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kita tidak usah kata haram, kita tangguhkan dulu. Jangan keluar pengeluaran balak, saya bersetuju.

Saya juga ingin menyentuh mengenai harimau belang. Saya tahu di kawasan saya Royal Belum terdapat kawasan harimau yang banyak terutama di Sungai Tiang. Akan tetapi kita berhadapan dengan pemburu yang haram. Apakah tindakan kerajaan sama ada di peringkat negeri dan juga persekutuan, langkah-langkah menangani perkara tersebut? Ini kerana Royal Belum bersempadan dengan Thailand, pihak luar yang datang untuk buat tangkapan dan kita bimbang harimau belang ini akan pupus.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, mohon menggalung.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Cuma saya minta sedikit. Royal Belum. Pada tahun sudah, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan Royal Belum akan dijadikan warisan dunia untuk mendapat pengiktirafan daripada dunia. Sejauh mana setakat ini usaha pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk memastikan Royal Belum dijadikan tapak warisan dunia. Sehingga hari ini tidak nampak sekupang apa pun dilakukan di kawasan Royal Belum.

Jadi saya tak nak bercakap lebih panjang cuma saya akhiri dengan ucapan sebuah pantun iaitu;

*Kalau keruh air di hulu,
keruh juga air di kuala,
kalau sungguh rakyat hendak maju,
tukarlah Pakatan Harapan pada pilihan raya.*

*Apa riuh di hujung kampung,
anak rusa patah kaki,
rakyat susah tak tertanggung,
akibat Pakatan Harapan mungkir janji.*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat boleh sabar, pilihan raya jauh lagi, lama lagi. Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanah Merah. Selepas itu Yang Berhormat Bachok.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi perubahan kuasa akan berlaku. Jadi dengan itu, mungkin ada pergaduhan kah apa-apa kah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau jangan buat sangkaan buruk.

3.47 ptg.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey Yang Berhormat Gerik, saya hendak jawab pantunnya. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

*Timbalan Yang di-Pertua datang ke Parlimen memandu sendiri,
di jalan raya sentiasa berhati-hati,
terima kasih atas peluang yang diberi,
untuk saya sampaikan isi hati.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober lalu sememangnya semua dinantikan oleh semua berbagai pihak rakyat. Akan tetapi sebenarnya kelompok yang paling menantikan belanjawan itu ialah orang Melayu. Mereka ingin tahu sejauh manakah kepentingan mereka seperti mana termaktub dalam Perlembagaan terpelihara.

Justeru itulah dalam kita merangka apa juga perancangan dan menyediakan apa juga peruntukan, kita sama sekali tidak boleh menolak hak-hak keistimewaan orang Melayu. Saya ingin mengingatkan ketika kita mengangkat sumpah sebagai Ahli Parlimen, kita sudah berikrar untuk mematuhi Perlembagaan dan antara perkara yang termaktub dalam Perlembagaan serta perlu dipertahankan ialah hak keistimewaan orang Melayu.

Atas sebab itulah apabila Kongres Maruah Melayu diadakan baru-baru ini, apa yang diketengahkan ialah seruan, gesaan dan desakan supaya nasib orang Melayu terus dibela. Akan tetapi malangnya ada antara kita melihat penganjuran kongres ini yang dilakukan atas inisiatif empat buah universiti iaitu UPSI, Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA (UiTM), UPM atau Universiti Putra Malaysia serta satu lagi sebuah badan NGO tetapi dilihat dari sudut negatif.

Penganjuran ini tidak salah kerana ia membincangkan perkara berkaitan orang Melayu. Apatah lagi di Universiti Malaya terdapat Pusat Kecemerlangan Melayu, ia tidak berunsurkan politik. Berikutan itu, semua orang Melayu tanpa mengira fahaman politik telah pun dijemput.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan. Tumpat minta laluan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Boleh tak *last* sekali.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Pasal tajuk ini, tajuk Kongres Maruah Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak beri laluan Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Tidak apa, minta maaf sahabat saya Yang Berhormat Tumpat. Saya akan bagi nanti ulang balik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih tetapi pasal tajuk maruah tadilah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau dapat tidak, Arau? Yang Berhormat, Arau boleh Arau?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti tidak ada masa, sila teruskan Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat Arau pun sekali, hujung ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya menyokong ucapan tersebut.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbeza pandangan ataupun pendapat serta menzahirkan bantahan berhubung sesuatu perkara yang kita tidak puas hati termasuklah isu dalam penganjuran Kongres Maruah Melayu bukanlah satu kesalahan dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Kebebasan bersuara sudah terjamin dalam Perlembagaan tetapi biarlah bantahan itu dilakukan secara beradab dan di tempat yang betul.

Seperti apa yang berlaku di ketika Konvensyen Universiti Malaya baru-baru ini apabila seorang graduan membuat bantahan terhadap Naib Canselor universiti itu ketika menerima ijazahnya adalah sesuatu yang saya fikir tidak boleh diterima. Tindakan yang dianggap biadab dan mencemarkan majlis yang penuh istiadat itu turut mendapat perhatian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku

Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah di mana Seri Paduka sendiri turut menzahirkan perasaan tidak senang dengan tindakan mahasiswa yang terlibat.

■1550

Saya tidak kata kita tidak boleh melakukan bantahan atau protes tapi buatlah secara beradab dan di majlis yang betul. Bayangkanlah apakah perasaan kita semua sebagai Ahli Dewan rakyat jika ketika kita sedang bersidang ini tiba-tiba datang satu kumpulan atau individu merempuh masuk ke dalam Dewan yang mulia ini, membuat bantahan ataupun protes. Adakah kita boleh menerimanya? [*Tepuk*]

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tidak boleh. Tidak setuju.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Tuan Yang di-Pertua, ada hujah yang menyatakan...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Tanah Merah *mai* belah sinilah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: ...Perbuatan memprotes sepertimana yang dilakukan oleh graduan tersebut adalah perkara biasa sesetengah di majlis konvokesyen di luar negara tapi kita rakyat Malaysia yang kaya dengan budaya, adat resam dan kesopanan. Apakah semua itu mahu dikorbankan semata-mata kononnya atas nama mempraktikkan kebebasan bersuara yang tidak kena tempatnya?

Apa yang berlaku menunjukkan bahawa sistem pendidikan kita masih ada kelemahan. Soal kesopanan dan kesusilaan yang menjadi salah satu tonggak dalam Rukun Negara dilihat semakin terancam. Generasi muda khususnya, mereka yang berada di bangku sekolah dan peringkat institusi pengajian tinggi perlu diterapkan semula Rukun Negara itu. Sepertimana yang saya tegaskan, tidakkah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, adakah pelajar ini didukung oleh DAP?

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya tidak bagi laluan, belum lagi Yang Berhormat Arau. Sepertimana yang saya tegaskan tidak salah untuk melakukan bantahan, tidak salah untuk melahirkan pendapat dan tidak salah untuk bersuara tapi biarlah pada masa, tempat dan majlis yang betul.

Saya berharap sangatlah kepada Kementerian Pendidikan akan melakukan sesuatu bagi memastikan peristiwa seumpama itu tidak lagi berulang kerana apalah gunanya segulung ijazah jika seorang graduan itu tidak mempraktikkan soal kesopanan

dan kesusilaan, dalam bahasa mudah tidak bijak beradab. Kalau ini anak saya, saya rotan sudah.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal Kementerian Pendidikan juga, beberapa hari lalu kita telah dikejutkan dengan pengedaran komik bertajuk, "*Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama*" yang didakwa diedarkan ke sekolah-sekolah dan institut pengajian. Atas apa pun hujah pengedaran komik ini telah mencetuskan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat dalam media sosial dan arus perdana majoriti rakyat tanpa mengira kaum menzahirkan bantahan mereka.

Oleh itu, saya memuji ketegasan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik yang mempertahankan keputusan kementeriannya tidak membenarkan pengedaran komik tersebut di mana-mana institut pendidikan di seluruh negara kerana didakwa mengandungi unsur propaganda politik. Sepertimana yang ditegaskan oleh beliau keputusan yang dibuat bukanlah sewenang-wenangnya atau menari mengikut rentak pemimpin pembangkang yang sepertimana didakwa oleh sesetengah pihak sebaliknya keputusan Yang Berhormat Simping Renggam dibuat atas nasihat Kementerian Dalam Negeri.

Memandangkan komik tersebut didakwa mempunyai unsur politik dan dikatakan memiliki beberapa halaman yang boleh mencetuskan kemarahan umat Islam, saya turut menyokong ketegasan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin yang menyatakan siasatan wajar dibuat selepas hasil laporan awal Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memastikan kandungan komik berkenaan mempunyai perkara-perkara yang tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham ada di kalangan Ahli Dewan yang tidak berpuas hati dengan tindakan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi, saya berharap mereka tidak membiarkan polemik berhubung komik ini berterusan kerana ia boleh mendatangkan kesan tidak baik kepada rakyat dan negara. Sepertimana saya tegaskan kebebasan bersuara dan menzahirkan pendapat tidaklah dihalang dalam sebuah negara mengamalkan demokrasi seperti negara kita Malaysia tetapi ia ada batasnya dan paling penting menjaga sensitiviti rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, reaksi orang Melayu dan bumiputera berhubung Belanjawan 2020 perlu diambil kira. Ia memandangkan terdapat banyak pemotongan peruntukan yang dilihat ada kaitan dengan nasib dan masa depan orang Melayu dan bumiputera. Sebagai contoh, peruntukan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di

potong daripada RM143 juta kepada RM138 juta. Peruntukan Institut Kemajuan Desa dipotong dari RM13.9 juta kepada RM13.5 juta. Peruntukan Pembangunan Kemahiran Belia dipotong daripada RM207 juta kepada RM198 juta dan peruntukan kesejahteraan bandar dipotong daripada RM14.9 juta kepada RM11 juta.

Walaupun kerajaan mempunyai alasan untuk melakukan pemotongan tersebut, saya berharap ia tidak akan sampai menjejaskan sebarang usaha bagi meningkatkan taraf hidup dan kemudahan orang Melayu dan bumiputera. Sehubungan itu, saya menggesa kerajaan melakukan pemantauan dengan memastikan peruntukan tersebut digunakan dengan sebaik-baiknya demi faedah rakyat seluruhnya terutama bagi masyarakat luar bandar...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh kerana PH nampaknya tidak menentu apakah Yang Berhormat bercadang untuk balik ke sini balik? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, minta kebenaran dulu.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: *No*, isu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Tidak payah peduli.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Berkaitan orang Melayu juga pada 9 Oktober lalu dunia kewartawanan dan persuratan perkhabaran tanah air mencatat sejarah hitam apabila akhbar *Utusan Malaysia* yang berusia 80 tahun terpaksa ditutup kerana kekangan kewangan.

Kita boleh berkata apa sahaja terhadap akhbar ini sepanjang riwayatnya tetapi kita juga harus mengakui *Utusan Malaysia* turut mempunyai banyak jasanya kepada pembangunan rakyat dan negara terutama dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan orang-orang Melayu. *Alhamdulillah*, walaupun Syarikat Utusan Malaysia Berhad yang menerbitkan akhbar tersebut dan *Kosmo* ditutup namun permit kedua-dua akhbar itu telah pun berpindah tangan.

Saya difahamkan kepada syarikat lain dan saya difahamkan sebahagian kakitangan *Utusan Malaysia* akan diambil bertugas semula. Oleh itu, bagi demi memastikan *Utusan Malaysia* terus menjadi wadah khususnya kepada orang Melayu saya berharap akhbar tersebut yang dianggap salah satu institusi akan diterbitkan semula secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dan berterima kasih kepada kerajaan kerana dalam Belanjawan 2020, peruntukan kepada Kementerian Dalam Negeri telah ditambah dari RM15.6 bilion pada tahun lalu kepada RM16.9 bilion.

Pertambahan peruntukan tersebut sudah tentulah sesuatu yang bermakna dalam usaha mempertingkatkan kemampuan agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Pada kesempatan ini saya ingin menggesa kepada Kementerian Dalam Negeri, khususnya sahabat saya Timbalan Menteri pun ada dekat sini memberi perhatian kepada bebanan tugas-tugas...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat menuntut janji.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Dekat hujung, *last one minute*. Dalam kesempatan ini saya ingin menggesa Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian terhadap bebanan tugas-tugas anggota keselamatan termasuklah Jabatan Imigresen Malaysia.

Walaupun Jabatan Imigresen bukanlah pasukan penguat kuasa utama tetapi pegawai seanggota pasukan itu saban hari sentiasa terdedah kepada bahaya khususnya melibatkan kesihatan. Ia memandangkan setiap hari mereka khususnya di pejabat berurusan dengan warga asing bagi tujuan pengeluaran permit kerja dan sebagainya. Kita tidak tahu setiap warga asing yang datang itu adakah ia mengidap apa-apa penyakit.

Jadi keadaan itu sudah tentulah mendedahkan pegawai dan anggota Imigresen kepada risiko kesihatan. Begitu juga mereka yang menjaga di sempadan atau pintu masuk negara, Tambak, Johor. Yang Berhormat Johor Bahru mesti tahu, setiap hari ratusan ribu kenderaan keluar masuk di negara itu. Cuba bayangkan pegawai dan anggota itu terdedah dengan asap, sudah tentulah ia berdepan dengan masalah kesihatan.

Oleh itu pada Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya pegawai dan anggota imigresen bukan sahaja diberikan kelengkapan bagi menjaga kesihatan mereka seperti topeng, mulut dan hidung tetapi juga diberikan imbuhan khas ataupun bonus berikutan risiko bahaya yang mereka hadapi. Pada masa yang sama juga saya juga menggesa tinjauan atau kajian menyeluruh dilakukan di seluruh pejabat imigresen di seluruh negara khususnya di pejabat yang berurusan dengan warga asing bagi memastikan persekitaran kerja adalah selesa, bersih dan selamat.

Saya bangkitkan kerana baru-baru ini saya pergi ke Jabatan Imigresen, Putrajaya. Saya perhatikan pejabat yang menguruskan warga asing begitu sesak dan ramai antara warga asing ini tidur dekat lantai. Jadi sudah tentulah keadaan itu tidak baik, bukan sahaja untuk warga asing termasuk tetapi juga untuk pegawai-pegawai kita yang bertugas.

Jadi saya mohon juga pertimbangan dan kelulusan kerajaan untuk memberi insentif kepada semua pegawai imigresen yang dilantik di bawah Skim Perkhidmatan Imigresen iaitu Gred KP19 hingga KP26 dan di bawah skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguat Kuasa Imigresen KP29 dan KP24. Mohon dipertimbangkan untuk memberi mereka insentif. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa amat mencemburui. Jadi apa yang saya...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan jadi Pakatan Harapan janji tidak betul. Janji betullah, bagi kawan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Baling.

■1600

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, menyentuh mengenai penyertaan kaum bumiputera dalam perniagaan. Saya ingin membangkitkan satu isu yang mungkin antara kita yang terlepas pandang iaitu berhubung langkah *Geely* yang telah mengambil alih Proton di negara ini. Proton merupakan kereta nasional. *Geely* telah mewajibkan semua *dealer* mereka atau pengedar mereka bertukar daripada konsep 1S kepada 3S. Langkah ini menyebabkan satu tekanan yang kepada peniaga-peniaga bumiputera sehingga ramai antara bumiputera yang telah tidak lagi bertahan dan terpaksa gulung tikar. Pada masa yang sama kerajaan telah membantu syarikat *Geely* dengan membenarkan masuk Proton X70 secara CBU yang saya difahamkan lebih 30 ribu unit telah diberi permit untuk mereka masuk secara CBU dan juga berbagai keistimewaan melalui dari segi sudut cukainya.

Jadi, tindakan ini ia sedikit sebanyak akan membunuh industri tempatan memandangkan kenderaan itu dibawa masuk secara CBU dan bukan dipasang di negara kita. Industri tempatan tidak mendapat apa-apa faedah kerana segala-galanya sudah dipasang lengkap di negara luar. Kalau begini keadaannya sudah pasti akan menyebabkan hasrat kerajaan untuk memperkasakan syarikat tempatan akan terbatas... [Disampuk]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Arau dengan Yang Berhormat Tumpat menuntut janji.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: ...demi mengetepikan agenda tersebut. Saya minta juga kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri membentangkan secara terperinci dari segi kaum dan jumlah khususnya pasaran bumiputera yang masih beroperasi dan berapa ramaikah bumiputera yang telah gulung tikar dalam kereta nasional ini. Jadi, saya mahu pihak MITI menyelesaikan isu ini dan bagaimanakah boleh membantu pasaran bumiputera.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Arau. 10 saat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: 10 saat tambah. Cepat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Dalam perbahasan saya tadi saya diganggu dengan begitu kuat oleh pihak kerajaan menyebabkan banyak perkara yang hendak saya sebut tidak sempat saya sebut. Namun, alhamdulillah Yang Berhormat Tanah Merah menyebutnya dengan baik sebahagian daripada apa yang saya hendak ucap. Kalau ada kaedah untuk masukkan semua ucapan Yang Berhormat Tanah Merah itu ke dalam ucapan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, Yang Berhormat daripada Tanah Merah tadi menyebut dengan agak panjang lebar tentang kebiadaban seorang mahasiswa di waktu konvokesyen Universiti Malaya baru-baru ini. Soalan saya, itu kebiadaban mahasiswa. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan adanya Yang Berhormat Menteri-menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyokong kebiadaban pelajar ini dan memberi ruang yang luas kepada pelajar yang biadab ini yang mungkin boleh menimbulkan lagi suasana-suasana kebiadaban ini pada masa yang akan datang. Minta pandangan Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Kedua Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat ini kira yang terbaiklah. Kalau boleh semua Ahli Parlimen daripada PH cakap macam ini kira terbaiklah. Apakah Yang Berhormat sedar terdapat banyak daripada Yang Berhormat Menteri-menteri di sana yang tidak komen fasal Kongres Melayu. Sehingga timbullah perkataan barua dengan maruah itu disamakan. Nombor satu.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nombor dua Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju bahawa orang-orang Ahli Parlimen daripada kalangan orang India ataupun lain-lain tidak memperjuangkan nasib orang India. Saya yang memperjuangkan nasib orang India iaitu orang India tahun lepas dibagi Bajet 2019 dibagi RM50 juta. Tapi 2020 hanya dibagi RM20 juta. Kasihan kepada orang India. Kita kena perjuangkan nasib orang India.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Boleh saya gulung Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung Yang Berhormat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey terima kasih. Pandangan Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Arau itu saya tidak mahu bagi komenlah ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Setuju ya, setuju.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya tidak mahu komen. Itu pandangan MP.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dengan itu saya menarik balik sokongan saya kepada Yang Berhormat awal tadi. Yang Berhormat kena masuk sebagai daripada ucapan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung ya, saya ingin menggulung perbahasan ini dengan menggesa kepada kerajaan untuk memastikan segala agenda membela nasib rakyat khususnya orang Melayu benar-benar dilaksanakan dan dipastikan berjaya. Dugaan pasti ada, cabaran pasti menunggu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Apa ini Yang Berhormat Arau, sekejap sokong, sekejap tarik.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey. Dugaan pasti ada, cabaran pasti menunggu. Akan tetapi apa yang termaktub dalam Perlembagaan perlu dipertahankan dan untuk memastikan ia berjaya persefahaman antara kerjasama amat penting tanpa mengira kaum dan fahaman politik. Jadi saya juga ingin mengakhiri dengan satu pantun,

*Dari Tanah Merah ke Dewan Rakyat,
Singga di Temerloh beli dokong,
Perbahasan disampai melalui susunan ayat,
Tuan Yang di-Pertua saya ingin mohon menyokong.*

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Bachok. Diikuti oleh Yang Berhormat Taiping, diikuti oleh Yang Berhormat Igan. Sila Yang Berhormat Bachok.

4.05 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: *Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Walaikumsalam.*

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong doa].*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Belanjawan Negara 2020 di Dewan yang mulia ini. Izinkan saya memulakan dengan membaca sepotong ayat Al-Quran iaitu ayat 111, ayat terakhir daripada Surah Yusuf A.S. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran].* Firman Allah Taala yang bermaksud, *“Demi sesungguhnya pada kisah-kisah mereka iaitu para Rasul dan umat mereka dan juga kisah Nabi Yusuf dan saudara-saudaranya, semua itu menjadi satu peringatan kepada mereka yang memiliki akal yang sihat. Kitab Al-Quran bukanlah kata-kata yang direka-reka untuk membohongi Allah, tetapi ia adalah kitab daripada Allah bagi membenarkan kitab-kitab yang lain yang diturunkan sebelumnya daripada Allah. Ia menerangkan segala sesuatu yang dihajati oleh manusia. Ia menjadi petunjuk kepada kebaikan dan menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman dengannya”.*

Tuan Yang di-Pertua, mentadbir negara adalah satu bahagian besar daripada kehidupan kita manusia. Ia adalah tunjang peradaban manusia di seluruh dunia. Ia adalah sejarah manusia yang diwarisi oleh satu generasi kepada generasi selepasnya. Ia adalah kisah jatuh bangun manusia yang mewarisi bumi ini daripada Allah yang telah menciptanya dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Kita hidup di dunia ini, kita mahukan kejayaan. Kejayaan adalah kemampuan kita untuk menyediakan kehidupan bahagia yang akan dikecapi bersama oleh setiap kita. Kita namakannya sebagai keadilan dan kesaksamaan. Justeru, kita bersetuju bahawa kejayaan dan kebahagiaan bersama hanya akan tercapai apabila keadilan dan kesaksamaan ditegakkan.

Allah Tuhan yang maha adil dan maha saksama. Dialah juga punca keadilan dan kesaksamaan. Tidak mungkin atau mustahil bagi manusia yang hanya diberi kehidupan yang amat pendek ini untuk menguasai seluruh maksud keadilan dan jalan-jalannya. Justeru, Allah dengan rahmat dan kasih sayangnya telah menurunkan kitab-kitab daripadanya melalui para Nabi yang diutuskan kepada manusia di sepanjang zaman. Ia mengajar dan membantu manusia untuk mengenali kehidupan, mengenali kebaikan, keadilan dan kebahagiaan. Berjyalah mereka yang mengikuti petunjuk daripada Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di antara isi besar Al-Quran adalah kisah-kisah pemerintahan manusia di sepanjang zaman. Ada Nabi dan Rasul yang diutuskan pada setiap umat manusia dan pemerintahan mereka. Tugas mereka adalah membina neraca keadilan yang mencetuskan kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia. Ada kisah pemerintahan Nabi Yusuf A.S, kisah pemerintahan Nabi Sulaiman A.S, kisah Raja Zulkarnain dan kisah kerajaan Saba' yang menjadi mercu peradaban. Ada kisah pemerintahan Firaun, pemerintahan Raja Namrud, pemerintahan Kaum Ad', Samud dan banyak lagi. Allah kisahkan cerita mereka di dalam Al-Quran lalu berkata wahai umat Muhammad S.A.W, semua kisah itu adalah menjadi peringatan, sempadan dan petunjuk kepada kamu jika sekiranya kamu adalah pemilik akal yang sihat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini dua perkara. Pertama, beruntunglah rakyat negara Malaysia jika mereka dikurniakan Allah dengan sebuah kerajaan yang adil dan saksama. Beruntunglah kita di Dewan yang mulia ini jika kitalah yang menjadi punca tersebarnya keadilan ke seluruh pelosok dan segenap lapis masyarakat. Kedua, rugilah rakyat negara ini jika dimusibahkan dengan kerajaan yang gagal menegakkan keadilan bahkan menjadi punca berlakunya kezaliman dan tersebarnya kerosakan dan kefasadan.

■1610

Amat malang dan celakalah kita di Dewan yang mulia ini jika kita pula yang menjadi punca musibah dan kegagalan ini. Saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan bersama, sama ada kita di pihak kerajaan ataupun kita di pihak pembangkang. Semoga Allah menghindari kita daripada mengkhianati amanah yang diberikan oleh rakyat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara pada masa yang amat terhad ini. Pertama adalah isu royalti minyak untuk negeri Kelantan. Pada tahun lepas di Dewan yang penuh mulia ini, saya telah merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas komitmennya untuk melaksanakan janji kerajaan baharu Pakatan Harapan untuk membayar royalti hasil petroleum yang menjadi hak yang termaktub di dalam perjanjian dan difahami dengan baik oleh seluruh rakyat Malaysia.

Saya sebutkan bahawa jika dahulu Yang Amat Berhormat lah yang menguncinya tetapi selepas hampir 20 tahun, Yang Amat Berhormat Langkawi jugalah yang datang untuk membukanya kembali. Ia adalah, bagi saya, satu drama politik yang amat mengujakan.

Akan tetapi hari ini, rakyat Kelantan kembali resah dan kecewa dengan drama politik baharu. Riak dan dolak-dalik pihak kerajaan nampaknya seolah-olah masih ingin memanjangkan kemelut dan krisis wang royalti Kelantan ini. Dalam tempoh setahun, Kerajaan Negeri Kelantan telah melunaskan segala syarat dan tuntutan yang dikehendaki oleh Kerajaan Pusat bagi membolehkan bayaran royalti dilakukan dengan lancar.

Saya ingin tegaskan, walaupun kerajaan telah mendakwa telah membayar wang royalti tersebut kepada Kerajaan Negeri, tetapi ia jelas bertujuan mengelirukan bahkan masih bersifat menghukum dan bermain politik.

Pertama, ia adalah jumlah yang sama daripada wang ihsan yang telah diterima sejak zaman pemerintahan Barisan Nasional. Jadi, apa bezanya, apa yang barunya daripada kerajaan hari ini?

Kedua, walaupun ia telah disalurkan secara terus kepada Kerajaan Negeri berbanding kepada JPP sebelum ini, tetapi itu hanyalah bersifat teknikal pelaksanaan, bukan pokok permasalahan sebenar. Rakyat Kelantan memperjuangkan wang royalti, bukan akaun wang royalti.

Ketiga, jumlah wang yang diterima adalah amat kecil, bahkan ia seperti memperlekeh, menganjing, membabi dan memaksa rakyat Kelantan untuk terus sujud menagih simpati daripada Kerajaan Pusat sedangkan ia adalah hak yang berhak diperoleh secara sepenuhnya.

Keempat, saya menuntut agar pihak kerajaan mengumumkan jumlah sebenar wang royalti Kelantan berdasarkan jumlah pengeluaran minyak daripada perairan Kelantan sebagaimana yang telah dikeluarkan secara rasmi oleh pihak Petronas. Data tidak rasmi yang diperoleh kami menunjukkan bahawa royalti untuk negeri Kelantan adalah mencecah sehingga RM1 bilion setahun. Adalah pelik selepas banyak kali diminta, kerajaan masih lagi gagal mengumumkan jumlah sebenar wang royalti untuk Kelantan. Adakah 'ada udang di sebalik batu', ada babi di sebalik hutan?

Kelima, apa ruginya Kerajaan Pusat jika membayar sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Kelantan? Kelantan daripada sudut ekonomi dan kewangan agak terkebelakang berbanding negeri-negeri lain yang lebih maju. Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa bertungkus-lumus menjana kemakmuran negeri dengan sumber ekonomi yang amat terhad. Ia bukan hanya merugikan Kelantan yang disekat wang royaltinya bahkan merugikan Malaysia sendiri. Ia mengakibatkan kesenjangan ekonomi di antara rakyat dalam negara. Ia membiarkan bahagian-bahagian kosong dalam negara daripada ditebus guna untuk kemakmuran bersama.

Dengan wang ratusan juta dihantar ke Kelantan, titik-titik ekonomi dalam negara akan tersebar lebih menyeluruh dan kemakmuran akan dikecap secara bersama tanpa perlu kepada fenomena penghijrahan yang bertumpu ke bandar-bandar utama yang boleh mengakibatkan masalah-masalah lain yang boleh dielakkan seperti kemiskinan bandar yang sudah pun menjadi masalah utama dalam negara.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bachok, minta laluan, Yang Berhormat Bachok.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Ya, sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bachok, saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Bachok berkenaan dengan perjanjian royalti. Ketika perjanjian ini dibuat, pada ketika itu ada Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad bin Yakob telah meninggal dunia; Tun Datu Mustapa daripada Sabah telah meninggal dunia; Tun Abdul Rahman Yaakob daripada Sarawak juga telah meninggal dunia; Tengku Razaleigh, masih ada; dan juga Tun Salleh Abas.

Boleh tidak kita jelaskan perkara ini untuk penyelesaian yang mana difahamkan tidak ada satu huruf pun dalam perjanjian ini disebut wang ihsan, hanya royalti? Secara jelas dibayar secara tunai interpretasi *of the* royalti yang disebut dalam perjanjian ini. Minta penjelasan.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih, Yang Berhormat Pendang. Saya bersetuju dan masukkan dalam ucapan saya.

Sebenarnya isu ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah isu yang telah selesai dibahaskan semenjak puluh tahun sama ada oleh kami di pihak pembangkang ataupun di pihak kerajaan. Akan tetapi, isunya adalah isu kehendak politik. Itu yang saya hendak tekankan.

Keenam, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan begitu berdolak-dalik dalam isu ini, saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk campur tangan dan melaksanakan janji Kerajaan Pakatan Harapan untuk membayar wang royalti secara penuh sebagaimana perjanjian.

Suka saya mengingatkan pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa janganlah kekurangan wang kerajaan menjadi alasan untuk tidak membayar kepada Kelantan. Tidak akan miskin sebuah negara yang menunaikan hak dan keadilan kepada empunya. Itu janji Allah, Tuhan yang telah anugerahkan Malaysia ini dengan sumber asli yang begitu kaya dan mewah. Janganlah sama sekali kegagalan membayar wang

royalti dengan sempurna ini adalah disebabkan oleh sifat marah, dendam dan hukuman politik terhadap pembangkang khususnya negeri Kelantan.

Kita telah sama-sama berjanji di hadapan rakyat untuk mewujudkan Malaysia baharu yang lebih baik tanpa terpalit dengan kegagalan politik lama yang telah kita buang secara bersama...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta sedikit.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Justeru, berbanggallah untuk menjadi pemacu kepada semangat *federalisme* yang diidamkan oleh semua rakyat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat. Daripada ucapan Yang Berhormat Bachok tadi, kita dapat dengar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk membuat pembayaran royalti kepada Kerajaan Kelantan ini, manakala halangan yang ada ini hanyalah daripada Menteri Kewangan.

Saya pohon pandangan daripada Yang Berhormat, sebenarnya isu apa? Mungkin hari ini orang bercakap fasal rasis dan sebagainya, mungkin juga tidak dibayarnya kepada Kelantan ini yang mana Kelantan terdiri daripada penduduknya 96 peratus Orang Melayu beragama Islam? Apakah mungkin ada unsur-unsur rasis dalam keputusan Menteri Kewangan untuk tidak membayar royalti kepada Kerajaan Negeri Kelantan ini?

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih, Yang Berhormat Tumpat. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya takuti. Saya harap tidak begitu. Isu yang berlaku di pihak kerajaan, saya harap pihak kerajaan dapat selesaikan sesama mereka.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Bachok, Kuala Terengganu sedikit sahaja. Berkaitan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit setengah lagi.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya baru dua jam saya terbaca tentang MPKK Negeri akan diganti dengan MPKK Persekutuan. Ini di Kelantan. Saya hampir tidak percaya bila baca ini sebab saya pernah dengar jawapan daripada Menteri bahawa unsur sebegini tidak akan wujud lagi di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Apa komen Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sila, Yang Berhormat Bachok.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Saya pun terkejut, Yang Berhormat Kuala Terengganu, dan saya harap ianya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu kebebasan bersuara dalam negara kita yang sama-sama kita perjuangkan. Isu saya ini adalah sama dengan isu yang telah dicetuskan oleh Yang Berhormat Tanah Merah sekejap tadi.

Saya merujuk kepada tiga insiden terbaru yang melibatkan dunia pendidikan negara kita hari ini. Pertama adalah isu tajuk usul perdebatan yang mencetuskan kontroversi dalam Debat Piala Tun Razak 2019 baru-baru ini. Bagaimana mungkin suatu tajuk debat yang menyanggah perkara-perkara dasar dalam agama dijadikan bahan debat. Apatah lagi selepas dikritik hebat oleh masyarakat, pihak penganjur masih cuba mempertahankan tajuk debat tersebut walaupun meminta maaf.

■1620

Kedua, tindakan seorang graduan yang membuat provokasi di pentas Majlis Konvokesyen, Universiti Malaya baru-baru ini. Ia jelas menghina keluhuran akademik, merendahkan majlis tersebut dan mencemar nama baik Universiti Malaya sebagai sebuah universiti yang berprestij, ia malah mencomoti kualiti mahasiswa yang ingin kita lahirkan. Ketiga adalah isu pengedaran komik yang bertajuk Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama yang penuh kontroversi dan provokasi melampau terhadap keharmonian negara kita tanpa mengikuti saluran yang betul oleh Kementerian Pendidikan. Ia jelas satu langkah buruk dan jahat untuk meracuni anak bangsa untuk meremehkan kejayaan negara kita sendiri dan mengagungkan negara lain. Ketiga-tiga insiden tersebut adalah bibit-bibit pelanggaran terhadap hak kebebasan bersuara yang dibenarkan dan diusahakan oleh kita bersama.

Saya amat berharap agar pihak kerajaan memperkukuhkan usaha memupuk nilai-nilai murni, adab dan akhlak yang mulia selain mendefinisikan erti hak kebebasan bersuara selari dengan agama dan nilai budaya negara kita yang begitu luhur.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita begitu liar mencedok apa sahaja yang datang daripada pemikiran luar yang bertentangan dengan kerukunan hidup dalam negara kita Malaysia. Biarlah kita membentuk acuan kita sendiri yang diterima secara bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Taiping.

4.21 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas ruang yang diberikan kepada Taiping, mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 11 Oktober yang lepas dengan tema, "*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama*". Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan kerana telah berjaya membentangkan belanjawan kedua di bawah Kerajaan Pakatan Harapan yang begitu komprehensif dan berhasrat untuk mencapai kemakmuran bersama demi kepentingan seluruh rakyat Malaysia.

Saya tertarik dengan sikap berkongsi tanggungjawab untuk membangunkan semula negara, di mana sesi libat urus yang menyeluruh dengan semua pihak yang berkepentingan telah dilaksanakan, termasuk 12 sesi dengan kumpulan fokus yang melibatkan kementerian dan kerajaan negeri yang disertai 2,500 orang yang mewakili lebih 1,200 organisasi. Adalah penting dan tepat masanya untuk memperingatkan semua rakyat Malaysia bahawa Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi, 30 tahun yang lalu akan berjaya jika tidak disebabkan oleh skandal kewangan, rasuah dan salah tadbir urus oleh kerajaan terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat banyak pertikaian dalam Dewan sebelum ini ke atas hutang negara, penyata pertama terbitan Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet pada 17 Julai 2019 telah membekalkan penjelasan yang terperinci dengan menunjukkan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan pada akhir 2018 adalah dianggarkan sebanyak RM1,090.8 bilion iaitu 75.4 peratus daripada KDNK. Kesan hutang negara yang tinggi adalah amat membimbangkan. Perbelanjaan kerana hutang negara mencatat 11.7 peratus daripada perbelanjaan Persekutuan untuk tahun 2020.

Semakan selanjutnya mendapati perbelanjaan kerana hutang negara adalah lebih banyak berbanding perbelanjaan untuk keselamatan iaitu 11.2 peratus yang melingkungi pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Manakala perbelanjaan untuk kesihatan dan kependudukan adalah juga lebih rendah pada 10.4 peratus. Dengan jelasnya, perbelanjaan kerana hutang negara akan terus jadi beban yang terbesar dalam sistem kewangan negara kita. Dalam kata lain, kesan yang teruk ini akan berterusan membawa impak yang negatif hingga ke saat negara kita dapat membayar balik dan mengurangkan hutang negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kedudukan kewangan negara mampu membayar balik hutang negara yang berada pada paras yang begitu tinggi, saya menerima baik

dan menarik perhatian kerajaan mengkaji untuk mengehendkan siling jaminan kerajaan seperti yang disyorkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Audit 2018 dengan tujuan membantu dalam mengawal penambahan bebanan hutang negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, ekonomi dunia berada dalam situasi tidak menentu akibat perang perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China. IMF telah menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia untuk tahun 2019 ke 3.2 peratus, berbanding 3.9 peratus pada tahun lepas. Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) juga telah menurunkan unjuran pertumbuhan perdagangan barangan dunia ke 1.2 peratus pada Oktober 2019 daripada 2.6 peratus pada April 2019.

Bacaan 1.2 peratus juga merupakan kadar terendah sejak tahun 2009. Walaupun berdepan dengan situasi ekonomi sedemikian, ekonomi negara di bawah Kerajaan Pakatan Harapan kekal berdaya tahan dengan beberapa petanda yang baik. KDNK iaitu pertumbuhan keluaran dalam negara kasar separuh pertama 2019 adalah 4.7 peratus, manakala suku kedua ditingkatkan ke 4.9 peratus. Satu bacaan yang amat memberangsangkan kerana Malaysia adalah salah satu daripada sebilangan kecil ekonomi di dunia yang mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku kedua, berbanding suku-suku sebelumnya. Inflasi juga dikawal dengan sempurna pada 0.2 peratus dalam separuh pertama 2019, berbanding satu peratus pada 2018 dan 3.7 peratus pada tahun 2017.

Selain daripada itu, Malaysia sebagai destinasi pelaburan berisiko rendah yang kompetitif di rantau ini telah memperoleh manfaat yang besar daripada perubahan rantaian penawaran global akibat perang perdagangan Amerika Syarikat-China melalui peralihan pelaburan dan perdagangan dengan sokongan kemudahan infrastruktur terbaik, keutuhan kedaulatan undang-undang serta tenaga kerja yang berkemahiran dan kemampuan menguasai pelbagai bahasa.

Laporan MIDA mencatatkan pelaburan asing yang diluluskan pada separuh pertama 2019 meningkat 97.2 peratus kepada RM49.5 bilion, berbanding hanya RM25.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun 2018 dengan sebahagian besar di sumbang oleh negara China, Jepun, *Singapore* dan Amerika Syarikat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan usaha kerajaan dalam penambahbaikan kepada Bantuan Sara Hidup, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional (mySalam), Skim Peduli Kesihatan B40 iaitu PeKa B40, i-Suri dan *Food Bank* untuk melindungi kumpulan yang paling mudah terjejas. Usaha ini jelas membuktikan bahawa kerajaan di bawah Pakatan Harapan merupakan kerajaan yang berjiwa rakyat yang sentiasa bersedia untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu berkenaan dengan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Kerajaan telah mencadangkan dalam belanjawan untuk meneruskan CKHT untuk pelupusan hartanah dalam tahun keenam dan ke atas tetapi telah meminda tarikh penilaian untuk hartanah yang terbabit dari 1 Januari 2000 ke 1 Januari 2013 iaitu lebih daripada enam tahun lepas dari sekarang.

■1630

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, polisi ini sememangnya bukan satu polisi yang diterima baik oleh pasaran memandangkan hasrat CKHT adalah untuk melawan spekulasi pasaran. Daripada jawapan Parlimen yang lepas, kami telah dimaklumkan bahawa jumlah cukai yang dikutip dalam kategori ini adalah lebih kurang RM100 juta sahaja. Dengan pindaan tarikh penilaian kepada 1 Januari 2013, jumlah cukai yang jangka dikutip akan lebih kurang daripada apa yang telah dikutip sehingga kini. Mengambil kira jumlah kutipan yang akan berkurangan dengan kritikan atas polisi ini dan kerja-kerja rumit yang terlibat dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, ia dengan jelasnya tidak setimpal. Tambahan pula, polisi ini juga akan menyebabkan pasaran menjadi lebih lembap. Maka, saya dengan rendah diri memohon supaya Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan semula polisi ini dan menghentikan CKHT untuk penjualan aset pada tahun keenam dan selebihnya.

Tuan Yang di-Pertua, dua minggu yang lepas, Yang Berhormat Menteri KPDNHEP telah membuat pengumuman berkenaan dengan polisi subsidi petrol bersasar untuk golongan B40. Pada ketika itu, terdapat banyak suara ketidakpuasan hati khasnya dari golongan M40 yang tidak tergolong dalam kategori penerima manfaat subsidi tersebut. Saya tertarik dan menerima baik pengumuman daripada kerajaan dalam Belanjawan 2020 yang telah memberikan manfaat subsidi ini kepada golongan selain daripada B40 yang layak yang mana kebanyakannya adalah golongan M40.

Ini sekali lagi menunjukkan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang prihatin rakyat dan sentiasa mendengar kepada keluhan dan mendekati keperluan rakyat. Saya memahami beban kerajaan dalam menampung subsidi petrol untuk jangka masa panjang. Jawapan yang diperoleh menunjukkan untuk tempoh 12 hingga 18 Oktober 2019 sahaja, harga runcit RON95 adalah RM2.08 seliter dan harga sebenarnya adalah RM2.37 seliter. Jumlah subsidi untuk seminggu sahaja sudah mencecah RM99.76 juta.

Saya juga memahami beban hidup rakyat khasnya golongan M40 yang selalu tidak layak untuk menerima manfaat dan bantuan daripada kerajaan. Maka saya berharap bahawa pada masa yang akan datang, lebih banyak polisi bantuan dan mesra

rakyat juga dapat dilanjutkan kepada golongan M40 yang tertentu seperti apa yang telah dilaksanakan dalam subsidi petrol yang diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, selaku wakil rakyat dari negeri Perak, Taiping mengalu-alukan berita baik khasnya untuk negeri Perak iaitu menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh; pembinaan hospital baharu di Kampar; Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai; dan juga pusat rehabilitasi PERKESO di Perak yang melibatkan kos RM500 juta. Tambahan daripada itu, saya berdiri untuk membuat satu cadangan untuk melibatkan negeri Perak dalam Wawasan Kemakmuran Bersama kerana kadar pembangunan negeri Perak agak jauh ketinggalan untuk tiga dekad yang lalu.

Kemudahan jaringan pengangkutan yang lengkap merupakan asas pembangunan yang bakal menarik pelaburan asing ke negeri Perak. Kelebihan ini jelas apabila kita membandingkan kadar pembangunan negeri Perak dengan Pulau Pinang di utara dan Selangor di bahagian selatan. Pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang dan Selangor yang pesat jauh membelakangi negeri Perak sehingga negeri Perak menghadapi masalah penghijrahan penduduknya ke negeri bersebelahan.

Dalam usaha mengembalikan kemakmuran bersama khasnya untuk negeri Perak, saya dengan rendah diri mencadangkan kajian secara teliti untuk dua projek berikut direalisasikan di negeri Perak iaitu lapangan terbang antarabangsa utara yang dicadangkan diletakkan di Bagan Serai dan jaringan pengangkutan kereta api menghubungkan Batu Gajah ke Pelabuhan Lumut sejauh 60 kilometer untuk melengkapkan ekosistem pengangkutan negeri Perak.

Semakan saya dapati pertanyaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Beruas pada Dewan Rakyat Ke-13 yang lalu telah menunjukkan kemungkinan lapangan terbang antarabangsa di utara, Semenanjung Malaysia terletak di Bagan Serai seperti mana yang pernah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Jaringan pengangkutan dalam negeri Perak dengan bandar-bandar utama di Semenanjung akan bertambah baik dengan siap sepenuhnya *West Coast Expressway (WCE)* dalam masa yang terdekat dengan lebuhraya PLUS dan rangkaian pengangkutan kereta api yang sedia ada.

Minta dua minit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila rumuskan.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Sekiranya lapangan terbang antarabangsa utara di Bagan Serai serta landasan kereta api dari Batu Gajah ke Lumut dapat direalisasikan, ekosistem pengangkutan negeri Perak yang lengkap ini pasti akan menjadi penjana pertumbuhan ekonomi negeri Perak pada masa yang akan datang.

Akhir sekali, saya ingin membangkitkan...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Boleh saya mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bagan Serai hendak mencelah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, Bagan Serai.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Masa sudah habis.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit sahaja.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Okey.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: 30 saat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ... bila menyentuh tentang hendak mewujudkan lapangan terbang di Bagan Serai ini, dia ada satu tempat yang sangat sesuai. Ini kerana pada pendapat saya, perkara ini telah dibawakan ke EPU pada tahun 2011 dan tiba-tiba hilang daripada pengetahuan kita. Jadi, kalau dikatakan di utara ini, iaitu boleh membangkitkan perniagaan dan juga pembangunan di utara Semenanjung Malaysia. Jadi, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Taiping.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Diminta masuk menjadi sebahagian daripada ucapan saya.

Akhir sekali, saya ingin membangkitkan perbandingan pertumbuhan pendapatan negara kasar Malaysia dan Korea Selatan. Pada tahun 1971, PNK per kapita Malaysia adalah sebanyak USD390 berbanding USD310 untuk Korea Selatan. Pada tahun 2018, PNK per kapita untuk Korea Selatan telah mencapai USD30,600 iaitu 99 kali ganda, manakala PNK per kapita Malaysia hanya mencapai 27 kali ganda pada tahap USD10,460. Perbandingan ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi negara jauh ketinggalan untuk 50 tahun yang lalu dan masih terdapat jurang yang besar untuk ditambah baik tahap pertumbuhan ekonomi negara kita.

Oleh itu, besar-lah harapan saya, kerajaan di bawah Pakatan Harapan akan terus berusaha dengan sepenuhnya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui kaedah-kaedah yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2020. Dengan itu, Taiping menyokong usul Rang Undang-undang Perbekalan (Belanjawan) 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Igan dan diikuti oleh Yang Berhormat Tangga Batu. Kemudian, diikuti oleh Yang Berhormat Baling.

4.39 ptg.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (Belanjawan) 2020 yang bertemakan, '*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama*'. Tahniah juga kepada Kerajaan Persekutuan di atas pembentangan rang undang-undang belanjawan untuk kali kedua di Dewan yang mulia ini.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, kata orang, "*Rumah siap, pahat berbunyi*". Begitulah respons orang ramai terhadap belanjawan ini. Ada yang berpuas hati dan ada juga yang tidak berpuas hati. Ini situasi yang biasa. Akan tetapi, segala respons, kritikan, pendapat, komen dan sebagainya haruslah dilihat dan diterima dengan baik dalam konteks untuk menambah baik pengurusan dan belanjawan demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Dalam konteks negeri Sarawak, yang mendapat peruntukan RM4.4 bilion untuk perbelanjaan pembangunan tahun hadapan, bunyinya besar tetapi hakikatnya tidak cukup. Justifikasinya mudah. Sarawak luasnya hampir sama dengan Semenanjung Malaysia jika ditolak negeri Perlis manakala Sabah jauh lebih kecil keluasannya berbanding Sarawak. Justeru itu, peruntukan RM4.4 bilion ternyata tidak cukup untuk perbelanjaan pembangunan. Lebih-lebih lagi mengapa Sabah mendapat RM5.2 bilion. Apakah justifikasi ini?

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak dalam kerangka menuju negeri maju pada tahun 2030, sudah tentu mempunyai banyak perancangan khususnya dalam konteks memakmurkan taraf hidup rakyat di luar bandar. Daripada segi infrastruktur asas, jalan raya, bekalan air, elektrik, jambatan dan sebagainya, termasuk isu-isu sekolah daif dan pendidikan di Sarawak yang akan saya bahaskan selepas ini. Semua ini memerlukan peruntukan yang besar. Oleh sebab itu, ramai rakyat dan pemimpin Sarawak memandang sinis terhadap belanjawan ini kerana sebagai negeri yang banyak menyumbang hasil kepada negara sepatutnya mendapat peruntukan yang lebih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di dalam perbincangan mengenai Belanjawan 2020 ini untuk membangkitkan khusus tentang isu-isu pendidikan di negeri Sarawak. Isu-isu ini adalah merupakan isu-isu yang amat kritikal yang perlu ditangani dengan segera. Semua maklum bahawa soal pendidikan adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Semua juga telah tahu bahawa Kementerian Pendidikan adalah kementerian yang paling banyak menerima peruntukan daripada kerajaan di dalam belanjawan kali ini dengan mendapat sejumlah RM64.12 bilion. Ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk melabur di dalam bidang pendidikan demi masa depan anak bangsa. Malah Menteri Pendidikan telah memberi jaminan bahawa setiap sen yang diterima oleh kementeriannya akan dipastikan dibelanjakan dengan penuh bertanggungjawab. Oleh itu, saya ingin menarik perhatian kepada Menteri Pendidikan tentang isu-isu pendidikan yang amat kritikal di negeri Sarawak untuk segera diambil tindakan dan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di antara masalah pendidikan yang kritikal di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) isu-isu sekolah daif, yang sering dibangkitkan di Dewan yang mulia ini;
- (ii) isu-isu sekolah yang tiada kemudahan utiliti seperti tiada bekalan elektrik, tiada air bersih terawat, akses Internet, jaringan jalan raya dan sebagainya;
- (iii) isu-isu sekolah yang berada di kawasan yang sering dilanda banjir;
- (iv) isu sekolah kurang murid atau *low enrolment*, dengan izin;
- (v) isu kurangnya kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah aliran sains; dan,
- (vi) isu rendahnya prestasi sekolah-sekolah di negeri Sarawak di dalam peperiksaan peringkat nasional seperti peperiksaan UPSR dan SPM.

Yang Berhormat Menteri, inilah enam isu utama yang sedang melanda sistem pendidikan di negeri Sarawak yang harus diberi keutamaan dan tindakan yang segera oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, isu sekolah daif di negeri Sarawak adalah isu yang sering berkumandang di Dewan yang mulia ini pada setiap kali persidangan. Isu ini didendangkan tanpa rasa jemu oleh Ahli-ahli Parlimen GPS kerana isu sekolah daif ini

sentiasa dekat di hati kami dan menjadi rungutan harian rakyat Sarawak khususnya warga pendidikan dan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak, terdapat sebanyak 1,020 buah sekolah daif dengan 415 buah adalah sekolah yang tersangat daif dan uzur pada tahap 3 iaitu tidak boleh di baik pulih dan perlu dibina baru. Manakala 210 buah sekolah adalah pada tahap 2 dan 395 buah sekolah pada tahap 1 yang semuanya perlu dibina baru ataupun di baik pulih.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dan pendidikan sentiasa menjadi buah mulut rakyat Sarawak yang peka dan prihatin kepada pendidikan. Manifestasi keprihatinan dan keutamaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak mengenai isu sekolah daif ini dicerminkan melalui kesudian kerajaan negeri menawarkan peruntukan RM1 bilion. Namun ditolak oleh Kerajaan Persekutuan pada awalnya hanya kerana kaedah penyaluran dana berkenaan, kerena ini mencacatkan perancangan untuk mengatasi masalah sekolah daif dengan cepat. Sepatutnya Kerajaan Persekutuan gembira dan bersyukur dengan inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak ini kerana yang betul dan benar adalah Kerajaan Persekutuan yang menyalurkan semua dana dan peruntukan untuk menyelesaikan isu sekolah daif dan pendidikan di negeri Sarawak kerana ini adalah tanggungjawab mereka. Akan tetapi sebaliknya yang berlaku, kami pula yang memberi. Apa-apa pun semua pihak harus mempunyai iltizam yang tinggi dan ikhlas untuk menyelesaikan masalah ini dengan meletakkan agenda politik ke tepi agar warga pelajar dan pendidik di sekolah-sekolah daif ini dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan, sebanyak RM350 juta daripada RM1 bilion yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak tahun ini hanya dapat membaik pulih dan membina baru sebanyak 37 buah sekolah. Ini bermakna secara puratanya, sebuah sekolah melibatkan kos RM9.5 juta. Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai 415 buah sekolah daif tahap 3 sebagaimana yang saya sebutkan tadi yang tidak boleh digunakan lagi dan perlu segera dibina baharu. Ini bermakna, jumlah keseluruhan yang diperlukan adalah sebanyak RM3.9 bilion. Ini belum diambil kira sekolah daif tahap 1 dan tahap 2 yang berjumlah 605 buah. Kalau semua ini diambil kira, jumlah yang diperlukan adalah sebanyak lebih kurang RM9.64 bilion.

Jadi secara analoginya, kalau setiap tahun Sarawak diberi RM1 bilion untuk tujuan mengatasi masalah sekolah daif ini, bermakna hanya 105 buah sahaja yang dapat dilaksanakan. Jadi selama mana isu 1,020 buah sekolah daif di negeri Sarawak sekarang ini dapat diatasi? Pada perkiraan saya, ia mengambil masa selama lebih

kurang 10 tahun. Ini satu tempoh yang terlalu lama. Ini satu penafian hak para pelajar di negeri Sarawak untuk mendapat pendidikan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan kali ini, kerajaan memperuntukkan RM783 juta untuk memperbaiki sekolah daif dengan keutamaan kepada negeri Sarawak dan Sabah. Oleh itu, saya memohon agar negeri Sarawak diberi bahagian yang lebih besar daripada peruntukan berkenaan. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, bila negeri Sarawak diperuntukkan sebanyak RM4.4 bilion untuk perbelanjaan pembangunan pada belanjawan kali ini, ramai di kalangan rakyat dan para pemimpin di negeri Sarawak memandangnya dengan sinis dan menzahirkan rasa tidak puas hati. Bukan kami tidak bersyukur, akan tetapi kami merasakan bahawa peruntukan ini tidak cukup.

Oleh itu, saya memohon agar Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan khas ataupun dana khas yang lebih besar hanya semata-mata untuk mengatasi masalah sekolah daif dan isu-isu pendidikan di Sarawak. Saya juga memohon kepada Kementerian Pendidikan agar sekolah-sekolah daif yang dibina nanti, harus memastikan bahawa segala kemudahan-kemudahan seperti dewan makan, asrama, kuarters guru dan lain-lainnya dilengkapkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan rasa kebimbangan kami mengenai pencapaian buruk pelajar di negeri Sarawak di dalam peperiksaan di peringkat kebangsaan iaitu UPSR dan SPM. Untuk rekod, Sarawak menduduki tangga yang keempat belas daripada 16 negeri di dalam peperiksaan UPSR pada tahun 2015, tempat kelima belas pada tahun 2016 dan tempat yang ketiga belas pada tahun 2017 dengan gred purata jauh ketinggalan daripada gred purata nasional.

■1650

Manakala dalam peperiksaan SPM, Sarawak menduduki tangga ke-15 daripada 16 negeri untuk empat tahun berturut-turut iaitu tahun 2015 hingga tahun 2018, juga dengan gred purata yang tersangat teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah sebab masalah ini berlaku? Apakah langkah-langkah sewajarnya ataupun segera yang akan dilakukan? Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya, kalau saya katakan bahawa prestasi peperiksaan ini disebabkan oleh keadaan sekolah-sekolah di Sarawak yang tersangat daif dengan kemudahan-kemudahan yang serba kekurangan?

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, isu pendidikan yang amat kritikal di Sarawak pada masa ini adalah isu rendahnya kemasukan para pelajar ke sekolah. Untuk

makluman, ada 651 buah sekolah rendah di Sarawak sekarang ini berhadapan dengan masalah ini, di mana 461 buah sekolah kurang daripada 50 orang murid. Masalah kekurangan murid ini sudah pasti akan mendatangkan banyak lagi masalah lain khususnya dari segi pencapaian akademik para pelajar dan tumpuan guru-guru yang mengajar, yang akhirnya akan menjejaskan prestasi akademik mereka. Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bagaimanakah masalah ini boleh diatasi? Sejauh manakah perkembangan isu penggabungan sekolah ini dilaksanakan sehingga kini?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat risau kerana di antara kriteria-kriteria untuk penggabungan sekolah ini dapat dilaksanakan antaranya ialah harus ada tapak tanah yang sesuai serta ada jaringan jalan raya yang dilengkapi dengan kemudahan utiliti seperti bekalan air bersih, elektrik serta mendapat persetujuan daripada ibu-bapa. Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan. Sejauh manakah kriteria-kriteria ini dapat dilakukan setakat ini? Bagaimanakah respons ibu-bapa serta beberapa buah sekolah yang telah digabungkan setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu mengenai kurangnya enrolmen para pelajar ke aliran sains di sekolah-sekolah negeri Sarawak. Isu ini amat kritikal pada masa ini ketika kita fokus untuk menjadikan ataupun membina negara ini maju dan berteknologi tinggi lebih-lebih lagi ke arah Revolusi Industri 4.0. Ketika ini pencapaian program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) menurun dengan ketara dan amat membimbangkan. Pada tahun 2016, terdapat 16,430 orang pelajar aliran sains. Akan tetapi angka berkenaan terus merosot saban tahun kepada 13,288 orang dan 12,941 orang pada tahun 2017 dan 2018.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah sebab-sebab yang membawa kurangnya minat para pelajar untuk mengambil aliran sains ini? Sejauh manakah tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini? Adakah ini mempunyai kaitan dengan kurangnya guru-guru pakar yang mengajar subjek Sains dan Matematik atau kurangnya prasarana seperti makmal sains di sekolah-sekolah atau ada sebab-sebab yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di Dewan yang mulia ini tentang sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan utiliti seperti bekalan air bersih, elektrik, internet dan jaringan (*connectivity*) atau perhubungan jalan raya. Sebagai makluman, sebanyak 371 buah sekolah di Sarawak yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan bergantung kepada bekalan minyak diesel, di mana 10 buah adalah sekolah menengah. Manakala 428 buah tidak mempunyai bekalan air bersih dan 10

buah sekolah tidak mempunyai akses internet. Manakala 803 buah sekolah yang ada akses internet tetapi di bawah empat megabit.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini amat merisaukan. Kepada Kementerian Pendidikan, ambillah perhatian tentang masalah ini. Bayangkan wajah anak-anak kita yang berada di luar bandar, yang belajar dalam suasana yang amat menyedihkan ini iaitu tidak ada prasarana asas, tiada api, tiada air dan tiada internet. Bagaimanakah mereka boleh belajar dalam suasana yang kondusif dan mengembangkan potensi diri mereka? Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan Yang Berhormat, masa tamat.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan masalah-masalah pendidikan di kawasan Parlimen saya iaitu Igan. Parlimen Igan mempunyai 21 buah sekolah yang berstatus sekolah daif dengan lapan buah sekolah dikategorikan sebagai sekolah daif taraf tiga. Sekolah-sekolah berkenaan ialah SMK Matu, SK Kampung Tebaang, SK Sungai Pasin, SK Kampung Sawai, SK Sebena, SK Bawang Tian, SK Pergau dan SK Batang Lassa. Oleh itu, saya memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk memasukkan sekolah-sekolah ini ke dalam senarai pembinaan baharu untuk fasa yang akan datang.

Bagi SMK Matu, saya ingin bertanya lagi, bagaimanakah status pembinaan sekolah ini? Bilakah sekolah ini akan dibina? Di manakah lokasinya yang sebenar? Berapakah harga ataupun kos pembinaan sekolah ini yang sebenarnya? Memandangkan sebelum ini saya diberi dua harga yang berbeza dalam pertanyaan lisan dan perbahasan saya pada sidang Parlimen yang lalu. Saya juga memohon agar SMK Matu ini dibina berasaskan konsep *modern school*, dengan izin termasuk sekolah kategori 'A' iaitu SK Bawang Tian, Matu.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, dari pengisian perjawatan sekolah-sekolah, di Parlimen Igan masih lagi kekurangan 32 orang guru. Oleh itu, saya mohon kepada Kementerian Pendidikan untuk mengambil perhatian terhadap perkara ini. Terakhir Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja isu-isu pendidikan bagi saya yang amat kritikal di negeri Sarawak pada masa ini. Adalah diharapkan Kementerian Pendidikan dapat mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah ini. Akhir sekali...

*Daun selasih, daun sendayu,
Terima kasih, Thank you.*

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa] [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Igan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tangga Batu.

4.56 ptg.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum* dan dalam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen Malaysia dan rakyat Tangga Batu. Terima kasih kerana kesempatan yang diberikan untuk berbahas mengenai Belanjawan 2020. Ini adalah peluang untuk memberikan pandangan terhadap belanjawan khasnya bagi rakyat yang kami wakili amnya kepada rakyat Malaysia.

Pakar ekonomi Profesor Dr. Jomo Kwame Sundaram berkata, kerajaan perlu banyak berbelanja untuk menangani hutang negara dan kemelesetan ekonomi. Dalam Belanjawan 2020, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif rangsangan yang memanfaatkan rakyat dan melonjakkan aktiviti ekonomi di bawah beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan yang mendapat peruntukan yang besar.

Sebagai contohnya, kerajaan menambah peruntukan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah daripada RM652 juta seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 kepada RM735 juta pada tahun 2020. Daripada itu, peruntukan sebanyak RM25 juta disalurkan kepada sekolah agama rakyat dan sekolah agama persendirian yang sebelum ini tidak ada. Tahun hadapan, sekolah juga akan dibina beberapa sekolah baharu.

Banyak peruntukan Parlimen yang saya sumbangkan kepada sekolah-sekolah kerana bagi saya sekolah adalah satu pelaburan yang signifikan dan berbaloi. Sebagai bekas pensyarah, saya meminta kerajaan mempertimbangkan bantuan kepada pelajar-pelajar seperti baucar buku dan kad siswa. Ini adalah sangat penting demi kepentingan dan kesejahteraan generasi muda kita dalam mencari ilmu. Ini akan menjadi motivasi untuk mereka terus belajar dengan cemerlang.

Dari segi kesihatan, RM1.6 bilion diperuntukkan untuk membina hospital baharu dan menaik taraf dan membesarkan hospital sedia ada. Manakala sebanyak RM319 juta pula, untuk membina dan menaik taraf klinik kesihatan dan pergigian serta kemudahan kuarters. Tambahan lagi, sebanyak RM22 juta disediakan untuk menaik taraf peralatan perubatan. Manakala RM95 juta untuk pengubahsuaian infrastruktur dan kemudahan perubatan. Sebagai Ahli Parlimen Tangga Batu, saya amat berharap pertambahan

peruntukan ini dapat digunakan untuk memperbaiki perkhidmatan Klinik Kesihatan Bukit Rambai di DUN Klebang.

Keperluan ini amat mendesak apabila terdapatnya persempadanan baharu di mana klinik ini perlu menampung pertambahan pesakit-pesakit dari Bertam Setia, Bertam Impian, Kampung Bertam Ulu, Bertam Indah. Bertam di *Penang* pun ada ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tanjung Minyak Perdana, Taman Cenderawasih, Batang Tiga, Taman Bukit Rambai, Gadong Lalang, Seberang Gajah, Kampung Air Salak dan dari kawasan-kawasan yang telah ditampung sebelum ini.

■1700

Purata kedatangan pesakit adalah seperti berikut.

Tarikh	Bilangan Pesakit
Isnin	280 hingga 300 orang
Selasa	180 hingga 200 orang
Rabu	180 hingga 200 orang
Khamis	280 hingga 300 orang
Jumaat	180 hingga 200 orang

Hari Isnin dan hari Khamis adalah hari pengambilan darah. Ruang letak kenderaan hanya boleh memuatkan 15 kereta sahaja. Bayangkan 300 pesakit yang datang. Ruang menunggu amat terhad dan pesakit terpaksa berdiri. Ruang prosedur yang tidak kondusif apabila prosedur pengambilan darah, cuci luka, suntik ubat, periksa jantung memasang *drip*, *intravenous drip* dengan izin dan sebagainya dibuat di situ. Jika keadaan ini tidak diperbaiki segera, bukan sahaja kesesakan ini menjadikan pegawai-pegawai dan pesakit-pesakit tidak selesa, kesilapan dan kecuiaan boleh berlaku.

Kita tidak mahu perkara, "*Sudah terhantuk baru tengadah*" berlaku di sini. Kita mempunyai tugas berhati-hati dengan izin, *duty of care* terhadap pesakit-pesakit dan juga rakyat kawasan saya. Jumlah staf termasuk jumlah pegawai juga amat minimum. Seorang kerani, tiga orang pembantu perawat kesihatan. Di bilik prosedur hanya seorang penolong pegawai perubatan, dua orang jururawat kesihatan, seorang penolong pegawai perubatan iaitu *runner* dengan izin.

Bagi perkhidmatan ambulans, terdapat seorang pemandu dan seorang penolong pegawai perubatan. Klinik kesihatan ini mempunyai tujuh orang pegawai perubatan dan seorang penyelia. Sangat diharapkan kementerian boleh memberikan perhatian segera

kepada klinik kesihatan ini. Isu klinik ini juga telah menjadi berita di TV3, *MelakaKini* dan akhbar-akhbar tempatan.

Saya juga merayu kepada Kementerian Kesihatan melihat sama ada benar dakwaan adanya masalah penempatan doktor-doktor pelatih. Dikatakan pada suku pertama 2019, terdapat 700 orang doktor pelatih yang terapung ataupun *floating* dengan izin tanpa jaminan untuk mendapatkan penempatan tetap iaitu *permanent job placement* selepas menjalani *housemanship*, dengan izin di hospital-hospital kerajaan. Oleh itu, pertambahan peruntukan diharap dapat memberi harapan kepada doktor-doktor pelatih untuk mendapat pekerjaan tetap sebelum mereka secara berjemaah membuat perniagaan *cheesecake online* dengan izin yang merugikan negara dari segi profesionalisme dan disiplin mereka dilatih.

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli mendapat peruntukan RM4.8 bilion. Saya harap jumlah ini ditambah dan jika cukup, mesti digunakan untuk mengatasi masalah hakisan di Pantai Puteri DUN Pantai Kundur dan sebenarnya sepanjang sebahagian besar pantai-pantai Melaka termasuk Pantai Tanjung Bidara di Masjid Tanah. Masalah hakisan pantai di Pantai Puteri sangat kritikal dan dijangka jika tidak diambil tindakan yang serius, segera dan berkesan, jalan pinggir pantai pun akan runtuh dan hilang dalam masa dua atau tiga bulan lagi.

Lebih daripada 20 pokok sudah tumbang dan berterusan satu persatu di tepi pantai ini. Baru-baru ini sebahagian bangunan yang digunakan oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan yang mengawas aktiviti keselamatan pantai telah runtuh dan menyukarkan kerja-kerja APM. Saya Penyelaras JAPERUN Pantai Kundur dan pegawai-pegawai telah melawat kesan hakisan dari laut oleh pasukan APM ini.

Hakisan semakin teruk dan menakutkan. Sudah tentu ia menjejaskan aktiviti ekonomi penduduk terutamanya nelayan dan pelancongan di sepanjang pantai. Usaha-usaha Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengurangkan proses hakisan terjejas kerana dana yang sangat terhad serta bantahan orang-orang kampung yang diketuai oleh Yang Berhormat dari parti pembangkang di kawasan ini. JPS membina beting batu di pinggir pantai untuk menggalakkan proses semula jadi pengumpulan pasir di pinggir pantai. Namun, penduduk membantah kerana proses ini dikatakan menghalang aktiviti menyungkur geragau di kawasan tersebut. JPS telah memberhentikan pembinaan beting batu ataupun dipanggil *groyne* dan kesan hakisan semakin teruk.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengganggu kestabilan ekologi alam semula jadi, kita perlu membayar harga yang tinggi untuk menghalang impak negatif kepada manusia. Masalah ini tidak akan berlaku jika kerajaan dahulu, maaf terpaksa sebut, tidak

menjalankan projek penambakan laut ini. Apabila kita cuba mengurangkan masalah yang menimpa nelayan, mereka jugalah yang membantah dan mengelirukan rakyat. Kita sepatutnya berganding bahu apabila kita mahu membantu rakyat dan bukan berpura-pura berjuang tetapi rakyatlah yang dimangsakan.

Saya mewakili rakyat, terutamanya nelayan-nelayan Pantai Kundur dan Pantai Puteri memohon agar peruntukan yang mencukupi diberikan bagi mengatasi masalah hakisan pantai yang mengganas dan meruntun jiwa melihat kesukaran rakyat walaupun DUN ini diwakili oleh Barisan Nasional. Dicadangkan beting pemecah ombak dibina jauh ke dalam pantai tetapi ini memerlukan kos yang amat tinggi. Saya juga meminta agar sungai-sungai, parit dan tali air dapat dipertingkatkan penyelenggaraannya secara berkala supaya parit-parit ini tidak tersumbat dengan sampah walaupun disebabkan oleh manusia, rumput-rumpai dan tumbuhan-tumbuhan air seperti kiambang dan keladi bunting.

Sungai-sungai dan parit perlu dikorek supaya aliran air tidak tersekat dan tidak menyebabkan sering berlaku banjir kilat yang merugikan harta-benda rakyat. Masalah ini kerap berlaku di kawasan Krubong dan Rambai Utama di DUN Paya Rumput. Rumah-rumah pam yang rosak dan pintu air yang berkarat perlu diperiksa supaya ini dapat berfungsi dengan baik untuk mengawal aliran air semasa hujan lebat dan mengalihkan air semasa musim kemarau seperti di kawasan sawah Tulang Daing, Bukit Rambai yang menyusahkan pesawah-pesawah. Rakyat bawahan perlu dibantu agar kita dapat meringankan beban kehidupan, jika tidak dapat memberikan keselesaan.

Saya amat berharap agar Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dapat melihat dan memberikan jawapan yang lebih konkrit dan tindakan yang lebih tuntas bagi mengatasi kesan *smart meter* iaitu oleh TNB. Meter yang dikatakan *smart* teknologinya, namun amat tidak *smart* dari segi poket rakyat. Sejurus selepas menang kami diberi taklimat pelaksanaan *smart meter* dan selepas itu dilaksanakan, kami tidak banyak pilihan.

Saya sendiri terasa kesannya apabila bil bertambah dengan banyaknya. Adakah kajian yang dibuat sudah lengkap? Apakah langkah yang telah dibuat bagi mengurangkan beban ekonomi kepada rakyat? Ini boleh menjadi sebab cinta beralih arah dalam PRU-15.

Tema merdeka pada tahun ini adalah '*Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih*'. Saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberikan peruntukan yang lebih kepada kerajaan tempatan seperti Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah untuk menyelenggarakan kebersihan

kawasan dengan baik. Masalah sisa buangan pepejal di Taman Indah, Sungai Udang yang sudah menjadi kacau ganggu dari segi bau kepada penduduk sekeliling perlu diberi perhatian dan tindakan segera. Dibimbangkan deria bau penduduk akan menjadi lali, sudah tidak dapat membezakan bau asam pedas dan bau sisa kumbahan. *[Ketawa]*

Penyelenggaraan dan rumah-rumah PPR seperti Rumah Pangsa Krubong di DUN Paya Rumput dan Rumah Pangsa Lereh, sewajarnya diperbaiki dan diberi pembaikan agar masalah-masalah seperti tandas tersumbat, kebersihan dan bocor tidak menjadi masalah yang berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi percukaian saya mencadangkan agar Kementerian Kewangan mengkaji semula jumlah potongan untuk isteri dan anak-anak yang hanya sebenarnya RM4,000 bagi tidak bekerja bagi isteri dan RM2,000 setiap anak. Namun, RM2,000 ini untuk seorang adalah tidak munasabah lagi kerana zaman dengan segala kos yang tinggi, jumlah ini adalah sangat tidak munasabah.

Saya memohon kayu ukur yang digunakan untuk mengukur kemiskinan dikaji semula, pendapatan di bawah RM930 untuk mendapat bantuan JKM perlu dilihat secara realistik. Saya juga ingin mengetahui, apakah kriteria penolakan projek-projek peruntukan Mesra Rakyat yang ada eKasih tetapi dikatakan tidak tegar. Saya amat terkilan apabila kerja baik pulih rumah-rumah yang usang, atap bocor, dinding dimakan anai-anai dan pelbagai sebab telah ditolak atas alasan tiada eKasih. Sebahagiannya ada eKasih tetapi tidak tegar.

Saya amat kasihan kepada orang-orang kampung yang susah terutamanya orang-orang tua dan ibu-ibu tunggal yang menunggu-nunggu rumahnya diperbaiki. Pendaftaran eKasih mengambil masa yang lama. Didaftarkan pada Mac contohnya hingga September pun belum ada yang lulus.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Kuala Nerus minta laluan sikit.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Hendak habis saya, dua minit sahaja lagi ini. Okey, bagaimana yang mempunyai eKasih tetapi tidak tegar. Setakat punya piring Astro sudah tidak relevan kerana siaran tidak jelas jika gunakan antena tulang ikan, ya. Kecualilah ada yang Astro Beyond ataupun pakej yang mewah.

■1710

Jika punyai peti ais yang disedekahkan oleh orang 15 tahun lepas, maka saya rasa janganlah ia dijadikan sebagai kayu ukur atau rumah yang dibina oleh arwah atau bekas suami tetapi sekarang sudah dapurnya sebahagiannya sudah hampir roboh. Punyai *Cuckoo* ataupun *Coway* pun perlu dilihat semula kerana kualiti air kita belum

mencapai kualiti yang boleh diminum tanpa ditapis dan didihkan. Punyai pendaftaran SSM tidak bermakna individu itu tidak boleh mendapat Bantuan Sara Hidup kena kaji perhalusi secara individu kes-kes ini. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seminit lagi minta rumuskan.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Ya, saya rumuskan dengan sebuah pantun.

*Dewan Rakyat selalu ceria,
Riuh Yang Berhormat pembangkang dan kerajaan,
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,
Tangga Batu menyokong belanjawan.*

Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya persilakan Yang Berhormat Baling diikuti oleh Yang Berhormat Libaran kemudian Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Kepong. Sila.

5.11 ptg.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Walaikumsalam.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Salam bermuafakat nasional. *Alhamdulillah* hari ini Baling diberi peluang untuk membahaskan bajet tahun 2020. Dalam pembentangan bajet kali ini saya melihat terlalu banyak kecelaruannya yang tidak kesepakatan di antara Menteri-menteri di dalam Kabinet dan pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan sesama sendiri yang akan saya huraikan sebentar lagi.

Rakyat perlukan penjelasan dan kepastian terutamanya dalam menghadapi kos sara hidup yang kian meningkat, bukannya mendengar memerhati satu demi satu sandiwara Pakatan Harapan yang semua rakyat sudah maklum bahawa janji-janji dalam manifesto tidak ditunaikan sama sekali. Apa yang penting bagi saya jurang begitu amat ketara sekali Tuan Yang di-Pertua, khususnya peruntukan bandar dan luar bandar. Memandangkan saya datang daripada Baling, khususnya di negeri Kedah saya melihat betapa jurang yang begitu tinggi. Di antara perkara yang boleh saya sentuh pada hari ini walaupun banyak tetapi masa hanya 15 minit, *insya-Allah* saya cuba tepati masa Tuan Yang di-Pertua.

Sejumlah RM100 juta yang telah diberikan contoh kepada projek kereta kabel iaitu di Bukit Bendera Pulau Pinang. *Alhamdulillah*, bagus untuk orang Pulau Pinang. Akan tetapi, kalau kita tengok perbandingannya RM100 juta kos baik pulih rumah berstrata, kos rendah di seluruh negara. Jadi kalau kita tengok apa yang diberikan oleh kerajaan terdahulu tiga kali ganda lebih daripada yang mana diberikan. Hari ini juga kalau kita melihat dalam projek-projek berimpak tinggi khususnya di kawasan luar bandar, saya merasakan diskriminasi telah berlaku untuk khususnya mereka di kawasan luar bandar.

Saya melihat apabila pelbagai perkara yang telah dijanjikan dalam manifesto rakyat itu sendiri. Contoh, saya malas hendak mengulang apa yang diulangi oleh rakan-rakan sebelum-sebelum ini tetapi dalam konteks PTPTN, pinjaman PTPTN hari ini anak-anak muda di daerah kawasan saya sendiri sudah menelefon saya hendak minta pinjam duit. *“Dato’ tolonglah bagi pinjam RM2,000, RM1,000 hendak bayar balik duit PTPTN. Dulu kami dijanjikan dihapuskan, tetapi kali ini kami kena bayar kalau tidak tindakan akan diambil”*.

Saya bagi tahu kepada mereka, *“Adik-adik dengan saya sama, elephant and elephant fight grass suffer”*, saya kata. Sebab saya pun tak ada duit, saya pun sudah semua dibekukan, ditangkap, ditahan dan sebagainya, jadi saya tak boleh bantu adik-adik. Jadi ini di antara perkara PTPTN, apatah lagi janji-janji yang lain kalau kita tengok dari pergi jurang yang ada pada hari ini di dalam kawasan luar bandar, kawasan saya contohnya di Baling.

Kita telah dijanjikan pelbagai pembangunan malah kelulusan telah diberikan khususnya berkaitan UiTM telah diluluskan dalam kawasan Baling kampusnya. Patut siap tahun 2023, dibatalkan dan mereka janji dulu kita ada surat kelulusan. Yang Berhormat Menteri Perumahan yang telah memberi kelulusan sebelum ini iaitu Yang Berhormat Tanjong Karang dan Yang Berhormat Menteri Perumahan yang baru juga telah menyatakan bahawa akan diteruskan. Akan tetapi di dalam bajet Menteri Kewangan tidak ada, peruntukan untuk bina rumah tidak ada di kawasan saya Baling.

Apatah lagi bantuan-bantuan seperti sehinggakan kita dapat kelulusan untuk membuat kawasan kecil sahaja iaitu tapak untuk tasik untuk halia, untuk rakyat boleh beriadah dan tanam halia untuk memberi pertumbuhan ekonomi pertanian di kawasan Baling. Sebanyak RM10 juta pun dibatalkan, lainlah kalau projek-projek yang lebih lain lagi semua dibatalkan. Akan tetapi, saya melihat peruntukan khas untuk *cable car* ini sahaja diberikan RM100 juta. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam melaksanakan?

Kalau kita tengok balik apakah terma-terma pada kali ini memang sememangnya saya tahu terma ini jugalah hasil daripada Yang Amat Berhormat Langkawi sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama iaitu rakyat daripada bandar dan luar bandar.

Akan tetapi, kalau kita tengok pembentangan yang ada pada kali ini untuk tahun 2020 amat-amat menyedihkan. Saya ingin tambah sedikit apa yang disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat Gerik tadi berkaitan dengan Bantuan Musim Tengkujuh. Saya bersetuju apa yang beliau sebutkan tadi dan biarlah kita minta harga siling lantai RM5 yang diminta oleh Yang Berhormat Gerik saya sokong. Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana kaedah Yang Berhormat Menteri hendak laksanakan iaitu mereka yang menoreh dan tuan tanah? Bagaimana duit Bantuan Musim Tengkujuh ini, dulu zaman Barisan Nasional RISDA yang lakukannya, yang laksanakan sebagai pelaksana.

Bagaimana duit ini akan diagihkan? Kadang-kadang ada mereka tuan tanah dapat, penoreh tidak dapat. Jadi, ini di antara perkara yang Kementerian Kewangan harus ambil tindakan dan pastikan duit ini di sama rata diagih-agihkan kepada semua rakyat khususnya di kawasan saya di Baling iaitu menoreh getah. Saya juga hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita dengar dulu apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi di negeri Kedah, kita akan ada lapangan terbang di Kulim bila mana projek air— Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya di kawasan kampung. Merbok walaupun bukannya kerajaan. Merbok, Padang Terap, kami ada 15 Parlimen di Kedah, lapan Parlimen telah mendapat kelulusan untuk menaik taraf berkaitan dengan air, tak dapat.

So, kami ingat bila lapangan terbang di Kulim ini akan naik *alhamdulillah* lagilah akan dapat ekonomi yang lebih makmur, lebih baik kita boleh buatlah air itu sendiri. Akan tetapi, pada hari ini bila Yang Berhormat Bagan mula bagi dalam pembentangan *airport* Kulim sudah tidak ada. Tadi saya tengok rakan saya daripada Taiping dia minta pula hendak buat di Taiping, di Bagan Serai mereka hendak *airport* pula. Jadi, berapa *airport* hendak ada dekat kawasan itu padahal *airport* di Kulim ini telah diluluskan sebelum ini. Ini pun tidak ada.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya sedih Tuan Yang di-Pertua. Saya di antara orang yang selalu sebut zaman kami Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, zaman kami dulu masa bahas bajet, Yang Berhormat Menteri Kewangan kedua, zaman kami ada Menteri Kewangan kedua, tunggu, sekarang tak ada, tak apa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan tunggu sampai habis bahas untuk dapatkan butiran yang kami bahas ini, yang pembangkang bahas waktu itu, hari ini sudah jadi kerajaan. Hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada tak apa jugalah, Setiausaha Politik Menteri Ahli-ahli Parlimen, kurang-kurang Setiausaha Politik tunggulah ambil laporan pun tak pernah ada. Zaman kami dulu pegawai MOF penuh di belakang, tengoklah ada berapa orang, enam orang sahaja. Entah-entah bukan pegawai MOF belakang itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Menteri Sukan jawab, tak apa.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jadi, siapa yang hendak jawab? Jadi, sebab itu amat menyedihkan. Rakyat perlu tahu perkara ini. Mereka berdekah-dekah bila hendak pilihan raya dulu...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Baling, bagi laluan sikit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mereka janji macam-macam, tabur begitu begini, tol boleh bagi, PTPTN boleh bagi. Hari ini menang, esok minyak turun! Apa pun tak ada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah yang amat menyedihkan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Baling, bagi sikit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kami selama mana, sebab itu saya merayu, saya merayu kepada rakyat, rakyat Tanjong Piai. Jangan tunggu pilihan raya umum. Tunjukkan sekarang ini masa pilihan raya Tanjong Piai ini, buktikan bagi dekat Barisan Nasional menang. Tak apa, walaupun kami pemimpin Barisan Nasional diherdik, dihina, digari, ditangkap dibuat apa, kami akan tetap mempertahankan rakyat demi masa depan mereka. Ini janji kami!

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Baling, bagi laluan sikit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kami janji mesti tepati, kami tak pernah janji menjadi munafik, tidak mengotai janji.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ini bahas kah kempen ini? Bahas kah kempen ini? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling bagi sikit, laluan sikit. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kejap, kejap. Saya tak ada masa, saya takut, kejap, kejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan bahas.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya ada lagi dua perkara yang saya hendak sebut yang penting. Sebab di dalam Dewan ini saya yang paling teruk kena. Jadi, bagilah peluang untuk saya bercakap sikit, hendak terangkan apa yang sedang berlaku. Di antara perkaranya Tuan Yang di-Pertua, tol janji dulu menang – Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah pertimbangan Yang Berhormat Menteri bila mengambil alih Gamuda dengan harga RM6.5 bilion tadi.

■1720

Mana taklimat kepada kita Ahli Parlimen? Apakah kami ini *rubber stamp* walaupun pembangkang? Gamuda, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Gamuda adalah *private entity*. Apa salahnya kalau hendak tolong rakyat, ambil alih PLUS daripada tol Subang sampai ke Johor sampai ke Perlis? Ada orang bandar, ada orang kampung, semua dapat manfaat. Hari ini PLUS kata tak nak jual tetapi sudah lima syarikat masuk untuk hendak beli sampai ke RM5.2 bilion. Hari ini pemimpin Pakatan Harapan sebut kalau hendak membeli betul-betul, letak deposit RM500 juta, kami akan pertimbangkan. Apa cerita ini?

Saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua. Adakah beli Gamuda ini kerana Gamuda hanya berada di kawasan bandar, *Klang Valley*, dengan izin? Adakah hendak bagi gula-gula kepada pengundi Pakatan Harapan dan DAP? Itu persoalan saya kepada Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri 'Kewayangan'— Kewangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 'Kewayangan'.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu— sebenarnya saya hendak bercakap depan dia. Jangan main-main, jawab! Jangan main-main. Dahulu dia kata kita jangan main-main, hari ini dia main-main. Dia tidak ada, Timbalan Menteri tiada, Setiausaha Politik tiada. Kami ini bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua sahajalah. Kami doakan Tuan Yang di-Pertua jadi Menteri Kewangan satu hari, *insya-Allah*. Amin. Jadi, kami tahu Tuan Yang di-Pertua duduk dalam ini akan menjawab soalan kami.

Jadi, saya hendak beritahu di antara— satu perkara lagi. Di antara jurang tadi yang berkaitan dengan orang bandar dan luar bandar, begitu ketara pada hari ini. Saya cukup sedih lagi bila mana berkaitan dengan mereka sebut rumah. Rumah ini untuk

warga asing, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu, Tuan Yang di-Pertua, RM1 Juta harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun tahu— sebab ini kawasan Johor. Dahulu *Forest City*, pemimpin sanalah yang kata Yang Berhormat Pekan pada waktu itu ataupun Kerajaan Barisan Nasional hendak jual kepada negara China. Betul, Tuan Yang di-Pertua dengar. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua dengar. Kami hendak jual *Forest City* kepada rakyat China.

Hari ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, turun ke RM600,000, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita sudah buka untuk satu Malaysia— dahulu *Forest City* sahaja. Ini satu Malaysia. Orang daripada Iran, orang daripada China, Hong Kong, Taiwan, satu dunia boleh datang beli RM600,000. Kita hendak tahu kesahihan duit dia datang daripada mana? Adakah duit ini duit *money laundering* atau duit hasil apa? Kita hendak tahu bagaimana kaedah mereka hendak jaga, bagaimana Bank Negara hendak pastikan duit mereka itu? Satu.

Keduanya, bagaimana peluang kepada anak-anak muda khususnya rakyat Malaysia tak kiralah Melayu, Cina dan India, bagaimana mereka hendak beli kalau harga lambakan sudah ada? Jadi, bila perkara ini berlaku, bagaimana, Tuan Yang di-Pertua? Bila mana mereka datang, akhirnya rakyat Malaysia harus, wajib dan kena menyewa rumah dengan orang asing.

Saya yakin dan percaya pihak kontraktor takkan buat lagi. Pihak pemaju dia lebih selesa, cepat jual rumah dia macam goreng pisang, dia tak fikirkan untuk rakyat marhaen macam kami ini hendak beli rumah RM300,000, RM400,000. Orang Baling ataupun orang kawasan pinggir macam mana hendak beli? Sebab dia sudah tahu harga RM600,000, dia boleh jual.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Baling, boleh minta sedikit tak?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tak bagi laluan. Saya hendak bagi tahu kepada Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu hari ini saya hendak tanya kepada Menteri Kewangan, apakah pertimbangan-pertimbangan ini?

Satu, beli tol Gamuda. Apa pertimbangan dia? Ada *asyuk* kah apa? Hendak tanya dia.

Kedua, perumahan. Kenapa jual perumahan ini kepada warga asing dengan harga RM600,000? Ada *asyuk* kah apa? Adakah pemaju bagi *asyuk*, bagi sumbangan, bagi *donation* yang dihalalkan?

Kami ini daripada tahun 2008 lagi, Tuan Yang di-Pertua— Tuan Yang di-Pertua pun tahu— buat kerja misi-misi bantuan kemanusiaan ini, 40 misi, 26 negara kita pergi bagi bantuan. Daripada negara Jepun sampailah ke negara Somalia. Sampai gadaikan nyawa, ada yang meninggal, Tuan Yang di-Pertua. Meninggal pun ada. Membawa panji-panji bendera Malaysia, bukan UMNO, bukan BN.

Hari ini, kami semua ini, LHDN mengatakan itu adalah pendapatan, kena bayar cukai. Kami kena bayar cukai atas kerja-kerja yang telah kami lakukan. Saya hendak minta daripada Menteri Kewangan, tolong jelaskan hari ini Pakatan Harapan dapat sumbangan lebih RM200 juta itu bukan pendapatan, itu sumbangan. Saya juga ada akta yang saya telah kaji teliti iaitu *Income Tax Act 1967 [Act 53]* yang mengatakan duit sumbangan tak perlu bayar cukai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kami ramai yang sudah kena bayar cukai yang angkanya tak pernah terfikir pun dalam hidup. Duit itu tak ada sudah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tolong orang bawa bantal, bawa tilam satu Malaysia ini sudah pergi bantu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah..

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Isu rumah sedikit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Di antara perkara yang saya hendak minta Yang Berhormat Menteri buat penjelasan.

Jadi, akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak hormat...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tidak beri. Saya hendak hormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tabung Harapan bukan tabung peribadi. Masuk ke akaun kerajaan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tabung Harapan bukan tabung peribadi, samalah yang kita pergi hantar mangsa banjir tilam kampung kamu itu, siapa yang pergi hantar? Bila kampung Yang Berhormat Lembah Pantai banjir, siapa yang datang hantar tilam?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh cakap fasal rumah sedikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya sokong Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Siapa yang datang pergi *flat* sana bagi dekat Lembah Pantai? Ini datang, tahu? Ada minta duit sesiapa? Duit orang sumbang? Sama juga Perlis, siapa yang datang? Kangar? Arau? Yang banjir, siapa yang datang tolong?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh cakap fasal rumah sedikit?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Zaman sekarang ini orang banjir di bulan 12 ini— *nauzubillah*, minta jangan— saya tengok siapa yang hendak bantu. Yang Berhormat Jelutong? Siapa yang datang bantu dekat kawasan Jelutong?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh cakap fasal rumah sedikit?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tempat Yang Berhormat Bagan, siapa yang bawa tilam, usung bantal, dapur, tong gas? Siapa yang bawa? UMNO!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tak ada lah, Yang Berhormat Baling.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh cakap fasal rumah sedikit?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudahlah, Yang Berhormat Baling. Jangan risaulah, rakyat tak perlu risau. Kita ada, kita akan bantu. Pakatan Harapan akan bantu. Jangan risau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Baling, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Baling, apakah Yang Berhormat hendak masuk sebahagian daripada ucapan supaya SPRM siasat apakah niat penjualan PLUS itu ada unsur-unsur '*udang di sebalik batu*'?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, masukkanlah.

Akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, masa sudah tamat. Minta rumuskan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akhir sekali— sudah *last*. Bagi saya *last*. Akhir sekali, saya hendak beritahu kepada rakyat, saya hendak ajak semua khususnya anak-anak muda untuk menghayati lagu ini. Sedikit sahaja, pendek sahaja, tiga rangkap sahaja. Hendak bagi tahu agar besok kita jangan dianiaya, besok negara kita, bumi kita— ini bukan untuk Melayu sahaja. Melayu, India, Cina, Kadazan— semua. Saya hendak beritahu, jangan kita merempat di muka bumi kita sendiri sehingga kita kena sewa rumah, kita kena merempat, mengemis.

Jadi, saya hendak minta semua rakyat Malaysia khususnya Yang Amat Berhormat Langkawi yang amat sayang kepada lagu ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka dengan lagu ini...

*“Anak kecil main api,
Terbakar hatinya yang sepi,
Air mata darah bercampur keringat,
Bumi dipijak milik orang.”*

Terima kasih. Saya menolak Bajet 2020. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Baling. Baik. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Libaran.

5.28 ptg.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum*, salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Libaran untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Libaran mengalu-alukan Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga peruntukan yang diperuntukkan kepada negeri Sabah berjumlah RM92.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, ramalan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyatakan bahawa jumlah warga 60 tahun ke atas akan meningkat kepada dua bilion pada tahun 2050, manakala nisbah warga 80-an ke atas akan meningkat dengan skala yang cepat. Jadi, benua Asia pula akan menyumbang kepada 62.3 peratus kepada populasi penuaan dunia menjelang tahun 2050.

Malaysia juga tidak terkecuali. Menjelang tahun 2050, warga Malaysia 65 tahun ke atas akan lebih ramai berbanding 15 tahun ke bawah. Kewujudan kebimbangan bukan sahaja mengenai saiz populasi yang semakin tua tetapi juga berkaitan dengan kesihatan, kebajikan, penjagaan dan juga pengaturan hidup mereka.

■1730

Jadi secara keseluruhannya, sistem penjagaan kesihatan di negara kita ini memerlukan penambahbaikan, selain daripada peruntukan bajet yang telah mencukupi untuk membiayai peralatan terkini. Kerajaan perlu memberi pertimbangan yang serius dalam melaksanakan dasar yang betul atau memperkenalkan dasar yang berpatutan dalam menangani masalah penuaan di Malaysia.

Di samping itu, saya ingin juga menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya dapat menambah doktor pakar dan sub kepakaran di Hospital Duchess of Kent, Sandakan sebab doktor pakar ada serba kekurangan di klinik pakar hospital ini. Saya juga ingin memohon kepada kerajaan supaya dapat membina klinik kesihatan...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Tolong minta penjelasan Yang Berhormat Libaran. Sebentar tadi disebutkan RM92 bilion peruntukan. Boleh jelaskan sekali lagi RM92 bilion atau...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tidak apa. Saya teruskan. Sedikit masa untuk saya.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Boleh jelaskan itu?

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Saya juga ingin memohon kepada kerajaan supaya dapat membina klinik kesihatan yang baharu di Batu 32 *check point*, Gum-Gum dan PPR Batu Putih. Untuk makluman bahawa tapak yang sudah tersedia dan ketiga-tiga permohonan ini memang tapak untuk permohonan ini tersedia untuk dibina. Tuan Yang di-Pertua, dalam satu laporan yang didedahkan oleh Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Berhubung Kemiskinan Tegar dan Hak Asasi Manusia bahawa situasi kemiskinan di Malaysia memang jauh buruk daripada yang digambarkan oleh kerajaan.

Pelapor khas, Philip Alston menyifatkan kadar kemiskinan negara 0.4 peratus pada tahun 2016 adalah tidak realistik kerana penanda aras yang rendah. Justeru, apakah pendirian kerajaan terhadap laporan yang telah dikemukakan oleh pelapor khas PBB dan apakah juga pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah kemiskinan di Malaysia? Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya kemiskinan dan juga ketidakseimbangan bagi menjalankan kajian yang menyeluruh serta komprehensif mengenai kemiskinan negara serta penubuhan pasukan gerak khas untuk mengkaji semula indeks kemiskinan dan pengiktirafan garis kemiskinan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Libaran juga mengalu-alukan usaha kerajaan dalam membantu golongan sasaran B40. Namun, saya juga ingin menarik perhatian kerajaan

supaya tidak mengabaikan pembangunan sosioekonomi. Saya ingin menarik perhatian kerajaan bahawa terdapat sebuah pulau yang dinamakan Pulau Nunuyan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pulau ini terdapat lebih kurang 500 buah rumah. Selain itu, penduduk di pulau ini bergantung harap kepada punca air yang tidak bersih selama ini untuk menjalankan kehidupan seharian. Justeru itu, saya ingin menyeru juga saya ingin memohon kerajaan supaya membina saluran paip air yang pembekalan air bersih ke pulau ini. Projek ini adalah seperti saluran air paip yang telah dibina daripada Sandakan ke Tanjung Aru melalui dasar laut. Hari ini, *alhamdulillah* penduduk-penduduk ini telah menikmati bekalan air yang bersih.

Saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat menyenaraikan projek-projek perumahan rakyat atau PPR demi memanfaatkan penduduk dan keluarga di Parlimen Libaran kerana ramai lagi yang belum memiliki rumah sendiri. Di samping itu, saya ingin kemukakan pertanyaan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa apakah status perkembangan Balai Bomba baharu di Parlimen Libaran.

Permintaan ini telah pun dikemukakan pada sesi Parlimen yang lalu. Saya amat-amat mengharapkan mendapat pertimbangan sewajarnya demi untuk keselamatan jiwa dan harta benda rakyat. Dalam Belanjawan 2020, kerajaan terus memberi fokus utama kepada Dasar Pembangunan Modal Insan. Dengan peruntukan terbesar kepada pendidikan, membabitkan RM44.1 bilion, peningkatan sebanyak RM3.9 bilion berbanding RM60.2 bilion kepada belanjawan tahun ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa terdapat sebuah sekolah seni yang sekarang beroperasi, menumpang di SMK Elopura di Daerah Sandakan. Namun, keadaan pembelajaran adalah kurang selesa buat murid-murid ataupun guru-guru yang mengajar di sekolah ini. Saya ingin mencadangkan dan memohon kepada kerajaan supaya membina sebuah bangunan yang baharu untuk sekolah seni ini di sebuah tapak yang tersedia yang terletak di *education hub* di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana sokongan kukuh yang telah diberikan oleh kerajaan kepada industri solar yang semakin penting pada hari ini, merupakan langkah baik kerajaan bekerjasama ke arah inisiatif yang lebih mantap yang melibatkan tenaga yang boleh diperbaharui. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya membuat pertimbangan untuk membina panel solar di Pulau Libaran, Pulau Nunuyan juga Kampung Pemaguan kerana ketiga-tiga kawasan ini mempunyai lokasi yang strategik.

Di samping pembinaan pelan solar ini dapat membina dan menyalurkan tenaga kepada kampung-kampung ini dan juga di kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sabah. *Alhamdulillah*, di bawah Belanjawan 2020 sebanyak RM229 juta diperuntukkan untuk melaksanakan program sukan untuk semua, termasuk memulihkan dan menaiktarafkan kemudahan sukan seperti kompleks sukan, kompleks belia dan sukan serta kompleks sukan komuniti seluruh negara. Justeru, saya ingin menyeru kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya mempertimbangkan permohonan untuk membina sebuah kompleks sukan di Parlimen Libaran demi kesejahteraan belia yang masih ramai lagi menjadi fokus utama negara untuk menjalankan aktiviti cergas dan sihat di negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, Belanjawan 2020 yang dibentangkan Menteri Kewangan dirangka bertemakan memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama.

■1740

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kita dapati keseluruhan kawasan wilayah Sabah juga Sarawak sangat baik dan bantuan kepada petani juga nelayan nampak diberi perhatian yang sepenuhnya kepada kedua-dua negeri ini. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan prihatin terhadap semua golongan dalam masyarakat kita dan harap juga belanjawan yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan ini akan memberi manfaat, juga memberi faedah yang banyak kepada semua peringkat masyarakat di negara kita Malaysia yang tercinta ini. Sekian, terima kasih, saya menyokong. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Libaran, walaupun masih ada selama dua minit lagi. Saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu sekarang, silakan.

5.41 ptg.

Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan Bajet 2020. Saya akan mengkhususkan kepada topik-topik khusus untuk memudahkan pengambilan nota dan sebagainya.

Pertamanya berkaitan dengan kebajikan pesara tentera. Saya ingin memohon supaya penukaran bayaran secara *one-off* dibuat kepada bantuan bulanan Tuan Yang

di-Pertua. Berkenaan dengan Belanjawan kebajikan veteran tentera. Pada pembentangan Belanjawan 2020 kali ini, bayaran secara *one-off* sebanyak RM500 telah diumumkan untuk diberikan kepada pemegang-pemegang Pingat Jasa Malaysia serta Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM250 kepada penerima Bantuan Harapan Negara dalam kalangan veteran ATM berpencen dan tidak berpencen.

Pengumuman bantuan-bantuan ini sebenarnya masih tidak cukup untuk melindungi kebajikan veteran ATM. Pengumuman ini bahkan mengecewakan sebahagiannya kerana sepatutnya di dalam pembentangan kali ini, kerajaan perlu menghuraikan perincian Kertas Putih Pertahanan yang telah dijanjikan. Berbanding pengumuman bantuan *one-off*, perincian Kertas Putih ini lebih penting untuk diumumkan kerana di dalam Kertas Putih inilah akan wujudnya jaminan jangka panjang bahawa keperluan sosial veteran akan dipelihara dengan lebih baik.

Kertas Putih ini juga perlu menyediakan pelan kebajikan menyeluruh kepada veteran ATM dengan menyediakan sokongan penjagaan kesihatan yang lebih baik serta komprehensif termasuk bantuan dan sokongan kewangan seperti rawatan hemodialisis serta pembelian peralatan pendengaran, konsentrator oksigen, ubat-ubatan dan banyak lagi.

Batu-baru ini, Persatuan Veteran ATM terpaksa membelanjakan sebanyak RM228,000 untuk membeli lampin pakai buang dewasa untuk diagihkan kepada 140 orang veteran tentera yang uzur di seluruh negara. Persatuan ini juga telah memberi bantuan susu khas kepada veteran yang memerlukan susu sebagai makanan wajib untuk meneruskan hayat. Berita ini bagi saya sangatlah menyedihkan kerana ia menggambarkan kedaifan, kesulitan, kesusahan begitu ramai bekas tentera yang meneruskan kehidupan masing-masing. Mereka ini ada yang patah kaki, ada yang buta matanya, putus tangan semasa tempoh perkhidmatan terutamanya yang berkhidmat di zaman komunis satu ketika dahulu.

Justeru, pengumuman bayaran sebanyak RM500 dan sebanyak RM250 setahun sebenarnya tidak mampu memenuhi keperluan veteran ATM yang memerlukan bantuan kebajikan dan ekonomi. Di atas pengorbanan mereka itu, tidak bolehkah kerajaan memberikan bantuan khusus kepada mereka secara bulanan berbanding dengan pembayaran secara *one-off* sebanyak RM500 setahun ini?

Keduanya, saya ingin memohon supaya dapat dipertimbangkan pelarasan pencen untuk pesara-pesara di zaman komunis. Seterusnya, gaji pesara yang terlibat di dalam zaman komunis dahulu jauh berbeza dengan gaji tentera yang ada sekarang.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, minta laluan?

Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya, banyak ini.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Oh! Sahabat saya, sila.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih daripada kuala kepada hulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Terengganu, silakan.

Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Pendek sahaja, pendek.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi bahawa apa yang diberikan oleh kerajaan itu tidak mencukupi. Soalan saya berapakah jumlah yang mencukupi?

Kedua, negeri telah diberi peruntukan melalui royalti, apakah komitmen kerajaan negeri untuk menambah apa yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat? Terima kasih.

Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Terima kasih, itulah yang saya maksudkan sebolehnya kalau dibentangkan berserta dengan kajian Kertas Putih tadi yang telah saya sebut. Kertas Putih Pertahanan yang tentunya mengkaji berkait dengan perkara ini. Saya ingin teruskan. Jadi, gaji di kalangan pesara di zaman komunis berbanding pesara zaman sekarang jauh bezanya. Sedangkan, pada masa sekarang, baik pesara yang berkhidmat pada zaman komunis dengan sekarang mereka menampung kos sara hidup yang sama. Tidakkah sudah sampai masanya untuk dibuat pelarasan supaya mereka boleh menghabiskan sisa-sisa baki umur mereka dengan tidak lagi menampung kesusahan hidup.

Seterusnya, saya ingin bercakap tentang keperluan wujudnya pelan penyaluran pesara kepada pekerjaan tertentu. Realiti menunjukkan ramai di kalangan pesara tentera menganggur. Adakah wujud kerjasama antara kementerian dengan persatuan-persatuan bekas tentera agar mereka ini boleh disalurkan kepada pekerja-pekerjaan khusus, khususnya di sektor syarikat-syarikat keselamatan.

Di dalam hal ini kerajaan membenarkan begitu ramai pengawal keselamatan daripada Nepal dan mereka ini telah diberi gaji yang lumayan. Adakah pesara tentera kita ini tidak mempunyai kualiti yang diperlukan untuk membolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik yang mana jati diri mereka, patriotisme mereka

telah terbukti sepanjang perkhidmatan mereka sebagai tentera? Sekiranya tiada kualiti berkenaan, tidak bolehkah mereka ini diberikan kursus-kursus bagi membolehkan mereka mempunyai kualiti yang dimaksudkan?

Seterusnya, pelan penyediaan rumah bagi veteran yang belum memiliki rumah. Ada di kalangan veteran yang terpaksa menjadi gelandangan, ini benar-benar berlaku. Apakah inisiatif kerajaan bagi membolehkan mereka ini sekurang-kurangnya di akhir hayat mereka berpeluang untuk memiliki rumah kediaman mereka sendiri?

Seterusnya, saya ingin menyebut juga tentang pesara tentera yang tidak berpencen. Saya harap kerajaan dapat mempertimbangkan pelan bantuan yang lebih baik daripada yang ada sekarang kepada mereka sebab baik veteran tentera berpencen mahupun tidak berpencen, mereka ini ada kehidupan yang perlu diteruskan. Saya ingin membangkitkan tentang isu dividen Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Pada tahun lepas, dividen yang diumumkan sebanyak 12.5 peratus tetapi untuk tahun ini, dividen daripada 12.5 peratus jatuh sehingga dua peratus, terlalu jauh bezanya. Saya ingin menyampaikan rasa kekecewaan yang amat sangat di kalangan angkatan tentera yang merasa ralat. Bagaimana ini boleh berlaku di dalam keadaan menguar-uarkan kononnya pentadbiran yang ada sekarang lebih baik, lebih telus, lebih mampu memberi hasil yang terbaik kepada rakyat?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap tentang topik yang lain berkait dengan isu penggabungan Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi penerima peruntukan terbesar bagi Belanjawan 2020, ia masih tidak sepadan dengan skop kementerian yang perlu memberi tumpuan kepada pendidikan di sekolah dan pengajian tinggi. Hal ini terbukti apabila tiada penekanan yang diberikan untuk mencapai *outcome* program di bawah operasi pendidikan tinggi.

Peruntukan tinggi yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia justeru tidak menjamin, bahawa IPTA akan mendapat bahagian yang sewajarnya. Sebelum ini dilaporkan, seperti mana yang sering diketahui kerajaan mengumumkan mahu menggabungkan dua universiti yang utama di Terengganu ini, iaitu UMT dan juga UNISZA. Apa yang saya risaukan, adalah kalau-kalau keputusan ini dibuat secara tergesa-gesa yang motifnya bukan bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan kualiti produk pendidikan kita tetapi sebaliknya didorong oleh usaha kerajaan untuk melakukan penjimatan dek kerana oleh kerajaan sendiri gagal mengumpul dana yang secukupnya bagi membiayai pelan pendidikan negara.

Dakwa kerajaan bahawa ini akan mengukuhkan keupayaan kedua-dua universiti sejajar 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Di mana tiga daripada telah dijanjikan antara *outcome* program di bawah operasi pendidikan tinggi di dalam belanjawan tahun ini. *Outcome* yang disasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia itu antara lain graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, kecemerlangan bakat, pengurusan institusi yang berkesan, ini bagus tetapi adakah ini yang sebenarnya merupakan motif yang utama daripada penggabungan yang dimaksudkan.

■1750

Penggabungan UMT dan UniSZA tidak semestinya akan mengurangkan kos jika kerajaan beranggapan bahawa pergabungan UMT dan UniSZA ini akan membantu mencapai sasaran di dalam belanjawan. Saya kira kerajaan belum menyemak kembali keputusan itu.

Tidak akan ada banyak penjimatan yang boleh dilakukan dan juga akan menjejaskan keseluruhan prestasi universiti yang ada sekarang dan juga kualiti mahasiswanya sekarang. Kerajaan tidak akan mampu mengurangkan kos kerana kedua-dua buah universiti ini jelas memiliki terlalu banyak perbezaan antara bidang-bidang kecemerlangan masing-masing.

Ramai ahli akademik berpendapat bahawa UMT dan UniSZA mempunyai fokus yang sangat berbeza. Bidang yang ada di UMT sebenarnya mempunyai paling banyak persamaan dengan UPM dan tidak pelik memandangkan UMT sendiri memang asalnya adalah daripada pentadbiran UPM, manakala UniSZA sebenarnya lebih mirip kepada Universiti Islam Antarabangsa ataupun USIM.

Sekiranya kerajaan serius mahu melakukan penggabungan atas dasar penjimatan kos, UMT wajib digabungkan dan diserap kembali ke UPM. Malahan UPM pun boleh berjimat apabila bergabung dengan program perikanan mereka di kampus Bintulu, boleh dipindahkan semula ke Terengganu dan ini juga akan mengurangkan risiko kehilangan pensyarah berpengalaman dan staf teknikal terlatih kerana kebanyakan staf daripada Semenanjung hanya diberikan permit kerja oleh Kerajaan Negeri Sarawak selama 10 tahun.

Alasan penjimatan kos atas dasar jarak fizikal semata-mata juga tidak mampu mengurangkan kos. Hal ini kerana struktur dan kerangka takbir urus akademik sebelum ini dan selepas penggabungan masih akan lebih kurang sama. Kalau hendak dijadikan alasan pendekatan kos jarak yang dekat, mengapa tidak cuba dahulu? Universiti Malaya di Lembah Pantai dengan barangkali UIA di Gombak. Saya ingin mendengar apa komen

daripada Ahli Parlimen Gombak? Atau pun Ahli Parlimen Lembah Pantai? Inilah perbezaan keduanya. Satu yang berasaskan kepada Islam dan satu lagi merupakan sebuah institusi teknikal.

Jika penggabungan tersebut bertujuan untuk melonjakkan prestasi, kenapa mesti digabungkan universiti yang kedua-duanya berada jauh dari kedudukan 10 teratas seperti yang dinyatakan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebelum ini? Apa yang dirisaukan, penggabungan ini akan lebih menurunkan prestasi masing-masing kerana kecemerlangan kedua-duanya yang banyak berbeza. Saya dimaklumkan bahawa 95 peratus mahasiswa UMT dan 72 peratus ahli akademik telah menolak idea penggabungan ini dan saya benar-benar berharap supaya kerajaan lebih memperhalus keputusan yang telah dibuat supaya tidaklah kita jadi, "*sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak ada gunanya lagi.*"

Seterusnya saya ingin menyebut tentang isu yang berkait dengan masalah perairan negara sekali lagi. Berkenaan dengan belanjawan yang diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah pencerobohan nelayan Vietnam. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab mengiktiraf keperluan *mother ship* di dalam jawapan kepada soalan saya pagi tadi.

Namun begitu, komitmen Kabinet di dalam soal ini sangat meragukan kerana ia tidak dipamerkan dengan jelas di dalam peruntukan belanjawan yang telah dibentangkan untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Anggaran perbelanjaan pembangunan bagi APMM misalnya bahkan menurun daripada RM451.93 juta, menurun kepada RM419.916 juta. Kurang RM30 juta. Sepatutnya apabila kita mengiktiraf keperluan kepada pembangunan aset APMM, sepatutnya kita boleh melihat penambahan belanjawan yang ketara tetapi tidak berlaku di dalam kes APMM ini.

Jika dibandingkan dengan isu keselamatan perairan Sabah dan Sarawak berserta kawasan keselamatan khas Pantai Timur Sabah ESSCOM, komitmen kerajaan sangat jelas dan ini saya alu-alukan dengan memberikan peningkatan peruntukan untuk kepentingan pertahanan untuk pembelian aset strategik seperti *Fast Interceptor Craft*, khusus untuk mengoperasi ESSCOM. Tidakkah jawapan Yang Berhormat Menteri pagi tadi bahawa kita rugi RM5 bilion setahun sudah cukup memadai untuk menjustifikasikan pelaburan bagi membolehkan kita tidak lagi rugi RM5 bilion tahun ini. Kalau setahun RM5 bilion, lima tahun RM25 bilion dan saya percaya APMM tidak minta sampai RM5 bilion pun.

Seterusnya, saya ingin bercakap tentang masalah dadah. Saya ingin memohon supaya kerajaan beri lebih komitmen di dalam menyelesaikan masalah dadah di

kalangan orang muda kita khususnya masalah pil kuda. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada KPI Kementerian Dalam Negeri yang disasarkan *outcome 2* (pencegahan rawatan dan pemulihan efektif membabitkan aktiviti pembanteras dadah). Peruntukan yang dicadangkan adalah RM15 juta kepada Agensi Antidadah Kebangsaan. Saya mengharapkan supaya kerajaan dapat memberikan peruntukan yang lebih lagi kerana nyatanya masalah pil kuda, terutama sekali di Terengganu. Pil kuda ini adalah masalah yang besar di negeri-negeri miskin sebab dadah ini jenis yang murah.

Oleh sebab masa pun tidak banyak lagi, saya...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, hendak bertanya sedikit.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Sila, sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, minta penjelasan sedikit berkenaan dengan kita dapat maklumat berkenaan dengan berlaku *illegal transaction* di tengah laut apabila- ataupun penjualan minyak mentah secara *illegal*, secara tidak mengikut undang-undang berlaku di tengah laut di tempat pengorekan minyak.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ya. Saya ada mendengar dakwaan sehingga dikatakan bahawa sebahagian besar daripada pengeluaran petroleum negara, boleh kata dalam jumlah yang besar juga hilang. Maknanya bukan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sebanyak RM10 bilion.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Sebanyak RM10 bilion? RM10 bilion. Itu bukan — tadi saya sebut sumber perikanan RM5 bilion setahun, ini RM10 bilion setahun. Saya dapat makluman oleh mereka yang berada di platform cari gali minyak, kapal penguatkuasaan kita, TLDM kadang-kadang seminggu sekali sahaja lalu. Jadi, kalau begini aset penguatkuasaan yang ada, bagaimana kita hendak memastikan kawalan keselamatan terhadap hasil mahsul negara.

Jadi saya rasa itu sahaja...

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Hendak tanya, kalau benar, apa tindakan kerajaan?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ya saya mengharapkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Saya balik kepada berkenaan peruntukan RM15 juta disebut disalur kepada 12 kawasan terpilih sahaja bagi memerangi masalah dadah pil kuda ini. Bagaimana nasib bagi kawasan-kawasan pedalaman sebab 12 kawasan

yang terpilih adalah kawasan-kawasan bukan pedalaman, sedangkan masalah pil kuda ini di kawasan pedalaman pun sangat serius.

Jadi, itu sahaja terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepong. Tidak ada. Oleh itu, saya menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya.

5.57 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk membahaskan Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya sokong Belanjawan 2020 kerana ia berusaha mengurangkan kesan kelembapan ekonomi dan memperkenalkan langkah-langkah yang memperluas, inklusif dan menekankan perbelanjaan jangka masa yang singkat yang sesuai untuk mengukuhkan kedudukan fizikal pembangunan dalam jangka masa sederhana.

Walau bagaimanapun, setiap kementerian mesti memantau bahawa segala dasar pelaksanaan perbelanjaan agar dapat sampai ke golongan-golongan yang disasarkan secara efektif, cekap dan adil. Kemakmuran bersama tidak seharusnya tertumpu sahaja kepada pembangunan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan walaupun penting. Ia juga mesti menghasilkan naratif yang kuat iaitu bahawa ketaasuban perkauman dan agama yang ekstremis tidak akan diterima.

Jabatan Hal Ehwal Agama dan Jabatan Perpaduan di bawah Jabatan Perdana Menteri mesti bertanggungjawab dan berani mengambil langkah bagi menghapuskan jenayah kebencian dan ketaasuban serta membina semula keharmonian dan perpaduan negara melalui dasar-dasar undang-undang dan konsultasi dengan rakyat.

Saya mengiktiraf bahawa masalah ekonomi yang mendesak harus diselesaikan. Isu-isu yang saya akan sentuh ialah gaji yang rendah dan hubung kait dengan gerakan kesatuan sekerja.

■1800

Kedua, ialah perlunya sistem percukaian yang lebih progresif. Ketiga, sistem perlindungan sosial terutamanya terhadap kanak-kanak. Jurang gaji antara CEO dan pekerja adalah jauh berbeza. Saya harap ini akan diambil perhatian oleh kerajaan. Dalam satu kajian oleh Bank Negara Malaysia, didapati bahawa pekerja-pekerja di Malaysia dibayar tiga kali lebih kurang berbanding pekerja-pekerja di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Korea Selatan.

Menurut Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, gaji yang diberikan kepada CEO misalnya, adalah terlampau besar dan tidak sejajar dengan *market capitalization* oleh syarikat-syarikat. Contohnya, Genting Berhad sebanyak RM168 juta, IOI Corporation Berhad, sebanyak RM39.01 juta, IHH Healthcare Berhad sebanyak RM33.89 juta. Ini adalah sewajarnya gaji yang adil dan saksama perlu dibayar terutamanya kepada pekerja *blue-collar* dengan izin. Kerajaan patut memperkenalkan satu mekanisme bahawa memantau dan memastikan jurang atau nisbah antara CEO syarikat-syarikat besar dengan pekerja mereka adalah setimpal. Sekurang-kurangnya, perkara ini boleh dilaksanakan melalui GLC yang sepatutnya mencerminkan aspirasi kerajaan dalam memperjuangkan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Adalah ironi memberikan majikan subsidi untuk tidak mengupah pekerja asing. Namun, pada masa yang sama, rakyat Malaysia sendiri diberikan gaji yang rendah. Saya harap, Kementerian Sumber Manusia harus menjelaskan perkara ini. Adakah tindakan subsidi ini diberikan dengan menggunakan wang cukai yang dibayar oleh pekerja kepada golongan majikan yang kaya? Selain daripada itu, masalah gaji yang rendah adalah disebabkan kegagalan dasar gaji minimum untuk mengiktiraf taraf kehidupan yang sepatutnya mampu dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Kajian oleh Bank Negara telah meletakkan RM2,700 sebagai gaji *living wage* untuk seorang dewasa. Manakala, kajian oleh KWSP meletakkan paras pada RM1,870 untuk mencapai taraf hidup yang sesuai di Lembah Klang. Langkah ini penting kerana kebanyakan rakyat yang tergolong dalam kumpulan B40 mempunyai pekerjaan berkemahiran rendah atau separa mahir. Peningkatan gaji minimum mampu meningkatkan taraf hidup mereka dan mengagihkan lebih banyak keuntungan kepada golongan pekerja daripada pemegang modal. Kita juga perlu memperkasakan pekerja supaya mereka boleh berunding secara langsung dengan majikan terutamanya dalam mempertahankan hak mereka. Ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya kesatuan sekerja diperkasakan.

Setiap pekerja harus wajib didaftarkan dalam kesatuan sekerja supaya mereka boleh terlibat dalam proses rundingan *collective* yang berkesan. Dalam masa yang sama, kita harus pastikan bahawa pekerja migran tidak ketinggalan dan dapat turut serta dalam kegiatan kesatuan sekerja. Saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan merombak sistem cukai agar dapat membiayai program-program yang lebih bermanfaat kepada golongan B40 yang berpendapatan rendah.

Matlamat mereka sepatutnya adalah untuk menciptakan kelas pertengahan yang kukuh dan bukan untuk mencipta hanya golongan top 10 peratus, ataupun top satu

peratus yang merangkul segala kekayaan negara. Saya mencadangkan supaya cukai pendapatan ditingkatkan kepada 35 peratus untuk lingkungan cukai pendapatan yang tinggi melebihi daripada RM1 juta. Selain itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu meningkatkan langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan terhadap mereka yang mengelak pembayaran cukai. Kerajaan juga perlu memperkenalkan cukai atas transaksi kewangan, *financial transaction tax* dan cukai warisan bagi hartanah yang melebihi sesuatu paras supaya kesan 'kesepanjangannya' harta tidak melarat sehingga ke beberapa generasi.

Akhir sekali, isu yang ketiga ialah sistem perlindungan sosial, *child grant*. Antara program yang kerajaan perlu laksanakan ialah *allowance* penjagaan kanak-kanak atau *child grant* yang disyorkan oleh UNICEF Malaysia. Melalui program ini, setiap kanak-kanak tanpa mengira tahap pendapatan keluarga di bawah umur dua tahun boleh menerima RM150 setiap bulan. Program ini boleh memberikan impak yang besar terhadap pembangunan fizikal dan mental kanak-kanak. Jurang nutrisi dan juga pendidikan di usia yang muda di antara yang kaya dan miskin boleh menjadi semakin parah sekiranya kemiskinan kanak-kanak tidak ditangani. Sebagai contoh, di Kanada, setiap keluarga layak menerima CAD6,400 maksimum setiap tahun untuk setiap anak berumur di bawah lima tahun.

Di samping menyediakan bantuan kewangan kepada ibu bapa, adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberikan perhatian terhadap sektor asuhan kanak-kanak profesional? Kajian terbaru mendapati bahawa hanya dua peratus rumah tangga di Malaysia yang mendapatkan perkhidmatan asuhan secara profesional. Manakala, yang lain bergantung kepada sektor tidak formal.

Kekurangan perkhidmatan asuhan profesional menyebabkan golongan wanita tiada pilihan melainkan berhenti kerja dan menggalas tanggungjawab penjagaan tersebut. Kita sedar bahawa kualiti pusat penjagaan tidak formal ini rendah dan tidak diselia. Bolehkah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memanjangkan tadika atau taska ke komuniti atau tempat kerja pekerja untuk memudahkan akses untuk semua?

Pelaburan yang tinggi dalam ekonomi penjagaan ini bukan sahaja akan mengecilkan jurang antara gender dalam bidang pekerjaan, tetapi pada masa yang sama, akan melahirkan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya dalam bidang penjagaan kanak-kanak dan seterusnya akan menjadi *multi-player effect*, dengan izin, bagi merancakkan lagi ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi kita tidak boleh hanya berlandaskan KDNK sahaja. Pendekatan *economic growth centric* gagal untuk mencerminkan situasi ekonomi yang sebenarnya di mana manfaat pertumbuhan ekonomi tidak dikongsi secara saksama oleh sekalian rakyat. Saya mencadangkan bahawa kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen melihat keadaan perkongsian pendapatan negara serta Indeks Pembangunan Manusia yang dirangka oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Selain daripada mengiktiraf sumbangan kaum wanita dalam pembangunan, bilakah beban wanita, keganasan rumah tangga dan ketidaksamaan terhadap wanita boleh dihentikan dan undang-undang yang tidak adil direformasikan? Menjelang tahun 2020, kita perlu membincangkan bagaimana ekonomi kita boleh dikongsi dengan lebih adil dan saksama. Dengan ini, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kinabatangan. Silakan.

6.09 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, izinkan saya marilah sama-sama kita berdoa mudah-mudahan sahabat kita, Ahli Parlimen Nibong Tebal disembuhkan oleh Allah SWT dan dapat kembali bertugas seperti biasa.

■1810

Tuan Yang di-Pertua,

*Bajet oh bajet,
Malang sungguh nasib mu bajet,
Angka mu diputar belit,
Kehidupan rakyat makin tersepit.*

Tidak ada yang baharu dan tidak ada apa yang kita lihat. Yang ada, seolah-olah kita Malaysia baharu menjual tanah air. Kita sudah jual air, kita jual tanah, kita jual ruang angkasa, kita jual ruang media sosial kita, kita jual rumah murah kepada orang luar. Ini namanya Tuan Yang di-Pertua, jual tanah air. Jual tanah air ini bermakna orang pengkhianat, orang yang tidak amanah! Jadi bagaimana kita menggelarkan Malaysia baharu— kerja kita menjual! Hendak bayar hutang, hutang meningkat. Yang Berhormat Pokok Sena pun tahu.

Kalau hutang menurun daripada RM686 bilion turun pergi RM300 bilion, bermakna ada hutang dibayar. Harta yang dijual ini Tuan Yang di-Pertua, harta

perniagaan yang berlipat kali untung ganda. Celcom milik Axiata sudah dijual kepada Jepun. Bayangkan bagaimana kalau Jepun ingin mencerooboh, menerobos kita punya sistem keselamatan, mudah sahaja sebab dia sudah di dalam. Rasa saya, Yang Berhormat Menteri Pertanian pun sedar perkara ini boleh berlaku.

Jadi kenapa kita buka ruang lingkup yang luas ini kepada orang luar? Kenapa kita tidak berbicara? Mana wakil rakyat daripada Sabah? Tidak berbicara? Tadi saya perbetulkan Yang Berhormat Libaran. Dia kata RM92 bilion untuk peruntukan Sabah, mana ada RM92 bilion!

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan. Kita ambil fakta yang telah diberikan. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Tak betul fakta! Yang jelas cuma RM5 bilion. Itu pun baru berapa peratus, Yang Berhormat Libaran...

Seorang Ahli: Projek sudah buat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Projek pun belum buat, yang 2019 pun belum buat. PRK Sandakan, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Ahli Parlimen Iskandar Puteri berkempen berjanji kalau PRK Sandakan menang, kita akan wujudkan Jawatankuasa Pembangunan Sandakan dan kita lantik calon kita kalau menang, Ahli Parlimen Sandakan. Lepas itu, nama dia pun tak ada! Diganti orang lain. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapa peruntukan untuk pembangunan Sandakan? Kalau ada. Kalau tidak ada, kenapa buat janji lagi?

Janji manifesto belum jelas, janji lagi! PRK Tanjong Piai ini saya tidak tahu apa lagi janji dia. Mungkin bergunung-gunung lagi janji. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ini, jangan buat janji Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah daripada segi hukum. Takut kita dikutuk oleh Allah. Jadi oleh kerana itu, kerajaan harus fokus. Harus menitikberatkan keperitan hidup rakyat. Harga barang meningkat naik, kehidupan rakyat menurun. Rumah yang dijanji dalam manifesto, berapa sudah kena buat untuk rakyat miskin? Ini kita jual rumah RM600 ribu kepada orang luar. Akhirnya negara kita ini akan dipenuhi oleh orang luar, oleh bukan orang Malaysia. Semualah! Dari Iraq boleh datang, dari Iran boleh datang, dari Filipina boleh datang.

Jadi rasa saya, perbuatan menjual rumah murah ini untuk seluruh...

Seorang Ahli: Jual negara itu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...ini jual negara. Kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena, buatlah bantahan sebab ini jual negara. Jangan jual negara kita. Kalau dijual negara yang kecil-kecil ini, habislah kita semua. Tidak tahu—kita mana ada negara lain. Ribut taufan kah? Tsunami kah? kita hidup mati di negara

kita ini. Kita tidak boleh pergi mana-mana. Jadi apa yang kita tidak bimbang kalau perkara ini berlarutan?

Ada lagi. Sekarang ini berleluasa mereka yang sakit mental. Banyak! Saya sempatlah buat *survey*. Tahun 1770-an, 1880-an, 1990-an bagaimana? Saya mahu tanya kerajaan, berapa peningkatan mereka yang kena sakit mental? Di kalangan anak-anak muda memang ramai yang sakit mental. Saya tanya kenapa, dia kata, "*Yang Berhormat, hidup kami tertekan*". Kami masih bermimpi-mimpi janji manis Pakatan Harapan, manifesto dia iaitu memberi pendidikan percuma, PTPTN percuma. Kami ada empat orang adik-beradik, hutang kami RM180 ribu. Jadi kenapa kami tidak sokong Pakatan Harapan? Sebab kami ingat hutang kami terjamin. Rupa-rupanya kami ditipu lagi.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa mengguna pembesar suara*]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pokok Sena berguling-guling di jalan raya pasal PTPTN, *master strategy*, NBOS, *master Rafizi* saya tidak tahu ke mana. Dahulu dia duduk di sini. Dialah sana sini berucap, dialah pakar PTPTN, dialah pakar menurunkan harga barang. Rafizi lah pakar menurunkan harga minyak, dialah pakar menurunkan tol.

Sekarang ini diam, sunyi dan sepi macam dilanda ribut taufan. Tidak tahu mana saudara Rafizi saya ini. Saya harap dia akan timbul, dia akan keluar dengan strategi-strategi dia. Bantulah Kerajaan Pakatan Harapan! Turun harga barang! Turun harga minyak! Hapus tol! Hapus PTPTN! Jangan bagi subsidi sini subsidi sana, di *incit-incit*, di *rinjit-rinjit*. Kalau macam ini, tidak ada hala tuju.

Saya menanti juga hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebab kita mahu tidak mahu, suka tidak suka, kita terlalu bergantung dengan eksport makanan mentah di seluruh dunia. Baru-baru ini India telah membatalkan pula *supply* bawang merah, bawang besar. Jadi, ke arah mana kita? Ke Thailand? Cuba, saya pun mahu dengar daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bagaimana hala tuju industri asas tani kita ini?

Kita harus belajar. Di Eropah, Taiwan ini negara pulau kecil tetapi dia boleh menghasilkan pertanian yang berkualiti tinggi. Kita di Malaysia ini banyak lagi tanah dari Taiwan tetapi saya tak nampak pun mana satu yang dapat dikeluarkan. Jadi Yang Berhormat Menteri Pertanian, *this is your responsibility* untuk membangun negara ini *back to basic*, kita kembali kepada pertanian. Inilah ekonomi kita.

Dahulu pun Yang Berhormat Menteri Pertanian di Dewan Rakyat ini bersuara. Kita akan hapuskan sistem monopoli. Beraslah, apa lah, semua lah! Saya mahu tanya

Yang Berhormat Menteri, berapa sudah dihapuskan? Berapa sudah sekarang pembekal beras dalam negara kita ini? Kalau tidak, kenapa tidak boleh kita hapuskan? Dahulu saya duduk sana pun, saya tidak sokong kerajaan. Saya kata monopoli tidak boleh dijalankan. Kita harus hapuskan. Saya berdiri sana, saya bukan macam kawan yang lain. Seolah-olah penyokong kerajaan, salah pun sokong. Saya tidak! Sayalah pembangkang dalam Barisan Nasional sebab saya, mana tidak betul untuk rakyat, saya belasah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bunyi macam nak lompat sahaja?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lompat? Tidak! Sebab prinsip saya daripada dahulu tidak boleh lompat. Buat apa lompat?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua,

Seorang Ahli: Banyak lagikah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak lagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada enam minit lagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Aduh! Baru mukadimah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Buku ini! Diedarkan di sekolah-sekolah. Dalam *statement*, dia kata ini tidak ada pengetahuan pemimpin DAP.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Buku apa itu Yang Berhormat Bung?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi mukadimah dia, kata penghantar dia, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Yang Berhormat Menteri Kewangan. Habis itu...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Itu parti apa itu? Parti, parti?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tang Kok Wai...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Itu daripada parti apa?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...pengasas kebangsaan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, sebut parti mana?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Duta khas Malaysia ke Republik China. Kalau DAP tidak tahu pengedaran buku ini, saya tidak tahulah. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting iaitu kegiatan keganasan, LTTE. Saya minta pihak polis mengemukakan Kertas Putih...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, penjelasan. Tadi fasal buku.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...mengemukakan Kertas Putih di Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau minta laluan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Satu saat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak, pasal buku tadi. Buku tadi, masuk propaganda-propaganda komunis. Jadi, orang yang memberi perlindungan kepada buku tersebut juga adalah pengikut ajaran komunis. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa DAP sebenarnya mengagungkan pemikiran komunis?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, tak payahlah. Jangan gunakan kenyataan komunis itulah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hari ini ialah pembela kaum India bukan orang-orang Ahli Parlimen sana. Orang Ahli Parlimen sana seorang pun tak berani tegur Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menurunkan peruntukan orang India.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab fakta Yang Berhormat Arau itu silap. Fakta itu silap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang India telah diturunkan peruntukan daripada RM50 juta ke RM30 juta.

■1820

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tolong, dua orang jangan bazir masa saya. Jadi LTTE, saya minta kerajaan mengemukakan Kertas Putih sebab kalau ramai pemimpin-pemimpin UMNO, bahagian-bahagian UMNO diminta SPRM untuk mengembalikan duit fasal 1MDB dituduh walaupun belum ada bukti. Pihak polis telah menyatakan dalam kenyataannya bahawa terdapat bukti pengeluaran penyumbangan wang yang besar kepada kegiatan pengganas LTTE. Dalam Akta Pertubuhan Parti 1996, mana-mana pertubuhan yang terlibat dan terbabit menyokong kegiatan keganasan, maka pertubuhan itu boleh diharamkan. Saya ingin bertanya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta penjelasan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, Lenggong sedikit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Adakah kerajaan, Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk membubarkan Parti DAP sebab terlibat dengan keganasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini luar dari tajuk. Peraturan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Dewan, silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya mohon Yang Berhormat Kinabatangan tarik balik.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Itu sudah lebih lah itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Itu adalah suatu sangkaan yang melampau, yang luar dari tajuk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan berapa?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Luar dari tajuk.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar, saya akan dengar peraturan mesyuarat. Silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sila baca peraturan berapa, sila baca.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, kita dengar peraturan berapa. Cuba dengar.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Duduklah Yang Berhormat Tanjong Karang. Sudah lama duduk dalam Dewan, tidak tahu peraturan Dewan kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Baca, rugi masa lah. Baca, baca.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Duduk, duduk! Yang Berhormat Arau duduk!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Baca, baca.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk, duduk!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sila baca. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan 36(6). *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baca, baca, baca lah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36(6). Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain. Bagi saya... *[Disampuk]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu bodoh, mana seorang ahli?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, bagi saya.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Dengar dulu, dengar dulu, dengar dulu. Ya silakan. Duduk, duduk, duduk!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan tidak faham, hendak mencelah tidak faham. Kalau tidak tahu, duduklah!

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Bila ada seseorang menimbulkan peraturan mesyuarat, kita harus dengar. Sila.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang tarik balik perkataan bodoh tadi. Sebab sudah banyak kali.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Duduk lah, duduk lah!

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, tarik balik perkataan bodoh. Pagi tadi pun saya suruh tarik balik perkataan bodoh daripada seorang ahli yang lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau dia tidak bodoh, dia tidak akan baca Peraturan 36(6). Saya cakap perkara yang betul, dia kurang bijak lah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, tarik balik dulu.

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, *warning, warning*. Bila saya suruh tarik balik, tarik balik ya perkataan bodoh. Tidak boleh digunakan dalam Dewan ini. Tarik balik.

Seorang Ahli: Tarik balik! *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik perkataan bodoh.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Mike* sudah tutup, macam mana? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tekan balik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tarik balik, okey. Saya tarik balik perkataan bodoh, tetapi dia memang *bahlul*, tidak reti bahasa. Itu sahaja.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, saya...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, jangan main-main dengan saya. Itu lagi dahsyat daripada bodoh. Kalau hendak tarik balik, tarik balik sajalah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya boleh tarik balik, tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kena ajar sebelah sana, jangan salah guna peraturan mesyuarat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You tell* Yang Berhormat Tanjong Karang, jangan kurang ajar.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat kalau tidak tahu guna, jangan guna.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudah...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah membuat suatu penentuan, tarik balik. Tarik balik lah, apa masalahnya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta Yang Berhormat Kinabatangan satu penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan. Tadi saya bangun dahulu berkenaan dengan LTTE. Bolehkah Yang Berhormat Kinabatangan menjelaskan, kalau Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Tapah telah menyumbangkan duit sejumlah RM1 juta kepada satu pertubuhan yang ada di Sri Lanka berkaitan dengan LTTE. Sejumlah RM1 juta, ada diberikan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa saja, saya minta polis dan SPRM siasat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagus.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, okey.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Termasuk DAP. Okey, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau begitu, setuju UMNO dan MIC juga perlu dibubarkan. Setuju?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Apa kaitan UMNO dengan bubar-bubar ini? DAP yang bubar.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siasatlah. Saya minta kerajaan siasat. Saya minta Kementerian Dalam Negeri menyiasat. Kalau DAP terlibat, siasat. Kalau dia terlibat terbukti, maka kerajaan tolong bubarkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Setuju, setuju Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Tapah juga perlu di...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, saya ingat saya sudah mendengar penjelasan Yang Berhormat Kinabatangan, kalau. Jadi, bukan tuduhan yang muktamadlah. Silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, merujuk balik pada Peraturan Dewan 36(4). *[Disampuk]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia ambil lima minit masa saya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan, biadab dan membuat kenyataan yang rasis. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa DAP terlibat dengan anasir komunis. Saya rasa ini satu tuduhan liar, satu tohmahan tidak berdasarkan fakta, tetapi sengaja untuk memburukkan nama baik DAP.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Itu bukan tuduhan itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya mohon Yang Berhormat Kinabatangan supaya tarik balik. Sebab saya rasa perbahasan... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Sampai habis.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, okey saya jawab. Saya jawab.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Perbahasan di peringkat dasar ini tidak ada kaitan dengan komunis.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak payah ambil masa saya Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah duduk. Tidak payah ambil.

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Apa pendirian Yang Berhormat Kinabatangan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, jelas saya cakap. Sekiranya pihak polis ada bukti bahawa DAP terlibat, maka ambil tindakan. Itu saya cakap, kalau UMNO terlibat pun ambil.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, tadi buat tuduhan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan tuduhan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sekarang sudah putar sudah. Sudah putar belit, jangan putar belit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita lihat *Hansard* nanti, ia tidak merupakan suatu tuduhan ya. Bukan tuduhan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan. Saya minta pihak siasat. Ini sebab kenyataan pihak polis menyatakan ramai pemimpin-pemimpin DAP terlibat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Jelutong duduk. Saya juga ingin mempersoalkan kepada polis. Siapa P. Ramasamy ini? Besar sangat kah dia? Dia cabar polis. Tangkaplah dia kalau dia terlibat. Jangan dia jadi Ketua LTTE di Malaysia pula.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan tarik balik.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Setuju, setuju, setuju.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan tuduh beliau Yang Berhormat Kinabatangan. Beliau tidak ada di Dewan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, banyak mereka ambil masa saya. Kalaupun Yang Berhormat Jelutong terlibat Tuan Yang di-Pertua, tangkap.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, setuju, setuju.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan merebak sebab *prevention is better than cure*. Jadi, kalau sudah penganas semua ada dalam Dewan Rakyat ini, kita kena bawa pistol dalam Dewan sudah. Kita bimbang keselamatan kita tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah sampai ke tahap itu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan sampai ke tahap itu. Itu sebab saya kata, harus kita pertahankan sebelum apa-apa berlaku. Yang Berhormat Pokok Sena membelakang sana, mana tahu dari belakang, *somebody shoot you from behind, how to protect you?* Ini masalah kita, sebab kalau ramai pemimpin sini jadi penganas, saya rasa Yang Berhormat Puncak Borneo pun tidak selamat sana. Jadi, ini yang perlu kita fikir supaya Dewan kita selamat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puncak Borneo sudah bangun.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, boleh.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tadi saya dengar Yang Berhormat Kinabatangan kata, kita berjanji hendak memansuhkan PTPTN. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan ada baca Manifesto Pakatan Harapan kah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam jadi sarapan pagi saya baca Manifesto Pakatan Harapan ini. Saya pun termenung bila lah boleh selesai manifesto ini. Berjam-jam saya baca, saya renung, saya *tick* mana yang selesai, mana yang tidak. Jadi, memang sebab inilah tugas saya. Rafizi kata sebelum dia pemerintah, tugas kami menghasut. Tugas kami sekarang menjatuhkan Pakatan Harapan. Jadi, rakyat di luar sana sama-sama kita pastikan pilihan raya akan datang kita jatuhkan Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Walaupun melebihi masa, sedikit. Akan tetapi, saya tahu sebab keributan berlaku ya. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kepong, dia tidak ada juga. Baiklah, saya panggil Yang Berhormat Dungun.

6.29 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong ayat al-Quran] yang bermaksud, "Adapun perahu, maka ia adalah milik bagi orang-orang miskin yang mereka itu gunakan untuk bekerja di laut. Maka, saya ingin untuk cacatkannya sedikit kerana di belakang mereka ada raja yang merampas tiap-tiap perahu yang baik". Ayat 79, Surah Al Kahfi.*

■1830

Assalamualaikum warahamtullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam berbahas Belanjawan 2020 peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk kita memahami konteks ayat 79 Surah Al-Kahfi ini. Ada tiga golongan yang disebut oleh Allah SWT dalam Al-Quran ini supaya kita memberikan perhatian.

Pertama ialah kumpulan golongan rakyat yang telah kita kategorikan dengan B40, M40 dan juga T20. Kemudian, ada yang keduanya ialah golongan yang melibatkan kita yang menjadi perantara di antara rakyat sebagai wakil-wakil yang memberikan perhatian kepada permasalahan rakyat. Di sana adanya pihak pemerintah dan kerajaan. Maka, mendasari kepada ayat yang disebut ini, marilah kita melihat kepada perubahan kerajaan yang berlaku. Hasil daripada sokongan rakyat, maka berlaku perubahan kerajaan pada 9 Mei 2018.

Dalam pilihan raya umum itu, sebenarnya rakyat yang memberikan undi apabila mereka melihat kepada tawaran-tawaran dan janji-janji kepentingan untuk perubahan kehidupan mereka. Akan tetapi, apa yang berlaku ialah kita lihat kehidupan rakyat walaupun telah berlaku Bajet 2019 dan juga Bajet 2020 yang dibentangkan, adakah perubahan rakyat kepada kehidupan mereka, kos sara hidup dan juga kepentingan kehidupan mereka akan mengalami perubahan?

Oleh itu, pada ucapan saya ini, saya akan tumpukan kepada beberapa perkara. Pertama ialah isu MyKad. Tuan Yang di-Pertua, isu penjualan MyKad ekspres kepada warga asing baru-baru ini di Pulau Pinang menjejaskan kedaulatan negara. Lagi menyedihkan, ada yang mendakwa penjualan MyKad ekspres ini didalangi oleh

penjawat awam sendiri sekali gus mengikis integriti serta kepercayaan masyarakat terhadap penjawat awam. Saya mengharapkan supaya kes ini disiasat sehingga ke akar umbi, mendedahkan dalang-dalang utama serta tidak hanya memfokuskan golongan bawahan yang mana sesetengah daripada mereka hanya menerima arahan golongan atas.

Oleh itu, saya menggesa pihak kerajaan agar segera memulihkan imej negara dan mengambil tindakan serius terhadap mana-mana pesalah yang sanggup menggadaikan keselamatan negara. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan kepada KDNK negara di mana kerugian hampir 30 peratus daripada keseluruhan KDNK negara disebabkan oleh amalan rasuah yang sekali gus akan memberi kesan kepada keyakinan pelabur-pelabur asing untuk datang melabur di negara ini.

Mengenai isu kewarganegaraan juga, saya tertarik dengan usaha kerajaan memperkenalkan urusan permohonan MyKad dalam talian atau *online* sekali gus mengurangkan bilangan hampir 1.43 juta rakyat Malaysia yang tidak mempunyai MyKad. Saya yakin di sana terdapat ramai dalam kalangan rakyat yang masih tidak memperoleh kerakyatan bukan kerana ketiadaan kelayakan tetapi kerana faktor kemiskinan dan tinggal di kawasan pedalaman.

Namun, apa yang menjadi kebimbangan adalah sejauh mana mekanisme pendaftaran kelahiran baharu secara *online* ini benar-benar dapat menjamin keselamatan data-data yang diperoleh dan dapat mengawal supaya tidak berlakunya pencerobohan data yang boleh memberi lebih kesan yang parah kepada negara?

Dalam hal kerakyatan ini, saya juga berpandangan isu pendaftaran kanak-kanak yang lahir di Malaysia secara automatik tanpa mengira ibu atau bapa warganegara ataupun tidak perlu diteliti dengan mendalam. Maka, perlu kepada kerajaan memperkemaskan SOP pendaftaran di bawah Perkara 15(1)(a) dan sebagainya supaya kita tidak kelihatan terlalu ketat dan tidak juga terlalu longgar dalam menyelesaikan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyuarakan isu yang berkait dengan pendidikan iaitu perkara yang melibatkan MyBrain15. Saya berpandangan bahawa pemberian MyBrain15 ini kepada semua bidang kursus di peringkat sarjana ataupun PhD. Hal ini kerana pelajar lepasan sarjana muda, *degree*, hanya mendapat pendidikan berasaskan teori semata-mata. Apa yang penting bagi tenaga mahir adalah pengajian di peringkat sarjana. Peningkatan kadar tenaga mahir amat penting disebabkan hala tuju kerajaan untuk meramaikan tenaga kerja mahir di samping dalam masa yang sama mengurangkan pekerja asing dan tenaga kerja kurang dan separa mahir.

Kebolehpasaran graduan IPT yang menjadi sasaran kerajaan akan meningkat pada tahun hadapan hasil daripada suntikan dana kerajaan kepada sasaran sebanyak 350,000 penganggur. Namun, peratusan sasaran kebolehpasaran graduan IPT, jika dilihat, langsung tidak meningkat. Tahun 2019, sebanyak 80 peratus dengan peningkatan suntikan dana, peratusan masih lagi pada sasaran yang sama iaitu 80 peratus.

Persoalannya, belanjawan Kementerian Pendidikan Malaysia tinggi, namun *target* yang diletak berdasarkan kepada pencapaian yang hendak dicapai tidak setanding dengan peningkatan bajet yang berlaku.

Dalam aspek kebolehpasaran, kita tidak sahaja melihat dalam aspek penawaran semata-mata iaitu bilangan graduan yang dihasilkan daripada universiti, bahkan juga perlu dilihat dalam aspek permintaan daripada industri atau peluang pekerjaan yang wujud pada hari ini.

Persoalannya, sejauh manakah peluang pekerjaan berjaya dihasilkan dalam tempoh setahun pemerintahan Pakatan Harapan dan bandingkan pula bilangan mereka yang telah diberhentikan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh nasib golongan-golongan mahasiswa yang mengharapkan kerajaan cakna akan bebanan hutang yang ditanggung khususnya berkaitan dengan PTPTN. Saya berpandangan tidak ada salahnya kita meneliti inisiatif kerajaan sebelumnya yang memberikan pelbagai insentif bagi memudahkan para pemiutang melangsaikan hutang mereka. Antaranya diskaun 15 peratus bagi penyelesaian penuh keseluruhan baki hutang, diskaun 10 peratus bagi bayaran balik sekurang-kurangnya 50 peratus dari keseluruhan baki hutang dan diskaun 10 peratus bagi bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit*.

Namun, apa yang berlaku pada zaman Kerajaan Pakatan Harapan ini, jumlah pinjaman terkumpul yang dikeluarkan dengan bayaran balik yang diterima tidak selari dan semakin melebar. Hanya 32.5 peratus daripada RM56 bilion yang dikeluarkan telah dibayar balik. Selebihnya 67.5 peratus masih belum membayar balik. Apa yang kerajaan lakukan bagi membantu dan menggalakkan pemiutang membayar hutang? Apakah inisiatif kerajaan bagi mengatasi isu hutang PTPTN selepas Kertas Konsultasi Rakyat tempoh hari?

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula dengan bebanan hutang yang ditanggung, graduan sekali lagi dalam dilema dengan peluang pekerjaan di lapangan yang sangat tipis. Laporan *Harian Metro* baru-baru ini melaporkan sehingga kini, 60 peratus graduan masih menganggur walaupun setelah setahun menamatkan pengajian.

Persoalannya, bagaimana nasib graduan yang terutama dari kalangan B40? Kos pengajian yang tinggi, pinjaman memakan puluhan ribu ringgit, namun tidak mampu menjana pendapatan bagi membantu keluarga sehinggakan sesetengah kes, ahli keluarga graduan yang lain tidak berhasrat menyambung pengajian.

■1840

Mereka merasakan pendidikan tinggi hanyalah membazirkan, membebankan dan tidak mampu menjana apa-apa pendapatan. Selain itu, saya juga ingin untuk membahaskan mengenai sukan di Malaysia. Prasarana di Malaysia, saya boleh katakan berada di tahap yang membanggakan sehingga kita boleh mengadakan pertandingan-pertandingan dan penganjuran-penganjuran peringkat antarabangsa.

Seperti contoh, *Le Tour de Langkawi* (LTDL) yang mampu menjadi hab sukan pelancongan antarabangsa. Namun sehingga kini, prestasi atlet kita masih di tahap sederhana. Saya mengharapkan peruntukan yang dinaikkan sehingga tiga kali ganda daripada RM15 juta kepada RM45 juta bagi Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) mampu melahirkan prestasi atlet yang juga sehingga tiga kali ganda. Kita melihat dalam bulan Jun 2019, *ranking* FIFA terhadap kedudukan bola sepak negara kita Malaysia berada di tangga 159. Pada hal, kalau kita merujuk kepada prasarana sukan negara yang ada berkait dengan sukan bola sepak ini, kita berada pada kedudukan yang sangat baik.

Lebih baik jauh daripada negara-negara yang berada dalam benua Afrika. Akan tetapi ketika mana bola sepak melibatkan Piala Dunia, negara-negara daripada benua Afrika mendapat kuota yang jauh lebih banyak daripada negara Asia sendiri. Menunjukkan peningkatan bola sepak yang berlaku dalam negara-negara di benua Afrika. Saya mengharapkan supaya fokus pembangunan bola sepak mestilah dilaksanakan dengan peruntukan yang besar yang diperoleh supaya setanding dengan negara-negara yang pernah setaraf dengan kita seperti di negara Korea Selatan, seperti juga di negara Jepun yang kita lihat bagaimana dulunya dalam bola sepak Asia ini kita setaraf dengan mereka.

Oleh itu, hendaklah juga diperhatikan oleh Menteri Belia dan Sukan, di bawah projek yang melibatkan bola sepak negara ini ialah bagaimana untuk kita menaikkan taraf liga tempatan kita. Oleh kerana kita melihat ketika ulasan dalam himpunan pemain yang menerima FIFA PUSKAS Award 2016, yang diletakkan dari awal tahun 2009 hingga tahun 2018. Bila sampai kepada pemain Malaysia, tidak disebut nama, hanya disebut pemain Malaysia sahaja. Akan tetapi ketika mana pemain-pemain dari negara lain yang melibatkan prestasi bola sepak mereka yang sangat hebat, maka disebut nama

pemain-pemain tersebut. Akan tetapi bagi FIFA PUSKAS Award 2016, hanya disebut 'pemain Malaysia' sahaja.

Ini menunjukkan bahawa kepentingan untuk kita mengangkat taraf bola sepak dengan peruntukan yang besar hendaklah diberikan satu taraf peningkatan yang jauh lebih maju supaya sekurang-kurangnya kita naik kepada satu taraf yang sama seperti yang pernah berlaku dalam bola sepak di Asia ini iaitu melibatkan negara-negara contoh seperti Korea Selatan, Jepun dan juga Arab Saudi serta negara-negara lain. Mudah-mudahan kita akan dapat melihat kesan daripada pembangunan bola sepak yang dirancang dengan peruntukan yang ada daripada Bajet 2020 ini akan dapat menjadi kenyataan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Dungun.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Ada pencelahan? Tidak ada?

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo, penjelasan Yang Berhormat Dungun.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Ya, sila-sila.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tadi saya mendengar Yang Berhormat Dungun mengatakan bahawa menggesa supaya negara kita memartabatkan persatuan bola sepak kita dan juga barisan-barisan pemain kita. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Dungun bahawa adakah Yang Berhormat Dungun bersetuju bahawa pasukan negara kita harus *direbranding* ataupun kena diberi nama baharu daripada nama Harimau Malaya kepada Harimau Malaysia?

Barisan pemain hendaklah dibarisi oleh setiap pemain-pemain pelbagai bangsa yang mempunyai potensi. Kita tidak hanya melihat daripada satu bangsa yang mempunyai potensi tetapi kita pilih. Macam dulu kita ada Santokh Singh, Soh Chin Aun dan sebagainya dan sekarang ini kita pun mahu barisan pemain kita dibarisi oleh rakyat Malaysia semua.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya tambah sikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya bila Yang Berhormat Dungun bercerita fasal sukan, saya rasa dia lebih muda pula daripada saya. Saya melihat perkembangan sukan di Malaysia ini memang perlukan satu perubahan sebab kalau kita tengok misalnya bola sepak, kita terlalu bergantung

kepada sokongan kerajaan. Jadi, mungkin kita boleh cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melihat semula rejim cukai untuk memberi galakan kepada swasta terlibat dalam mengambil alih sebahagian daripada tanggungjawab.

Cuma saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Dungun, sebab sesetengah sukan ini kalau kita tengok disokong oleh industri yang mungkin sensitif bagi masyarakat di Malaysia yang kita majoriti Muslim. Misalnya, tajaan daripada syarikat-syarikat yang minuman keras, syarikat-syarikat misalnya rokok.

Jadi, mereka ini hendak memberi penajaan tetapi tidak dapat timbal balik. Jadi, ada cadangan daripada Yang Berhormat Dungun, bagaimanakah mereka ini? Kita tahu di seluruh dunia mereka banyak memberi tajaan kepada sukan, jadi bagaimana mereka dapat terlibat untuk membantu sukan di Malaysia? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih daripada Yang Berhormat Puncak Borneo dan juga Yang Berhormat Kangar atas pandangan yang diberi dan juga pertanyaan. Saya bersetuju supaya *respond* kepada Yang Berhormat Puncak Borneo ialah kita mesti melaksanakan penjenamaan semula kepada sukan bola sepak negara. Kita juga mestilah letakkan asas seperti mana yang pernah berlaku pada ketika mana Malaysia mencapai satu taraf kedudukan yang sangat hebat pada tahun 70-an, 80-an iaitu gabungan kepada semua pemain-pemain yang melibatkan semua rakyat Malaysia.

Ini adalah penting dan juga mesti ada satu pembaharuan pembangunan sukan yang dibuat di peringkat kementerian. Ini yang sangat penting kerana ini akan melihat kepada kepentingan ini supaya kita letakkan asas dengan perbelanjaan yang sentiasa meningkat sepanjang tahun berkait dengan sukan bola sepak ini akan dapat kita realisasikan.

Biarlah kita ada satu *target* supaya pada tahun berapakah anggaran kita Malaysia ini boleh berada dalam Piala Dunia. Tahun berapa, biar kita ada satu *target* dan kita menuju ke arah itu, kita meletakkan asas. Kedua, memanglah kalau kita melihat kepada penggabungan dibuat di antara syarikat-syarikat utama yang menaja pasukan-pasukan sukan ini. Ini juga perlu lihat kepada sensitiviti yang berlaku kerana sebahagian daripada kepentingan ini ialah kita melihat sebahagian, sebagai contoh.

Pasukan *Liverpool* pernah mengadakan satu rangkaian sokongan mereka ialah pasukan yang melibatkan pasukan bola sepak mereka ini dengan *Calsberg* tetapi akhirnya, mereka berusaha mencari dan akhirnya mereka menukarkan kerana sensitiviti juga perlu dilihat. Maka, saya rasa kita perlu lihat sensitiviti itu dan tempat yang sensitif itu kita keluarkan supaya ia tidak menimbulkan soal polemik di antara rakyat yang

mungkin berlaku. Jadi, kepentingan sukan itu perlu dipelihara tetapi polemik itu juga perlu dijaga kerana kita melibatkan satu kedudukan yang dalam negara kita ini kepelbagaian bangsa, kepelbagaian agama.

Jadi, itu juga mesti dilihat supaya ia tidak membawa kepada satu perkara yang menimbulkan polemik yang lebih besar. Saya percaya kalau sekiranya kita boleh adakan rakan sukan di antara pasukan-pasukan sukan yang perlu kepada kepentingan itu, maka ia mesti juga dilihat kepada saluran yang dibenarkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sabak Bernam, silakan. [*Tepuk*]

6.48 ptg.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Illahi pada petang ini kerana dapat bersama-sama membahaskan Bajet 2020. Selawat dan salam kunjungan kepada Nabi Muhammad SAW. Ini terdapat teladan yang baik, *uswah hasanah* iaitu sebaik-baik ikutan dalam amalan kehidupan kita sebagaimana yang dinyatakan dalam surah Al-Azab, ayat ke-21.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, selaku Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 yang baru lalu. Bajet 2020 yang dibentangkan kali ini lebih menyeluruh, meliputi hampir semua golongan rakyat berbagai agama, bangsa, di desa dan di bandar serta meliputi pelbagai tingkat pendapatan rakyat.

■1850

Bajet ini begitu eksklusif meliputi dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, warga emas, pekerja swasta, penjawat awam, polis dan tentera, petani, nelayan, pekebun kelapa, pesawah dan peladang. Serta wanita di sektor swasta dan awam termasuk juga OKU. Tahniah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Bajet 2020 ini yang tidak dapat dinafikan adalah merupakan bajet yang lebih baik berbanding Bajet 2019 yang dibentangkan. Bajet 2020 kali ini secara ringkasnya memberikan khabar gembira kepada semua rakyat keseluruhannya dan menepati janji membuktikan kerajaan hari ini bukan hanya sekadar '*Menanam tebu di bibir mulut*', malah Bajet 2020 telah menutup kekurangan dan kelemahan Bajet 2019 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2020 ini menunjukkan kesungguhan kerajaan hari ini dengan mengemukakan bajet dengan pendekatan kerajaan komited untuk menstabilkan

semula kedudukan wang kerajaan dan meneruskan matlamat Wawasan 2020. Justeru, Belanjawan 2020 dirangka bertemakan “*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama*”.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2020 kali ini memperuntukkan sebanyak RM297 bilion. Tidak termasuk simpanan luar jangka RM2 bilion yang merupakan peningkatan sebanyak RM19.5 bilion berbanding RM277.5 bilion pada tahun 2019. Belanjawan ini merangkumi dengan peruntukan sebanyak RM241 bilion atau 81.15 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan RM56 bilion atau 19.85 peratus untuk perbelanjaan pembangunan.

Dalam keadaan ekonomi global yang mencabar, ekonomi negara dijangka mengukuh dengan unjuran KDNK negara dijangka 4.7 peratus pada suku pertama dan 4.9 peratus bagi pada suku kedua. Tambahan pula, kerajaan menjangkakan hasil Kerajaan Persekutuan akan mencecah RM244.5 bilion bagi tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM11.2 bilion berbanding tahun 2019. Saya mengalu-alukan Bajet 2020 ini yang berasaskan empat teras yang menunjangi Belanjawan 2020 iaitu:

- (i) memacu pertumbuhan ekonomi dalam ekonomi baharu dan era digital;
- (ii) pelaburan ke atas rakyat, peningkatan keupayaan modal insan;
- (iii) mewujudkan masyarakat yang bersatu, eksklusif dan saksama; dan
- (iv) memulihkan institusi dan kewangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin membahaskan tentang Kementerian Pendidikan. Saya ingin menyentuh berhubung dengan pendidikan memandangkan bidang pendidikan adalah merupakan bidang yang dekat di hati saya. Saya berkhidmat sebagai guru dan juga pegawai pendidikan daerah selama 31 tahun. Saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada kerajaan yang sentiasa komited dan prihatin dalam bidang pendidikan dengan memberikan peruntukan terbesar bagi tahun 2020 iaitu berjumlah RM64.1 bilion yang disediakan untuk sektor pendidikan berbanding RM60.2 bilion pada tahun 2019.

Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan RM59.2 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM4.9 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Berhubung dengan pendidikan ini, pertamanya saya ingin memohon agar kerajaan menyegerakan cadangan pembinaan Pejabat Pelajaran Daerah Sabak Bernam yang telah diluluskan semenjak tahun 2017 lagi dan sepatutnya pembinaan awal pada tahun 2018. Pembinaan pejabat pendidikan ini adalah tepat masanya memandangkan

tanggungjawab PPD Sabak Bernam adalah besar kerana menguruskan banyak sekolah sama ada sekolah menengah dan juga sekolah rendah.

Berhubung dengan pendidikan tinggi, saya ingin menyentuh berhubung dengan Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam yang kini mempunyai 4,600 orang pelajar. Daripada jumlah itu hanya 2,300 hingga 2,500 orang yang mendapat kemudahan asrama. Manakala bakinya lebih kurang 2,000 orang lagi pelajar terpaksa tinggal di kawasan luar asrama dengan menyewa rumah. Adalah sukar untuk mendapat kemudahan rumah sewa berhampiran dengan politeknik. Oleh itu saya memohon agar kerajaan mempertimbangkan untuk membina asrama bagi pelajar-pelajar ini kerana kesukaran pelajar ini mendapatkan rumah sewa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan Kementerian Pendidikan ini juga, saya ingin menyentuh berhubung dengan Skim Bantuan Baucar Buku sebanyak RM250 yang pernah diberikan kepada IPT sebelum ini. Saya mendapat maklum balas positif tentang skim ini kerana membantu pelajar IPT untuk membeli buku dan alat tulis tetapi telah diberhentikan. Saya berharap kerajaan akan menimbangkan semula untuk memperkenalkan semula Skim Bantuan Baucar Buku untuk manfaat dan meringankan beban kewangan pelajar di IPTA.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan pembiayaan pengajian tinggi khususnya PTPTN. Saya ingin mendapatkan penjelasan berapa ramai kah pelajar IPTA dan IPTS yang mendapat pinjaman PTPTN bagi tahun 2018 dan tahun 2019 serta jumlah pinjaman yang diberikan? Berapakah jumlah kutipan bayaran balik bagi tempoh 3 tahun iaitu 2017, 2018, 2019 dan berapa ramai kah pelajar IPTA dan IPTS yang mendapat pengecualian pembayaran balik kerana mendapat keputusan cemerlang kelas pertama bagi tempoh berkenaan? Adakah kerajaan bercadang memberikan pengecualian cukai bagi pembayaran balik pinjaman PTPTN untuk menggalakkan peminjam PTPTN membayar balik pinjaman dan meringankan beban tanggungan pembiayaan pinjaman pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu pendidikan mengenai tindakan seorang graduan Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya, Wong Yan Ke yang menunjukkan *placard* di atas pentas semasa Majlis Konvokesyen di Universiti Malaya baru-baru ini yang mendakwa bahawa Naib Canselor Universiti Malaya membuat ucapan perkauman...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: ...Semasa Majlis Kongres Maruah Melayu anjuran Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Sabak Bernam, minta laluan sikit. Sikit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang minta laluan.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Sekejap ya. Saya habiskan dulu. Sebagai bekas graduan Universiti Malaya, saya merasa amat kesal dan malu dengan tindakan beliau ini kerana walau apa pun alasannya, tindakan beliau telah mencemarkan bukan saja nama baik Universiti Malaya sebagai universiti tertua dan terunggul di negara ini tetapi juga majlis konvokesyen yang diadakan penuh istiadat bagi memberikan penghargaan kepada semua graduan dan pensyarah serta dihadiri oleh ibu bapa graduan.

Sebagai bekas graduan Universiti Malaya, saya juga amat kecewa dengan tindakan yang tidak beradab dan melanggar protokol majlis konvokesyen tersebut. Malahan, tindakan beliau ini melanggar nilai, budaya dan etika yang disemai dan ditanamkan pada setiap pelajar Universiti Malaya selama ini. Kejayaan seseorang pelajar bukan diukur hanya dengan segulung ijazah malah lebih dari itu untuk melahirkan individu yang berilmu dan peradaban serta keberkatan ilmu yang diperolehi. Setelah membaca tulisan beliau, jelas dakwaan beliau bukan sahaja tidak benar sama sekali dan gagal membuktikan bahawa Naib Canselor Universiti Malaya memberikan ucapan yang berunsur perkauman. Akan tetapi, sebaliknya tulisan beliau yang berunsur perkauman.

■ 1900.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Terengganu minta laluan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang dahululah.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Kena Yang Berhormat Pendang dahulu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang minta tadi.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Isu yang sama?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Isu PTPTN sedikit sahaja. Okey, terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sabak Bernam, isu PTPTN — pinjaman ini, anak-anak kita yang dapat *first class*, *second class upper* apa yang ada potongan *50 percent* dan juga kalau dapat *four flat* akan dihapuskan, masih ada lagikah pelaksanaannya, minta pandangan. *Second class upper* pun ada *30 percent* potongan pinjaman.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Saya tujukan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri, bukan saya kerana saya belum jadi Menteri lagi. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Menteri menjawab dan silakan, Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Sabak Bernam. Sehubung dengan pelajar Universiti Malaya yang dikatakan tadi, saya pun daripada Universiti Malaya pun terkilan dengan apa yang berlaku di Universiti Malaya yang saya rasa memang tidak wajar.

Apakah Yang Berhormat Sabak Bernam bersetuju dengan saya kalau kita minta pihak universiti menarik balik ijazah yang telah diberikan kepada pelajar tersebut sebagaimana dalam — di satu peristiwa yang berlaku di UITM seorang pelajar cuma berswafoto, pelajar diploma berswafoto, diplamanya digantung selama dua tahun. Apakah Yang Berhormat Sabak Bernam bersetuju dengan cadangan saya itu. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Saya berpendapat bahawa pihak universiti melihat balik Akta Universiti dan saya yakin bahawa Universiti Malaya telah menghalusi, mempertimbangkan segala tindakan yang dilakukan oleh seorang pelajar. Kalau saya dahulu masa di sekolah, kalau pelajar membuat perkara disiplin, melawan guru dan sebagainya *confirm* kena *public canning* dan saya terpulanglah kepada pihak universiti kerana pihak universiti dia ada Akta Universiti dan lihat kembali kerana mungkin kesannya kepada graduan-graduan yang akan datang dan yang paling penting sekali tindakan yang sewajarnya harus diambil oleh pihak universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit lagi tentang.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sabak Bernam, sedikit lagi. Mohon sedikit penjelasan sedikit lagi.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Sekejap lagi Yang Berhormat. Saya hendak habiskan tinggal satu minit lagi, ada beberapa kementerian lagi. Tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu berhubung Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya mengalu-alukan langkah kerajaan yang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM10.9 bilion bagi perbelanjaan 2020 berbanding RM9.7 bilion pada tahun 2019.

Ini termasuklah peruntukan untuk meningkatkan infrastruktur luar bandar. Bajet 2020 memperuntukkan RM587 juta untuk projek bekalan air luar bandar dengan Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan sebanyak RM470 juta dan bakinya sebanyak RM117 juta bagi Semenanjung. Begitu juga dengan bekalan elektrik luar bandar yang

mendapat peruntukan sebanyak RM500 juta di mana majoritinya adalah untuk Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan pembangunan luar bandar, saya ingin menyentuh berhubungan dengan rumah daif ataupun usang di kawasan seluruh negara termasuklah di kawasan Sabak Bernam yang memerlukan bantuan baik pulih dengan segera. Mengikut banciaan yang dibuat di kawasan luar bandar termasuk di Sabak Bernam ini, saya mengharapkan bahawa kementerian dapat memberikan peruntukan kepada rumah usang dan daif di kawasan-kawasan terutama di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Akhir sekali, boleh lagi berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa pembesar suara]* Gulung, gulung.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Gulung. *[Ketawa]* Jadi saya sebagai Ahli Parlimen merakamkan ribuan terima kasih dalam bajet pada kali ini. Akhir kalam dipanjangkan doa Allah SWT semoga negara Malaysia ini terus aman, makmur dan harmoni sebagai sebuah negara seperti yang tercatat dalam Surah Saba' ayat ke-15 *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]. "Iaitu sebuah negara yang baik dan makmur lagi mendapat keampunan dari Allah kerana rakyatnya yang sentiasa bersyukur dengan segala nikmat Allah kurniakan"*. Semoga Allah sentiasa berkati dan merahmati Malaysia dan rakyat, Amin. Saya menyokong Bajet tahun 2020. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Sabak Bernam. Seterusnya Yang Berhormat Lenggong disusuli oleh Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Hulu Terengganu dan kalau ada masa Yang Berhormat Pendang. Silakan, Yang Berhormat Lenggong.

7.05 malam.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang untuk saya berucap dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan pada kali ini.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara, saya mulakan soal pendidikan. Sungguhpun Kementerian Pendidikan menerima peruntukan besar sebagaimana yang dibanggakan oleh rakan saya tadi, RM64.1 bilion peningkatan sebanyak RM3.9 bilion berbanding tahun sebelumnya, namun ia tidak mencerminkan komitmen kerajaan untuk

memastikan agenda pemeraksanaan pendidikan anak bangsa terus dijadikan fokus utama memandangkan banyak perkara-perkara ke arah inisiatif berasaskan keperluan khususnya mahasiswa para pelajar, guru tidak nampak difokuskan dalam bajet ini.

Saya percaya sebahagian besar daripada RM64.1 bilion itu juga adalah projek-projek sambungan yang telah pun diluluskan pada tahun sebelum ini. Kalau kita teliti maknanya mungkin tidak sampai jumlah tersebut untuk projek-projek baru. Perkara ini kita dapat buktikan apabila aspek sekolah daif, sekolah miskin terus dipinggirkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Ia jelas terbukti apabila peruntukan untuk baik pulih sekolah-sekolah yang amat memerlukan terutama sekali di Sabah dan Sarawak, keseluruhannya untuk tujuan sekolah-sekolah daif ini hanya RM783 juta sahaja.

Ini amat rendah kalau kita bandingkan dengan peruntukan sewaktu Kerajaan Barisan Nasional dahulu yang memperuntukkan tidak kurang daripada RM2.5 bilion untuk tujuan baik pulih sekolah-sekolah melalui sistem IBS...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh mencelah?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini menunjukkan bahawa, sekejap baru hendak mula. Baru gear 1 baru nanti saya bagi. Ini menunjukkan bahawa walaupun angka disebut besar tetapi komitmen kerajaan pada usaha-usaha tertentu yang penting tidak nampak jelas dilakukan. Ini amat malang sekali.

Maknanya banyak janji-janji kerajaan dahulu tidak ditunaikan, malah beberapa kali Menteri Pendidikan membuat janji-janji baharu misalnya beliau pernah mengumumkan untuk memberikan Program Sarapan Percuma (PSP) kepada 2.7 juta murid sekolah rendah di seluruh negara. Cadangan saranan beliau ini mendapat sambutan yang begitu hangat daripada rakyat pelbagai pihak dan kita pun menyokong. Malangnya tidak ada satu pun peruntukan Program Sarapan Percuma dinyatakan dalam ucapan Bajet Yang Berhormat Menteri Kewangan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Apakah ini juga seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan — penjualan rumah tidak dibincangkan dengan Menteri. Apakah ini juga tidak ada perbincangan? Maknanya rangka Belanjawan ini hanya semata-mata dibuat oleh Yang Berhormat Bagan tanpa berbincang dengan kementerian-kementerian yang berkaitan.

Ini satu bukti — sebab itu walaupun tadi sahabat saya sebut tentang bangganya belanjawan soal pendidikan, dia sebut dengan jelas tadi berkaitan dengan mahasiswa.

Mahasiswa kalau kita lihat dalam bajet ini seolah-olah Kerajaan Pakatan Harapan ini tidak langsung menghargai bagaimana sebelum Pilihan Raya Umum ke-14, sebahagian besar mahasiswa menyokong kerajaan hari ini tetapi nampaknya dalam Belanjawan sebelum ini dan Belanjawan yang kedua ini nampak sangat anak-anak muda di universiti tidak diberikan perhatian apabila mahasiswa terus dipinggirkan dan dianaktirikan daripada memperoleh bantuan pendidikan.

Contohnya apabila tiada peruntukan ataupun inisiatif disediakan buat golongan mahasiswa sama ada dalam bentuk bantuan pelajar pendidikan tinggi, kad siswa mahupun bantuan-bantuan dalam bentuk baucar buku dan sebagainya. Ini kita nampak kecil tetapi ia sebenarnya memberi kesan besar kepada mahasiswa dan ini bukti bahawa tidak ada komitmen yang bersungguh-sungguh daripada kerajaan untuk membantu mahasiswa. Oleh sebab itu segala inisiatif yang diusahakan...

■1910

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Lenggong, sikit Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, sebenarnya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong, sikit. Boleh, sikit?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lenggong memandangkan Yang Berhormat Lenggong ini pernah menjadi bekas Pengerusi PTPTN. Sepanjang Yang Berhormat Lenggong menjadi Pengerusi PTPTN, adakah bajet-bajet yang diumumkan oleh kerajaan yang memerintah ada menyebut perkara PTPTN dalam ucapan bajet? Mengapakah dalam ucapan Bajet 2020 langsung tidak menyentuh perkataan PTPTN?

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya mencelah sikit, boleh, boleh?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya jawab. Saya sebut tadi, sebelum saya jawab, saya hendak ulas bahawa komitmen kerajaan kepada mahasiswa universiti memang tidak nampak jelas. Maknanya mahasiswa di universiti dianaktirikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Saya bersetuju, saya akui bahawa setiap kali belanjawan yang dirangka oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, antara perhatian

utamanya diberikan oleh kerajaan ialah persoa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang di-*rebranding* oleh kerajaan dahulu yang dipanggil Tabung Pendidikan kerana ini penting sebab ia penting kepada pendemokrasian pendidikan negara untuk masa depan pendidikan negara.

Malangnya memang betul, ia langsung tidak disentuh oleh kerajaan hari ini. Saya percaya dan saya rasa antara sebab kerajaan hari ini tidak menyentuhnya dalam bajet kerana mereka sudah kehabisan idea. Tidak ada idea baharu, sebab apa kalau kita lihat Pengerusi PTPTN hari ini orang Perlis. Dia begitu bangga melaksanakan Kertas Konsultasi Rakyat, kononnya untuk mendapat pandangan-pandangan daripada golongan pakar, pihak yang berkepentingan daripada pakar-pakar ekonomi dan sebagainya untuk mengemukakannya pada bulan April tahun ini tetapi sampai sekarang dia tidak kemukakan. Mana dia idea bernas? Mana kehebatan-kehebatan yang sebelum ini ditunjukkan oleh ramai tokoh-tokoh kerajaan yang bercakap soal PTPTN? Ini kerana sehingga hari ini tidak ada sesuatu polisi, dasar baharu pun dikemukakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan oleh pengerusi baharu, oleh Menteri melainkan melaksanakan apa yang dibuat oleh kerajaan dahulu malah apa yang dibuat itu lebih lemah daripada apa yang kita buat.

Oleh sebab apa saya lihat, hari ini saya baca kenyataan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang dikeluarkan oleh pengerusinya Wan Saiful Wan Jan. Dia sebut bahawa,

“Pihaknya berada di landasan yang sepatutnya. Hampir mencapai sasaran apabila berjaya mengutip RM1.3 bilion”.

Kalau hari ini baru kutip RM1.3 bilion maknanya ia tidak mencapai apa yang pernah dicapai oleh kerajaan sebelum. Kalau kerajaan dahulu bulan 10 ini sudah mencecah angka RM3 bilion, sekarang baharu RM1.3 bilion. Malah hanya meletakkan sasaran sebanyak RM2 bilion. Ini jauh daripada angka sebenarnya. Ini sebab apa, kalau kita lihat pada tahun 2016, kutipan RM1.3 bilion. Tahun 2016 kutipan dibuat pada waktu Kerajaan Barisan Nasional, waktu itu saya pengerusi, RM3.5 bilion. Kemudian meningkat pada tahun 2017 kepada RM3.85 bilion, hanya RM15 bilion untuk mencukupi RM4 bilion.

Kemudian, apabila diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Harapan kutipan menurun kepada RM3.3 bilion dan hari ini sasarannya hanya meletak sekitar RM2 bilion sahaja. Ini menunjukkan bahawa kegagalan kerajaan hari ini melaksanakan polisi-polisi baharu untuk meningkatkan kualiti dan perkhidmatan PTPTN kepada negara. Saya hendak bagi tahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa PTPTN ini melaksanakan

operasi, menguruskan wang secara pusingan. Sumber kewangannya bukan geran daripada kerajaan, hanya pada peringkat awal sahaja mendapat geran daripada kerajaan sebanyak lebih kurang RM5.2 bilion, yang lainnya daripada jualan sukuk, terbitan sukuk. Kemudian daripada pinjaman kepada institusi kewangan dan daripada kutipan balik daripada pelajar-pelajar.

Hari ini nampaknya jika kutipan balik semakin kurang maka kewangan PTPTN tidak dapat berjalan dengan baik. Saya hendak nyatakan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional dahulu telah pun meletakkan sasaran, kalaulah kita boleh terus memerintah negara ini saya cukup yakin bahawa tahun ini sasaran kita boleh mencecah RM5 bilion. Apabila kutipan kita RM5 bilion maka tahap kebergantungan kita kepada institusi kewangan untuk sumber kewangan akan berkurangan. Maknanya kutipan balik, kutipan hutang kita telah berjalan dengan baik maknanya PTPTN boleh menumpu kepada aspek lain. Tumpuan kita kepada simpanan. Sebab apa, kita telah melaksanakan polisi iaitu untuk mendidik rakyat, mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman tetapi beralih kepada simpanan. Itu yang diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Saya boleh menyebut bahawa antara punca kenapa kutipan balik rendah ialah kerana kesan-kesan daripada polisi-polisi yang dibuat oleh kerajaan hari ini, bukan hanya kesan daripada tindakan PTPTN. Apabila kerajaan tidak berjaya untuk mengembangkan ekonomi, maka peluang-peluang perniagaan tidak berlaku dengan baik kerana sebahagian besar juga peminjam adalah terdiri daripada mereka yang berniaga, yang bekerja di sektor awam. Di sektor awam tidak dapat insentif, bonus tidak ada, kenaikan gaji tidak ada, peluang perniagaan tidak ada, tidak ada lagi insentif 20 peratus, 10 peratus dan sebagainya.

Kakitangan di PTPTN sendiri pun tidak diberi galakan sebaik sebagaimana dahulu, itu menyebabkan kuasa peminjam untuk membayar balik pinjaman semakin rendah. Oleh sebab itu ia mesti diberi perhatian yang serius oleh kerajaan. Ini kerana mengikut rekod yang saya peroleh, hari ini kerajaan telah pun meluluskan melalui PTPTN kepada 3.1 juta orang pelajar yang melibatkan sejumlah RM72 bilion, di mana RM57 bilion telah pun diluluskan, yang lain masih lagi di janji. Kalau kutipan balik rendah, prestasi tidak membanggakan, saya cukup yakin bahawa jumlah pinjaman ini akan terus meningkat, terus meningkat dan tentu ia akan mengganggu fiskal kewangan negara.

Oleh sebab itu kerajaan mesti beri perhatian kepada soal ini. Saya yakin ini berpunca daripada tindakan kerajaan, antaranya tidak lagi memberi banyak insentif termasuklah pengecualian bayar balik. Yang Berhormat Arau, Kerajaan Pakatan

Harapan menjanjikan untuk memberi pendidikan percuma. Sudahlah pendidikan percuma pun tidak ditunaikan, ini pengecualian bayaran balik ini sebenarnya sudah memenuhi konsep pendidikan percuma. Ini pun dibatalkan. Ini menunjukkan tidak seriusnya kerajaan hari ini untuk menunaikan janji dan melaksanakan apa yang mereka beri perakuan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut soal organisasi belia ini. Saya ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana berjaya untuk memujuk kerajaan, akhirnya meluluskan RM138 juta untuk pembangunan belia, tetapi sila rujuk kepada Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 di mana Majlis Belia Malaysia adalah wakil rasmi gerakan belia di Malaysia. Maknanya kerajaan baik dari segi peruntukan, baik dari segi dasar dan polisinya mesti merujuk kepada organisasi ini. Malangnya Yang Berhormat Menteri Belia menubuhkan Kelab Pemuda Belia bertaraf kelab dan difahamkan ini untuk tujuan politik dan menggunakan organisasi ini untuk memasukkan sejumlah wang bagi mereka laksanakan pelbagai aktiviti.

Tidak salah, tetapi gerakan belia yang mempunyai keanggotaan yang ramai, MBM mempunyai organisasi lebih daripada 40 buah pertubuhan mesti diberi pengiktirafan sesuai dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan. Jika tidak ia bermakna bahawa kerajaan hari ini khususnya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan tidak mengiktiraf kewujudan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Ini kerana dalam akta berkenaan jelas bahawa MBM dan organisasi belia adalah badan rasmi yang mewakili gerakan belia dalam negara ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Dan perlu diberikan pengiktirafan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah hendak tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, sikit- penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Betul, tetapi masa hanya tinggal 35 saat sahaja lagi. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak apa, penjelasan sikit tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Fasal dia sebut Yang Berhormat Arau tadi. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah pertubuhan apa ini...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Belia

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan ini, Pertubuhan Belia Muda ini...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: IPC? YPC, YPC.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...YPC ya, YPC ini dengar cerita dia bagi perhatian kepada pemuda-pemuda kepada satu pertubuhan politik, nombor satu.

■1920

Keduanya, dia bagi peruntukan RM7 juta geran, tetapi Majlis Belia Negeri dan juga daerah diabaikan. Banyak mendapat pandangan-pandangan daripada Majlis Belia tidak didengar oleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Oleh sebab itu, saya harap kerajaan mesti berlaku adil dan mengiktiraf organisasi rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan yang diluluskan dalam Dewan ini iaitu Majlis Belia Malaysia. Dia berbeza dengan YPC yang ditubuhkan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang saya percaya ia untuk membina kekuatan Yang Berhormat Menteri sendiri dan untuk kepentingan politiknya sahaja.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya kerajaan melaksanakan peruntukan untuk projek tebatan banjir di Lenggong yang telah pun diluluskan sebanyak RM22 juta tahun 2018. Sekarang musim banjir Tuan Yang di-Pertua, sebab itu perhatian kena diberikan dan kerajaan mesti fokus kepada perkara ini kerana musim tengkujuh, cuaca sudah berubah, maka mesti beri perhatian untuk menjaga kepentingan rakyat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, kenapa Menteri-menteri kalau dia daripada BERSATU, dia kira geng BERSATU sahaja? Dia lupa DAP dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak mengapa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...kalau daripada DAP, lupa parti lain...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Kalabakan pun dia kasi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...kenapa mereka melaksanakan agenda parti sahaja?...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kroni, kroni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, masa sudah tamat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...kroni, kroni. Jadi, YPC ini tidak beri perhatian kepada DAP. Kesian DAP. Sepatutnya DAP juga kena beri perhatian sebab mereka parti yang besar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, sudah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Julau. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Hulu Terengganu dan Yang Berhormat Pendang.

7.22 mlm.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menyertai perbahasan Belanjawan 2020 yang dibentangkan pada 11 Oktober 2019. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan belanjawan yang bermatlamat untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara, di samping memastikan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

Pertambahan pemberian khas untuk Sarawak dan hasrat untuk menggandakan lagi kadar pemberian khas dalam tempoh lima tahun adalah bukti kesungguhan kerajaan ini merapatkan jurang di antara wilayah dan memberikan layanan yang sepatutnya kepada Sarawak selaras dengan komitmen yang termaktub di dalam Buku Harapan.

Tentunya sebagai Ahli Parlimen yang mewakili kawasan yang terletak di pedalaman Sarawak, saya mengalu-alukan langkah kerajaan bagi merapatkan jurang antara bandar dan desa dengan memperluaskan liputan infrastruktur asas bagi kawasan pedalaman terutamanya di Sarawak. Saya menyokong penuh peruntukan RM470 juta untuk projek bekalan air luar bandar di Sabah dan Sarawak agar mendapat akses kepada bekalan air yang bersih. Saya juga mengalu-alukan peruntukan RM500 juta projek bekalan elektrik luar bandar di Sabah dan Sarawak serta projek pembinaan jalan luar bandar dengan peruntukan RM224 juta untuk negeri Sarawak.

Pada masa yang sama, saya ingin tahu status terkini projek-projek penaiktarafan infrastruktur asas yang merangkumi infrastruktur air, elektrik dan jalan raya; kemudahan kesihatan; dan pendidikan di Sarawak melalui peruntukan yang telah diumumkan untuk tahun ini, 2019. Kita harus memastikan peruntukan yang diluluskan untuk pelaksanaan projek-projek ini diuruskan dengan cekap dan pelaksanaan projek-projek berjalan

dengan lancar agar keberhasilan yang tinggi dapat tercapai. Paling penting sekali, memberi manfaat yang besar kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik masih lagi menjadi isu penting terutama sekali di kawasan pedalaman Sarawak. Penduduk di kawasan pedalaman bergantung kepada tenaga elektrik yang dibekalkan oleh generator. Bukan sahaja bekalan elektrik ke rumah-rumah, malahan masih terdapat banyak sekolah yang masih menggunakan generator elektrik. Bekalan elektrik daripada generator ini bukan sahaja melibatkan kos yang tinggi dan kebergantungan kepada bekalan bahan api diesel, malahan wujud juga risiko keselamatan.

Menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, negeri Sarawak pada tahun ini sehingga September 2019, 14 kes kebakaran rumah panjang telah dilaporkan. Sebanyak 14 kes kebakaran ini menyebabkan 1,300 penghuni hilang tempat tinggal dan mengalami kerugian yang dianggarkan melebihi RM10 juta. Daripada 14 kes yang dilaporkan, empat kes berpunca kerana litar pintas akibat terlebih muatan atau dengan izin, *overload*. Ini-lah yang saya maksudkan dengan risiko keselamatan bekalan elektrik daripada generator. *Overload* ini akan memanaskan wayar penebat sehingga 100 darjah Celsius yang menyebabkan berlakunya litar pintas yang menjadi punca kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, pada 3 Oktober 2019, telah berlakunya kebakaran di bangunan asrama SK Nanga Serau yang terletak di kawasan Parlimen saya. Saya bersyukur kerana tiada kecederaan atau kemalangan jiwa yang berlaku dan kesemua 41 orang pelajar dan tiga kakitangan pengurusan asrama terselamat. Saya difahamkan kebakaran ini juga berpunca daripada litar pintas yang diakibatkan oleh *overload* generator elektrik. Sekolah Kebangsaan Nanga Serau ini termasuk di dalam senarai 22 sekolah di kawasan Parlimen saya yang sedia disambungkan ke grid bekalan elektrik utama. Jarak 22 sekolah ini dengan grid bekalan utama kurang dari 10 meter.

Saya ingin bertanya, apakah sebabnya bekalan elektrik daripada grid bekalan utama masih belum dapat disambung kepada SK Nanga Serau dan 21 sekolah yang di dalam kawasan Parlimen Julau? Apakah masalah yang timbul untuk menyambungkan bekalan elektrik daripada grid bekalan utama kepada SK Nanga Serau dan 21 sekolah di kawasan Parlimen Julau walaupun berada berhampiran dengan grid utama?

Pada 2 Ogos 2018, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mengusahakan bekalan elektrik ke sekolah Sarawak secara berfasa dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM400 juta secara empat fasa termasuk memasang grid elektrik kepada sekolah-sekolah. Saya ingin tahu, projek penyambungan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah Sarawak ini sudah

masuk fasa yang ke berapa? Saya juga difahamkan bahawa kementerian telah menerima RM50 juta daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk pelaksanaan projek ini. Saya ingin bertanya, apakah status peruntukan RM50 juta ini? Berapakah yang telah dibelanjakan untuk projek ini? Berapakah peruntukan yang datang daripada Kementerian Pendidikan sendiri untuk projek penyambungan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah di Sarawak ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada 15 Julai 2019, di dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah memberikan komitmen bahawa sebelum hujung tahun ini, kita akan memastikan semua sekolah akan dapat disambungkan kepada elektrik. Saya ingin bertanya, bilakah penyambungan ke grid bekalan utama elektrik untuk semua sekolah di Sarawak dapat disempurnakan? Berapakah bilangan sekolah yang sudah berjaya disambungkan ke grid bekalan utama dan berapakah bilangan yang belum? Saya mohon kepada pihak yang berwajib untuk mempercepatkan pelaksanaan projek penyambungan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah Sarawak. Kebakaran yang berlaku di SK Nanga Serau yang berada kurang 10 meter dari grid bekalan utama elektrik itu boleh dielakkan. Begitu juga insiden kebakaran di beberapa rumah panjang.

■1930

Maka saya ingin, mencadangkan sebuah kajian tahap keselamatan kebakaran dilakukan terhadap sekolah-sekolah di kawasan pedalaman di seluruh negara yang masih menggunakan generator elektrik agar tragedi kebakaran yang menimpa bangunan asrama SK Nanga Serau tidak berulang kembali. Saya juga ingin mencadangkan kajian yang sama dilakukan terhadap rumah-rumah panjang di negeri Sarawak yang masih menggunakan generator elektrik.

Semasa membentangkan Belanjawan 2020, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan sejumlah RM8 bilion diperuntukkan untuk membantu institusi dan usahawan bumiputera. Ia bertambah lebih daripada lima peratus daripada peruntukan RM7.6 bilion pada tahun yang lalu dengan fokus dalam pendidikan terutama MARA, UiTM dan Yayasan Peneraju. Saya menyarankan bantuan pendidikan sedemikian diperluaskan kepada bumiputera selain daripada semenanjung untuk juga meliputi secara meluas di Sabah dan Sarawak.

Maklumat mengenai bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk pendidikan dan usahawan bumiputera harus dipastikan sampai kepada golongan sasar yang tinggal di desa dan kawasan pedalaman. Maklumat mengenai jenis bantuan kelayakan pemohon dan proses permohonan. Ini agar golongan sasar yang tinggal di

desa dan kawasan pedalaman tidak ketinggalan daripada penerima bantuan terutama sekali bumiputera yang tinggal di kawasan pedalaman Sarawak. Untuk kawasan Parlimen Julau, pusat khidmat saya bersedia untuk membantu promosi dan mengadakan sesi penerangan mengenai bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Julau, minta sedikit Yang Berhormat Julau. Boleh kah?

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Maaf. Saya tidak ada masa.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Fasal pendidikan Sarawak ini.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Maaf, tidak ada masa ya. Pengeluaran lada putih dan lada hitam merupakan industri yang perlu diberi perhatian kerana potensi yang amat tinggi. Tambahan pula, lada yang dihasilkan oleh negara kita terutamanya sekali di Sarawak, terkenal di seluruh dunia sebagai lada yang berkualiti tinggi. Pada tahun 2018, negara kita telah menghasilkan 31,073 tan metrik lada dan kira-kira 98 peratus daripada jumlah tersebut disumbangkan oleh Sarawak. Sebanyak 11,700 tan metrik berjaya dieksport pada tahun lepas yang bernilai RM201 juta. Pada tahun 2016, harga lada global mencatatkan nilai tertinggi iaitu pada RM50,000 satu tan untuk lada putih dan RM30,000 satu tan untuk lada hitam. Sekarang, harganya RM14,400 tan untuk lada putih dan RM7,600 satu tan untuk lada hitam.

Penurunan mendadak harga lada dan ketidakpastian harga komoditi pertanian global merupakan cabaran yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil lada. Maka, saya mengalu-alukan pertambahan 25 peratus peruntukan Lembaga Lada Malaysia iaitu sebanyak RM5 juta. Penambahan peruntukan ini akan membolehkan Lembaga Lada Malaysia meningkatkan pembelian lada secara terus daripada pekebun-pekebun kecil dan mempergiatkan usaha promosi dan pemasaran lada putih dan lada hitam keluaran negara.

Lembaga Lada Malaysia juga merancang untuk membeli jentera-jentera baru untuk memproses dan mengeluarkan produk lada yang bernilai tambah.

Bagi meningkatkan permintaan tempatan dan antarabangsa, Lembaga Lada Malaysia mengorak langkah untuk menjenamakan dan melancarkan semula produk lada tempatan. Usaha ini akan melibatkan perubahan dalam pembungkusan dan logo serta promosi dan aktiviti pemasaran yang agresif.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan beberapa usaha untuk membantu pekebun-pekebun kecil lada tempatan dan meningkatkan permintaan lada putih dan lada hitam keluaran negara.

Pertama, saya ingin mencadangkan bantuan dan insentif khusus kepada pekebun-pekebun lada hitam seperti mana yang dinikmati oleh nelayan, pekebun kecil getah dan pesawah sekiranya harga lada jatuh secara mendadak. Tambahan pula, purata pendapatan bersih bagi pekebun-pekebun kecil lada ini hanyalah RM780 sebulan.

Kedua, kempen besar-besaran bertaraf kebangsaan seperti Kempen Sayangi Sawitku juga harus dijalankan buat komoditi utama negara terutama sekali lada. Sekali gus, dapat meningkatkan permintaan tempatan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, menurut perangkaan rasmi kerajaan, kawasan lada yang ditanam di Malaysia pula adalah seluas 17,437 hektar dan melibatkan 30,311 petani, kebanyakannya pekebun-pekebun kecil. Namun, perangkaan daripada sistem e-Pekebun, Lembaga Lada Malaysia hanya menunjukkan keluasan tanaman lada hanya di sekitar 7,000 hektar. Maka, kemas kini perangkaan keluasan tanaman lada dan bilangan pekebun kecil harus dilaksanakan. Ini bagi memastikan tiada ketirisan berlaku dan bantuan yang diperuntukkan sampai tepat kepada golongan sasar.

Tuan Yang di-Pertua, industri lada berpotensi menjadi seperti industri sawit. Maka, kerajaan harus menggalakkan penyertaan pemain-pemain besar ke dalam industri ini. Pada masa yang sama, nasib pekebun-pekebun kecil juga harus dipastikan terbela. Tumpuan harus diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang sedia ada. Pada masa yang sama, menggalakkan penyertaan pekebun-pekebun baru. Kita harus memastikan pekebun-pekebun lada yang sedia ada, dapat perkembangan agar satu hari nanti, pekebun-pekebun ini dapat menjadi pemain besar industri lada dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, rumuskan. Masa sudah tamat.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan tadbir urus yang cekap, telus dan bertanggungjawab dan berintegriti serta usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak, matlamat belanjawan ini akan tercapai. Saya mohon menyokong, Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Julau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jasin.

7.38 mlm.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu, setiap kali pembentangan bajet, kita dapat lihat pelbagai reaksi daripada seluruh masyarakat. Ada yang meramalkan berita baik, dan tidak kurang juga mereka yang menunggu dengan penuh debaran. Sementara di pasaran saham, kita dapat lihat satu lonjakan dan reaksi positif sebelum dan selepas pembentangan bajet. Berlainan sekali dengan pembentangan kali ini, reaksi di bawah sebenarnya sungguh hambar sekali dan di pasaran saham terus suram, tidak bangun- bangun. Kalau sebelum PRU14, pasaran mencatatkan angka sebanyak 1,890 mata. Sekarang telah jatuh lebih daripada 300 mata. Hari ini, hanya 1,570 mata sahaja dan pasaran-pasaran saham kita dianggap sebagai dengan izin, *the worst achiever* dibandingkan dengan negara Asia yang lain.

Mungkin tidak keterlaluan kalau saya ingin menyebut sedikit bahawa sebenarnya pada ketika ini, rakyat telah hilang semangat dan telah hilang keyakinan kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Apatah lagi, kerajaan sekarang dilihat tidak bermaya dengan hutangnya yang semakin meningkat. Nisbah hutangnya juga naik daripada 48.7 peratus pada suku pertama tahun 2018 kepada 52.7 peratus dan tidak langsung mengadakan apa-apa usaha untuk meningkatkan pendapatan selain daripada menjual aset-aset strategik yang telah di kumpul oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, dalam keadaan apatah lagi dibuat dalam keadaan pasaran yang merudum. Sepatutnya, kita membeli pada ketika ini bukan menjual dan dalam masa yang sama, menjarah wang Petronas.

Saya sebut di sini angka. Kalau akhir tahun 2017, hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak RM686 bilion. Akhir tahun 2018, telah meningkat sebanyak RM741 bilion.

■1940

Kalau tengok pada komitmen kewangan pula, sudah menjangkau RM280 bilion dan jumlahnya RM1.021 trilion. Akhir bulan Jun tahun ini, hutang kita telah meningkat RM799 bilion, sudah hendak mencecah RM800 bilion, dan kita menjangkakan sehingga akhir tahun 2019 nanti, hutang akan menjangkau sebanyak RM850 bilion.

Sebagai contoh, kritikan yang didengar selama ini tentang hutang negara yang dilemparkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan juga KDNK, kita tidak nampak berlaku perubahan kepada struktur hutang dan juga pertumbuhan KDNK seperti yang sering dilaung-laungkan tentang Malaysia akan menuju bankrap sebelum ini oleh Kerajaan

Pakatan Harapan. Ini kerana semua sedia maklum bahawa aset negara dan ekonomi negara sebelum ini cukup kukuh sekali.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah mewarisi satu kerajaan yang cukup mantap sekali. Bukan sahaja semua agensi kita begitu kaya dengan aset-aset strategik yang cukup lumayan sekali, tetapi pada ketika ini, kerajaan akan jual satu demi satu, demi satu. Akhirnya, apa lagi yang kita hendak jual?

Jadi, kita tidak dapat lihat ada dasar-dasar yang dianggap sebagai *game changer*. Sebaliknya, diteruskan juga dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional seperti mengembalikan semula bantuan untuk nelayan dan juga bantuan musim tengkujuh.

Jadi, soalan saya, apakah langkah-langkah lain...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Yang bakal dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk meningkatkan lagi pendapatan supaya kita tidak akan menghadapi masalah pada hari muka yang cukup mencabar sekali pada ketika ini?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya. Sikit sahaja saya beri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Jasin. Memandangkan Yang Berhormat Jasin orang yang lama dan berpengalaman, saya mohon tunjuk ajar daripada Yang Berhormat Jasin. Apakah jangkaan Yang Berhormat Jasin pada tahun 2020 apabila kita menerima Laporan Tinjauan Ekonomi 2020 yang menyatakan bahawa hasil Kerajaan Persekutuan akan berkurangan sebanyak 7.1 peratus kepada RM244.5 bilion dan anggaran perbelanjaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan sebanyak RM299 bilion? Adakah hutang negara akan bertambah pada tahun 2020 sebab hasilnya berkurangan 7.1 peratus?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya akan masuk kepada situ. Saya telah katakan tadi, pada penghujung tahun ini, kita menjangka hutang kita akan mencecah sebanyak RM799 bilion.

Para analisis ekonomi meramalkan tahun 2020 adalah yang paling mencabar sekali. Akan tetapi, Kerajaan Pakatan Harapan begitu optimis dalam meletakkan unjuran pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.8 peratus. Sementara defisit kita mencatat 3.7 peratus pada tahun 2018 berbanding dengan defisit tahun 2017 hanya sebanyak

tiga peratus dan Kerajaan Pakatan Harapan meramalkan pada tahun 2020, defisit akan lebih baik iaitu 3.2 peratus.

Mereka juga membuat andaian harga minyak mentah sebanyak USD72 setong pada tahun 2019 dan sebanyak USD62 pada tahun 2020. Realitinya, harga minyak mentah dunia tidak kesampaian. Sepatutnya Kerajaan Pakatan Harapan jangan sekali-kali membuat kebergantungan kita kepada hasil minyak. Seharusnya kita mesti mencari jalan yang lebih konkrit untuk meningkatkan lagi pendapatan dan ekonomi negara.

Saya ingin menyebutkan sedikit tentang sejarah kita memperkenalkan GST. Sebenarnya setelah kerajaan membuat berbagai-bagai kajian, barulah pada tahun 2013 mengambil ketetapan untuk memperkenalkan GST yang berkuat kuasa pada April 2015. Siapa sangka waktu tersebut— kita mahu kalau boleh kita tidak bergantung kepada hasil minyak. Pada ketika tersebut, hasil minyak sebanyak sekurang-kurangnya USD100 satu tong. Tiba-tiba pada tahun 2014 penghujungnya, harga minyak jatuh melepek terus sampai USD30. Akan tetapi, nasib kita baik apabila kita memperkenalkan GST bermula pada April 2015.

Seterusnya, kita kalau boleh, ketepikan ego kita dan saya ingin mencadangkan supaya kita kembali kepada sistem percukaian GST yang lebih efisien yang telah terbukti dapat meningkatkan pendapatan kerajaan. Kita dapat lihat pada ketika ini seluruh dunia, 174 buah negara dan baru-baru ini pula Arab, India pun telah menukar rejim percukaian mereka kepada GST dan tidak satu pun kerajaan atau negara-negara yang saya sebutkan 174 buah negara kembali semula kepada sistem SST.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kalau boleh, saya mohon kalau boleh tidak ada pencelahan....

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jasin, Jelutong minta laluan, hendak minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Sebab masa saya terhad dan saya ingin terus kepada perbincangan saya.

Sebenarnya kalau kita mengamalkan, tak satu negara pun kembali semula kepada SST yang sebenarnya banyak ketirisan dan penyalahgunaan. Apabila kita bercakap tentang GST, saya ingin mencadangkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jasin, minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya sudah tidak ada masa lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sikit sahaja, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti berjiwa besar dan mengakui bahawa beliau telah melakukan satu kesilapan dengan menuduh bahawa kerajaan sebelumnya telah merompak sebanyak RM19.4 bilion wang pulangan GST.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jasin, Jelutong minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: PAC telah membuat siasatan dan mendapati tiada langsung kehilangan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Duduk, Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Bahkan bayaran semula GST didapati ada berlebihan sebanyak RM20 bilion apabila akaun tahun 2018 ditutup. Jadi, wang GST ada di situ.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jasin, memang sah UMNO yang rompak. Itu adalah fakta.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak. Saya tidak benarkan, saya tidak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Baru sekarang, Tuan Yang di-Pertua, baru sekarang saya sedar bahawa tuduhan ini adalah suatu benda yang disengajakan untuk mengaburi mata masyarakat tentang kekurangan pendapatan apabila GST kita dihentikan dan apabila kita memperkenalkan *tax holiday* selama tiga bulan pada bulan Jun, Julai dan Ogos 2018. Tiada pendapatan, maka beliau terpaksa mencari helah untuk mencaras wang PETRONAS. Maka dikatakan wang sebanyak RM19.4 bilion telah dirompak. Bahkan wang tersebut dia tunjuk begitu jelas sekali berlebihan sebanyak RM20 bilion apabila akaun kita ditutup pada tahun 2018.

Perbuatan ini telah menyebabkan banyak pelabur-pelabur takut untuk menanam modal dan pelabur sedia ada lari ke negara lain. Jangan lupa, rakyat di luar sana menaruh harapan yang tinggi kononnya kerajaan yang telah mereka pilih akan membuat yang lebih terbaik. Rupa-rupanya, kita telah menghampakan harapan mereka dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, pengangguran yang menaik kerana banyak pembuangan kerja akibat ekonomi kita yang tidak berkembang dan keadaan politik kita

yang terumbang ambing. Tidak kurang pula, juga ahli-ahli perniagaan merungut dan mencatatkan *business* mereka yang merosot serta rakyat takut untuk berbelanja.

Saya sebelum terlupa, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya adalah kawasan luar bandar. Pada tahun 2018, telah diluluskan dua projek tebatan banjir. Satunya di Pekan Jasin dan yang keduanya di Merlimau. Tidak dapat dilaksanakan. Kalau tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2018, kenapa tidak boleh dilaksanakan pada tahun ini? Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, kalau ianya telah diluluskan dalam Belanjawan 2018, kalau tidak dilaksanakan, di manakah wang tersebut?

Selepas itu, saya hendak pergi kepada apa yang saya amat teruja sekali dengan apa yang diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri MESTECC yang berusaha untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan pembekalan elektrik di Malaysia dengan jayanya. Saya ucap tahniah kepada beliau.

Program, dengan izin, *reemerging Malaysian Electricity Supply Industry (MESI 2.0)* telah dilancarkan untuk memapankan lagi industri bekalan elektrik negara untuk mendepani cabaran global seperti revolusi industri 4.0 yang kerap kita perkatakan sekarang ini. Saya ucapkan tahniah sekali lagi dan yakin dengan usaha dan hala tuju pembekalan elektrik negara yang dirangka negara kita mampu untuk bersaing dan mampu menangkis cabaran ancaman global yang mendatang.

Persoalannya, saya ingin bertanya kepada Menteri MESTECC mengenai projek penjanaan elektrik di Semenanjung, sama ada ianya mengambil kira faedah kepada rakyat atau sebaliknya? Baru-baru ini, terdapat laporan dan beberapa saluran media yang menyatakan bahawa kerajaan telah meluluskan dua projek penjanaan, satu di Selangor dan satu lagi di Kedah. Saya ingin penjelasan, dari segi manakah projek ini boleh memberikan faedah kepada rakyat?

■1950

Mungkin Suruhanjaya Tenaga dan juga MESTECC boleh memberikan sedikit penjelasan mengenai keperluan dan kosnya kepada rakyat. Saya difahamkan bahawa kapasiti pembekalan tenaga elektrik adalah berlebihan hingga ke tahap lebih 40 peratus dan keperluan penggunaan elektrik sekiranya projek di Selangor dan di Kedah dilaksanakan. Bukankah kelebihan kapasiti ini akan dibebankan kepada rakyat? Adakah tahap berlebihan tenaga sehingga melebihi 40 peratus adalah satu tahap yang diiktiraf dan dilaksanakan sebagai satu hal yang bijak atau apakah ianya hanya untuk membebankan rakyat jelata sahaja? Yang Berhormat Menteri, dalam laman FB Yang Berhormat Menteri baru-baru ini ada menyatakan bahawa salah satu daripada inisiatif MESI 2.0 ialah langkah keadaan pasaran terbuka, *wholesale*, dengan izin, kapasiti dan

juga penjana tenaga. Oleh itu, tidakkah bercanggah dengan anugerah terus kepada IPP, kepada TECMEC dan juga THB? Apakah kriteria dan kriteria yang membolehkan mereka mendapat anugerah terus daripada kerajaan?

Seterusnya, pada 18 Oktober yang lalu dalam akhbar perniagaan *The Edge* melaporkan bahawa saham Malaysian Airport Holdings Berhad jatuh sebanyak 76 peratus atau 66 sen kepada RM8.04. Kejatuhan yang paling besar sekali sejak November 2018. Akhbar berkenaan mendakwa bahawa kejatuhan saham ini adalah disebabkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam sesi taklimat tertutup bersama pelabur asing sehingga menjual saham ini dan telah hilang sebanyak RM1.09 bilion model pasaran MAHB. Saya ingin bertanya, apakah laporan akhbar ini benar? Mengapa seorang Menteri sanggup mengeluarkan kenyataan yang membabitkan dasar ini? Adakah beliau telah mendapat persetujuan daripada Kabinet? Natijahnya, saham sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) yang bernilai tinggi jatuh merudum. Jika ini benar, saya mohon berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya membuat pembetulan. Jika ia benar, saya mohon Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk memberikan penjelasan yang sebenarnya mengenai isu ini.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa cukup mencemburui...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila rumuskan ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Akhbar *The Star* pada hari ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, menyebut "*Dr. Mahathir warns a possible trade sanctions on Malaysia*". Ini satu perkara yang cukup membimbangkan. Selain daripada apa yang kita lihat bahawa India pada ketika ini tidak akan membeli sawit kita. Di mana kita hendak jual, Tuan Yang di-Pertua? Saya ramai pekebun kecil di kawasan saya. Sekarang lambakan, *surplus* kita banyak. Kalau India tidak mahu beli – India sebenarnya adalah pengguna yang paling terbesar dalam dunia, selepas itu baru EU, selepas itu baru China. Kalau mereka tidak membeli sawit kita, dekat mana kita hendak bawa sawit kita ini? Selepas itu, apa sebab Dr. Mahathir sebut ini, Yang Berhormat daripada Langkawi sebut akibat daripada dasar-dasar, dengan izin, *protectionism* yang dibangkitkan oleh US dan juga China akibat daripada peperangan perdagangan dan juga *trade war*. Soalan saya, apakah yang difikirkan oleh kerajaan untuk mencari jalan yang terbaik sekali untuk kita meningkatkan lagi *domestic demand* kerana ini sekurang-kurangnya akan membantu ekonomi kita. Ini kerana pada ketika ini kita tidak dapat lihat dasar-dasar yang cukup jelas daripada pihak kerajaan untuk mempertingkatkan

ekonomi selain daripada mengikut apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu.

Kalau ini tidak dibuat Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengalami masalah apatah lagi tahun hadapan adalah tahun yang cukup mencabar sekali, di mana sebenarnya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan, teruskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Teruskan ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik pada kelapa sawit tadi. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya janganlah hendaknya kita memberhentikan bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kelapa sawit dan getah. Getah tidak ada masalah kerana sebenarnya getah ada elemen *replanting grant* di situ yang akan dilaksanakan oleh RISDA. Akan tetapi kepada kelapa sawit, ia ada dua perkara, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali *independence small holders*. Keduanya, *organized small holders*. Kalau di FELDA, RISDA dan juga di FELCRA adalah *organized small holders*. FELDA dan FELCRA akan membuat tanam semula dan anggap itu sebagai hutang kepada pekebun kecil.

Akan tetapi kepada *independence smallholders* yang sebanyak 650,000 orang ini, kalau dia hendak tanam semula, dia tidak akan ada keupayaan. Jadi, seharusnya kerajaan mestilah memberi semula skim tanam semula secara percuma. Janganlah dianggap sebagai hutang. Sudahlah harga sekarang merudum. Lepas itu nak suruh kita berhutang pula. Di mana dia hendak bayar? Harga sudah teruk sekarang ini. Jadi, saya berharap sebagai pihak kerajaan akan memberi balik pertimbangan dengan memberikan bantuan tanam semula secara percuma kepada pekebun kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini mengakhiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Terengganu.

7.55 mlm.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. [Membaca sepotong doa]* Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kesempatan dan peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2020 pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dikasihi sekalian, saya

mulakan perbahasan ini dengan ayat al-Quran, Surah al-Mulk, ayat kedua, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], yang bermaksud, “Allah SWT menjadikan hidup dan mati adalah suatu ujian untuk melihat siapa yang cemerlang di kalangan kita”. Tuan Yang di-Pertua, dalam kekangan masa yang terhad ini saya berharap untuk kita sama-sama memberi sedikit input untuk membaiki apa yang mungkin lompong-lompong dalam perbahasan ini.

Cuma, saya berasa bangga kerana Belanjawan 2020 ini adalah *kickstart* kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang mana penyambung kepada Wawasan 2020 dan menjadi Dasar Ekonomi Baru sebagai sumber rujukan, di samping menambah baik segala apa yang akan berlaku dalam negara kita menjelang tahun 2020 akan datang. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa yang agak terhad, saya terus pergi kepada apa yang berlaku dalam kawasan saya, terutamanya di Hulu Terengganu, umumnya di negeri Terengganu iaitu berkaitan dengan pendidikan. Persoalan sekarang berkaitan pendidikan di Terengganu adalah jawatan pengarah, terapung kosong selama dua bulan. Kenapa masih belum diisi sehingga sekarang? Apakah calonnya terlalu ramai ataupun kerana ketiadaan calon untuk mengisi jawatan tersebut? Kedua, begitu juga dengan jawatan PPD di Besut juga telah—kekosongan ini berlaku sejak tiga bulan yang lalu dan juga belum diisi. Jadi, diharap pihak kementerian untuk mengambil inisiatif menyegerakan pelantikan ini kerana jawatan-jawatan ini penting dalam meneruskan agenda pembangunan pendidikan di negeri Terengganu dan di daerah Besut.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga terkejut dengan apa yang berlaku beberapa bulan yang lalu apabila guru-guru dan beberapa pelajar di saman sebanyak RM616,000 kerana masalah buli yang berlaku. Kejadian ini telah berlaku beberapa tahun yang lalu dan keputusan mahkamah tersebut telah menjatuhkan hukuman kepada yang dituduh. Cuma, rayuan ataupun permohonan daripada rakan-rakan guru, terutama di sekolah-sekolah berasrama dan berasrama penuh. Mereka memohon supaya pihak kementerian mewujudkan perjawatan warden tetap untuk mengatasi masalah disiplin, masalah buli dan masalah yang berkaitan dengan pelajar di asrama-asrama selepas waktu sekolah kerana ini penting untuk mengelakkan hal tersebut terus berulang. Apa yang diadukan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, terutamanya di sekolah-sekolah berasrama penuh, dikatakan bahawa *temperature* pengurus sekolah-sekolah berasrama penuh akan mula naik apabila loceng sekolah terakhir berbunyi. Berbeza dengan pengetua ataupun guru besar yang sekolahnya tidak ada asrama. Apabila loceng terakhir berbunyi, *temperature*-nya menurun. Akan tetapi bagi sekolah berasrama penuh ataupun yang ada asrama, bila loceng terakhir berbunyi, maka *temperature* tubuh ataupun suhu

badannya meningkat kerana banyak masalah yang mungkin akan berlaku, yang tidak dapat diramalkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sekarang PT3 dan juga UPSR telah berlalu. Waktu senggang dikatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran kurang berlaku. Saya suka mencadangkan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, agar waktu-waktu sebegini apa salahnya dengan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan NGO ataupun PIBG untuk menjemput dan memanggil *training providers* ataupun sebagainya yang ada kursus kemahiran untuk hadir ke sekolah melatih pelajar-pelajar yang sekarang ini menunggu keputusan UPSR, menunggu keputusan PT3 untuk diajar kemahiran-kemahiran.

■2000

Ini kerana dunia tanpa sempadan, dunia IR 4.0 ini kemahiran amat penting. Di mana sekarang kalau hendak mencari yang ijazah paling banyak. Hendak cari yang ada *second degree* pun ramai. Akan tetapi, yang ada kemahiran ini dipentingkan ataupun penting dalam dunia yang penuh dengan cabaran ini. Jadi, saya berharap kementerian dapat memandang ataupun mengkaji apa yang saya cadangkan ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga pada 1 Jun yang lalu, Kementerian Pendidikan telah mengadakan penstrukturan di jabatan dan juga di PPD. Di mana ramai di kalangan pegawai-pegawai ataupun jawatan-jawatan yang ada di JPN dan juga di PPD telah pun dipindahkan ataupun diturunkan ke sekolah. Cuma, harapan saya agar mereka ini tidak dianiayai. Maksud saya ialah mereka ini tidak dipindah jauh daripada tempat tinggal mereka kerana ini memberi kesan kepada kehidupan mereka dan ia akan menyusahkan kehidupan terutama yang telah berkeluarga. Jadi, saya harap agar – Hulu Terengganu berharap agar pihak kementerian melihat perkara ini dengan secara *detail*, dengan cara yang terbaik agar tidak ada pihak yang teraniaya dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga beranggapan – Hulu Terengganu juga beranggapan bahawa Kementerian Pendidikan ini adalah satu kementerian yang besar. Ini menyebabkan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak mampu untuk mengelolanya dengan cara yang terbaik. Jadi, suka saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini agar ia dipecahkan menjadi dua buah kementerian. Satu Kementerian Pendidikan dan satu Kementerian Pendidikan Tinggi. Ini kerana jumlah sekolah dan jumlah universiti yang semakin bertambah. Jadi, ini memudahkan kementerian untuk mengurus, mentadbir dan mengatur program-program

untuk pendidikan tinggi dan juga pendidikan rendah. Jadi, ini memudahkan pekerjaan ataupun mencapai KPI yang ditentukan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, berbalik hal pendidikan juga ialah berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Sabak Bernam tadi, iaitu berkaitan dengan pelajar Universiti Malaya dan sebagainya. Kita berharap Jabatan Pendidikan ataupun Kementerian Pendidikan mengambil tindakan yang sewajarnya agar mereka ini diberi tindakan.

Juga saya pun hairan, kenapa ada warga kita semasa sambutan Hari Kemerdekaan membuat sesuatu yang boleh menimbulkan kemarahan. Contohnya, mengecat hitamkan bendera Malaysia dan memasang bendera secara terbalik. Ini sekurang-kurangnya mendorong ataupun mewujudkan suasana yang tidak aman dalam negara kita, negara yang sentiasa cukup hebat, yang rezekinya melimpah-ruah. Di darat kita ada kelapa sawit dan getah. Di dalam bumi kita ada minyak, gas dan sebagainya. Allah SWT tambah lagi rezeki kepada kita Tuan Yang di-Pertua, di udara kita ada burung walet. Jadi, kita bersyukur dalam negara kita ini menjadi –kita berharap mereka yang cuba bermain dengan api rasis, api perkauman ini agar diberi tindakan yang sewajarnya untuk dijadikan pengajaran kepada orang lain agar bumi bertuah ini akan terus aman selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh juga tentang peruntukan yang diberikan kepada kawasan Parlimen Hulu Terengganu, *alhamdulillah*. Dengan peruntukan yang ada, kita mampu untuk membantu dan menolong rakyat. Cuma persoalannya ataupun permintaan dan rayuan saya kepada kerajaan, agar peruntukan ini ditambah khususnya kepada Hulu Terengganu. Ini kerana saya satu-satunya wakil rakyat kerajaan di negeri Terengganu. Jadi, peruntukan yang diberi itu saya rasa tidak mencukupi untuk saya menyebarkan ataupun menyalurkan ke seluruh negeri Terengganu.

Persoalan yang kedua mengenai peruntukan ini ialah peranan JPP di negeri Terengganu. Saya agak kecewa dengan apa yang berlaku di mana di Hulu Terengganu telah berlaku tiga buah rumah terbakar. Saya luluskan untuk pembinaan ketiga-tiganya tetapi malangnya tidak diendahkan ataupun tidak di-*entertain* dengan izin, oleh pegawai. Dengan alasan, tidak cukup kakitangan dan ini amat mengecewakan. Jadi, saya berharap agar pihak kementerian melihat perkara ini. Ini kerana tugas kita sebagai wakil rakyat ialah untuk membantu menyenangkan rakyat. Apa yang berlaku ini amat mengecewakan.

Begitu juga dengan sebuah rumah yang terkena pohon mempelam akibat ribut, mengambil masa hampir tiga bulan untuk dimulakan projek. Jadi, ini menimbulkan kekecewaan di kalangan rakyat kerana mereka menunggu peruntukan ataupun mereka menanti bantuan daripada kita untuk berada di rumah yang lebih baik. Bayangkan rumah yang terkena ribut, tiga bulan mereka berada dalam keadaan hujan dan panas, tidak dapat disiapkan dengan segera. Kita berharap agar pihak kementerian mengkaji SOP untuk memudahkan kerja. Jangan terlalu banyak birokrasi ataupun *red tape* sehingga menyebabkan perkara yang mudah, yang boleh dipercepatkan akan dilambatkan dan ini mengecewakan banyak orang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kita berharap supaya JPP lebih prihatin, menjadi fasilitator untuk memudahkan kerja kita. Ini kerana *business* kita ataupun *core business* kita ialah membantu dan memudahkan rakyat, memberi pertolongan kepada rakyat agar mereka sejahtera dan selesa di bawah kerajaan kita.

Selain daripada itu, berkaitan dengan rumah juga, Tuan Yang di-Pertua. Ramai di kalangan masyarakat di kawasan saya mengadu tentang masalah dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad. Ramai di kalangan mereka yang telah pun menandatangani dengan SPNB. Ada juga yang telah menyediakan tapak dan geran telah dipegang oleh SPNB. Persoalannya ialah mereka hendak tahu, apakah status perjanjian ataupun ikatan yang telah dibuat sehingga sekarang? Apakah masih *valid* ataupun telah dibatalkan perjanjian tersebut? Jadi, ini bukan seorang atau dua orang, ramai yang datang bertemu untuk bertanya hal tersebut kerana setakat ini ia kata tidak ada apa-apa jawapan ataupun apa-apa pemberitahuan daripada SPNB berkaitan dengan hal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Hulu Terengganu terkenal dengan Tasik Kenyir. Kita ada sebuah tasik buatan manusia yang terbesar, yang di dalamnya mengandungi 340 buah pulau buatan manusia yang mana ianya penting. Sekarang, menjadi satu sumber tarikan pelancongan untuk Hulu Terengganu. *Alhamdulillah*, Terengganu bukan sahaja ada pulau, kita juga mempunyai pulau-pulau di tasik. Kita mempunyai pulau-pulau di laut. Kita ada Pulau Redang, kita ada Pulau Perhentian, kita ada Pulau Tenggol dan kita mempunyai pantai yang cantik.

Jadi, saya berharap dengan peruntukan RM1.1 bilion yang diberikan oleh kerajaan untuk tahun hadapan sempena Tahun Melawat Malaysia agar Terengganu tidak terpinggir dalam arus ataupun dalam projek program *Visit Malaysia Year 2020*. Oleh itu, kita berharap agar program-program diadakan untuk menarik pelancong-

pelancong ke negeri Terengganu terutamanya ke Tasik Kenyir yang mempunyai pulau sebanyak 340 buah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Dikatakan pada tahun 2020, KKLW mendapat peruntukan sebanyak RM10.9 bilion meningkat daripada tahun lepas RM9.7 bilion. Antara apa yang dirancang ialah untuk memajukan kawasan luar bandar dengan memperkenalkan sistem yang cukup baik iaitu sistem penerangan ataupun memberi lampu jalan di kawasan luar bandar. Jadi, saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar lampu jalan ini kita tukar kepada lampu yang kurang ia punya *maintenance*.

Lampu yang boleh memberi kemudahan jangka panjang kepada kerajaan iaitu kerajaan tidak perlu lagi membayar bil iaitu lampu solar. Walaupun saya difahamkan bahawa tidak ada lagi setakat ini solar yang mempunyai jaminan agar ia –ataupun jaminan ketahanannya tetapi dengan teknologi yang ada pada hari ini, saya yakin dan percaya ianya mampu meringankan beban kerajaan. Ini kerana lampu solar ini ia tidak perlu bil dan ia tidak perlu kepada *maintenance* yang besar. Kita berharap supaya KKLW membuat satu kajian ataupun *research* untuk mengetahui keberkesanan lampu solar ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya juga banyak terdapat gelanggang-gelanggang futsal. Gelanggang futsal yang hari ini dilihat sebagai '*hidup segan mati tidak mahu*'. Jadi, saya berharap pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) agar menyediakan peruntukan untuk memperbaiki atau *maintenance* kepada gelanggang-gelanggang futsal ini kerana ia adalah tempat berkumpul, tempat riadah dan tempat bersukan anak muda di kampung-kampung. Ini kerana untuk hendak buat padang bola, memerlukan kos yang tinggi.

■2010

Dengan adanya futsal, ini sekurang-kurangnya anak-anak muda akan dapat melepaskan geram mereka, akan dapat beriadah di tempat ini untuk kesihatan kerana... [*Berucap dalam bahasa Arab*] iaitu "*Akal yang sihat berada pada badan yang sihat.*"

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada pertanian dan agrotani di mana apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini pelantikan-pelantikan AJP di PPK terutamanya ialah tidak melibatkan Ahli-ahli PPK. Jadi, kita berharap agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil inisiatif melihat dan meneliti pelantikan ini agar ahli-ahli PPK di kawasan yang berhampiran sahaja untuk dilantik sebagai Ahli PPK di bawah lantikan Yang Berhormat Menteri. Ini kerana apa yang berlaku, saya sebagai seorang Pengerusi PPK di kampung saya. Apa yang berlaku ialah PPK di kampung saya dilantik pada orang yang daripada jajahan yang lain, daripada

kampung lain. Ini menyusahkan dan ini akan memberi satu keadaan yang negatif, pandangan yang negatif kepada masyarakat. Kenapa dilantik? Apa keistimewaan yang ada pada dia?

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, akhir sekali saya sekali lagi merakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya suka menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2020 pada petang ini. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pendang.

8.11 mlm.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan – saya berakhir dengan tasbih kafarah lah ini. Habis saya habislah. *[Membaca sepotong ayat al-Quran], “Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi dan menjadikan gelap dan terang. Dalam pada itu, orang-orang kafir menyamakan sesuatu yang lain dengan Tuhan mereka.”* Ayat yang pertama dalam Surah Al-An'am yang menceritakan tentang keagungan Allah Taala yang menjadikan gelap dan terang.

Saya hendak mulakan ucapan belanjawan pada kali ini bermula dengan menyentuh tentang keadaan belanjawan yang saya rasa tidak memuaskan hati dan juga tidak ada hala tuju yang jelas untuk negara. Jadi, bila saya memikirkan keadaan ini, adakah belanjawan ini dibuat seorang Yang Berhormat Menteri sahaja iaitu Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga adakah kerajaan Pakatan Harapan ini telah melupakan Wawasan 2020 yang pernah dicipta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ke-7 sekarang ini.

Belanjawan ini menyatakan beberapa perkara perbezaan contohnya tiada persepakatan di antara Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan. Seperti berikut kita tengok bila mana Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan skim rumah murah diskaun harga untuk warga asing. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri daripada KPKT telah membuat kenyataan tidak setuju, minta dibincangkan semula.

Adakah mereka tidak ada *WhatsApp group* atau apa semua dalam membincangkan berkenaan dengan perbelanjaan negara, benda yang besar? Benda yang ini menjadi satu *contradict* di antara satu Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Menteri yang lain. Ini kita minta perhatian supaya pihak Kabinet atau pihak

Jabatan Perdana Menteri mengambil tindakan supaya dapat penyelarasan supaya tidak berlaku hilang kepercayaan daripada rakyat bila perkara ini berlaku. Sudahlah memang benda-benda yang dijanjikan tidak dapat ditunaikan, dalam perkara bajet juga berlaku kecelaruan dalam persefahaman di antara Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Menteri ini.

Seterusnya, saya hendak tengok cacamerba dan bergaduh sesama sendiri di khalayak awam, peningkan rakyat yang tengah susah, harga barang tidak turun-turun. Hanya hujan yang turun sekarang ini. Inilah perkara-perkara yang hilang kepercayaan yang dimainkan oleh rakyat. Kerajaan Pakatan 'punah harapan' ini – PH. Bukan kita tidak beri keyakinan, rakyat sudah beri keyakinan apabila 9 Mei 2018 rakyat buat perubahan dengan satu reformasi yang besar. Tiba-tiba tidak ada. *Hopeless*, punah harapan rakyat iaitu betullah dengan Kerajaan Pakatan Harapan ini.

Yang Berhormat Jelutong jangan kisah sebab bila kamu kritik kami boleh terima. Sekarang kami kritik kerajaan jadi kamu pun kena terimalah. Inilah demokrasi, bukan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi, kalau kamu tak boleh terima, saya minta kerajaan DAP selepas ini jangan pilih lagi kamu sebagai calon Parlimen sebab tidak layak. Duduklah. *[Disampuk] [Ketawa]* Okey baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ada soalan akan tetapi saya akan tunggu Yang Berhormat habis dahulu saya akan sampaikan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, saya dengan Yang Berhormat Jelutong *no problem*, saya bagi kalau saya ada masa *insya-Allah*. Yang ini, jadi kita tengok dalam — mungkin akan berlaku *reshuffle* Kabinet selepas ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul kah... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pembangkang dia sentiasa ada jangkaan, itu hak pembangkang. Jangkaan jangan pertikai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tertanya sama ada Yang Berhormat Pendang ada niat untuk masuk sebelah sini jadi Yang Berhormat Menteri kah?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *[Ketawa]* Yang itu Allah Taala punya kuasa. Saya tidak tahu benda masa depan kan. Kita hanya boleh merancang dan menentukan. Yang hendak menentukan ini Allah Taala. Itu kami yakin macam itu.

Jadi, sebab itu kami tak kisah jadi Menteri atau tidak jadi Menteri kah, jadi pembangkang. Saya tidak pernah jangka saya hendak jadi Ahli Parlimen ini. Ini tiba-tiba jadi, Allah Taala yang menentukan. Jadi ini fahaman kami, pegangan kami. Jadi kita tengok dalam keadaan macam ini, kita tengok satu lagi contoh. Minta maaf saya akan menyentuh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng telah berkata "*Tidak ada lagi tangkapan kes LTTE yang melibatkan seorang pemimpin DAP*". Jadi saya ingat bila kita mengambil kerja polis? Patutnya tidak mengapalah, biar lah polis buat kerja dia. Kalau tak salah, tak salah lah. Kalau salah, dakwalah. Begitu juga dengan sesiapa sahaja yang terlibat, kalau dia betul bersalah dakwa dan kalau tidak salah lepas. Jangan takut, kita tidak terlibat. Sebab polis bila dia buat penangkapan, ini kita sebut dalam bajet ini supaya bajet ditambah untuk pasukan polis buat semakan balik dari segi SOP mereka.

Apabila polis buat penangkapan, dia bukan dengan hari ini dia dapat berita macam Yang Berhormat Jelutong dapat terus tembak sahaja kan? Tak macam itu. Sudah bertahun, berbulan polis membuat penyiasatan sehinggalah mereka yakin bahawa mereka ini ada bukti-bukti. Oleh sebab itu kita tak guna ISA. SOSMA boleh dibawa ke mahkamah. Ya, silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi, Yang Berhormat...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Mintalah dekat Tuan Yang di-Pertua dahulu, jangan minta dekat saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tuan Yang di-Pertua beri, sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Akan tetapi jangan syarah. Tanya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi Yang Berhormat Pendang setuju dengan tindakan SPRM yang diambil terhadap salah seorang Pemimpin PAS yang akan dituduh esok kerana menerima RM 90 juta? Setuju?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Duduklah tak apa. Okey, cukup? Habis dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu soalan pertama sahaja. Ada soalan-soalan lain yang saya akan susun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila duduk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, soalan. Dia bekas pemimpin PAS bukan setakat bekas pemimpin PAS, kalau pemimpin PAS sekarang pun terlibat,

silakan. Kita hendak memperjuangkan keadilan menentang kezaliman. Kenapa kita tidak setuju? Apa soalan macam itu seorang peguam, ceh! *[Dewan ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Soalan susulan saya, adakah Yang Berhormat sendiri ada menerima apa-apa bayaran daripada wang tersebut?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Lain-lain pemimpin PAS yang ada menerima?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kerana setakat ini PAS mengatakan tidak pernah menerima.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jangan persoalkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Soalan saya adakah menerima?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya jawab sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sudah jawab.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak ada. Apa punya *lawyer* ini?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan..

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia dalam kaedah mahkamah mudah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan perbahasan Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Teruskan. *[Ketawa]* Okey, saya hendak... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi, ini menunjukkan buktilah jelas bahawa PAS ada terima wang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tengok Tuan Yang di-Pertua, dia sedar dia tiada kelas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: PAS ada menerima wang daripada UMNO untuk sama-sama merosakkan negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, cukup Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia begini Yang Berhormat Jelutong. Minta dekat Tuan Yang di-Pertua dan PAS tidak ada hubungan apa-apa dengan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, oleh sebab itu PAS dan UMNO bekerjasama sebab PAS terima rasuah daripada UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Jelutong, duduk Yang Berhormat Jelutong. Sudah...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Itu tidak apa, benda tidak dibawa ke mahkamah benda dan tidak dibuktikan bersalah, tidak bersalah. Jadi...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terutama Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi, kamu hendak tuduh, tuduhlah. Itu biasalah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: DAP terima rasuah daripada terowong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Besok pergi mahkamah Shah Alam.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: DAP terima rasuah daripada terowong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Besok pergi Mahkamah Shah Alam.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: DAP terima rasuah daripada terowong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kami tidak ada hubungan apa-apa lagi dengan disebabkan bekas. Apabila bekas ini macam kita katakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi terserlah UMNO dan PAS parti rasuah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tengok?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Pendang, sedikit Yang Berhormat Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hadkan perbahasan kepada bajet... *[Dewan Riu]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Fasal dia pernah kena halau daripada Dewan. Kelakuan yang macam ini, tidak hendak berubah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Pendang, minta sedikit penjelasan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Masa dia menjadi Adun Seri Delima dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya kenal dia ini. Dia ini memang perangai macam itu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Pendang, saya minta penjelasan sedikit.

Seorang Ahli: Jangan tidak layan lah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong menyatakan ada bekas pimpinan PAS terlibat akan didakwa. Bagaimana pimpinan – bukan bekas pimpinan DAP, pimpinan yang masih lagi ada jawatan, ADUN DAP yang akan di *charge* kerana menyokong LTTE dan kes rogol di Perak. Bagaimana pandangan?

■2020

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Belum dituduh lagi. LTTE belum dituduh.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Nanti lah. Ini saya yang jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pemimpin PAS pun ada dituduh. Penyokong PAS pun dituduh.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tutup *speaker* dia itu. Dia tanya saya, dia jawab *pasai* apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Jangan Yang Berhormat Jelutong merogol sudah lah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya ingat dia ini tidak reti lah. Dia langsung tidak reti kaedah dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dalam mahkamah macam mana. Lain kali saya hendak minta DAP jangan pilih dia jadi calon lah kalau macam ini. Dia yang menyeksa orang tumbang dua tiga orang dalam Parlimen ini kerana dia lah. *Provoke*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Pendang, saya minta teruskan buat perbahasan bajet.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: [*Ketawa*]. Okey baiklah, saya hendak menyentuh berkenaan dengan bajet kali ini yang mana saya amat rasa kecewa kerana tidak khusus senaraikan peruntukan khas untuk penoreh getah, nelayan, petani dan juga pengusaha kelapa sawit. Ini lah golongan besar yang memberi pulangan kepada *economic cycle* kepada negara. Ada hendak tanya lagi? Yang Berhormat Jelutong hendak tanya lagi? Meh lah saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang teruskan bahas. Jangan buat provokasi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: [*Ketawa*]. Okey. Kita sekarang ini beras merupakan makanan ruji iaitu kita merupakan pengimport beras yang utama. Pengeluaran beras perdagangan beras menunjukkan 80 peratus daripada jumlah import beras Malaysia iaitu anggaran di antara 700 hingga 900 ribu tan di dominasi beras putih. Sementara 20 peratus lagi membabitkan beras *speciality* sama ada beras wangi, basmathi, pulut dan sebagainya. Malaysia mengimport kira-kira 1 juta tan beras setahun bernilai kira-kira RM1.4 bilion.

Ini kerajaan, mana Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani? Dengar ini saya hendak bagi cadangan. Lari dah? Tadi ada, solat sekali. Jadi imam pula itu. [*Dewan ketawa*]. Jika tidak dibendung, trend import beras menunjukkan peningkatan tiga hingga lima peratus – la, tinggal empat minit – lima peratus setahun dan jika tidak dibendung lagi boleh menjejaskan kedaulatan makanan negara. Memandangkan pengeluaran beras negara kita lebih rendah berbanding dengan permintaan pasaran, Malaysia dianggap negara pengimport bersih.

Saya hendak sentuh bab Petronas sekejap. Lepas itu, empat strategi mentransformasikan industri padi dan beras negara dieksport ke luar negara. Meningkatkan daya saing industri padi dan beras, memposisikan beras Malaysia sebagai produk premium, menyediakan perkhidmatan sokongan bagi meningkatkan kapasiti untuk dieksport, menjenamakan beras Malaysia di pasaran antarabangsa. Saya hendak minta kerajaan tingkatkan pengeluaran padi dengan kita berfikir bagaimana buat R&D kerana beras ini adalah makanan utama rakyat. Buat apa kita mengimport melibatkan pengaliran wang negara ke luar. Sekarang ini, import mengatasi eksport.

Tentulah ini satu ekonomi yang tidak sihat kepada negara walaupun disebut indeks kita naik sekarang ini 27. Akan tetapi tidak dapat dibandingkan dengan tahun lepas 25 kedudukan. Ini perkara-perkara yang kita harus lihat bagaimana kerajaan

hendak mempertingkatkan kemapanan ekonomi dan juga fiskal negara. Kita tengok bila import mengatasi eksport, ini lah satu petunjuk yang tidak baik. Malaysia perlu mengusahakan melalui MATRADE untuk kita mengeksport barang-barang keluar ataupun kita imbangkan, kurangkan import supaya berlaku sedikit pengaliran wang yang ke luar negara dalam *foreign exchange* ini. Ini perkara-perkara yang harus kita lihat.

Dalam Belanjawan 2020 tidak menyentuh pembangunan di negeri Kedah seperti mana yang telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Kerajaan Pusat perlu meluluskan projek dan program berimpak tinggi di Kedah bernilai RM3.6 bilion termasuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim. Dalam bajet mesti ada senarai projek mega macam ini kerana dia boleh berlaku satu *spillover* dalam *economic cycle* yang akan berlaku kepada semua pengusaha-pengusaha yang ada dalam negara kita, akhirnya berlaku perkembangan ekonomi. Kalau tidak ada projek mega macam mana akan berlaku rangsangan ekonomi dalam negara termasuklah peniaga-peniaga kecil dan juga pengusaha-pengusaha simen, besi dan sebagainya. Bila ada pembinaan mega macam ini.

Jadi, kerajaan ini harus membantu mempercepatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang berlaku di *triangle*, Kulim, *Penang* ataupun Seberang Jaya dan juga Parit Buntar. Di antara tiga negeri ini cukup kalau kerajaan menumpukan bagi pembangunan lapangan terbang *triangle* ini yang melibatkan ketiga-tiga negeri. Jadi, kerajaan akan mendapat keuntungan yang lebih hasil daripada pembinaan ini dan juga pembangunan industri kepada tiga negeri yang berada dalam satu lingkungan pembangunan KXP ini. Ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar. Akan tetapi, dalam senarai pembangunan negara, tidak ada projek, tidak ada butiran, tidak ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari itu. Jadi, ini satu perkara yang amat kita tengok, kita kesalkan perkara-perkara seperti ini.

Seterusnya, saya hendak menyentuh berkenaan hutang negara yang dikatakan, benar kah sehingga Julai 2019, sebanyak RM20 bilion aset negara telah dijual secara purata? Setiap hari sebanyak RM51 juta aset negara telah dijual. Benar atau tidak? Bersamaan dengan RM2.1 juta aset negara yang terjual setiap jam di bawah Pakatan Harapan ini. Kesemua aset ini – saya sebut ini, benar kah? Yang Berhormat Menteri Kewangan kena jawab. Sebahagian pegangan dalam IHH Berhad bernilai RM8.42 bilion telah dijual, Sapura Upstream RM3.7 bilion, 'Sipadan Seagot' RM1.2 bilion, *Telco M1* RM1.6 bilion. Saham TNB RM1.05 bilion, Boustead Plantations RM1.2 bilion telah dijual. Benar atau tidak? Sila jawab. BDO Unibank, Axiata, CIMB, saya ada semua angka-

angka ini, Hotel Royal Chulan, begitu juga pada April 2019, Khazanah di bawah Pakatan Harapan telah menjual saham TNB sebanyak RM1.05 bilion. Jadi, ini teruskan.

Jadi, saya hendak sebut berkenaan dengan—saya ada banyak tajuk tetapi saya hendak teruskan termasuk GAMUDA, saya buat kerja rumah sedikit. Akan tetapi saya hendak sentuh berkenaan dengan petroleum. Hasil berkaitan petroleum dijangka akan menjangkau RM50.5 bilion iaitu 20.7 peratus pada tahun 2020 dengan mengambil kira purata harga minyak USD62 setong.

Namun begitu, data terbaru daripada *Energy Information Administration (EIA)*, menunjukkan unjuran harga minyak mentah global berada di bawah USD60 setong. Kejatuhan ini turut disokong dengan ketidaktentuan geopolitik di negara teluk yang kini berada diambang peperangan. Hal ini bermakna, pendapatan hasil berkaitan akan terus terjejas dan akan melibatkan pendapatan negara melalui Petronas. Tadi kita sebut ada *illegal transaction* berlaku di perairan antarabangsa. Minyak mentah dijual di luar secara *back economy*. Itu salah satu. Ya, silakan sahabat saya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Satu minit sahaja. Dia mengenai saham-saham yang dijual oleh Khazanah. Khazanah ini dia punya *ordinary business* adalah untuk melabur dan apabila boleh mendapat keuntungan, dijual diambil keuntungan agar duit itu boleh dilaburkan semula contohnya di Kulim tadi. Kalau betul yang itu projek potensi maka...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey saya faham lah. Okey. Kerajaan menjawab mencairkan aset-aset negara untuk membayar hutang. Satu. Sekarang hutang negara tidak berkurangan malah bertambah. Di mana duit ini? Adakah Bajet 2019 sebanyak RM314 bilion yang diumumkan, berapa belanja sebenar pada 30 September 2019? *Actual cost expenditure*. You faham bila disebut itu. Berapa? Di mana? Kalau tidak sampai RM314 bilion kenapa buat bajet yang besar? Adakah ini satu strategi untuk kerajaan mendapatkan hutang, meminjamkan lagi seperti mana Bon Samurai? Sedangkan kita dah cairkan aset-aset ini dah. Faham tidak Yang Berhormat Segamat? Kalau tidak, jangan—sebab kenapa kami pinjam kalau dah kita cairkan aset-aset ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, masa dah tamat dan perlu rumuskan sampai jam 8.30 malam.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Duduk. Duduk. Duduk.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Pendang tanya lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pendang, saya ada soalan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Duduk! Aku tidak bagi lah. Dua-dua aku tidak bagi. Aku hendak gulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ada soalan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dah. Dah tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua dah kata tidak boleh, cukup masa, *hang* hendak tanya soalan lagi. Pekak lah *hang*. *Sorry*, tarik balik. *Sorry. Sorry*. Tarik balik. [*Ketawa*].

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa ini orang PAS alim cakap macam ini ke? Tidak ada standard lah. *Aiyo*.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya seorang sahaja. Saya seorang sahaja. Orang lain tidak ada. Saya seorang sahaja. [*Dewan ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang. Cepatkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey. Baik. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Orang PAS tidak ada standard lah. Lagi teruk dari UMNO.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, tidak apa. Saya terima apa you kritik I. Akan tetapi you tidak boleh terima bila I kritik you.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Paling teruk DAP.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey baik. Setakat ini saya hendak rumuskan berkenaan dengan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi PAS dengan UMNO dua-dua rasuah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tengok kacau lagi. Macam mana hendak [*Tidak jelas*].

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Akan tetapi Warisan okey kan?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey. Saya hendak rumuskan berdasarkan kenyataan Kementerian Kewangan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Nanti kita buka kes terowong.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: LTTE.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapa tidak ikut nasihat Tok Guru Nik Aziz. Itu soalan saya?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...tetapi kerajaan perlulah berhati-hati [*Tidak jelas*].

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: LTTE. LTTE.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapa berkawan dengan UMNO?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak gulung ini. Saya hendak gulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab UMNO bagi rasuah RM90 juta.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: LTTE.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Malu lah PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Pendang, kita ada masa sampai had 8.30 malam sahaja. *[Dewan riuh]*. Yang Berhormat Pendang sila rumuskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Itu Yang Berhormat Jelutong kacau. Dia ini tidak layak jadi Ahli Parlimen lepas ini. Patutlah kena halau di DUN Pulau Pinang dahulu. Teruk. Dia kalau RM19 juta itu ada *[Sistem pembesar suara dimatikan]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, saya dah bagi arahan untuk terus tutup.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Akan tetapi kerajaan berhati-hati sebagai rekod—saya gulung eh. Lebuhraya MEX, Plaza Tol Putrajaya dan juga Plaza Tol Salak Selatan yang dibuka pada tahun 2007 mengumumkan kenaikan tol pada 2015 antara 20sen hingga RM3. Kadar tol Putrajaya naik daripada RM2.50 ke RM3.50 kenaikan RM1. Malah berdasarkan kenyataan Menteri Kewangan pada Disember 2018, MEX sepatutnya akan menaikkan lagi kadar di plaza tol Putrajaya berdasarkan perjanjian konsesi RM4.90. Jadi, kita tengok bajet ini tidak ada pengkhususan untuk golongan luar bandar yang terlibat dengan pertanian dan sebagainya dan dalam bandar hanya untuk hendak ambil hati. Cuba untuk mengurangkan tol tetapi tidak kurang pun, sepatutnya hapus. Sepatutnya kerajaan kena hapuskan Tol Utara - Selatan dan juga dalam bandar yang mana boleh dinikmati semua golongan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih saya ucapkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan 8.31 malam...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...sebagaimana usul. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok, Selasa 22 Oktober 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.31 malam]